Bil. 77

Selasa
16 Disember 2008

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA

K A N D U N G A N

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008 (Halaman 1)

Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2008 (Halaman 108)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 40)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2008

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia, P.G.D.K., P.S.M., J.S.M., J.P.

2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB

3. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1(Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO

2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO

3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO

4. " Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Syed Hamid Albar, S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO

5. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, S.P.M.P., S.P.M.J., P.S.M., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO

6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO

7. " Menteri Pelajaran, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO

8. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO

9. " Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (Tasek Gelugor) – UMNO

10. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP

11. " Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO

12. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO

13. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) – UMNO

14. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS

15. " Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO

16. " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Sri Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

17. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) –PBB

18. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA

19. " Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA

20. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO

21. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO

22. " Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO

23. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO

24. " Menteri Kesihatan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA

25. " Menteri Penerangan, Dato' Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO

26. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC

27. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) –UMNO

28. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib – *Senator*

29. " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA

30. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Amirsham A. Aziz – *Senator*

31. " Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS

2. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP

3. " Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO

4. " Timbalan Menteri Kewangan I, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO

5. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, P.G.B.K., J.B.S. (Sibu) – SUPP

6. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS

7. " Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) – MCA

8. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS

9. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO

10. " Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Wira Abu Seman Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO

11. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*

12. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP

13. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB

14. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Noriah Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO

15. " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) – MCA

16. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP

17. " Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA

18. " Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA

19. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP

20. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) – PBB

21. " Timbalan Menteri Pelajaran II, [KOSONG] (Kuala Terengganu) – UMNO

22. " Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN

23. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO

24. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan S.K. Devamany, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC

25. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC

26. " Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh – *Senator*

27. " Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*

28. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO

29. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA

30. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA

31. " Timbalan Menteri Pelancongan, Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB

32. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO

33. " Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Saifuddin bin Abdullah, D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO

34. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO

35. " Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO

36. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO

37. " Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Maznah Mazlan – *Senator*

38. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan T. Murugiah – *Senator*

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) – PRS

2. " Tuan Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO

3. " Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO

4. " Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh (Kalabakan) – UMNO

5. " Prof. Dato' Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO

6. " Dato' Abdul Manan bin Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO

7. " Datuk Abdul Wahab bin Dolah (Igan) – PBB

8. " Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO

9. " Datuk Wira Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO

10. " Tuan Ahmad Maslan (Pontian) – UMNO

11. " Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB

12. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB

13. " Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) – UMNO

14. " Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO

15. " Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO

16. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS

17. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO

18. " Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA

19. " Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – Setiausaha Parlimen

20. " Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah, P.G.D.K. (Batu Sapi) – PBS

21. " Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA

22. Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
23. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
24. " Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
25. " Tuan Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
26. " Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
27. " Dato' Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
28. " Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
29. " Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
30. " Dato Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
31. " Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
32. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
33. " Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau) – UMNO
34. " Dato Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
35. " Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
36. " Dato' Haji Lilah Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
37. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
38. " Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
39. " Tuan Matulidi bin Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
40. " Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
41. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
42. " Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
43. " Dato' Haji Mohd. Jidin bin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
44. " Dato' Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
45. " Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
46. " Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
47. " Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
48. " Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
49. " Dato' Sri Muhd. Leo M. Toyad, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
50. " Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir (Jerlun) – UMNO
51. " Puan Hajah Nancy binti Shukri (Batang Sadong) – PBB
52. " Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman (Tanjong Manis) – PBB
53. " Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed (Pulai) – UMNO

54. Yang Berhormat Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. " Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
56. " Tuan Raime Unggi (Tenom) – UMNO
57. " Dato' Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
58. " Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
59. " Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO
60. " Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
61. " Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. " Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sipitang) – UMNO
63. " Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
64. " Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
65. " Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
66. " Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
67. " Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
68. " Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
69. " Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
70. " Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
71. " Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
72. " Datuk Wilfred Mojilip Bumburing,S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
73. " Tuan William Nyallau, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
74. " Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. " Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. " Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. " Tuan Haji Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. " Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. " Datuk Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. " Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. " Tuan Chua Tian Chang (Batu)
9. " Puan Hajah Fuziah Salleh (Kuantan)

10. Yang Berhormat Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)
11. " Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. " Tuan Johari bin Abdul (Sungai Petani)
13. " Dato' Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. " Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. " Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)
16. " Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
17. " Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
18. " Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai)
19. " Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
20. " Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
21. " Dato' Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
22. " Tuan R. Sivarasa (Subang)
23. " Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang)
24. " Tuan S. Manikavasagam (Kapar)
25. " Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
26. " Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
27. " Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
28. " Dato' Zahrain bin Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
29. " Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad, D.P.M.S. (Hulu Selangor)
30. " Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
31. " Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Santiago (Klang)
2. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. " Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. " Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. " Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. " Tuan John Fernandez (Seremban)
11. " Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
12. " Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
13. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)

14. Yang Berhormat Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
15. " Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
16. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)
17. " Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
18. " Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
19. " Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
20. " Tuan Ooi Chuan Aun (Jelutong)
21. " Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. " Tuan Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. " Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. " Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang)
2. " Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. " Tuan Haji Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. " Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
5. " Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. " Dato' Kamarudin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. " Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
8. " Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali (Titiwangsa)
9. " Tuan Haji Mahfuz bin Omar (Pokok Sena)
10. " Tuan Mohd. Firdaus Jaafar (Jerai)
11. " Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai)
12. " Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
13. " Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
14. " Tuan Muhammad bin Haji Husain (Pasir Puteh)
15. " Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
16. " Tuan Nasharudin Mat Isa (Bachok)
17. " Tuan Haji Roslan Shaharum (Bukit Gantang)
18. " Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)
19. " Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. " Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. " Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. " Dato' Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Dato' Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
2. " Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
3. " Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat
Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Ikmalrudin bin Ishak

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Hajah Supiah binti Dewak
Sarimah binti Haji Amran
Hadzirah binti Ibrahim
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Ganesan a/l Nanthan

Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri
Nur Hidayah binti Janudin
Siti Azalia binti Ahmad Tarmazi
Sukmawati binti Abdul Rahman
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 16 Disember 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN SAKSI 2008

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mewujudkan satu program bagi perlindungan saksi dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2008

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". ***[15 Disember 2008]***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

10.05 pg.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil peluang ini untuk sama-sama turut berucap dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, Allah SWT menerangkan dengan tegas di dalam Al-Quran Nul Karim, yang berbunyi: *[Membacakan surah Al-Baqarah].* Begitu juga hadis Rasulullah SAW dengan tegas: *[Membacakan hadis]* Ayat yang saya baca tadi bermaksud diseru kepada orang-orang mukmin. Maknanya, sekiranya melakukan rasuah iaitu memberi atau menerima rasuah bagi orang Islam, pada waktu itu dia bukan ada iman lagi. Ia bukan membatalkan iman tetapi dosanya sangat besar.

[Membacakan ayat Al-Quran] Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, jangan kamu makan atau mengambil harta di antara kamu dengan cara yang batil - yang tidak sah, yang tidak dibenarkan, dan kamu campak, kamu berikan kepada hakim-hakim atau penguasa-penguasa yang berkaitan dengan jabatan-jabatan supaya dapat mereka mengambil sebahagian daripada harta manusia dengan cara yang batil, dengan cara yang berdosa sedangkan kamu mengetahuinya". Begitu juga dalam satu hadis, *[Membacakan hadis].* Maksudnya: "Allah melaknat orang-orang yang menerima rasuah dan memberi rasuah."

Tuan Yang di-Pertua, taraf korupsi ataupun mengambil rasuah ini dalam Islam dosanya sangat besar, sama tarafnya dengan memakan riba dan sebagainya serta tidak diampuni oleh Allah SWT dosa orang yang mengambil ini. Dosa besar yang boleh diampunkan oleh Allah ialah dosa-dosa besar yang tidak ada kaitan manusia pembuat itu dengan Allah sahaja seperti meninggalkan sembahyang atau meminum arak. Ini boleh di ampun sekiranya mereka taubat dan mereka pergi haji yang dapat haji mabrur. Namun kalau dosa itu yang ada kaitan dengan manusia seperti melakukan jenayah, rasuah, riba dan sebagainya, ia tidak boleh di ampun oleh Allah SWT walaupun dengan taubat nasuha dan juga pergi haji dengan haji mabrur 100 kali, bagi pihak Allah itu boleh di ampun tetapi ia ada kaitan dengan manusia. Selama manusia yang terkena jadi mangsa itu tidak mengampunkan atau memaafkannya dia tidak akan dimaafkan. Segala pahalanya akan dibayar nanti kepada orang yang menjadi mangsa itu di hari akhirat nanti. Keturunannya juga adalah keturunan yang dilaknati oleh Allah SWT.

Oleh sebab itu Tuhan memberi amaran keras supaya orang yang beriman jangan mendekati, jangan mengambil dan jangan mengamalkan rasuah ini sama ada menjadi saksinya ataupun menjadi keraninya. Apatah lagi pemberi rasuah itu sendiri dan penerima rasuah sama ada dalam sektor awam ataupun dalam sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menjadi timbalan pengerusi kepada Jawatankuasa Pengukuhan Pentadbiran sebelum tahun 2004. Kami dalam jawatankuasa ini membincang perkara-perkara seperti ini di peringkat negeri. Dalam jawatankuasa ini ada Pengarah Pencegah Rasuah Negeri. Ada tiga sektor yang kami bincangkan, yang kalaulah hendak dibasmikan rasuah ini walaupun tidak sampai kepada had sifir tetapi boleh dibasmi dengan mewujudkan satu sistem tambah baik dalam tiga sektor ini.

■1010

Sektor pertama ialah mewujudkan suruhanjaya seperti rang undang-undang ini. Walaupun katalah rang undang-undang ini boleh dialu-alukan dan boleh dibaiki nanti selepas ini, tetapi rasuah tetap berlaku. Ini kerana sebagaimana yang disebutkan, bukan ini sahaja yang boleh membasmi rasuah. Rang undang-undang ini tidak boleh membasmi rasuah. Walaupun cantik rang undang-undang ini, tetapi yang melakukan rasuah ini ialah manusia. Manusia mempunyai cara dan kaedah tersendiri bagaimana hendak lari daripada undang-undang. Maka di sini ada satu lagi sebagaimana disebutkan oleh Ketua Pembangkang kelmarin iaitu pihak kehakiman, Peguam Negara dan hakim.

Saya mempunyai pengalaman Tuan Yang di-Pertua sewaktu perbicaraan dalam satu kes di Kelantan. Pihak *lawyer* yang berkenaan memohon supaya diselesaikan di luar mahkamah tentang 12,000 ekar kawasan hutan dara yang diberi kepada satu syarikat. Akan tetapi kami *consult* ataupun bincang dengan *lawyers*, peluang untuk kalah itu sangat nipis. Jadi oleh sebab itu kami tolak. Akan tetapi bila sampai di Mahkamah Tinggi, kami menang. Kami menang di Mahkamah Tinggi. Akan tetapi kes itu dibawa ke Mahkamah Persekutuan, rayuan.

Dalam Mahkamah Persekutuan ini kita kalah, kerajaan negeri kalah. Akan tetapi bila selepas setahun ke setahun daripada perkara berlaku ini, seorang hakim yang telah pun bersara dari di Mahkamah Persekutuan ini jumpa saya supaya adakan dakwaan balik. Kenapa? Saya tanya. Dia kata kerana RM1 juta tidak diberikan kepadanya. Maknanya Hakim Mahkamah Persekutuan pada waktu itu disyaki menerima rasuah ini sehingga RM1 juta.

Walaupun cantik rang undang-undang ini tetapi tidak boleh terlepas kerana sikap dan perangai integriti hakim-hakim ini sangat rendah. Kami tolak. Itu berlaku dan ini satu fakta. Hakim itu jumpa saya sendiri di rumah Kelantan di sini. Waktu itu saya berada dalam kerajaan negeri. Itu yang keduanya.

Ketiganya, sektor pihak kerajaan sendiri. Sekiranya pihak kerajaan sendiri tidak mempunyai *political will*, iltizamnya sangat tinggi rasuah tidak boleh dihapuskan. Malahan rasuah ini akan berlaku. Misalnya tender. Kenapa kerajaan tidak menggunakan semua projek ini melalui tender terbuka? Boleh mengurangkan jurang atau peluang untuk berlakunya rasuah. Ini ada dua perkara di dalam perkara ini kami bincang di dalam Jawatankuasa Keutuhan.

Pertama sekali *negotiated tender*. *Negotiated tender* pada masa itu hanya RM20, 000 sahaja boleh diberi dalam kes ini. Akan tetapi sekarang sampai kepada RM250,000. *Negotiated tender* ini iaitu pihak kerajaan ataupun pihak yang berkenaan memanggil beberapa syarikat untuk membuat tawaran terhadap projek ini. Akan tetapi sewaktu membuka tender ini, hanya seorang. Kalau ADO, dia seorang sahaja. Tidak ada jawatankuasa sewaktu membuka. Ini boleh berlaku rasuah. Jadi sepatutnya sewaktu membuka tender ini di pejabat tanah atau apa-apa pejabat sekalipun, mesti ada satu jawatankuasa. Jika kerajaan tidak baiki kes ini, dia akan terus berlaku dan inilah ruang yang paling banyak sekali yang berlaku.

Ketiganya dari segi *turnkey project*. Saya mengepalai satu rundingan bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan dengan TNB dan Projek Pergau, Hidroelektrik Pergau. Pihak TNB pada masa itu mendapat tawaran daripada syarikat di Jepun. Syarikat Jepun menawarkan Projek Hidro Pergau itu hanya RM850 juta sahaja.

Akan tetapi oleh sebab tender itu secara *turnkey*, kerajaan telah menganugerahkan kepada satu syarikat daripada UK dengan harga lebih kurang RM1.4 bilion. Saya tanya ketua perunding itu. Sekarang ini dia sudah bersara. Dia kata, kalau serah kepada TNB kami boleh jimatkan hampir-hampir RM400 juta. Ke mana pergi ini? Harga projek ini siap yang ditawarkan oleh kerajaan Jepun, oleh syarikat Jepun ini hanya RM850 juta. Maknanya di dalam ruang projek itu, secara sistem *turnkey project* ini ruang untuk mendapat rasuah cukup banyak.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pengkalan Chepa boleh dapat penjelasan?

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sebenarnya masa kita 15 minit sahaja. Minta maaf.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Ya Terima kasih, minta maaf. Jadi ini ruangnya. Jadi saya fikir kalau tidak ada *political will* yang kuat untuk membasmikan rasuah ini di sektor lain iaitu menambah baik dari segi proses sistem tender. Sama ada *quotation* ataupun projek beri secara langsung ataupun *turnkey project*. Kalau ini tidak dapat dilakukan, pencegah rasuah, pengarah kata kita tidak boleh hapus.

Ini kerana manusia ini sangat licik, sangat liat, sangat licin. Dia takkan bagi terang-terang begini, mana nak ambil saksi. Dia bagi melalui *lawyer*, dia bagi melalui orang-orang tengah dan sebagainya. Ini yang berlaku. Saya hendak bawa satu kes lagi

Tuan Yang di-Pertua iaitu di negeri Kelantan. Saya tidak tahu di negeri lain. Di Kelantan dalam lebih kurang tahun 2004, kerajaan telah mengambil keputusan untuk membina sekolah-sekolah kebangsaan sama ada menengah atau pun rendah ini dengan

cara yang sangat moden, sangat canggih. Ada peruntukan-peruntukan yang diberi kepada pelajar.

Akan tetapi peruntukan-peruntukan ini disalurkan melalui JPP, itu tidak mengapa kerana itu sistem dia. Akan tetapi projek ini secara tidak langsung diserah kepada ketua bahagian - orang dalam untuk mencari kontraktor. Jadi bila ketua bahagian cari kontraktor, kontraktor ini boleh dapat. Inilah peluang berlaku rasuah. Inilah berlaku. Jadi saya tidak nampak keberkesanannya akta ini sekiranya pembahagian tidak dibuat dalam sistem-sistem yang lain termasuk *delivery system* dan juga kehakiman.

Saya pernah ada pengalaman Tuan Yang di-Pertua sewaktu saya berniaga dahulu. Satu projek untuk pecah lot ini di pejabat tanah - Kelantan dahulu sebelum saya menanglah. Di masa Barisan Nasional dahulu. Akan tetapi ini tidak ada kaitan dengan parti. Hendak dikatakan saya telah mengemukakan permohonan ini. Sudah lama dah. Dua, tiga, empat bulan, tidak boleh. Setahun pun tak dapat lagi. Saya tanya dan dia kata, "Macam ini Yang Berhormat, bagilah tambang hotel, tambang kapal terbang kelas satu, hotel Kuala Lumpur, bagilah sedikit". Yang menguruskan soal-soal ini, dia bagi tahu saya. Saya kata, "*It's up to you* lah". Kemudian tidak lepas dua minggu, sudah naik *paper* itu. Ha, inilah peluang berlakunya rasuah.

Jadi kalau tidak ada pembahagian dalam *delivery system* sebagaimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak, oleh Yang Berhormat Muar dan sebagaimana dalam kehakiman sebagaimana yang disuarakan oleh Ketua Pembangkang. Rang undang-undang ini kalau hendak mencapai 50% kejayaan pun susah. Jadi ini perlu kepada satu komitmen kerajaan. Saya yakin pegawai-pegawai ini adalah ikhlas, pegawai-pegawai ini boleh melaksanakan tugas tetapi kalau ada ruang-ruang ini yang tidak dibaiki maka boleh berlaku. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Masa tidak ada lagi? Seminit lagi tak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Panjang sangat. Banyak sangat cerita. Saya ingat boleh buat senarai satu cerita, panjang-panjang bagi kepada semua orang. Kita baca sahaja Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Bukan cerita ini. Perkara saya hendak beritahu tiga sektor ini kena ada pembahagian dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baiklah, saya pun ada mendengar.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih. Yang Berhormat Labis.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

■1020

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, SPRM pada hari ini. Banyak yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat sama ada dari pihak pembangkang atau pihak Barisan Nasional dan nampaknya kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju dan menyokong rang undang-undang ini *subjected to amendments* serta *proposal* yang diingini oleh sesetengah fasal.

Saya turut menyokong Rang Undang-undang SPRM ini yang juga telah dipuji oleh pegawai atasan dari ICAC yang terkenal dalam usaha membanteras serta membendung rasuah. Saya juga tidak ingin mengulang lagi apa yang telah dibentangkan, tetapi saya hanya ingin mendapat penjelasan untuk beberapa perkara.

Semalam terdapat Yang Berhormat dari parti pembangkang yang ingin mendapatkan penjelasan sama ada *cheque* yang diberikan kepada Kerajaan Terengganu merupakan atau boleh dikira suapan. Dengan ini saya juga ingin mendapat penjelasan dari menteri sama ada *waiver of* saman atau pemberian air secara percuma juga boleh dikatakan satu jenis suapan. Saya harap Rang Undang-undang SPRM ini tidak dipolitikkan tetapi dilihat dari segi semua pemimpin tidak kira dari parti Barisan Nasional atau pembangkang yang ingin membanteras dan membendung gejala rasuah.

Rang undang-undang ini hanya di atas kertas dan tidak menyelesaikan masalah rasuah. Hanya pegawai yang boleh menjalankan tugas berlandaskan rang undang-undang untuk menangkap pesalah. Dengan izin *the bill provide the power to act but it is the people that will determine if the bill is good or not in fighting and eliminating corruption*.

Saya mendapat tahu dari hujah Ahli Yang Berhormat serta surat khabar mengenai penambahan pegawai-pegawai sebanyak kira-kira 5,000 orang untuk memperkukuhkan SPRM. Dari segi kuantiti, memang banyak tetapi apakah prosedur *recruitment* gaji serta kualifikasi mereka. Adakah SPRM yang akan menentukan siapa yang akan dipilih atau JPA yang akan terlibat. Selain dari pelantikan, siapakah yang akan menentukan pelantikan gaji atau kenaikan pangkat serta bonus atau *termination of employment* jika prestasi yang tidak memuaskan. Adakah ia akan berlandaskan dengan terma-terma yang sama dengan kakitangan kerajaan.

Saya bimbang jika gaji atau kemudahan yang diberi tidak menarik dan kita mengharapkan pegawai SPRM membanteras rasuah dan memantau rasuah mungkin, saya bukan menuduh tetapi hanya memberi contoh, mungkin mereka akan terjerumus dalam rasuah semasa penyiasatan apabila melihat aset yang begitu banyak. Jangan kita harapkan pagar, pagar makan padi pula. Oleh itu gaji serta *benefit* yang diberi harus sejajar dengan tanggungjawab serta risiko yang dihadapi semasa bertugas.

Tambahan pula saya ingin tahu adakah 5,000 orang pegawai hanya akan mewakili majoriti hanya satu kaum atau kebanyakan terdiri daripada profesion yang sama. Mempunyai pegawai yang berbilang kaum serta dari pelbagai profesion mungkin memberi gambaran yang lebih luas serta input yang berlainan serta *skill sets* yang *complimentary* dalam siasatan.

Adakah juga SPRM mungkin akan mengupah atau melantik orang yang pernah disabitkan salah kerana memberi atau menerima rasuah kerana orang-orang ini mungkin boleh memberi lebih *inside* serta input yang lebih manfaat. Seperti filem '*Catch Me If You Can'*, di mana seorang bekas banduan akhirnya diupah oleh FBI untuk mengenali cek palsu.

Dari segi kemudahan infrastruktur serta peralatan yang diberi, adakah ia memadai seperti video *interview* bilik, *detention centre* yang *secure,* bilik identifikasi yang *filtered* dengan *one way mirror*. Menurut The Stars, ICAC di Hong Kong mendapat bajet tahunan sebanyak RM287 *million* setahun dan mempunyai 1,300 pegawai yang mengendali kira-kira 3,000 aduan setiap tahun.

Walaupun ia tidak dalam rang undang-undang, saya fikir ia berkaitan dengan keberkesanan SPRM untuk mendapat bajet yang mencukupi untuk membolehkan pegawai menjalankan tugas mereka secara efektif. Maka dengan penubuhan SPRM dan penambahan pegawai, apakah anggaran bajet tahunan yang diperlukan. Walau bagaimanapun rang undang-undang ini mempunyai peruntukan untuk penubuhan lembaga penasihat pencegah rasuah, jawatankuasa mengenai rasuah dan jawatankuasa mengenai aduan. Akan tetapi apa yang kurang dan juga penting dalam usaha membanteras dan membendung rasuah adalah melalui pendidikan dan penukaran *culture*.

Saya ingin merujuk kepada temu duga di *Star* dengan Daniel Li iaitu ICAC *Deputy Commissioner* dan *Head Of Operations*, dengan izin;

"***What are the landmark cases investigated and solved by ICAC?***

There are too many. I would say the biggest achievement for the ICAC is to change the culture of work in Hong Kong *Society. It did not*

happen overnight, it was long process but we call it as Cultural Revolution."

Saya ingin mendapat maklumat apa langkah yang ingin diambil oleh kementerian dan kerajaan dan *milestone* jika ada mengenai usaha *preventive matures* untuk memupuk budaya yang tidak menerima budaya rasuah. Adakah kementerian mempunyai niat yang sama untuk menggunakan media massa melalui penerbitan *film series* seperti di Hong Kong yang bukan hanya *entertaining* tentang mempunyai mesej dan maklumat bahawa rasuah tidak boleh diterima dan kesannya terhadap komuniti serta masyarakat serta *effect* kepada ekonomi.

ICAC menggunakan platform ini untuk *dissemination of their message* dengan efektif melalui kes-kes yang disiasat, tetapi pengubahsuaian perlu dibuat untuk melindungi identiti orang yang terlibat.

Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan dan bersetuju dengan saranan Yang Berhormat Rembau serta Yang Berhormat Bagan mengenai kepentingan mempunyai *Witness Protection Act* dan *Whistleblowers Act* yang boleh menjadi *complementary* dan mengukuhkan rang undang-undang SPRM.

Pada hari ini saya mendapati terdapat Rang Undang-undang Perlindungan Saksi untuk bacaan pertama. Ini menunjukkan betapa seriusnya kerajaan dalam menyelesaikan masalah rasuah. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang berdiri dari kelmarin belum di beri Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Pendang dan juga Yang Berhormat Hulu Langat. Ini orang yang dari kelmarin. Jadi saya bagi Yang Berhormat Batu dahulu.

10.27 pg.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyertai perbahasan dalam rang undang-undang ini dengan pertama sekali menyatakan bahawa pihak kami mengalu-alukan inisiatif Perdana Menteri untuk membentangkan satu rang undang-undang yang begitu penting dan juga mempunyai implikasi yang luas dalam masyarakat. Kita tidak perlu mendapatkan dengan izin *political mileage* daripada perbahasan ini dan dengan sokongan kepada rang undang-undang ini. Akan tetapi semasa kita menunggu rakyat sudah tunggu empat tahun dan tanpa melihat apa-apa perubahan, apa-apa reformasi seperti yang dijanjikan, hanya di hadapan ini dengan begitu banyak rang undang-undang yang bersifat *reforms* dalam tiga bulan sebelum Perdana Menteri meninggalkan jawatan.

Ini memang menunjukkan bahawa ada desakan atau tuntutan untuk menyelesaikan masalah dengan agensi yang diperlukan. Saya ingin menegaskan bahawa tidak seperti yang dituduh oleh Barisan Nasional bahawa kita pembangkang sentiasa suka mempolitikkan isu rasuah. Tidak perlu kita mempolitikkan rasuah, tetapi rasuah adalah sebagai satu isu politik. *So*, dengan izin *corruption itself is a political issue*.

Saya anggap kita akan menipu diri sendiri kalau kita menyatakan Barisan Nasional atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada agenda politik apabila rang undang-undang ini dibentangkan. Kita juga dapati bahawa sebelum rang undang-undang ini dibentangkan, Timbalan Perdana Menteri juga memberi *briefing* kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari sebelah Barisan Nasional untuk *specify other concern-concern* yang telah dibangkitkan.

■1030

Ini juga menunjukkan bahawa rang undang-undang yang begitu penting ini tidak dapat dibahas atau tidak dapat dibincangkan di dalam Barisan Nasional. Bagi kita, kalau kita ingin memperkenalkan satu *solution,* satu penyelesaian, proses untuk membentangkan *solution* ini sama penting dengan ubat yang kita perkenalkan. Dengan cara yang tergesa-gesa untuk meluluskan undang-undang ini, ini memang tidak melakukan keadilan kepada topik yang begitu penting.

Saya sekali lagi menegaskan bahawa komitmen kami dari Pakatan Rakyat terhadap membanteras rasuah, menghapuskan rasuah, ini adalah komitmen yang penting yang tidak dibezakan dengan politik. Kita juga ingin menyatakan bahawa untuk membebaskan *corruption* atau rasuah ini bukan satu mimpi tetapi kita harus bersungguh-sungguh menganggap ini adalah satu perkara yang boleh dilakukan dalam sistem kita. Kita tidak boleh sentiasa menyalahkan kelemahan *human nature* sebagai alasan kita tidak dapat melakukannya.

Oleh itu saya percaya kalau kita ingin membahaskan dan meluluskan satu undang-undang yang begitu penting, lebih baik kita mengambil kesempatan ini untuk memperkenalkan, berbahas dan meluluskan satu undang-undang yang lengkap yang pada anggapan kita secara ikhlas, ia dapat menyelesaikan masalah-masalah di hadapan kita. Seperti kita tidak boleh mengatakan kita harus menghapuskan kecurian dengan memujuk pencuri ini untuk curi kurangkan dalam peringkat yang akan datang, mereka akan mengurangkan jenayah dan hapuskan dalam masa tempoh yang panjang. Akan tetapi kita harus mengambil satu tindakan yang tegas bahawa satu undang-undang yang lengkap, satu undang-undang yang boleh mengatasi masalah sekarang harus diluluskan dalam Dewan yang mulia ini.

Kita semua setuju bahawa rasuah adalah musuh umum bagi kita. Ini bukan juga kita mengatakan bahawa kerajaan baru ada kesedaran bahawa ada kepentingan membanteras, memansuhkan rasuah ini. Sebelum ini Perdana Menteri sebelum Yang Berhormat Kepala Batas juga menjanjikan dengan slogan ABC - Amanah, Bersih dan Cekap. Itu bermaksud lebih daripada 20 tahun yang lalu, Barisan Nasional telah sedar bahawa kepentingan untuk membasmi rasuah tetapi sehingga 2004, kita masih dengar janji-janji untuk menghapuskan rasuah dan slogan ini memang berjaya menarik sokongan daripada pengundi. Akan tetapi akhirnya kita tidak lihat ada apa-apa tindakan yang berkesan.

Saya ingin menegaskan banyak di kalangan kita dari sebelah sini dan sebelah sana telah menyatakan kelemahan dan *area* yang kita boleh *improve* dalam rang undang-undang ini. Saya menganggap kita bukan sahaja menumpu kepada satu rang undang-undang dan mengharapkan undang-undang ini dapat menghapuskan rasuah. Adalah sangat penting selain daripada undang-undang anti rasuah, kita juga harus memupuk satu suasana masyarakat yang membenarkan kebebasan mengkritik, kebebasan media, berhimpun dan pelbagai reformasi yang diperlukan. Kita banyak berbahas tentang ISA, kita juga berbahas tentang sekatan terhadap perhimpunan, sekatan dalam undang-undang media kita dan lain-lain lagi.

Semasa kita berbahas malam tadi, dua orang wakil rakyat termasuk Yang Berhormat Sungai Siput dan juga ADUN Rawang di tahan di balai polis kerana ingin membawa isu-isu rakyat dengan berkayuh basikal merata tempat. Tindakan sivil, tindakan untuk menyedarkan rakyat tentang isu-isu tertentu ini sentiasa menghadapi gangguan daripada pihak-pihak berkuasa dan juga kita melihat bagaimana media massa, *journalists* kita sentiasa menghadapi tekanan politik dari pihak-pihak tertentu. Ini tidak membantu dalam usaha kita untuk membasmi rasuah. Oleh itu saya mendesak bahawa ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: *You haven't touch the bill yet.*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *Sorry.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, *you haven't touch the bill yet.*

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Ya, ya. Oleh itu saya mendesak bahawa undang-undang yang bersampingan ini harus dilakukan bersama. Saya tidak mahu ulang banyak lagi, saya ingin mengatakan kita setuju dengan wakil-wakil rakyat yang lain yang telah menyentuh tentang kelemahan yang ada di dalam bil ini. Saya ingin sentuh ialah hanya prosedurnya dalam keadaan yang *rush* ini untuk meluluskan rang undang-undang ini. Sepatutnya kita harus meneliti kelemahan ini dan kita juga dapat menyelesaikan.

Saya hanya ingin sentuh bahawa saya setuju dengan apa yang disebut oleh Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa kita dalam rang undang-undang ini tidak memberi kuasa yang cukup dan kebebasan yang cukup bagi penguat kuasa untuk menjalankan tugasnya secara berkesan. Ini mungkin perlu bukan sahaja masa perbincangan yang lebih banyak dan kita harap kita akan bahaskan secara *detail* semasa kita dalam peringkat jawatankuasa. Akan tetapi saya juga ingin ulangi apa yang telah ditawarkan oleh Ketua Whip kita iaitu Yang Berhormat Gombak bahawa ada perlunya kita harus membuat pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dan kita juga boleh memberi sokongan penuh supaya rang undang-undang ini apabila diluluskan boleh menjadi satu peralatan yang berkesan untuk membasmi rasuah.

Saya juga ingin mengalu-alukan dan juga memuji kerajaan dalam aspek banyak lagi undang-undang yang bersampingan yang boleh membantu penguat kuasa melawan rasuah ini telah dibentangkan tetapi apa yang saya ingin komen adalah masa yang begitu singkat bagi wakil-wakil rakyat untuk membahaskan dan meneliti semua rang undang-undang ini. Ini tidak akan membawa kesan yang positif dan saya percaya bahawa saya tidak mahu mempersoalkan keikhlasan pencadang yang membawa inisiatif ini. Saya hanya ingin tegaskan kalau boleh kita memberi masa yang lebih supaya kita dapat meneliti dan menyelesaikan banyak masalah teknikal dalam rang undang-undang ini, dalam setiap klausa yang mungkin membawa kesan-kesan yang negatif kalau kita tidak memberi kuasa yang cukup bagi penguat kuasa untuk menjalankan tugas.

Saya hanya ingin komen bahawa kita tidak harus tersekat dengan agenda masa yang ditentukan oleh sebuah parti. Saya percaya Perdana Menteri mempunyai cita-cita untuk meluluskan banyak lagi undang-undang *reforms* dan saya agak ini tidak adil kalau wakil-wakil rakyat dua-dua pihak didesak supaya kita luluskan tanpa memberi masa untuk berfikir.

■1040

So, saya ingin cadangkan bahawa apakah agenda, apakah penentuan had tempoh Perdana Menteri ini tidak seharusnya disekat dengan isu dalaman satu parti politik. Tidak ada salahnya kalau Perdana Menteri berasa agenda perubahannya tidak selesai sebelum Mac dan Perdana Menteri ingin memperkenalkan lebih banyak lagi undang-undang yang bersifat *reform* ini dan Perdana Menteri kalau terus menikmati sokongan dari Dewan ini, Perdana Menteri boleh teruskan.

Kita tidak harus kerana beliau tidak dapat sokongan dari satu parti yang tidak melebihi Ahli-ahli Parlimen yang melebihi separuh dalam Parlimen ini dan beliau terpaksa menghentikan *reform* ini. Konteks kita membahaskan rang undang-undang hari ini amat berbeza dengan undang-undang *anti corruption* yang sebelum ini.

Sebelum ini undang-undang ACA ini telah dibentangkan oleh seorang Timbalan Perdana Menteri yang dianggap sebagai bakal Perdana Menteri, bakal pemimpin negara. Waktu itu masyarakat amat memberi harapan kepada masa depan, *this is forward looking act,* kerana ada keinginan untuk melakukan perubahan dan rakyat juga percaya selepas undang-undang ini diluluskan pemimpin itu akan meneruskan untuk memupuk satu budaya anti rasuah, tetapi dalam konteks hari ini kita melihat seorang *out going* Perdana Menteri membentangkan dan selain daripada *the future Prime Minister* nampaknya agak *silent* dalam isu ini dan tidak menunjukkan kesungguhan dan keinginan yang kuat, *political will* yang kuat untuk melaksanakan.

Saya khuatir undang-undang ini akan menjadi undang-undang atas kertas. Dia tidak akan menjadi satu *instrument* yang berkesan kalau pemimpin masa depan yang memerintah ini tidak bersungguh-sungguh untuk melaksanakannya. ICAC digubal dalam konteks satu budaya anti rasuah melalui mobilisasi masyarakat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat hampir habis.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Okey, Hong Kong dan *Westminster system* ini bukan sahaja dalam atas kertas, tetapi sangat pentingnya orang yang ingin melaksanakannya harus menunjukkan kesungguhan. Saya sebagai pengakhiran, saya ingin melihat satu sikap yang lebih positif dari pihak kepimpinan masa depan Barisan

Nasional untuk menyokong pelaksanaan undang-undang ini. Kalau tidak saya sekali lagi ulang bahawa Perdana Menteri kita yang disokong oleh majoriti pengundi dan juga mempunyai majoriti sokongan di Dewan ini tidak perlu menyekat dan mengehadkan tempoh perkhidmatannya dengan *ultimatum* yang dikeluarkan oleh satu parti sahaja.

Kalau Perdana Menteri kita mempunyai cita-cita untuk melaksanakan banyak lagi perubahan, saya percaya dari pihak sini kita boleh memberi sokongan padu kepada usaha beliau dan kita tidak menyokong sesuatu atas bulu politik, tetapi kita menyokong atas dasar dan juga agenda politik perubahan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat bercakap lagi minta tolonglah cerita hal undang-undang ini Yang Berhormat. Kadang-kadang betullah kata orang itu kalau kita tunjuk orang, tiga tunjuk kita sendiri. Ya, Yang Berhormat Maran.

10.45 pg.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana izinkan saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008. Saya hendak mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada kerajaan, kepada Perdana Menteri kerana secara berani membentangkan rang undang-undang ini walaupun dipertikaikan dan dipersoalkan oleh pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah muak sebenarnya apabila kita bercakap tentang pembangkang memanglah semua dia akan bangkang, dia tidak pernah berterima kasih kepada kita pun. Ini memang sudah realiti yang berlaku, tidak saya hendak tambah apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, ini membuktikan bahawa kerajaan kita serius dalam menangani masalah rasuah yang menjadi-jadi bukan sahaja di negara kita bahkan di seluruh dunia. Rasuah ini berlaku di seluruh dunia bukan sahaja kepada parti kerajaan, pegawai kerajaan, parti pembangkang bahkan kita tengok tiga bulan belum pegang memerintah pun sudah banyak berlaku rasuah.

Jadi jangan pertikaikan masalah itu. Rasuah ialah fenomena yang berlaku dalam hidup manusia, mahu tidak mahu sama ada Barisan Nasional, pembangkang dan semua orang perlu bertanggungjawab bagi kita mengatasi masalah rasuah ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan pembentangan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ini saya kira...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Maran.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya tiada masa hendak beri, minta maaf. Ini *floor* saya, tolong duduk. *This is my floor* dengan izin. Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Baseless education*. Ini bukan tempat untuk membuat dakwaan yang tidak ada...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Justify it*.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Apabila pembangkang bercakap, *you* boleh bercakap.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *You* tuduh orang boleh, orang tuduh *you* tidak boleh.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tolong duduk, *floor* saya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuduhan-tuduhan liar.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Di Penang, di Perak.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak berani beri penjelasan.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya tidak mahu dengar lagi hujah pembangkang kerana inilah kerja dia. Tuan Yang di-Pertua, rasuah di mana-mana berlaku.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hanya dalam Barisan Nasional sahaja, bukan di mana-mana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudahlah Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Ini apabila rasuah Kerajaan Barisan Nasional sahaja rasuah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, ya. *[Ketawa]*

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Kita tidak pernah *attack* dia orang pun.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dan diterima.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudahlah Yang Berhormat Bukit Mertajam. Yang Berhormat kena dengar jugalah. Saya duduk dekat sini Yang Berhormat yang tuduh-menuduh memang macam-macam ini sahaja Yang Berhormat. Jadi saya dengar ini.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuduhan di sebelah sini menang tidak ada kes yang berlaku telah terbukti salah oleh mahkamah...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Ini *floor* saya Tuan Yang di-Pertua, mohon izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar] Siapa yang dituduh Yang Berhormat?

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tanya siapa yang dituduh. Kalau dia Ahli Parlimen yang dituduh saya minta...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya ada sebut siapa-siapa, tidak ada.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya tidak tahu Ahli Parlimen tetapi ialah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dalam peraturan ini Yang Berhormat kalau Ahli Parlimen dituduh baru dia menjadi satu kesalahan. Kalau Yang Berhormat tidak dengar cakap saya pun siapa yang hendak dengar lagi, saya cakap duduklah. Jangan begitu sensitif. Semasa Yang Berhormat Batu berucap tadi orang sana diam sahaja, jadi dengarlah juga cakap dia.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kepada siapa atau parti yang penting...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudahlah Yang Berhormat. Baca hansard Yang Berhormat, berapa banyak tuduhan yang melulu itu berlaku di Dewan ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dengan segala hormatnya Tuan Yang di-Pertua sekiranya pihak di sana tidak mahu membantah itu adalah hak mereka, tetapi pihak di sini mahu membangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *We have objection to them.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Maran.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf saya tiada masa. Kalau bagi saya setengah jam boleh saya beri izin. Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Cerita hal *bill* Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya tidak menuduh mana-mana parti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya pandang masa Yang Berhormat, masa yang soalan tuduh-menuduh itu.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya akui, sebab itulah Tuan Yang di-Pertua rasuah ini bukan masalah Barisan Nasional, masalah kita sahaja bahkan masalah dunia. Kita pergi mana-mana pun kita jumpa dengan rasuah, masalah dunia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tengok anak-anak kita yang duduk dekat belakang itu begitu berdisiplin sekali Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Ya, saya tidak tuduh. Saya rasional lagi Tuan Yang di-Pertua sehari dua ini. Tuan Yang di-Pertua rasuah ini boleh bukan sahaja merosakkan sistem pentadbiran, tetapi boleh merosakkan ketamadunan manusia itu sendiri. Sebab itulah saya bersetuju benar dengan pembentangan rang undang-undang ini.

■ 1050

Saya bila bercakap, pembangkang riuh, kita cakap serius, bukan hendak tuduh orang saja. Ini kita bercakap tuduh orang. Supaya pelaksanaan suruhanjaya ini akan dapat dipastikan kejayaannya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa seperti yang saya sebutkan tadi, rasuah ini melibatkan semua pihak tidak kira ahli politik, kerajaan, pegawai awam, swasta, orang kampung dan sebagainya. Cuma bagaimana kita memahami rasuah ini dan bagaimana tindakan yang perlu kita ambil bagi kita memastikan supaya rasuah tidak menjadi satu malapetaka, satu kanser yang boleh merosakkan sistem hidup dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh rang undang-undang ini dan saya kira dengan adanya beberapa jawatankuasa bebas yang bertindak sebagai penasihat kepada suruhanjaya ini iaitu seperti Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, Jawatankuasa Aduan dan lain-lain yang diletakkan di bawah pentadbiran itu dan saya kira dengan pelaksanaan yang cukup mantap dan cukup kuat, saya yakin bahawa kadar rasuah di negara kita akan dapat kita pertahankan ataupun kita turunkan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada kita semua. Ingin bertanya kepada kerajaan dan kepada Badan Pencegah Rasuah, apakah sebenarnya unsur-unsur ataupun faktor-faktor yang membawakan manusia ini melakukan rasuah. Saya kira semua orang ada agama kecuali komunisme tidak ada agama.

Saya kira semua agama melarang kita melakukan perkara-perkara yang tidak baik. Islam jelas. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Pemberi rasuah dan penerima rasuah, kedua-duanya dalam neraka dengan izin, dan banyak lagi hadis-hadis dan juga ayat Al-Quran yang dibaca oleh sahabat-sahabat saya yang mempunyai keperibadian yang baik daripada pembangkang termasuklah daripada mana tadi? PAS di bawah, yang membicarakan bagaimana rasuah ini buruknya. Bukan saja dari sudut manusia tetapi dari pandangan agama itu sendiri. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya benar-benar berharap kepada kerajaan supaya memberikan perhatian yang serius, apakah faktor-faktor yang menyebabkan kepada berlakunya rasuah ini. Saya minta kerajaan dan juga Jabatan Perdana Menteri dan melalui BPR sendiri menyenaraikan apakah faktor-faktor yang

membawa kepada perlakuan rasuah dalam negara kita ini. Walaupun mungkin negara lain banyak, tapi kalau boleh dapatkan juga faktor-faktor lain di negara-negara lain yang juga menyumbang kepada pelaksanaan ataupun perlakuan rasuah ini kerana tanpa melalui faktor-faktor ini, saya kira kita tidak akan dapat menghapuskan rasuah ini.

Contohnya Tuan Yang di-Pertua, agama kita sudah melarang kita melakukan rasuah. Tetapi dalam masa yang sama ada juga rasuah berlaku. Undang-undang kita ada. Kita ada peraturan-peraturan dalam perkhidmatan awam. Kita ada Bab D umpamanya. Tatatertib dan sebagainya. Kita ada prosedur pelaksanaan projek-projek tender, sebut harga dan sebagainya. Seperti yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat kita. Walaupun kita buat secara *open tender*, tetapi dalam *open tender* ini tidak semestinya harga yang rendah boleh diterima. Kadang-kadang katakanlah penender, kontraktor yang rendah harganya tetapi dia mempunyai projek yang terlalu banyak yang menyebabkan dia tidak mampu untuk melaksanakan projek ini mungkin jawatankuasa tender tidak akan beri kepada dia.

Faktor-faktor ini kadang-kadang boleh juga menyebabkan rasuah. Perkara-perkara lain juga perlu kita berikan perhatian. Sebab itulah saya minta kalau boleh keseriusan kerajaan dalam membasmi rasuah ini bukan sekadar kita bentangkan dalam Dewan yang mulia ini tetapi hendaklah kalau boleh daripada anak kecil lagi. Daripada mula mereka lahir, sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah pengajian tinggi, pusat pengajian tinggi dan kalau boleh sehinggalah ke peringkat kita, peringat pemimpin-pemimpin dan juga kerajaan ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon benar kalau boleh jawapan diberikan kepada kita supaya dengan cara itu bukan saja di peringkat suruhanjaya itu nanti akan dapat melihat apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil bagi kita mengatasi masalah rasuah berasaskan kepada sebab-sebab sumber-sumber perlakuan ini. Kalau boleh biar semua orang akan juga berbicara tentang bahawa rasuah ini tidak baik, rasuah ini dihina oleh agama, rasuah ini merosakkan sistem hidup manusia, rasuah ini memalukan dan menjatuhkan maruah dalam masyarakat, individu dan sebagainya. Bahkan apatah lagi dalam suruhanjaya yang baru ini. Apabila disebut saja saudara, dia sampai semualah laki, bini, bapa mertua, mak mertua dan sebagainya yang akan terlibat.

Jadi sudah tentulah apabila perlakuan ini berlaku dalam satu masyarakat, jadi imej itu bukan saja kepada pelaku rasuah tetapi keseluruhan sistem dalam keluarga itu sendiri akan jatuh maruahnya. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa ini tidak mengizinkan, saya hendak juga bertanya kepada kerajaan. Saya perhatikan dalam tempoh 2003 hingga 2007, kakitangan awam yang terlibat dalam rasuah ini, yang didakwa dalam rasuah ini seramai 148 orang. Saya tidak perlu sebutkan, pelbagai jabatan. Saya juga hendak minta kerajaan supaya memberikan perhatian kepada pegawai awam kerajaan terutamanya bagi mereka yang terlibat dengan jawatan-jawatan kritikal, umpamanya BPR ini, Tuan Yang di-Pertua.

BPR adalah merupakan pegawai yang menjalankan tindakan undang-undang, yang pada saya kalau ditawar kepada saya pun, saya tidak berapa hendak. Sebab bila tindakan diambil kepada seseorang, si A umpamanya, A itu menganggap bahawa pegawai BPR ini seorang pegawai yang cukup jahat pada dia walaupun dia melakukan kejahatan. Inilah realiti hidup manusia. Sedangkan dia baru buat siasatan. Sebab itulah saya minta supaya berikan perhatian kepada penjawat-penjawat awam yang memegang tugas kritikal ini seperti BPR dan polis. Saya sudah banyak, Tuan Yang di-Pertua. Selama ini siapa yang jaga keselamatan kita? Polis. Akan tetapi ramai orang yang tidak berterima kasih kepada polis. Sikit berlaku jenayah, kata ini polis tidak buat kerja, sikit berlaku jenayah, polis rasuah. Tidak ada benda yang betul.

Inilah benda yang perlu kita sedar. Sebab itu saya hendak minta supaya kerajaan kaji balik terutamanya kemudahan-kemudahan yang perlu diberikan kepada penjawat-penjawat awam yang memegang tanggungjawab kritikal ini termasuklah gaji-gaji mereka. Saya memerhatikan Tuan Yang di-Pertua, sistem gaji yang ada di negara kita sekarang ini. Saya ambil contohlah satu, dua. Umpamanya dalam jawatan BPR. Kalau jawatan ASP, permulaan gajinya tidak silap saya lebih kurang kalau polis RM4,000 dan kalau BPR sebanyak RM4,100 mungkin RM4,500. Kalau kita tengok ACP pula ada perbezaan dan saya kira gaji-gaji ini, tangga gaji ini mungkin tidak sepadan dengan tugas mereka sebab

mereka bukan saja mengorbankan masa, tenaga, pemikiran, otak dan sebagainya, bahkan mereka mungkin mengorbankan nyawa dan kehidupan masa depan mereka termasuk keluarga mereka.

Sebab itu kita kalau semua manusia di dunia ini baik, tidak apa. Kalau dia mengaku. Kalau pada zaman nabi dulu orang itu melakukan salah, dia mengaku kepada nabi bahawa saya bersalah. Apa hukum saya? Akan tetapi sekarang bukan begitu, Tuan Yang di-Pertua. Tidak payahlah pembangkang bunyi beria. Sama saja kita semua. Kita harap rasional. Jangan bila saya bercakap begini, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian marah kepada saya. Kalau kita hendak menyelesaikan masalah rasuah, bukan saja kerajaan mengambil tindakan, bahkan kita semua sebab kadang-kadang kita juga memberi kepada orang. Jadi ini yang perlu kita berikan perhatian. Sebab itu saya minta supaya kerajaan sekali lagi melalui suruhanjaya yang baru ini memastikan supaya tanggungjawab dan kemudahan-kemudahan yang perlu ada kepada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas-tugas kritikal ini akan diberikan perhatian yang lebih daripada kita dan sebagainya.

Kadang-kadang kita ini bercakap lebih. Bercakap saja lebih tetapi kerja tidak buat juga. Kerajaan buat benda yang banyak tetapi kita ambil kemudahan daripada kerajaan. Ini realiti yang berlaku. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, hari ini manusia berhadapan dengan banyak masalah. Keikhlasan, tidak rasional dan fitnah menjadi di mana-mana. Rasuah sudah tentulah. Kadang-kadang kerana hendak kuasa, hendak memerintah, kita sanggup fitnah orang walaupun tidak ada apa lagi. Ini berlaku. Kerja kita mengajar orang muda bagaimana hendak memburukkan kerajaan, itu pun berlaku. Banyak lagipun. Jadi saya minta supaya dalam tindakan. Tuan Yang di-Pertua, kenapa yang pembangkang ini marah kepada saya? Apa halnya?

Saya cerita benar sebab tidak ada orang hendak khabar selama ini. Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang faedah kerajaan bagi tapi tidak terima kasih kepada kerajaan pun. Ini realiti berlaku. Tidak usahlah bercakap banyak. Saya minta Tuan Yang di-Pertua dari segi tindakan undang-undang yang akan diambil kepada mereka yang dilaporkan melakukan rasuah. Fitnah. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Fitnah itu. Jangan Yang Berhormat kata saya tidak pandai bercakap Arab.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: *Asyaddu*, bukan *Assaddu*. Asyaddu.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Asyaddu. *Yes*. Saya. Nanti, nantilah dulu.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Sebab salah itu. Saya minta maaflah. Ayat al-Quran itu. Ayat al-Quran. Minta maaf ya. Minta maaf. Ayat al-Quran *Asyaddu Minnal Qotl*.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Ya saya tahu. *Asyaddu. Syad. Asyaddu* itu makna, lebih besar. Janganlah *blame* saya. Saya pun bukanlah saya pandai. Akan tetapi kalau pembangkang kerajaan, tidak terima kasih, sama saja. Kalau tidak bersyukur kepada orang, serupa saja kita bercakap. Belajar lebih pun tidak guna juga.

Tuan Yang di-Pertua, fitnah berlaku. Sebab itulah dalam agama kita fitnah ini lebih teruk daripada membunuh. Rasuah ini kalau kita ambil rasuah dan kita beri rasuah mungkin duit ataupun moral kita, maruah kita dan harta benda kita habis. Antara dua atau tiga empat lima orang. Akan tetapi fitnah ini lebih teruk daripada membunuh.

■1100

Maknanya kalau kita fitnah kepada orang, bukan sahaja perkelahian kita antara orang yang kita fitnah, perhubungan retak, kerosakan moral berlaku dan akhirnya mungkin berlaku pembunuhan. Sebab itu dikatakan fitnah lebih teruk daripada membunuh.

Jadi saya mohon kepada kerajaan dalam kita melaksanakan undang-undang ini, dalam penyiasatan berkaitan tuduhan pastikan supaya siasatan dibuat dengan betul. Jangan kita dengar sahaja fitnah maka kita pun terus mengambil tindakan. Apabila sekali

seorang itu kena disiasat oleh BPR, polis dan sebagainya; maka sudah tentulah imej diri dia, imej keluarga dia, imej ibu bapa dia dan sebagainya dalam masyarakat akan jatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Jadi ini tidak boleh kita bayar dengan wang ringgit Tuan Yang di-Pertua. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon benarlah supaya kita sebagai Ahli Parlimen yang rasional sama ada Barisan Nasional dan juga pembangkang, *please* tolong rasional kerana kita berhadapan dengan masalah yang boleh menghancurkan bukan sahaja sistem kerajaan kita, masalah manusia dan sebagainya. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Berapa orang lagi saya tengok ini Yang Berhormat saya hendak hitung orang Yang Berhormat. Yang Berhormat, terima kasih berdiri. 14 orang. Yang Berhormat Bandar Kuching. Bagilah peluang orang Sarawak Yang Berhormat. Ketua Pembangkang pun baru balik dari Sarawak itu.

11.01 pg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi Perdana Menteri negara ini, dia telah membuat perjanjian untuk membanteras rasuah. Oleh itu dalam Pilihan raya Umum 2004, Barisan Nasional menang dengan besarnya dan lebih daripada 90% kerusi di Dewan ini telah dimenangi oleh Barisan Nasional. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu pun ada sebut bahawa ada 18 ikan besar, orang kenamaan yang akan disiasat oleh BPR. Rakyat di Sarawak ada harapan yang tinggi atas apa-apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Mereka harap bahawa di antara 18 ikan besar yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sekurang-kurangnya satu daripadanya dari Sarawak iaitu Ketua Menteri Sarawak. Akan tetapi mereka tunggu satu tahun demi satu tahun, tidak ada apa-apa siasatan yang diambil oleh BPR atas Ketua Menteri Sarawak. Oleh itu rakyat kecewa dan hari ini sebelum...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Sri Gading bukan orang Sarawak. Tidak apa, tidak apa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yalah saya tahu. Bukan soal orang Sarawak kita orang Malaysia. Parti pembangkang Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang persepsi dia tidak ada yang betul bagi pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Sebagai andaian tuduhan, kalau betul-betul ada dia punya kesahihan - tidak tahu Yang Berhormat Bandar Kuching faham ini, kesahihan? Wallahualam. Kita ada saluran-saluran bagaimana kerajaan Barisan Nasional berani bentangkan rang undang-undang ini. Ini sebagai satu contoh bagi menunjukkan seriusnya kerajaan Barisan Nasional. Menuduh begitu mudah, hendak membuktikan tuduhan itu soal perkara yang lain. Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih, terima kasih. Yang Amat Berhormat sekarang sebelum dia hendak bersara, saya ucapkan tahniah kepada dia kerana dia membentangkan rang undang-undang ini kerana *late is better than never.* Ada satu hakikat yang boleh tidak boleh dinafikan oleh Barisan Nasional adalah tekanan yang diberikan oleh rakyat dalam *political* tsunami yang berlaku pada 8 Mac tahun ini dalam pilihan raya ini. Ini adalah tekanan dan mesej yang kuat diberi oleh rakyat Malaysia. Oleh itu ini adalah salah sebabnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan rang undang-undang ini. Nampaknya *there is some light in the tunnel* dan haraplah kita ini *tunnel, don't leave us to another twilight zone*.

Oleh itu saya tidak akan menghujahkan berkenaan apa-apa kelemahan yang ada dalam rang undang-undang ini, tetapi saya akan beri sedikit huraian mengenai keadaan rasuah di Sarawak. Di Sarawak, sekiranya semasa seseorang sebutkan rasuah, *the first person that come into the mind of the people of Sarawak* dengan izin, adalah Ketua Menteri Sarawak.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua *that is not true* lah. *There are millions of people there.*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini adalah pandangan rakyat di Sarawak dan ini bukan sahaja pandangan rakyat di Sarawak. Seawal tahun 2003, 15 May 2003, satu artikel yang dilaporkan di surat khabar *The Edge* Australia. Tajuknya dengan izin, "*Being well connected goes along way in Malaysia"*. Saya akan baca beberapa paragraf dalam artikel ini.

> "*In some part of Malaysia, business and politics are inextricably linked writes Michael Backman.*
>
> *The Sarawak State Government gave two road construction contracts worth a combined RM79.86 million to the Malaysian company CMS Group last week. Last month, it gave CMS an even bigger contract, worth at least RM1332 million over 15 years, to maintain all of Sarawak's roads. The group's most recent annual report says it is the largest and fastest-going conglomerate in the state. As well it might. It is, you might say well connected. CMS Group Chairman is Sulaiman Abdul Rahman Taib*.

Sekarang dia bukan lagi *chairman*, dia adalah Timbalan Menteri dalam Kementerian Pelancongan.

> "*His younger brother, Mahmud Abu Bekir Taib is deputy chairman. Their father is Abu Taib Mahmud. He is Chief Minister of Sarawak and has been since 1981.*
>
> *"CMS Group originally was a monopoly cement producer established to feed the building boom then under way in both states. In 1989, the Sabah Government sold its stake and the Sarawak Government decided that the company should list on the Kuala Lumpur Stock Exchange. Abdul Taib's family emerged as its controlling shareholders. The cement company was transformed into a conglomerate as a result of a host of government contracts."*

Kenapa BPR tidak siasat? Di sini ada satu *possible explanation*. Dia kata; "Abdul *Taib has a special place in Malaysian politics. His party is a component of Prime Minister Mahathir's ruling coalition and come election time, Abdul Taib consistently delivers all or most of Sarawak's seats in the national Parliament to Mahatihir coalition*.

■1110

Adakah kedudukan seseorang dalam politik ini menjadi satu sebab kedudukan yang kuat dan sokongan yang kuat diberi kepada Barisan Nasional menjadi satu sebab BPR tidak membuat siasatan. Artikel yang saya sebut ini diterbitkan dalam The Edge Australia. Ini adalah pandangan di luar negara terhadap Ketua Menteri Sarawak. *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Saman dia.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kalau kita meneliti *company search* mengenai CMS Berhad isterinya memegang RM37 *million share* dalam CMS. Seorang anaknya Sulaiman memegang RM29 *million share* dalam CMS. Anak keduanya Abu Bakar memegang RM29 *million share* lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita pergi ke *website* CMS Berhad kita boleh dapati bahawa berpuluh-puluh surat kontrak pembinaan yang dianugerahkan oleh Kerajaan

Sarawak kepada CMS dan kebanyakannya tanpa apa-apa tender dan *value* nya berpuluh-puluh sehingga beratus-ratus *million* ringgit Malaysia dan ada banyak tuduhan...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bandar Kuching mengatakan tentang puluhan kontrak yang diagihkan kepada CMS Group. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri juga adakah Ahli-ahli Parlimen yang ada dalam Dewan ini dan juga menteri-menteri dan juga pegawai-pegawai kerajaan yang diamanahkan untuk menjaga keharmonian dan juga pengagihan kontrak-kontrak di negara ini adakah mereka semua ini tidak tahu tentang ini ataupun mereka buat tidak tahu ataupun mereka sanggup melihat rakyat negara ini merana? Adakah mereka ini mahu melihat kejatuhan satu demokrasi? Adakah Yang Berhormat Bandar Kuching merasakan ini sedang berlaku?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya percaya bahawa ramai tahu tentang keadaan ini tetapi kerana *he can deliver the sits to* Barisan Nasional. Oleh itu tidak ada apa-apa siasatan. Saya ada suruh orang pergi ke Australia buat *some land search* sebuah *company side host private limited* adalah pemilik *at the lake Hewton* dan *side host private limited* itu juga syarikat anak-anak Ketua Menteri Sarawak. Juga tuduhan yang dibuat di Jepun mengenai ada *kickback* atas kayu balak yang dieksport ke Jepun dari Sarawak dan saya fikir penganugerahan kontrak-kontrak Kerajaan Sarawak kepada CMS bukankah ini satu *conflict of interest*.

Cabinet Minister di Sarawak mengatakan bahawa semasa keputusan dibuat Ketua Menteri akan *ruckus himself* keluar dari bilik mesyuarat ini tapi walaupun dia tidak hadir di bilik mesyuarat *his shadow is there. His shadow is there*. Oleh itu, *Cabinet Minister* Sarawak yang lain mereka tidak berani tidak berikan kontrak kepada syarikat yang dimiliki oleh ahli keluarganya. Kini di Sarawak ramai kontraktor di Sarawak tidak dapat diberi kontrak oleh kerajaan, *no first hand*. Tidak dapat dianugerahkan oleh kontrak Sarawak. Mereka hanya jadi subkontraktor-subkontrak dan ada pula sub-sub kontraktor. Itulah satu kenyataan dan hakikat yang benar yang berlaku di Sarawak. Oleh itu saya rasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya saya akan gulung. Definisi rasuah kita mesti memperluaskan definisi rasuah. Tak betul hanya mengehadkan kepada *ratification for a favor* tapi ia haruslah melingkungi keadaan-keadaan seperti memberi kontrak seperti *conflict of interest*. Di Thailand, Thaksin telah dihukum penjara dua tahun kerana atas tuduhan *conflict of interest* bukan rasuah di mana ia memberi tanah kerajaan kepada syarikat isterinya dengan harga yang murah sahaja. Ini dia dikenakan hukum dua tahun penjara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa yang akan berlaku di sini? Akhirnya, saya memberi cabaran kepada *commission,* suruhanjaya yang akan ditubuhkan di bawah rang undang-undang ini. *Make it your first priority to investigate the* Ketua Menteri Sarawak selepas ditubuhkan suruhanjaya itu. *[Tepuk]* Saya harap cabaran ini akan diterima dengan baik dan siasatan akan dibuat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

11.17 pg.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejak 11.30 malam tadi saya menunggu. Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. saya cukup mengiktiraf laluan ini.

Sebelum saya masuk untuk membicarakan dan membahaskan dengan lebih terperinci dan mungkin juga kritis atas Rang Undang-undang SPRM ini saya juga turut mahu mengiktiraf kejayaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akhirnya dapat juga membentangkan di Dewan yang mulia ini Rang Undang-undang Penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008 ini.

Namun saya juga terpaksa merakamkan atas tuntutan keadilan Islam juga saya juga perlu merakamkan bahawa rang undang-undang ini agak lewat Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya lihat kembali betapa pada awal pemerintahan Perdana Menteri, April 2004 yang terdahulu daripada itu sebuah penubuhan Institusi Integriti Nasional kemudian April 2004 dibentangkan Pelan Integrasi Nasional dan setelah sekian lama penungguan dan penantian ini barulah dapat kita saksikan rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Bandar Kuching menyebutkan *better late than never* tapi saya ingin merubahkan sedikit frasa itu, mantera itu kepada sebaiknya *better never late* bukan *better late than never* tetapi *better never late* khususnya kerana perkara ini menjejaskan, perkara ini adalah perkara hidup matinya maruah wibawa negara ini. Setelah sekian lama kita tunggu maka akhirnya alhamdulillah apa pun Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat Hulu Terengganu malam tadi tidak putus-putus dengan pujian.

Saya juga turut mahu memuji akhirnya dapat juga kita saksikan rang undang-undang ini tetapi kalau betul-betul rang undang-undang ini telah lebih awal dibentangkan mungkin kita dapat mengelakkan banyak lagi perkara yang telah ditanggung oleh negara ini termasuklah kejatuhan dan terus merosotnya kedudukan tangga apa yang dikatakan sebagai persepsi ataupun CPI, *Corruption Perception Index* negara daripada tangga 37 merosot kepada 43 terus menjunam kepada 47 tahun sudah.

■1120

Jadi jangan kita banding-bandingkan dengan negara-negara lain yang lebih maju termasuklah jiran kita di Seberang Coastway di Tambak itu. Kedudukan tangga Keempat dan punya prestasi 9.2/10. Kita di tangga 47 dengan hanya cukup makan 5.1/10. Ini saya mukadimah sahaja Tuan Yang di-Pertua, *point* nanti. Apa yang hendak saya sebutkan juga kalau kita mahu menjadi tokoh model negara yang dikatakan negara Islam ataupun negara Hadhari Islam ini, hari ini kita telah di pintas oleh negara-negara teluk, *gulf state* pada kedudukan mereka yang lebih baik daripada kita. Qatar contohnya di kedudukan 32 dan punya markah 6.5, United Arab Emirates kedudukan 35, 5.9 markahnya. Oman; 41 dan kita 47 bagaimana kita hendak banggakan Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu pengiktirafan saya itu berkadar dan berpada-pada.

Tidak seperti kawan-kawan di Maran dan juga Hulu Terengganu malam tadi hinggakan saya terheret sama dalam satu *shouting match* malam tadi. Dia kata begini dalam bahasa *management*nya,*"If you and your boss has nothing to differ, one of you has not required."* Kalau anda dan bos anda sudah tidak ada lagi perbezaan, salah seorang daripada anda tidak diperlukan. Tentunya bos anda diperlukan, maka kalau kita hanya pandai minta maaf dengan izin membodek dan juga hanya pandai memuji dan memuja, itu bukan cara Dewan yang mulia ini mampu kita permatang dan dewasakan.

Tuan Yang di-Pertua saya terus masuk kerana masa tidak mengizinkan mukadimah yang panjang-panjang ini. Saya terus masuk kepada memberikan penilaian kritis saya terhadap rang undang-undang ini. Saya mengungkap daripada apa yang disebutkan oleh *consultant* yang juga kita *engaged* seorang yang bernama Jeremy David Poh antara tokoh integriti dunia yang terulung, dibentangkan cadangan itu pada tahun 2003 kepada kerajaan. Itu yang saya cukup terkilan. Semuanya telah dibentangkan. Saya membaca cadangan awal drafnya itu kalau benar-benar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melaksanakan, tidak akan berlaku tsunami politik 2008 yang lalu.

Akan tetapi mungkin itu juga takdir Allah untuk memberikan kita laluan supaya dibuka celik hati budi rakyat supaya tahu apa benar-benar apa kedudukan rasuah dan integriti di negara ini. Masuk kepada perbincangan peruntukan dalam rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua. Mengungkap kata apa yang dikatakan oleh tokoh tadi. Katanya bahawa *in the final analysis,* sesungguhnya satu perundangan yang baik adalah satu perundangan yang mudah difahami dan mudah dilaksanakan. Prinsip ini saya kira tidak dapat kita berikan penilaian apabila kita meneliti rang undang-undang ini.

Sehinggakan sahabat saya Yang Berhormat Tumpat semalam sehingga tidak tahu di mana letak suruhanjaya itu, keanggotaan itu kerana terlalu bertindih tindan dan kalau dalam bahasa mudahnya terlalu vertikal terlalu *hierarchical,* ia tidak mudah, *complicated*

sangat. Perundangan yang mudah itu adalah perundangan yang jelas dan pelaksanaannya pun cukup mudah tetapi yang ini kalau kita lihat setelah dibahaskan seksyen 5, Ketua Pesuruhjaya itu seksyen 6 itu. Sebenarnya struktur suruhanjaya ini berbeza dengan struktur Suruhanjaya Pilihan Raya dan juga struktur Suruhanjaya SUHAKAM. Ia bersifat *organizational* ataupun *functional.*

Jadi bila kita lihat satu contoh di sini kalau kita lihat struktur suruhanjaya itu yang Ketua Pesuruhjayanya seksyen 5 dan pegawai-pegawainya. Di situ mungkin sahabat saya Yang Berhormat Tumpat tidak perasan bahawa di sana tidak hanya seperti SUHAKAM atau SPR, bukan hanya ada *commissioner* tetapi dia adalah satu struktur yang lengkap dengan Timbalan Ketua Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya, Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya, Penolong Kanan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya, seterusnyalah yang dibahaskan dalam struktur enam.

Tidak cukup dengan itu ditambah dengan satu lagi struktur. Struktur yang dikatakan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) itu. Antara lain tugasnya ialah sementara Ketua Pesuruhjaya perlu membuat satu pembentangan setiap tahun, Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah ini pula perlu meneliti dan meng*endorse* laporan daripada suruhanjaya yang tadi. Di samping itu ada satu lagi jawatankuasa khas membuat laporan tahunan mengenai penunaian fungsi kepada Perdana Menteri. Selepas pada itu, Yang Berhormat Perdana Menteri hendaklah membentangkan satu laporan tahunan kepada Majlis Parlimen ataupun Dewan Rakyat ini.

Apa yang diperlukan, apa yang dihajatkan sangat dalam persoalan untuk menangani masalah rasuah dan membanteras rasuah ini adalah satu proses yang mudah, tidak bertindih-tindih begini, ada saringannya pula. Kita mahu dengar langsung daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini. Bukan dilihat dan ditapis oleh dua, tiga struktur yang terlalu vertikal. Seharusnya ia patut mengambil organisasi *management* hari ini yang bersifat *flat. Flat* itu maksudnya dia tidak ditapis kemudian akhirnya sampai ke sini apa dia?

Ini yang saya mahu pertikaikan Tuan Yang di-Pertua. Kalau benar-benar mereka telah menjalankan dengan segala 5,000 katanya keupayaan personel dan *expertise* yang kita mahu benar-benar seperti mana ICAC Hong Kong punya *expertise.* Forensiknya, komputer forensiknya, *investigation ability*nya, *capability*nya, kapasitinya, dengan peruntukan yang besar kepada suruhanjaya ini. Akhirnya kita mahu dengar langsung daripada suruhanjaya itu. Tidak perlu ditapis dengan lembaganya, jawatankuasa khasnya, ada satu jawatankuasa aduannya pula. Semalam saya dengar ada lagi perkara yang disebutkan sebagai panel. Ada dua lagi panel yang tidak disebutkan dalam suruhanjaya ini.

Ini cukup *convoluted,* cukup *complicated,* cukup sulit, sukar dan berbelit-belit. Kita mahu satu yang mudah kerana dikatakan oleh Jeremy David Poh bahawa perundangan baik itu adalah bermulanya perundangan yang mudah dan mudah dilaksanakan. Itu satu noktah saya Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, saya juga ingin membawa perbahasan ini kepada apa yang dikatakan pertikaian. Selama hari ini pertikaian kepada BPR, akta yang lama itu adalah terkunci dan terpasak berlegar di sekitar persoalan kebebasan BPR untuk bertindak khususnya dalam perkara pendakwaan. Itu sudah jelas menjadi pertikaian. Kita mengharapkan apabila berlakunya dan ditampilkan, disusun kembali suruhanjaya ini, perkara itu digarap dengan baik.

Akan tetapi hingga kini saya menyebutkan dalam peruntukan yang disebutkan di sini walaupun peruntukan seksyen 5, bahagian 6 seolah-olah memberikan kebebasan untuk mendakwa. Dengan jelasnya dikatakan di situ. Kalau boleh saya bacakan sedikit, *"Ketua Pesuruhjaya hendaklah mempunyai segala kuasa pegawai suruhanjaya dan hendaklah mempunyai apa-apa kuasa Timbalan Pendakwa raya sebagaimana yang diberikan kuasa oleh Pendakwa raya yang bagi maksud akta ini".* Walaupun peruntukan ini memberinya, Peruntukan 58 kembali menariknya kembali. *What* seksyen 5 *gives,* seksyen 58 *takes it back* dengan izin.

■1130

Jadi dengan kata lain kita masih terperangkap kerana perkara ini adalah jelasnya ditentukan oleh Perlembagaan 145. Itu kita maklum, Dewan yang mulia ini cukup maklum. Semalam semasa Ketua Pembangkang berbahas, saya mencelah dengan mengatakan penekanan saya kepada semua ala *Westminster* ini, berdemokrasi ini, di sinilah terperangkapnya *the bottleneck*, apa yang dikatakan *separation of powers* itu hanyalah pada teori, tidak pada amalan kerana kedudukan Peguam Negara itu masih menentukan kuasa penentuan dalam pendakwaan. Maka di situlah letaknya apa yang dikatakan terus-terusan berlaku *selective prosecution* ataupun pendakwaan terpilih, sehinggakan apa yang kita lihat hari ini keseluruhannya adalah akibat daripada *selective prosecution.*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan sedikit. Apakah boleh kiranya Dewan yang mulia ini *think out of the box* sikit, berfikir di luar kotak sikit. Persediaan kita, kesediaan kita untuk meminda Perlembagaan Persekutuan sehinggakan kalau boleh, kerana ini ada dua, tiga cara hendak saya usulkan di sini. Pertamanya, menggunakan kaedah *Director of Public Prosecutor,* bukan *Deputy Prosecutor.* Namanya pun DPP dan mewujudkan kedudukan *Director of Public Prosecutor* sama ada yang diamalkan di UK, di England, di Iceland, di Australia pun ada. Kalau tak silap saya, di Kanada, Hong Kong juga mengamalkan itu. Apa pun namanya tidak penting. Ada yang memanggilnya sebagai *Advocate General.*

Untuk memberikan kebebasan bertindak di luar kongkongan Peguam Negara ataupun AG. Kalau itu tidak boleh diterima, apakah boleh kiranya kita mengambil kembali kaedah lama, susunan lama di mana satu ketika dahulu Tan Sri Hamzah Abu Samah dan Tan Sri Abdul Kadir Yusuf dilantik daripada Ahli Parlimen pemerintah supaya peribadi itu duduk dalam Dewan Rakyat ini, Dewan yang mulia ini untuk mempertahankan dan menjelaskan apa jua tindakan-tindakan beliau. Sama ada pendakwaan yang dibuat ataupun tidak buat, kerana kita mahukan kebebasan dan *independent* suruhanjaya ini dapat kita langsungkan dan kita tunaikan, kerana inilah antara perkara yang sekian lamanya merupakan pertikaian, tetapi malangnya dalam penampilan ataupun dalam rang undang-undang ini ia tidak sekali lagi ditangani dan diuruskan dengan baik. Itu cadangan yang boleh kita teruskan perbincangannya. Kalau ada masa lagi saya ingin terus sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, gulung. Gulung Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sudah gulung? Saya ingin juga untuk menyokong cadangan beberapa sahabat-sahabat daripada sama ada sebelah sana mahupun sebelah sini akan perlunya kita membudayakan suatu kehidupan yang benar-benar benci rasuah dan sekali gus ia memerlukan antara lainnya akta *whistle-blower* itu, perlindungan kepada pelapor.

Begitu juga saya kira peruntukan menteri untuk mengadakan *by-law* itu saya kira satu perkara yang perlu kita teliti dengan lebih cermat, kerana kita sudah menyaksikan contohnya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Menteri membuat *by-law* ataupun *conduct of election* yang tidak diluluskan di Dewan yang mulia ini, tetapi benar-benar menjejaskan kelancaran dan kelicinan *free and fair elections* sebagai perkara yang tak perlu saya sebutkan termasuklah isu barungnya, isu pondok panasnya dan sebagainya ataupun apa lagi? Dakwat kekalnya dan segala-galanya yang dimasukkan, yang diseludup daripada *back door* dan akhirnya termasuk juga cukai setem yang semua MP kita ini, calon-calon dahulu cukup berjaga-jaga kerana takut dibatalkan.

Akhirnya, kita lihat bagaimana? Itu kerana apa? Kerana peruntukan khas seperti ini, *clauses* atau klausa-klausa seperti ini. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, dengan cukup mengiktiraf laluan yang diberi ini saya menyebutkan bahawa pembanterasan rasuah ini tidak hanya daripada sudut perundangan. Pelaksanaan itu adalah cukup penting dan perlu dilihat daripada beberapa aspek yang lain. Bukan hanya sudut perundangan tetapi seperti mana yang telah disebutkan, aspek *deterrent,* aspek *prevention,* aspek pendidikan yang akhirnya pada semua penganut agama yang punya agama, akhirnya persoalan ini,

persoalan untuk menjadikan rasuah ini satu yang kita benci adalah cukup penting seperti mana yang telah ditegaskan oleh kawan-kawan yang lain, kalau itulah strategi kita bukan hanya melihat kepada pindaan Perlembagaan, tetapi satu cara hidup yang bebas rasuah, satu budaya hidup yang mahu mencari kebenaran, keadilan, kesejahteraan untuk semua khususnya paling penting bagi orang Islam dan juga penganut-penganut agama lain.

Bagaimana kalau benar-benar ia telah menjadi sarat dengan amalan rasuah sehinggakan ada yang mengatakan, bahawa salah satu daripada sebuah parti besar di negara ini akan runtuh kerana rasuah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Maka diingatkan *[bercakap dalam bahasa Arab]* Yang beri mahupun yang terima ataupun mana-mana pihak yang bersekongkol, semua itu menempah tiket di neraka jahanam. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Susah sangat hendak *landing* Yang Berhormat ya?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Ketawa]* Saya mohon mempertikaikan. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

11.36 pg.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya ruang dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Saya seperti rakan-rakan yang lain daripada Barisan Nasional dan juga daripada sebelah Pakatan Rakyat agak terkilan dan juga menyahut serta ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kita dan juga Menteri yang telah membentangkannya kerana seperti kata rakan-rakan, memang sudah terlewat. Memang sudah lewat tapi ini juga pada satu masa yang bagus. Walaupun ada unsur-unsur nampak gaya bahawa Perdana Menteri yang membawa ini tidak akan lama, mungkin tiga bulan menjadi Perdana Menteri, tetapi saya percaya bahawa ini adalah satu tindakan yang bagus,di mana rakyat Malaysia yang telah lama kami mendidik, *[Disorak]* lama kami mendidik Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Arau dan ramai daripada mereka yang kata pembangkang kata ini kata itu, kata ini kata itu.

Kita tidak kata-kata sahaja, kita mendidik rakyat negara ini setiap malam sehinggakan Perdana Menteri yang ini, Yang Berhormat Kota Belud pun ada ini, Yang Berhormat Kota Belud yang hari tu berani bersuara mengatakan dia tak menang kerana dia tidak rasuah. Betul itu, saya sokong. Kita mendidik setiap malam seluruh negara, Sabah, Sarawak sehinggakan datang ke sini hari ini, rakan-rakan Barisan Nasional sendiri saya dengar Yang Berhormat Kapit tadi kata, "Jangan cerita tentang CMS *Group*." Apa yang tidak patut dicerita? Ini Parlimen, ini Dewan.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, pembetulan. Saya tidak menyebut sebegitu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kapit, tolong duduk. Saya tak bagi laluan. Duduk!

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Eh!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak payah buat begitu Yang Berhormat. Saya tahu.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Ini salah Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Padang Serai ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *I did not say that. You look into the* Hansard*. Please sit down!* Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Peningkah apa?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sarawak, saya pun baru balik dari Sarawak. Saya melihat, saya balik kampung saya di Kapit juga, tetapi kawasan Parlimen lain. Bersebelahan Kapit. Saya balik kampung saya kerana gejala rasuah ini Tuan Yang di-Pertua, sampai hari ini, walaupun kita melihat sudah puluhan tahun merdeka, jalan raya ke kampung saya belum ada lagi. Jadi CMS *Group* ini dilaporkan di Australia *The Edge* seperti kata Yang Berhormat Kuching tadi 15 Mei 2002 sudah dilapor. Apakah pandangan rakyat Australia terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita?

■1140

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terhadap kerajaan kita.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Bagi laluan sedikit, minta penjelasan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Kuala Krau semua tolong duduk.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya, ini kawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta laluan sedikit.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Apa yang sebut-sebut Arau ini? *[Ketawa]* Tidak ada kena mengena pun.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Beri laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Dia tidak jemput.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Dia kawan ini, dia memang bagi jalan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Putatan, saya tahu di Putatan puluhan ribu pengundi-pengundi...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tidak, ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Menjadikan Yang Berhormat Padang Serai ini menjadi orang Dayak ini, saya mahu tahu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Berapakah dibayar?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terus Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Di Putatan sendiri ribuan rakyat asing yang memiliki kad MyKad. Di Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sebelum itu saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Padang Serai bagilah laluan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Di Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Berapa bayar? Minta ini.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Beribu-ribu orang berjalan-jalanan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sama juga ini berapa bayar?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...di pekan, pendatang asing yang tidak layak memiliki kad pengenalan MyKad berjalan-jalan, berlegar-legar sekeliling rumah wakil rakyat sendiri. Ini juga masalahnya kerana tidak tertubuhnya satu suruhanjaya. Ya, kita semua...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Kalau berani bagilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mana Yang Berhormat?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Peraturan Mesyuarat 36(6).

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Duduklah Padang Serai. Belajar sikit.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Begitulah kami mendidik Yang Berhormat Padang Serai untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat 36(6) pasal apa Yang Berhormat?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Peraturan Mesyuarat 36(6), dia sangkaan jahat. Yang Berhormat Padang Serai menuduh wakil rakyat Yang Berhormat Putatan dikelilingi...

Seorang Ahli: Duduk, duduk.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: ...oleh orang PATI, itu sudah salah. Itu tidak benar. Itu tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apa Yang Berhormat. Saya fikir ia nya sampai ke tahap sedemikian. Teruskan Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya percaya Yang Berhormat Putatan perlu pendidikan lebih. Saya akan mendidik lagi. Tuan Yang di-Pertua saya mengatakan PATI terlalu ramai di Putatan kerana saya baca dalam satu buku yang diberi percuma dalam *lobby* Parlimen minggu lalu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya dari Sarawak saya pergi ke Sabah. Dari Sabah saya ke Semenanjung sekarang. Maika Holdings adalah satu entiti yang ditubuhkan puluhan tahun lalu oleh beberapa pemimpin politik, khususnya MIC dan Samy Vellu. RM100 juta dikutip daripada rakyat-rakyat India yang bising. Saya sendiri melabur RM5000.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: *You* MIC kah. Dulu MIC kah?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kalau mahu cakap bangun, saya boleh melihat. Ini tidak nampak.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Bangun]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kuala Krau tolong duduk. *[Ketawa]* Beribu-ribu rakyat Malaysia.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tadi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kalau baling batu jangan berlindung, berani macam jantan. Jadi, Maika Holdings ini, seluruh masyarakat India.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Mohon laluan. Arau berani macam jantan.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau pun bangun berani macam jantanlah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, tak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Kalau berani bagi laluan. Kalau berani.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Mohon laluan, Arau berani macam jantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Kalau jantan bagi laluan, kalau betina tidak bagi laluan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kalau betina ini saya tidak bagi laluan. *[Ketawa]* Dia sebut saya sebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Maika Holdings ini selepas 28 tahun hari ini *chairman* mengatakan, "*We will pay dollar to dollar*". Selepas 28 tahun, selepas mereka menjual Ladang Tumbuk Estet. *The valuation* dengan izin pada hari itu RM120 lebih juta Ladang Tumbuk Estet; tetapi dijual kurang daripada RM50 juta kerana mereka mempunyai penguasaan politik di negara ini. Siapa mereka? Bekas Menteri Kerja Raya, Samy Vellu.

Ini berlaku kerana kita tidak mempunyai satu entiti, satu organisasi, satu suruhanjaya yang kuat di negara ini. Saya mahu tanya kepada Menteri, selepas penubuhan suruhanjaya ini, adakah siasatan akan dibuat? Adakah mereka akan ambil tindakan bukan sahaja satu ladang yang berharga RM100 lebih juta tetapi satu lagi harta Maika Holdings iaitu United Oriental Assurance. Itu juga dalam keadaan begini. Ini semua berlaku kerana rasuah Tuan Yang di-Pertua, rasuah yang di dalangi yang di dokong oleh penguasaan politik di negara ini.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ipoh Barat pun tidak setuju.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bangun, bangun saya mahu lihat siapa dia. Bangun *[Ketawa]* Jantan kah betina? Saya mahu lihat, bangun. Tidak ada. Jadi Tuan Yang di-Pertua selepas 28 tahun, semalam saya di Madras, Samy Vellu ada di Madras. Bekas Menteri ini. *[Dewan riuh][Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tadi kata Sabah, Sarawak. Sekarang sudah Madras kah. Kereta api banyak laju kah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tadi Sabah Sarawak, sekarang Madras. Apa perjuangan di Madras?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak boleh mencelah begitu Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kalau tidak berani, saya mahu tengok jantan kah betina. Tolong bangun.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tidak apa bersama saya di Madras.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ini semua berlaku kerana saya percaya pada tahun 1997 atau 1998 satu rang undang-undang juga di bawa sama seperti lebih kurang macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, yang Madras tadi belum selesai lagi Yang Berhormat. *[Dewan riuh][Ketawa]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mahu dengar lagi. Jadi Menteri.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Cerita banyak-banyak Madras ya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih, bekas Menteri dari Barisan Nasional ini.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini HINDRAF ini, Ketua HINDRAF.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...dan hari ini duduk di situ bagaikan seorang berstatus tinggi juga. Maharaja tidak raja. Bukan Raja Gopal, Raja.

Jadi ini berlaku pada masa dia di sana, membuat projek di sana rakyat India, rakyat Malaysia, rakyat Melayu, Cina, Iban, Kadazan, Dusun semuanya ditipu oleh Kementerian Kerja Raya pada masa itu merana hari ini di sini. Kawan-kawan saya dari golongan Orang Asli negara ini juga lebih teruk keadaan mereka sehinggakan rumah pun tidak ada, elektrik pun tidak ada.

Rakan-rakan Penan, kematian di kalangan mereka di antara yang paling tinggi di dunia, kerana siapa? Ini kerana kita, kerana kerajaan yang tidak pandai menjaga dan tidak sewenang-wenangnya melepaskan mereka yang melakukan gejala-gejala rasuah ini. Dilepaskan begitu sahaja. Bila bangun Bandar Kuching, dia bangun menentang. Apa salah didedahkan kebenaran-kebenaran ini? *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Saya katakan kebenaran ini walaupun saya tahu rakan-rakan di sebelah sana itu mereka sanggup mengheret saya keluar. Saya tidak kisah, tetapi kebenaran mesti dikatakan kerana ini Dewan yang mulia ini saya ucapkan syabas kepada Bandar Kuching, tolong dedah banyak lagi. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen - Dewan ini mesti mengambil pertimbangan yang serius. Suruhanjaya ini perlu bertindak supaya rakan-rakan kita yang duduk di sana, ramai saya tahu. Beberapa mereka seperti Kalabakan, seperti Bintulu, seperti Kinabatangan, mereka telah bersuara dalam masalah ini di mana MyKad yang disalah guna itu, saya mahu suruhanjaya ini mengambil tindakan. Tadi Maika, ini MyKad. Tolong hadir ceramah-ceramah kita supaya kamu boleh dididik.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bangun, bangun tolong bangun. Perkenalkan diri. Jadi Tuan Yang di-Pertua pelantikan.

■ 1150

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Padang Serai, mohon laluan..

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada masa tambahan kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak habis dah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Padang Serai, jadilah jantan sikit.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya ambil masa dia lima minit boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tak apalah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, pelantikan lima orang oleh Menteri. Itu saya percaya perlu ada pertimbangan Parlimen, sebab hari ini mungkin Menteri ini, dia tidak rasuah. Akan tetapi kita tidak tahu yang lain, yang duduk di situ, termasuk di sini, ini tidak rasuah, sana ramai saya percaya, saya percaya Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau seorang daripada mereka yang menjadi Menteri, apa akan berlaku?

Lima orang yang dilantik oleh Menteri itu, lima-lima pun dia lantik kaki rasuah, apa mahu berlaku? Seperti yang berlaku kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, rakan baiknya tiba-tiba saja minta supaya dia letak jawatan. Itu pun nasib baik kita ada masa, dia boleh bawa ini akta ini, ini suruhanjaya ini. *[Tepuk]*

Nasib baik ada masa, sebab pertimbangan, perancangan, yang duduk di sana itu, tidak setimpal dengan rancangan Tuhan. Rancangan Tuhan yang berjaya memberikan masa laluan untuk kita ini supaya kita boleh debat dan bawa hal ini di Parlimen dan juga supaya satu suruhanjaya yang bebas, satu suruhanjaya ditubuhkan.

Jadi saya tak setuju langsung lima orang itu dipilih oleh Menteri. Satu Jawatankuasa Parlimen yang harus pilih, membuat pelantikan lima ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua, dan rakan-rakan sebelah sana, kami telah mendidik kamu sepuluh tahun ini... *[Dewan riuh]* sepuluh tahun kami telah mendidik kamu, marilah bersama-sama dalam pendidikan ini, dan kerana pendidikan itulah hari ini lahirnya satu idea untuk satu suruhanjaya seperti ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat Pendang.

11.54 pg.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum* w*arahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera dan selamat pagi. Harapan rakyat untuk melihat suruhanjaya yang dibahaskan pada hari ini tidak menjadi seperti mana suruhanjaya-suruhanjaya yang telah ada, seperti mana SUHAKAM dan juga suruhanjaya untuk penambahbaikan polis. Ini kerana syor-syor yang dibuat oleh kedua-dua suruhanjaya ini nampaknya tidak berjalan dan kita harap ini tidak akan berlaku kerana suruhanjaya yang dibentuk untuk membanteras rasuah ini.

Sebagaimana yang kita tahu, rasuah ini merupakan satu penyakit. Kalau dadah kita boleh disebut najis, rasanya rasuah ini lebih teruk daripada najis. Kita boleh sebut kepada pengamal-pengamal dan juga bentuk rasuah itu sendiri. Jaminan yang telah diberikan oleh Padang Rengas iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan suruhanjaya ini akan mempunyai gigi yang tajam. Kita rasa ini merupakan satu jaminan dan kita harap Menteri yang selepas beliau yang menjaga akan mengotakan apa jaminan yang telah diberikan oleh beliau kerana jaminan hanya jaminan mulut, tidak ada terkandung di dalam bentuk tulisan dan juga bentuk undang-undang ini.

Jadi kita harap mMnteri yang ada, seperti mana yang disebut oleh Padang Serai tadi, adalah Menteri yang mempunyai tahap ataupun integriti yang sama seperti mana yang ada pada hari ini. Kita tidak mahu suruhanjaya yang ditubuhkan ini menggunakan hanya banyak wang pembayar cukai untuk membayar emolumen kepada mereka yang menjadi anggota suruhanjaya, tetapi apa yang disyorkan oleh mereka tidak terpakai, ataupun tidak akan menjadi apa-apa pelaksanaan di dalam melaksanakan. Ini kerana yang akan menjadi titik tolak kepada pelaksanaan syor-syor adalah terletak pada Peguam Negara ataupun AG dan juga Perdana Menteri sendiri.

Di dalam rang undang-undang ini, tidak nampak satu ikatan yang memberikan kuasa kepada suruhannya untuk bertanggungjawab dalam proses pendakwaan dan tidak ada kemestian bagi Peguam Negara mematuhi syor yang dibuat oleh suruhanjaya ini. Apakah ini menandakan suruhanjaya ini tidak bebas menjalankan tugas mereka setelah mereka bertungkus-lumus menjalankan siasatan. Tiba-tiba bila sampai kepada proses untuk dakwaan, sebagaimana saya sebut tadi, Peguam Negara tidak mahu meneruskan prosedur tersebut kerana tidak ada klausa di dalam rang undang-undang ini yang menyatakan syor itu mesti dipatuhi oleh Peguam Negara.

Peguam Negara pula tidak tertakluk kepada persoalan yang boleh mempertikaikan keputusan beliau. Apakah beliau boleh ditanya dan dipersoalkan, kenapa tidak didakwa kes yang telah disiasat oleh suruhanjaya, dan apakah beliau boleh dipersoalkan juga di dalam Parlimen, sebagaimana yang kita pernah lihat di zaman Tan Sri Kadir Yusof dan juga Tan Sri Hamzah Abu Samah? Kita lihat ada tiga jawatankuasa yang dibentuk yang terdapat dalam rang undang-undang ini iaitu Jawatankuasa Pemantau, Jawatankuasa Aduan, dan juga Lembaga Penasihat yang mana satunya dilantik oleh Yang di-Pertua Agong, satunya oleh Perdana Menteri dan satu lagi oleh Menteri.

Akan tetapi dari satu segi, yang nampak mengamalkan suruhanjaya ini macam dipengaruhi oleh sama ada yang dilantik oleh Agong, dilantik oleh Perdana Menteri ataupun yang dilantik oleh Menteri. Cuma kita lihat Jawatankuasa Aduan sahaja yang boleh mempertikai ataupun membuat apa-apa laporan terhadap ketidaktelusan ataupun apa-apa yang kita rasa tidak puas hati berhubung dengan jawatankuasa ini.

Walaupun roh suruhanjaya ini nampak menunjukkan ketelusan dan akan mencengkam semua yang mungkin terlibat dengan rasuah seperti yang disebut oleh Menteri semasa pembentangan sampai anak, menantu, saudara mara juga akan terkena, sebenarnya ia nya akan akhirnya berakhir ataupun berpunca ataupun ditentukan oleh Peguam Negara itu sendiri.

Jadi saya rasa ini merupakan satu perkara yang perlu diberi perhatian dalam rang undang-undang ini. Dalam tugas Ketua Pesuruhjaya tersebut bahawa mereka hendaklah mempunyai kuasa, pegawai suruhanjaya ini hendaklah mempunyai apa-apa kuasa Timbalan Pendakwa Raya sebagaimana yang diberi kuasa oleh Pendakwa Raya. Akan tetapi apabila sampai kepada pendakwaan mestilah dimulakan oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya. Apa makna kuasa Pendakwa Raya yang diberikan kepada Ketua Pesuruhjaya tadi?

Ini yang dikatakan suruhanjaya ini kita tak mahu menjadi sebuah suruhanjaya yang disebut sebagai suruhanjaya harimau yang tidak bergigi ataupun harimau robot yang tidak mempunyai gigi. Rang undang-undang ini juga, Tuan Yang di-Pertua, menyamakan suruhanjaya ini seperti polis dan juga pegawai penjara di dalam sesetengah klausa dia dalam menjalankan tugas seperti tugas menahan dan juga pejabat suruhanjaya dikatakan sama seperti pejabat polis, boleh menahan orang-orang yang disiasat.

Apakah selepas ini akan ada pusat tahanan di dalam pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ini seperti mana yang wujud di pejabat polis yang lain dan bagaimana pula dengan latihan yang mereka terima. Adakah mereka yang berada dalam suruhanjaya ini mendapat latihan sebagaimana latihan yang diberikan kepada pegawai polis dan juga kepada pegawai-pegawai penjara? Dalam klausa yang mengatakan...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Perhatian, sedikit penjelasan.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: 30 saat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: 30 saat sahaja?. Adakah Yang Berhormat merasakan bahawa SPRM ini akan mempunyai taring untuk menyemak kembali kes-kes yang telah diselesaikan oleh BPR yang sekarang ini berada ataupun tersekat di Pejabat AG. Harap dapat penjelasan. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Kita harap kalau kes ini adalah *prima facie* ataupun integriti ataupun komitmen yang ditunjukkan seperti mana yang dijelaskan oleh Menteri, kita harap benda ini akan dapat berjalan dan akan membuka balik kisah-kisah lamalah yang sepatutnya dibawa ke muka pengadilan.

Di bawah klausa yang menyatakan tugas pegawai bawahan anggota suruhanjaya, mereka hendaklah menerima arahan dan petunjuk daripada pegawai atasan secara lisan atau tulisan. Apakah ini bukan merupakan satu perangkap kepada pegawai bawahan kerana kalau hanya arahan berbentuk lisan yang perlu dipatuhi. Maka apa akan berlaku jika berlaku penafian setelah sesuatu yang nampak akan mengenai atau membabitkan pegawai atasan tersebut, maka tidakkah pegawai penyiasat tadi akan menjadi kambing hitam.

Saya rasa ini menganiayai pegawai yang menyiasat, hanya mendapat arahan dalam bentuk lisan, tidak bentuk tulisan. Tidakkah lebih baik jika dikatakan arahan lisan yang mesti dituruti, arahan lisan tetapi mesti dituruti dengan arahan bertulis atau arahan lisan dan bertulis kerana kita tahu dan masih segar dalam ingatan kita di mana kes Menteri memberi arahan bertulis dengan tulisan tangan kepada Ketua Setiausaha satu kementerian satu masa dahulu.

■1200

Akhirnya Ketua Setiausaha masuk jel, Menteri bebas dan masih dapat mengumpulkan harta. Akan tetapi kalau kita lihat kepada kuasa menyiasat terhadap aduan pula. Walaupun ianya dalam bentuk lisan tetapi ia mesti diubah ke dalam bentuk tulisan dan dibaca kepada pengadu dan ditandatangani oleh pengadu serta dimasukkan dalam rekod untuk siasatan, simpanan dan rujukan. Saya rasa ada macam satu perbezaan di antara arahan dengan siasatan tadi.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kesalahan rasuah ini dia berbeza dengan kesalahan jenayah untuk lain. Di mana dalam pertuduhan jenayah pendakwa mesti membuktikan bahawa orang yang kena tuduh melakukan kesalahan dengan bukti yang nyata. Akan tetapi dalam kes rasuah orang kena tuduh mesti membuktikan bahawa harta dan barangan dan lain-lain yang ada pada beliau itu bebas dari unsur-unsur rasuah. Maka tidak hairanlah jika suatu ketika dahulu bekas Ketua Polis Negara mengatakan bahawa 40% daripada pegawai atasan polis boleh disabitkan dengan rasuah hanya kerana gaya hidup mewah mereka.

Dalam proses menerima aduan, apakah pihak anggota suruhanjaya akan menjalankan siasatan hanya apabila;

(i) menerima aduan atau;

(ii) hanya dengan mensyaki sesuatu kelakuan mewah yang tidak sepadan dengan tugas pegawai tersebut atau;

(iii) menerima aduan dengan hanya surat layang atau *hearsay*; dan

(iv) gaya hidup seorang pegawai tersebut hanya berdasarkan maklumat yang diterima oleh pegawai suruhanjaya untuk melakukan penyiasatan.

Saya bersetuju jika pembawa fitnah dihukum dengan hukuman yang berat sepertimana yang disebut Yang Berhormat Maran tadi *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* "Sesungguhnya fitnah itu lebih dahsyat daripada membunuh". Harapan agar kerahsiaan nama pemberi maklumat perlu dijaga walaupun oleh sesiapa dan tidak perlu didedahkan oleh pendakwa raya dan pegawai suruhanjaya. Melainkan hanya untuk tujuan siasatan dan dalam mahkamah. Tidak seperti yang dinyatakan dalam fasal 29(4), saya rasa Rang Undang-undang Pelindungan Saksi yang dibentangkan pagi ini diharap dapat membuka ruang untuk lebih ramai memberi maklumat berhubung dengan kes rasuah ini. Tahniah kepada Menteri yang membawa undang-undang pada pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai suruhanjaya juga dikatakan sentiasa dalam keadaan bertugas. Apakah maknanya mereka ini sentiasa dalam keadaan bertugas? Apakah macam di dalam hospital kita ada tugas *on call* ataupun tugas *standby call*? Bagaimana pula dengan elaun yang didapati oleh mereka? Apakah berdasarkan masa ataupun ketika yang mereka gunakan untuk melakukan tugas-tugas? Adakah sentiasa dalam keadaan ini, bermakna mereka boleh mendapat *over time* elaun sentiasa kerana

mereka ini sentiasa dalam keadaan *on call.* Jadi saya minta penjelasan daripada Menteri berhubung dengan perkara ini.

Satu lagi saya rasa kredit kita berikan kepada rang undang-undang ini yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri dengan jelas mengatakan bahawa pemberi dan penerima rasuah adalah merupakan satu kesalahan. Sesuai dengan hadis yang dibaca oleh ramai sahabat tadi, *[Membaca sepotong Hadis].* Ini kerana kita tahu hasil yang mereka dapati daripada hasil rasuah ini merupakan satu hasil yang haram bagi orang Islam. Kita kena tahulah, *[Membaca sepotong Hadis]* "Setiap daging yang tumbuh daripada sumber yang haram itu, api neraka adalah lebih aula".

Jadi sekiranya kita tahu terutamanya orang yang beragama Islam, kita mestilah kena faham bahawasanya setiap yang tumbuh itu walaupun setitik darah yang kita dapat itu daripada sumber yang haram maka, akhirnya akan dihumban oleh Allah SWT di dalam api neraka. Walaupun begitu, saya rasa satu penelitian harus diberikan kepada mereka yang menerima dan memberi rasuah yang tidak mempunyai kaitan. Ini kerana dalam rang undang-undang ini ada menyebut khusus berhubung dengan kaitan ataupun orang yang tidak mempunyai kaitan dengan hal ehwal perniagaan atau *principle*. Bahkan mereka yang tidak ada kuasa atau tidak ada niat, bahkan tidak sebenarnya berbuat sesuatu dan tidak pun ada hubungan dengan hal ehwal yang melibatkan rasuah tersebut.

Kita mula berasa hairan di dalam klausa ini dikatakan agen kepada seseorang tetapi dalam sub klausa dikatakan tidak mempunyai kuasa. Ini suatu yang agak janggal dan *contradict* atau mungkin kesilapan daripada penjelasan yang diberikan kepada saya. Saya harap Menteri juga dapat memberikan penjelasan terhadap klausa ini. Bagaimana ia boleh menjadi agen kalau ia tidak ada kuasa, bahkan tidak mempunyai kuasa untuk mempengaruhi.

Kalau kita lihat kepada apa yang berlaku dalam negara kita ini kadang-kadang kepada *driver* Menteri misalnya ataupun mereka yang dekat dengan Menteri walaupun dia tidak mempunyai kuasa tetapi ia boleh mempengaruhi. Adakah ini yang dimaksudkan di dalam klausa ini. Kalau kita sebut tentang tolong ataupun kuasa ataupun membantu saya rasa kesusahan hati yang disebutkan oleh seorang daripada wakil BN semalam, saya tidak ingat dari mana. Orang-orang politiklah merupakan mereka-mereka yang mungkin terdedah kepada mereka yang boleh didakwa dalam klausa ini.

Tentang penterjemahan dokumen terdapati dalam ini disebut tentang mereka-mereka yang akan diberikan ganjaran apabila mereka dikehendaki untuk menterjemah sesuatu dokumen ataupun data. Saya hendak tahu adakah mereka yang sedang disiasat itu sendiri akan diberikan sesuatu kredit ataupun ganjaran sekiranya mereka itu sendiri yang menterjemah?

Dalam ini hanya disebut orang yang membantu untuk menterjemah kepada sesuatu yang disiasat. Harta yang disita yang tidak mudah rosak dan tidak perlu dijual didapati susut nilai. Apakah ganti rugi akan dibayar seandainya habis siasatan? Maka tidak didapati tidak disabitkan kesalahan kepada orang yang disiasat supaya penganiayaan tidak berlaku kepada mereka yang siasat tetapi tidak bersalah dalam keadaan harta ataupun bahan bukti tersebut sudah susut nilai.

Di akhir perbahasan ini saya ingin menyeru sekali lagi supaya sama-samalah kami di sini juga menyokong dan pihak Barisan Nasional juga menyokong supaya kita dapat membentuk sebuah masyarakat yang bebas dari rasuah ini. Kita letakkan satu konotasi kepada rasuah ini sebagai satu najis yang akan merosakkan diri dan juga masyarakat. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rasah.

12.07 tgh.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini. Pada hemat saya, pembentangan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini adalah penghasilan daripada Tsunami 8 Mac yang lepas. Kalau tidak ada Tsunami 8 Mac, tidak mungkin suruhanjaya ini akan dibentangkan pada pagi ini. Jadi saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana membentangkan rang undang-undang ini dan juga syabas kepada rakyat Malaysia yang menyokong dan mengundi Pakatan Rakyat pada 8 Mac yang lepas sehingga menghasilkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini.

Sering kali selama ini kita menyatakan bahawa Badan Pencegahan Rasuah di Hong Kong bernama ICAC. Di Malaysia Badan Pencegah Rasuah kita sering menyatakan ia 'ICBC'. Kalau tanya orang Pulau Pinang di faham apa itu 'ICBC'. Adalah diharapkan selepas adanya suruhanjaya ini maka *tag* nama ini dapat dikeluarkan daripada BPR Malaysia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan rang undang-undang ini daripada beberapa aspek yang saya rasa adalah penting juga. Salah satunya merupakan fungsi daripada untuk suruhanjaya ini saya melihat kepada fasal 7:-

(f) mendidik orang ramai untuk menentang rasuah; dan

(g) mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

Pada hemat saya pendidikan kepada orang ramai ini adalah cukup penting. Kita perlu menyatakan atau perlu mendidik rakyat Malaysia sehingga ada satu budaya membenci rasuah ini. Bukan sahaja najis tetapi jahanam kepada negara kita.

Saya lihat kepada pengalaman yang telah dikongsi oleh ICAC di Hong Kong, mereka mengatakan bahawa untuk mendidik orang ramai untuk membenci rasuah ini bukan satu proses yang mudah. Mungkin mengambil beberapa tahun, mungkin 10 tahun, mungkin 20 tahun. Kita memerlukan satu proses apa yang dikatakan oleh Timbalan Pesuruhjaya Hong Kong, ICAC Hong Kong, satu *cultural revolution* Hong Kong, revolusi kebudayaan supaya masyarakat melihat budaya rasuah itu sebagai satu jahanam. Bagi membudayakan ini ia adalah satu proses yang cukup-cukup susah.

■1210

Untuk memenangi perang terhadap rasuah ini bukan sahaja penguatkuasaan yang ketat tetapi kita memerlukan sokongan daripada semua pihak, daripada kerajaan, daripada NGO dan parti politik, tetapi yang paling penting rakyat Malaysia perlu menyokong agenda memerangi rasuah ini. Pada hemat saya dan juga melihat kepada pengalaman di Hong Kong, salah satu cara yang paling berkesan dan paling efektif untuk kita membudayakan budaya integriti ini ialah melalui penghasilan drama-drama. Daripada pengalaman yang dikongsi oleh ICAC Hong Kong, mereka mengatakan bahawa salah satu cara yang paling berkesan untuk memberitahu rakyat apa itu rasuah, apa cara kita untuk memerangi rasuah ialah penghasilan drama-drama ICAC.

Saya pun seorang peminat drama-drama Hong Kong, khasnya drama-drama ICAC ini. Drama-drama ICAC ini bukannya cerita-cerita khayalan, cerita-cerita mereka adalah berdasarkan kes-kes yang sebenarnya. Saya mencadangkan kepada pihak suruhanjaya, apabila penghasilan suruhanjaya ini dapat direalisasikan saya berharap salah satu unit ialah Unit Perhubungan Awam dan mungkin salah satu cara yang boleh diguna pakai ialah melalui penghasilan drama-drama ini. Kalau penghasilan drama ini janganlah hanya berharap kepada RTM, kenalah bekerjasama dengan penerbit-penerbit profesional. Penerbit-penerbit yang benar-benar menghasilkan drama-drama bermutu, yang bukan sahaja bahan-bahan propagandis tetapi menghiburkan.

Namun untuk menghasilkan drama-drama ini kita memerlukan jalan cerita yang benar. Kita memerlukan suruhanjaya ini benar-benar dapat menangkap ikan-ikan yu yang besar untuk menangkap kes-kes yang besar. Kalau setakat menangkap ikan bilis sahaja maka jalan cerita ini tidak akan menarik.

Di Hong Kong setiap dua tahun mereka *classified* kes-kes yang mereka telah jalankan. Mereka akan melihat selok-belok bagaimana rasuah itu dijalankan. Bagaimana pihak ICAC menyelesaikan kes-kes itu, baik melibatkan pihak kastam, baik melibatkan pihak polis Hong Kong dan orang dalaman, bagaimana mereka menyuap pihak polis dan pihak kastam. Semua ini adalah cerita yang benar.

Saya berharap kita juga ada satu mekanisme untuk dapat menghasilkan drama-drama ini supaya mungkin selepas dua tahun, selepas kes itu dapat diselesaikan, dapat *declassified* supaya ia dapat dijadikan sebagai satu bahan untuk menerbitkan drama dan tontonan orang ramai. Kita bukan sahaja dapat memberitahu kepada rakyat apa itu rasuah, bagaimana pihak MACC itu menyelesaikan masalahnya tetapi juga dapat meningkatkan kredibiliti MACC. Salah satu fungsinya juga ialah mengidolakan supaya anak-anak muda kita melihat pegawai yang memerangi rasuah dan pegawai kerajaan yang menjadi pegawai penyiasat MACC ini merupakan satu idola kepada mereka. Apabila mereka dewasa nanti mungkin salah satu cita-cita bagi pekerjaan mereka ialah menjadi pegawai penyiasat Badan Pencegah Rasuah. Ini merupakan salah satu cara yang saya rasa cukup penting yang perlu juga dititikberatkan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ini.

Perkara kedua ialah pendidikan. Saya merasakan pendidikan cukup penting kepada anak-anak muda kita dan saya mencadangkan supaya budaya untuk membenci rasuah ini dimulakan di peringkat sekolah rendah lagi. Jangan biar tunggu sampai umur 20-an, 30-an baru kita hendak buat kempen. Dari kecil lagi, di peringkat sekolah rendah kita masukkan dalam kurikulum Pendidikan Moral. Perlu dimasukkan ada unsur-unsur bagaimana kita membenci rasuah dalam kurikulum untuk Pengajian Bahasa Malaysia, Pengajian Am dan sebagainya. Dalam tajuk-tajuk karangan yang diberikan untuk peperiksaan mungkin boleh dimasukkan salah satu tajuk bagaimana kita memerangi rasuah, bagaimana kita dapat menghasilkan sebuah budaya yang lebih berintegriti. Itu yang saya rasa perlu dititikberatkan oleh suruhanjaya ini supaya kita bukan sahaja mendidik tetapi membudayakan budaya integriti ini sejak kecil lagi. Ini satu perkara yang perlu dibuat juga oleh pihak suruhanjaya.

Perkara kedua yang saya ingin tekankan ialah berkenaan dengan *whistleblower*. Saya difahamkan pagi tadi telah dibentangkan satu undang-undang untuk memberikan perlindungan kepada mereka yang menjadi saksi. Ini mengingatkan saya semula kepada satu kes yang pernah saya kendali empat tahun yang lepas, selepas saya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri. Saya telah membantu seorang gadis berumur 17 tahun yang telah datang kepada saya mengatakan bahawa apabila beliau diberhentikan oleh seorang pegawai polis dalam satu *roadblock* dia telah diminta suapan sebanyak RM304 dan beliau berikan. Beliau datang kepada saya dan saya membawanya untuk membuat satu laporan kepada pihak BPR Negeri Sembilan. Memang BPR ada mengambil tindakan terhadap polis tersebut dengan menangkap dan menahan pegawai polis tersebut, kemudian menggantung kerjanya dan membawa kes itu ke mahkamah.

Oleh kerana ketidakcekapan pegawai penyiasat BPR, maka kes itu telah dibuang oleh mahkamah atas masalah teknikal. Persoalannya, gadis ini yang membuat laporan terhadap pegawai polis tersebut telah disaman oleh pegawai polis tersebut, saman malu. Ia mengatakan bahawa gadis ini memfitnahnya menyebabkan dia hilang pekerjaan, malu di kalangan keluarganya dan malu di kalangan pegawai polis.

Apa yang saya hendak katakan di sini bahawa kalau ada insiden-insiden yang seperti ini ia hanya tidak akan menggalakkan orang ramai untuk membuat laporan. Kes ini saya bawa kepada pihak yang paling tinggi, kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada ketika itu yang juga merupakan Pengerusi *Caucus Human Rights Parliament,* Yang Berhormat Padang Rengas. Kabinet juga menasihatkan supaya pegawai polis tersebut menarik balik samannya tetapi pegawai polis itu enggan dan kes itu berjalan. Nasib baik mahkamah telah memutuskan bahawa dia tidak berjaya menyaman ataupun tidak memberikan kemenangan kepada pegawai polis itu.

Saya harap dalam suruhanjaya ini nanti ada satu mekanisme supaya dapat melindungi mereka yang membuat laporan. Walaupun mungkin pihak suruhanjaya tidak dapat membuktikan bahawa orang yang dibuat laporan ke atasnya itu tidak bersalah tetapi sekurang-kurangnya mereka yang membuat laporan itu tidak boleh dikenakan saman bahawa mereka memfitnah pegawai tersebut. Saya rasa ini juga perlu diberikan penekanan.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Boleh saya mencelah sedikit?

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: 30 saat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Kalaulah tindakan tidak boleh diambil kepada yang dituduh, bagaimana sekiranya benar-benar dibuat laporan palsu. Katakanlah, yang tadi itu Yang Berhormat kata memang betul ada kes, tetapi kalaulah cerita-cerita palsu apakah yang boleh diambil tindakan oleh orang yang kena adu? Terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Kalau maklumat yang diberikan palsu, memang ada peruntukan dalam rang undang-undang ini mengatakan bahawa mereka akan didenda. Akan tetapi saya tidak bersetuju bahawa hukumannya sehingga RM100,000! Saya tengok dalam peruntukan tersebut, kalau orang yang disabitkan bersalah dalam rasuah ia lima kali ganda daripada nilai suapan tersebut ataupun minimumnya RM10,000. Hanya RM10,000 tetapi orang yang memberikan maklumat palsu RM100,000. Ini saya rasa memberikan satu mesej yang salah. Dia bukannya *target* kepada orang yang mengambil suapan, rasuah tetapi orang yang memberikan maklumat.

Memang kita bukan hendak memberikan satu ruang kepada orang yang memfitnah untuk membuat laporan palsu, tetapi ini adalah tugas pegawai penyiasat untuk memastikan sama ada laporan yang dibawa itu palsu atau benar, bahawa orang yang dibuat laporan ke atasnya itu tidak boleh menyaman kepada orang yang membuat laporan. Ini adalah tugas dan peranan suruhanjaya. Kalau tidak benar, okey, ambil tindakan terhadap orang itu. Ini tanggungjawab BPR. Saya berharap ini ada satu mekanisme supaya melarang orang yang kena dibuat laporan itu menyaman balik kepada pelapor tersebut.

Perkara ketiga yang saya ingin katakan di sini ialah *accessibility*. Ini salah satu perkara yang penting juga. Sekarang ini pejabat-pejabat BPR terletak di kawasan-kawasan yang sukar di *access* oleh orang ramai. Saya pernah pergi ke Hong Kong, saya nampak pejabat-pejabat ICAC di Hong Kong ini di merata-rata tempat, di jalan-jalan besar, cukup mudah untuk orang ramai membuat laporan. Pejabatnya cukup *discrete,* semuanya dilitupi kaca hitam. Jadi, tidak boleh nampak orang yang masuk. Saya harap ini satu perkara yang mungkin perlu diberi tekanan juga oleh suruhanjaya supaya menubuhkan pejabat-pejabat suruhanjaya ini di tempat-tempat yang strategik, tempat-tempat yang mudah untuk orang ramai pergi membuat laporan. Akan tetapi bila masuk ke pejabat tersebut biarlah *discrete,* biarlah menjadi rahsia, orang ramai tidak nampak dan sebagainya supaya menggalakkan orang untuk pergi membuat laporan apabila terdapat laporan.

Satu perkara lagi yang saya juga ingin mendapatkan jawapan daripada pihak kerajaan ialah definisi "rasuah" itu. Memang dalam peruntukan rang undang-undang ini banyak telah dinyatakan apakah definisi suapan itu memberi atau menerima untuk memberikan sedikit kelonggaran dan sebagainya. Akan tetapi salah satu perkara yang lain yang saya juga ingin dapatkan penerangan daripada pihak kerajaan mengenai peruntukan Parlimen. Kalau ada Ahli-ahli Parlimen yang menyalahgunakan peruntukan Parlimen itu, itu juga merupakan satu unsur rasuah.

■1220

Saya difahamkan oleh rakan saya bahawa di BPR Negeri Sembilan telah dibuat satu laporan terhadap seorang Ahli Parlimen Taiping. Bukan Yang Berhormat Taiping sekarang tetapi Yang Berhormat Taiping dahulu. Bekas Ahli Parlimen Taiping, presiden parti nyamuk dalam Barisan Nasional yang sudah tidak dimahukan oleh Barisan Nasional sekarang, panggil dia, berambuslah, bekas Ahli Parlimen Taiping. Ada satu dakwaan

terhadap beliau menyatakan bahawa beliau menyalahgunakan peruntukan Parlimennya pada penggal yang lepas. Menggunakan RM160,000 untuk melangsaikan pinjaman perumahan ini.

Saksi telah memberikan keterangan termasuk PA beliau telah memberikan keterangan kepada BPR Negeri Sembilan. Akan tetapi orang yang dituduh itu tidak dipanggil untuk memberikan keterangan. Saya berharap ini dapat diberikan perhatian oleh pihak kerajaan juga. Saya berharap takrifan ataupun definisi rasuah ini juga meliputi orang-orang yang menyalahgunakan peruntukan, orang yang ada kuasa untuk meluluskan peruntukan kalau peruntukan itu diluluskan untuk kepentingan peribadinya. Kepentingan peribadi ataupun sanak saudaranya. Itu juga perlu didefinisikan sebagai rasuah ataupun suapan, menyalahgunakan kuasa dan perlu tindakan yang paling ketat sekali.

Saya harap ini dapat juga dimasukkan ataupun diambil kira oleh pihak suruhanjaya. Terakhir, saya juga berharap bahawa pihak kerajaan termasuk semua kementerian, semua jabatan, semua PBT, Kerajaan Tempatan dapat membuat satu *guideline* yang benar-benar ketat bahawa apa yang diunsurkan sebagai rasuah. Kadang-kadang rasuah itu bukan berbentuk wang tunai, berbentuk hadiah, berbentuk sagu hati dan sebagainya. Saya nampak sekarang mungkin budaya apabila menjelang hari-hari perayaan, nampak dalam pejabat-pejabat PBT banyak hamper-hamper yang disampaikan oleh mungkin *developer* dan sebagainya.

Saya berharap ada satu *guideline* yang benar-benar ketat melarang sebarang penghantaran hamper, hadiah semasa hari perayaan. Itu tidak boleh dibenarkan. Ini kerana di ICAC Hong Kong, mereka mengatakan satu kotak mungkin untuk perayaan, mungkin festival untuk masyarakat Cina pun tidak boleh dibenarkan oleh ICAC Hong Kong. Saya berharap satu *guideline* dapat dibuat supaya kita memberikan satu takrifan yang benar-benar jelas kepada semua pegawai awam termasuk pegawai-pegawai di Pihak Kerajaan Tempatan. Hamper pun tidak boleh diambil oleh sesiapa. Itu saya harap dapat dibuat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Jadi saya harap cadangan-cadangan ini dapat diambil kira dan kita semua bersetuju. Kita semua akan memberikan kerjasama kepada suruhanjaya ini. Kita mengharapkan penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini benar-benar dapat mengambil satu langkah positif untuk mencegah rasuah di Malaysia dan membudayakan budaya integriti di kalangan rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Balik Pulau.

12.23 tgh.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk mengambil bahagian bagi membahaskan dasar Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008. Saya ingin menyusuri sejarah ketika mana satu usaha yang sama hendak dibuat tetapi pendekatannya berbeza. Di kala tahun 1997, satu usaha oleh kerajaan untuk memperkenalkan pindaan undang-undang rasuah.

Apa yang dibuat ketika itu ialah saya ketika itu masih lagi di bangku universiti. Ketika mana usul itu dibuat, satu program muafakat rasuah dianjurkan oleh institut kerajaan dasar, dianjurkan oleh ISIS di mana digemblengkan, dijemput wakil kerajaan, wakil mahasiswa, wakil NGO dan sebagainya. Ketika itu yang dianjurkan ialah satu muafakat membanteras rasuah. Tidak kira parti, tidak kira aliran pemikiran, mungkin ketika itu tidak kira aliran agama kerana yang dibentangkan ialah satu muafakat bersama untuk kita bersama-sama membanteras satu barah, penyakit rakyat iaitu rasuah. Saya secara peribadi mahu mengangkat permasalahan rasuah ini lebih tinggi daripada permasalahan dadah yang dikatakan musuh pertama negara.

Saya rasa mungkin tiba masanya, rasuah diangkat sebagai musuh negara nombor satu. Ini kerana apabila kita membicarakan permasalahan negara, permasalahan-permasalahan *governance,* tadbir urus yang rata-rata merujuk kepada rasuah. Mengikut

kata bijak pandai "Stephane AlCatel" menulis buku integriti yang saya ulang sekali lagi, yang dikatakan ialah dengan izin, *"The opposite meaning of integrity is corruption"*. Maksudnya ialah "gagalnya melakukan integriti, gagalnya melakukan satu kerja yang *credible* itu akan membangkitkan rasuah". Jadi apabila saya menyusuri agenda pelan integriti nasional, *target*nya betul tetapi pelaksanaannya bagaimana? Tidak ada satu pun yang membicarakan mengenai dengan izin, *integrity of law*, integriti undang-undang. Padahal itu merupakan satu perkara pokok.

Saya katakan begitu Tuan Yang di-Pertua, kerana permasalahan rasuah ini, masalah undang-undang kah, masalah penyiasatan kah, masalah tindakan kah, masalah apa? Seolah-olah ia memerlukan satu dana yang besar. Seolah-olah ia memerlukan satu teknologi baru, seolah-olah ia memerlukan satu pemikiran kerana kita terpaksa macam hari ini, hari-hari berdebat macam semalam sampai jam 11.30 malam. Hari ini saya dapat, alhamdulillah. Akan tetapi persoalannya adakah itu? Saya rasa kita mungkin perlu berganjak ke belakang kerana saya tengok rata-rata rang undang-undang yang diperkenalkan ini masih lagi walaupun dikatakan satu reformasi tetapi masih lagi di dalam rejim yang lama.

Di kala di peringkat sejagat membincangkan satu rejim negara yang lebih telus dan lebih bebas, yang mana membicarakan macam mana merungkaikan perkara-perkara yang menjadi lubuk rasuah dengan memperkenalkan dengan izin *Freedom of Information Act.* Akan tetapi di sini masih lagi membicarakan bagaimana satu kebebasan, sudahlah yang sempit yang ada kepada rakyat tetapi mahu dirungkaikan kerana dilihat masalahnya di situ. Contohnya di dalam seksyen 46, komunikasi *privilege* di antara seorang peguam dan anak guam mahu didedahkan. Itu merupakan benteng terakhir apabila seseorang itu didakwa. Ini kerana beliau memerlukan satu pembelaan. Itu mahu dirungkaikan. Apa lagi mahu dirungkaikan? Sudahlah tidak ada di sini, *privacy law*. Apa mahu lagi? Diberi kebebasan untuk mendengar, *tapping*. Ia atas nama siasatan.

Akan tetapi apa yang berlaku di negara maju di Amerika Syarikat, perkara itu perlu berdasarkan satu prinsip perundangan yang jelas kerana rakyat, saya sebagai rakyat, saya tidak mahu kerajaan masuk ke dalam *privacy* saya sehingga ke dalam perkara-perkara yang tidak perlu. Ini adalah kerana apabila isu integriti dibangkitkan, isu yang timbul ialah isu dengan izin *abuse of power*. Saya katakan begini, kerana pengalaman sebentar mengamalkan undang-undang kadang-kadang apa yang berlaku di mahkamah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dipanggil *prosecute to acquit* berbeza dengan *prosecute to convict*. Maksud saya itu bukannya pendakwaan itu mesti berakhir dengan apa yang kita panggil sebagai pensabitan. Akan tetapi kita sebagai apa yang dikatakan satu undang-undang itu *common law* itu adalah logik manusia yang mana kalau keterangan yang penting tidak dipanggil, orang yang terlibat secara langsung satu dunia mengatakan tidak dipanggil untuk diberi keterangan.

Keterangan yang dibentangkan di Parlimen. Contohnya dalam kes PERWAJA. Contohnya repot daripada badan *auditor* bebas tidak dibentangkan, pendakwaan apa itu? Tadi timbul, semalam satu isu penting yang dibangkitkan oleh rakan saya. Saya katakan rakan bijaksana saya daripada Puchong mengenai kedudukan Peguam Negara. Ya, betul Perlembagaan Malaysia mempunyai andaian undang-undang kerana itulah secara konstitualisme memberi andaian bahawa Peguam Negara itu ialah seorang peguam kepada rakyat, peguam kepada negara. Itulah sebab kita guna Peguam Negara yang mana beliau patut bertindak tanpa *bias*, tanpa satu ketidakadilan. Maksudnya yang diandaikan oleh undang-undang itu seorang Peguam Negara yang mempunyai integriti yang tinggi. Akan tetapi yang kita ada hari ini konteksnya ialah Peguam Negara yang mana terpalit dengan pelbagai tuduhan. Jadi bagi saya, jurisprudens undang-undang tidak kira dari Hong Kong kah, dari mana kah mesti berpijak di dalam dengan izin *factual matric*nya, *contact*nya yang betul di negara kita kerana kita tidak ada seorang yang maksum di sini. Tidak ada seorang yang diandaikan oleh undang-undang mempunyai tahap integriti yang sebegitu.

■1230

Sebab itu ketika perbahasan yang lalu saya membangkitkan dua aspek yang penting, sekiranya boleh difikirkan oleh Jabatan Peguam Negara iaitu orang yang terlibat di

dalam menggubal perundangan ini, apa yang dikatakan sebagai dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *prosecutorial integrity*. Apa yang dikatakan sebagai *prosecutorial accountability*. Saya faham apa yang cuba diketengahkan oleh rakan bijaksana saya daripada Kuala Selangor, perlukah kita kembalikan kepada kuasa pendakwa raya yang dahulu, yang mana merupakan orang di dalam Dewan ini? Itu pun ada pro dan kontranya. Akan tetapi persoalannya selesaikah isu yang dikatakan *prosecutorial accountability* itu? Cadangan yang dibuat oleh rakan bijaksana saya dari Puchong itu bagaimana suruhanjaya ini melalui seksyen yang mengenakan bahawa satu laporan perlu dibentangkan dalam Dewan ini oleh Ketua Suruhanjaya supaya kita boleh tahu. Ya betul.

Untuk meminda Perlembagaan bukan satu perkara yang mudah. Ia dikatakan di sini budi bicara seorang Peguam Negara itu untuk mendakwa ataupun untuk berhenti mendakwa tidak boleh dipertikaikan, betul. Kita bukan mahu mempertikaikan itu, kerana itu andaian undang-undang yang mengatakan dia Peguam Negara. Akan tetapi di mana ruang rakyat untuk melihat sama ada budi bicaranya itu tidak boleh dipertikaikan kerana dengan izin, *management by discretions* ini teruk, parah kepada rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan dengan tegas di sini, sekiranya isu permasalahan integriti Peguam Negara ini tidak diselesaikan dan mekanismenya itu tidak dapat diketengahkan, saya rasa akan gagallah suruhanjaya ini.

Ini kerana suruhanjaya ini akan memberi satu lagi ruang kepada satu lagi permasalahan integriti, permasalahan belanja, permasalahan yang memang kita tahu hari ini Pelan Integriti Nasional yang berbelanja berjuta-juta ringgit itu belum menampakkan satu kejayaan. Kejayaan bagaimana, kerana kita hari ini masih lagi bertungkus-lumus bercerita masalah rasuah seolah-olah tidak ada usaha yang dibuat oleh kerajaan. Jadi saya menekankan di sini selesaikan isu integriti ini, selesaikan mekanisme *prosecutorial accountability* ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri dan saya rasa beliau mampu melakukan perkara ini. Apa salahnya panggil Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah, bukan orang lain orang Balik Pulau, saya ingat dia boleh datang, jelaskan kepada kita, apakah indikatornya, apa permasalahan rasuah ini, di mana silapnya.

Hari ini kita membincangkan seolah-olah permasalahannya masalah undang-undang. Undang-undang ini ada jiwanya Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini kalau tidak dia hanya merupakan satu kertas mati. Jiwanya di mana? Jiwanya ini di dalam pengamalnya. Kalau pengamalnya ada orang yang terpalit dengan segala macam tuduhan. Adakah itu akan menentukan maruah negara, keyakinan orang luar kepada perundangan negara akan kembali. Saya khuatir.

Saya di dalam nada menyokong sebenarnya cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui Menteri Perundangan, yang mana saya yakin dengan muafakat yang ditunjukkan sekarang di antara Menteri dan Perdana Menteri, yang juga ditunjukkan pada tahun 1997 dahulu ketika mana soalan ditanyakan oleh Yang Berhormat Kuala Krau. Jadi saya rasa tidak salah sekiranya sekali lagi nada 1997, muafakat rasuah yang ditunjukkan, yang diuar-uarkan dahulu dikembalikan, pilih seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Maran tadi ada isu agama, agama mungkin memberi ruang kepada satu tindakan yang lebih beriltizam. Lantik orang daripada PASkah, Pakatan Rakyatkah, PKRkah, tetapi kita tengok yang berintegriti, yang bermuafakatnya itu.

Jadi saya rasa tidak salah sekiranya perkara itu dibuat sebegitu rupa, kerana isu yang saya akan pertikaikan, kegagalan suruhanjaya ini besok ialah di mana isu yang saya sudah nampak di peringkat awal lagi. Saya semalam membangkitkan matlamat utama akta ini, seksyen 2 adalah untuk menggalakkan integriti dan kebertanggungjawaban. Menggalakkan integriti ini badan integriti, sudah ada. Dia memastikan integriti sepatutnya. Menggalak ini kalau cerita dalam bahasa Inggeris dikatakan *to promote*. Ini bunyi cerita macam *promote* badan *marketing, promotion body,* dengan izin.

Kedua untuk mendidik, kerja hendak mendidik ini saya rasa telah dicadangkan oleh pelbagai pihak. Ada yang mencadangkan *syllabus* mengenai rasuah ini diadakan di peringkat sekolah, itu pelbagai. Tidakkan hendak membuat, hendak mendidik dan

menggalakkan sampai kena buat suruhanjaya. Jadi saya rasa dari segi terma rujukan itu perlu dilihat kembali kerana dia tidak menggambarkan kesungguhan negara itu.

Jadi saya mungkin dalam nada yang sama dengan Yang Berhormat Bagan Serai, saya hendak cadangkan kalau begini kesungguhan Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, saya rasa kita sebagai orang muda, tidak ada masalah untuk mencadangkan beliau tidak payah turun pada bulan Mac ini lanjutkan. *[Tepuk]*

Saya yakin, kerana masalah di negara ini adalah masalah *governance,* bukan masalah tidak ada duit, bukan masalah *recourses*. Kita banyak duit, tetapi *governance.* Kesungguhan ini saya rasa kalau muafakat sebegini yang dibuat, saya cadangkan dan saya menyokong kalau beliau tidak turun pada Mac ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

12.36 tgh.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin khususkan kepada satu klausa, klausa 59 Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, klausa ini memberi kuasa kepada pendakwaan dibawa ke Mahkamah Seksyen. Kerap kali apabila kes-kes ini dibawa ke Mahkamah Seksyen, pada pengalaman saya sendiri, saya dapat tahu bahawa ada banyak kes yang telah mengambil banyak masa dan ini telah menyusahkan para saksi dan kerap kali kes-kes ini telah dibuang. Saya ingin memberi satu kes sebagai contoh, di mana seorang OCPD telah ditangkap oleh ACA dan selepas itu kes itu telah dibawa ke Mahkamah Seksyen Telok Intan, kes itu berlarutan enam tahun dan dalam masa enam tahun empat hakim telah bertukar dan kes itu dimulakan balik dan selepas itu keterangan-keterangan dari saksi diulang-ulang beberapa kali.

Sehingga akhirnya saya difahamkan kes itu telah dibuang. Bukan kerana tidak ada merit dalam kes tersebut, akan tetapi sistem yang kita sedang ada. Saya cadangkan bahawa masanya sudah tiba untuk menubuhkan satu *special court* untuk kes-kes korupsi supaya kita dapat *specialist judges* untuk mengendalikan kes-kes *corruption* yang kita ada. Pada masa sekarang, kita ada kes Mahkamah Buruh, *Family Court*, dan macam-macam mahkamah. Kalau kita ada hakim-hakim yang fasih dan *specialize* dalam hal-hal *corruption* mereka patut dilantik untuk mendengar kes-kes di mahkamah *corruption*. Kalau kita tengok seksyen 59 selepas itu klausa 60, nampaknya ini adalah seperti yang sedia ada dan tidak ada apa-apa yang baru untuk membawa satu pendirian oleh *commission* atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, tidak ada satu pendirian yang baru.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang mustahak. Apakah apabila kita menangkap, kita ada keseriusan dalam menjalankan tugas untuk mengambil pihak-pihak yang terlibat dalam kes-kes korupsi ke mahkamah, akan tetapi kerap kali apabila dibawa ke mahkamah mereka dilepaskan. Mereka dilepaskan bukan atas tidak ada kes yang kuat, atau tidak bermerit, tetapi kita ada hakim-hakim, kita ada juga pegawai pendakwa raya yang kerap kali, yang tidak menghabiskan kes-kes tersebut yang dikatakan dalam bahasa Inggeris, *part half cases* di mana DPP menjalankan pendakwaan dan tidak lama lagi dia akan dipindahkan ke tempat yang lain dan lagi satu DPP akan mengambil alih. Jadi dia tidak tahu latar belakang kes ini, dia juga menjalankan pendakwaan. Selepas itu dia pun ditukar dan kerap kali perkara macam ini terjadi dan ini adalah satu perkara yang perlu diambil dan diberi perhatian supaya perkara-perkara ini dapat diatasi.

■ 1240

Saya cadangkan bahawa kerajaan jika ada keseriusan dalam perkara ini patut ada satu mahkamah *special,* mahkamah korupsi untuk mendengar kes-kes *corruption* di negara ini. Kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua, dalam klausa pertama, *Chief Commissioner* nampaknya yang mustahak dalam hal ini walaupun saya nampak beberapa kriteria dalam pelantikan *Chief Commissioner* akan berlaku tetapi yang lebih mustahak ialah integriti *Chief Commissioner*.

Kalau kita tengok pada tahun 70-an di mana Hakim Harun Hashim dilantik sebagai menerajui *Anti Corruption Agency* masa itu. Kita nampak kes-kes *high profile* di mana penyiasatan dan rakyat Malaysia sangat *happy* dalam situasi di mana ada ahli-ahli politik yang terkenal yang mereka disiasat dan kes-kes ini dibawa ke mahkamah. Dan yang mustahak dalam pelantik *Chief Commissioner*, bukan setakat seorang *Chief Commissioner* yang biasa tetapi yang betul-betul ada integriti. Saya cadangkan bahawa sekurang-kurangnya seorang Hakim Mahkamah Tinggi dilantik sebagai *Chief Commissioner* supaya pada permulaannya kita ada seorang pegawai tertinggi dalam sistem ini di mana dia ada integriti dan dikenali dan boleh diterima oleh rakyat di negara ini.

Dalam keadaan ini saya ingin tanya, adakah kerajaan telah menetapkan siapa *Chief Commissioner* dan pegawai-pegawai di sana? Adakah pegawai yang tertinggi sekarang di ACA akan dilantik sebagai *Chief Commissioner* juga? Apakah kriteria-kriteria yang akan dijalankan dalam hal ini?

Tuan Yang di-Pertua, kami semua tahu bahawa lebih kurang 5,000 pegawai akan dilantik dalam beberapa tahun ini untuk di resap dalam SPRM ini. Perkara yang mustahak bukan pegawai-pegawai yang seperti biasa yang dilantik. Saya harap selain dari faktor kebolehan dan sebagainya, kita perlu juga *across the board, multi racial intake* dan juga pegawai-pegawai yang betul-betul ada integriti, yang berkelayakan. Kerap kali kita ada di ACA yang sedia ada, kita ada pegawai-pegawai di lain-lain jabatan yang diambil bekerja di sana dua tahun, tiga tahun, selepas itu ditukar ke lain-lain jabatan. Ini perkara yang perlu diambil perhatian.

Adakah kita akan ada satu *in house system* di mana kita ada pegawai-pegawai yang terbaik dan pilihan-pilihan ini bebas. Dan kita ada pegawai-pegawai yang betul-betul berkebolehan akademik yang tertinggi di negara ini. Kerap kali kita ada, yang berkelulusan tidak berapa tinggi tetapi diambil kerana ada pilih kasih atau dikenali oleh orang-orang atasan. Inilah perkara yang perlu diatasi. Dalam 5,000 ini, bilakah mereka akan diambil? Adakah dalam tempoh satu tahun, dua tahun? Adakah sistem yang sedia ada cukup untuk mereka mengambil bahagian dalam penyiasatan? Berapa *percent* dalam pengambilan 5,000 ini dan pegawai-pegawai yang sedia ada akan di resap untuk betul-betul terlatih dalam hal-hal penyiasatan.

Jangan kita ada satu situasi macam PDRM sekarang di mana walaupun kita ada dekat 100 ribu polis tetapi tak sampai 15% yang betul-betul terlibat dalam penyiasatan. Kenapa kita ada satu sistem di mana pihak-pihak polis ada *training* dalam pihak polis tetapi menjadi *ordinary officer* dalam sistem yang sedia ada. Saya khuatir jika kita ada konsep yang sama dalam SPRM ini, ini akan menyusahkan semua dan *intention* dalam SPRM ini akan gagal. Apa yang kita mahu adalah pegawai-pegawai yang sedia ada dan pegawai-pegawai yang akan diambil semua ini adalah pegawai-pegawai yang akan menjalankan tugas penyiasatan dan itu lebih mustahak dari *ordinary officers.* Itu perhatian perlu diberi.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa *report* telah dibuat di mana ACA tidak mengambil tindakan. Saya ingin juga mengatakan mengenai MAIKA Holdings Berhad. Saya tahu bahawa laporan-laporan yang telah dibuat terhadap bekas Menteri Kerja Raya, bekas beberapa *directors* yang terlibat di mana jangan kita, saya ada bangkitkan dalam beberapa tahun ini mengenai perkara itu dalam Parlimen. Akan tetapi kerajaan kerap kali mengelak menjawab soalan-soalan tersebut.

Saya harap tindakan akan diambil di mana kita rakyat Malaysia perlu tahu terutamanya dalam masyarakat India di mana pada tahun 1982, lebih kurang RM130 juta telah dikutip dari warga Malaysia berketurunan India di mana pada masa itu Menteri Kerja Raya telah memberi satu pandangan dan harapan kepada masyarakat India di mana beliau mengatakan bahawa untuk setiap ringgit yang dilabur di MAIKA Holdings Berhad, sekurang-kurangnya dividen 8% akan diberi setiap tahun. Dia telah mengatakan di estet-estet, di kampung-kampung kepada masyarakat India yang pada masa itu miskin, sekarang lagi miskin. Masa itu mereka telah meminjam wang dari bank, menggadai harta-harta mereka, menjual kambing dan lembu untuk melabur dalam MAIKA Holdings Berhad. Mereka telah kecewa, telah tertipu, sehingga hari ini tidak ada apa-apa manfaat yang didapati oleh masyarakat ini.

Kerajaan pada dua tahun lepas, Yang Berhormat Menteri masa itu Yang Berhormat Dato' Seri Samy Vellu telah mengatakan, bila saya membawa hal ini dalam AGM mengatakan bahawa untuk setiap ringgit yang dilaburkan, RM1.30 akan dibayar. Akan tetapi apabila kita berjumpa dengan CEO syarikat tersebut yang merupakan anak beliau sendiri, Vell Paari, beliau telah berkata itu adalah kenyataan *advisor* MAIKA Berhad dan dia tidak mempunyai kuasa mengenai perkara tersebut. Saya hairan tangan kanan tidak tahu apa yang dibuat oleh tangan kiri. Ini semua komplot MIC, jangan kita *wash away* atau *brush away* bawah karpet.

Ini perkara yang sangat lama, lebih beberapa puluh *report* telah dibuat di dalam penyelewengan kuasa, dalam penyelewengan pembelian dan penjualan harta-harta MAIKA Holdings Berhad. Perkara ini juga telah dibawa kepada syarikat suruhanjaya, *commission* tetapi sehingga kini tidak ada apa-apa tindakan yang diambil. Saya difahamkan ini semua kerana kerajaan ingin memberi muka kepada beliau, ingin memberi muka kepada MIC. Saya rasa ini bukan mustahak tetapi kita perlu, kalau kita ada satu *commission* seperti yang dicadangkan kita perlu betul-betul ikhlas, *above board.* Jangan kita kisah kalau dia adalah seorang anggota dalam Barisan Nasional, dia adalah seorang Ahli Parlimen dan sebagainya.

Kalau kesalahan telah dibuat, kalau korupsi telah terjadi, tindakan susulan perlu diambil. Macam mana kita boleh mengadakan *confidence on* negara ini jika dengan *the naked eye* perkara ini boleh nampak tetapi nampaknya semua ini di *brush aside*. Ini adalah perkara yang diketahui orang ramai dan saya harap dengan penubuhan *commission* ini, soalan saya adalah adakah kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas terhadap pihak-pihak yang telah menyeleweng, yang telah menipu masyarakat India terutamanya dan pelabur-pelabur di MAIKA Holdings Berhad. Ingin saya beritahu, Syarikat MAIKA Holdings Berhad adalah satu syarikat yang saya difahamkan terbesar di dunia di mana *share holders* nya adalah lebih dari 66,000 orang, bukan satu orang, dua orang.

Tahun ini tidak ada AGM langsung, mungkin kerana Yang Berhormat bekas Menteri telah kalah dalam kerusi di pilihan raya yang dulu, maka itu telah menjadi satu hal untuk tidak mengadakan AGM. Akan tetapi yang lebih mustahak ialah penyelewengan yang telah berlaku di mana *report-report* telah dibuat dengan *evidence,* dengan *concrete crystal evidence* ada tetapi tindakan tidak diambil. Kenapa ACA ini mata buta? Kenapa bisu kepada perkara yang sangat mustahak? Perlu tindakan susulan dan tindakan. Saya harap satu jawapan diberi mengenai perkara ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai penyelewengan yang sedia terjadi di seluruh negara, di mana-mana kerusi Ahli Parlimen pembangkang. Walaupun kerajaan membuat peruntukan-peruntukan RM500 ribu, RM3 juta kepada Ahli-ahli Parlimen.

■1250

Saya difahamkan bahawa peruntukan-peruntukan ini masih dibuat kepada semua Ahli Parlimen. Akan tetapi wang itu disalurkan kepada Ketua UMNO bahagian dan *there is no accountability*. Kalau kita tidak boleh ambil tindakan, kita sudah boleh bagi tahu kepada rakyat bahawa wang rakyat yang diagihkan kepada Ahli-ahli Parlimen pembangkang dan wang digunakan oleh ketua-ketua UMNO bahagian di kawasan-kawasan tersebut macam mana kita ada keikhlasan, ketelusan dan ini bukan perkara yang baru.

Kerap kali beberapa tahun kebelakangan ini - lebih dua dekad perkara ini terjadi. Saya juga telah bangkitkan perkara ini di mana apabila seorang kontraktor diberi kontrak dalam peruntukan ini 20% serta-merta perlu diberi kepada ahli politik dan hanya 80% akan diberi kepada pembiayaan kontraktor tersebut. Bermakna *corruption is so crystal clear, what else you wan*t. Ini adalah soalan. Tidak perlu kita semua...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tiada masa Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Saya hendak pastikan bahawa apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi betul atau pun tidak. Ini sungguhpun tanggapan awal, ia merupakan satu hal yang rasa tidak patutlah. Saya rasa kalau betul-betullah Yang Berhormat ada maklumat tersebut, saya rasa boleh pamerkan, boleh hebohkan dan buat laporan sebab itu merupakan tanggapan umum dan saya rasa dia berniat tidak baik. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan saya bukan melulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini benar. Sebenarnya lebih kurang tiga, empat tahun dahulu saya ada membuat aduan yang sama di mana saya ada konkrit *evidence* menunjukkan perkara tersebut. Jadi kalau Yang Berhormat tidak tahu mungkin saya dapat memberi perkara-perkara tersebut. Akan tetapi yang mustahak adalah ini, peruntukan-peruntukan yang diberi kepada pembangkang tetapi kenapa wang ini diguna pakai oleh parti-parti politik yang tidak ada kena-mengena dengan Ahli Parlimen yang telah dipilih oleh rakyat.

Ini soalan-soalan yang mustahak kerana peruntukan-peruntukan tersebut adalah wang rakyat. Macam mana pula ia boleh diguna pakai oleh ahli-ahli politik, ahli-ahli UMNO, ketua-ketua bahagian, itu soalan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan tamatkan perbahasan pada jam satu petang ini dan dua setengah petang nanti Menteri akan dijemput untuk menjawab. Saya cuma boleh panggil seorang sahaja dan dalam agihan untuk pagi ini sembilan orang di kalangan Parti Pakatan Rakyat, tiga setiap seorang, PKR, DAP dan juga PAS. Jadi saya cuma boleh panggil seorang dan saya panggil Yang Berhormat Indera Mahkota.

12.53 tgh.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, saya kerap kali jadi orang yang terakhir membahaskan sesuatu perkara, terima kasih. Saya hendak menyentuh hanya perkara spesifik dalam masa beberapa minit ini.

Pertama iaitu berkenaan dengan perkembangan yang berlaku, iltizam yang cuba ditunjukkan oleh kerajaan untuk benar-benar membanteras rasuah pada kali ini saya secara peribadi merasakan perkara ini telah mencapai kemuncak. Kalau kita lihat bermula dengan Biro Siasatan Negara pada suatu masa dahulu dengan Badan Pencegah Rasuah dan sekarang akan kita dengar sebentar lagi penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah.

Ini menjadikan satu harapan yang cukup tinggi kepada seluruh rakyat untuk melihat implikasi sebenar terhadap cadangan kerajaan untuk menunjukkan kebenaran gerakan untuk membanteras mahupun untuk mengangkat persepsi rasuah ini kepada satu darjat yang lebih baik untuk memulihkan imej serta integriti negara secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang ramai sebut dan dikatakan oleh sebilangan besar masyarakat yang memberi tumpuan kepada aspek penyelewengan serta rasuah dan juga integriti; dengan izin *we can call the rose by any other name but the smell still remain the same*. Perkara sinis ini banyak dikatakan kerana campuran hampa dan juga tidak percaya atau *confident* di sesetengah kalangan masyarakat terutamanya di kalangan ahli-ahli perniagaan yang melibatkan diri dalam sektor korporat. Saya secara kebetulan banyak juga terlibat di dalam unsur-unsur untuk membongkar unsur-unsur penyelewengan dalam transaksi-transaksi perniagaan serta di badan-badan korporat.

Kita dapat dengar ramai Ahli Yang Berhormat kita menyebut tentang aspek ataupun elemen *kickback* ataupun perbelanjaan-perbelanjaan yang sengaja diwujudkan untuk memberi ruang kepada satu pemberian ataupun asas kepada mewujudkan elemen-elemen yang seperti kita bincangkan sebagai rasuah ataupun tumbuk rusuk. Perkara ini memang menjadi amalan biasa dan bertepatan dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang akan kita terima amalannya sebentar sahaja lagi atau pada hari ini.

Kita harap perkara ini sebagai satu elemen penamat kepada tohmahan ataupun kepada persepsi yang telah menjadi kemurungan kepada seluruh sektor termasuk sektor korporat dan perniagaan. Saya mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih serta tahniah kepada cubaan yang hendak kita bawa terutamanya kepada pihak Menteri yang berjaya membentangkan dan menghasilkan satu rang undang-undang.

Walau macam mana pun sebahagiannya perlu kita bahas dan perlu kita perincikan, baiki ataupun kemas kini dan sebagainya. Akan tetapi secara keseluruhannya seperti rakan-rakan mengatakan bahawa roh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ini dianggap sebagai satu perkara yang boleh membawa sinar baru terhadap senario persepsi rasuah dalam seluruh pentadbiran dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, SPRM ini diberikan kuasa yang begitu luas seperti yang kita lihat di dalam fasal 29 dan 30(1), 30(2) sehinggalah 35. Saya menganggap secara peribadi perkara ini adalah satu kuasa serta ruang lingkup penyiasatan yang cukup besar dan cukup berkesan sekiranya kita mempraktikkan dalam suasana amalan dan elemen integriti yang tinggi.

Kuasa untuk menyiasat aduan maklumat, kuasa untuk memeriksa orang, menahan, menyita, menyelongkar dan juga kuasa untuk melakukan perhubungan lanjut dengan penyitaan harta mudah alih serta penyiasatan akaun syer pembelian dan sebagainya. Ini adalah elemen untuk membongkar sehingga kepada paras terendah dalam sesuatu transaksi.

Elemen forensik *auditing* pada saya nampak begitu jelas di bawah peruntukan atau fasal 29 hingga 35 tadi. Namun sekali lagi kita berharap fasal-fasal yang diperuntukkan ini memerlukan satu gabungan pengetahuan, gabungan profesionalisme yang tinggi. Tuan Yang di-Pertua, elemen *kickback* dalam urusan-urusan perniagaan dan juga urusan-urusan yang melibatkan transaksi badan-badan korporat telah diketahui ramai mempunyai elemen-elemen tersembunyi yang sukar untuk kita bongkar dan sukar untuk dibuktikan.

Oleh kerana itu saya bercadang mewakili rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, kita mohon supaya klasifikasi fasal 29 sehingga 35 yang saya sebutkan tadi mengambil kira dengan jelas dan spesifik; elemen kuasa untuk mewujudkan forensik pengauditan atau pengauditan forensik tadi. Ia supaya dengan ini sahaja kita boleh mengimbangi di antara memberi maklumat palsu dengan elemen untuk mencari kebenaran terhadap sesuatu unsur atau elemen rasuah yang berlaku.

Kita faham rasuah ataupun pemberian ataupun suapan selalunya akan di rungkai melalui jumlah ataupun transaksi yang melibatkan balasan dalam bentuk kewangan, imbuhan ataupun *in kind*. Perkara ini hanya mudah boleh dikeluarkan atau di rungkai dengan bukti yang jelas apabila kita memasukkan elemen penyiasatan, pengauditan dan juga elemen untuk membuktikan *figures*, jumlah-jumlah ataupun baris-baris perkara yang begitu spesifik yang melibatkan unsur cubaan ataupun melibatkan implikasi. Ia sama ada kewangan atau kebendaan yang melibatkan elemen-elemen pertuduhan rasuah dan juga elemen-elemen pembuktian daripada maklumat-maklumat rasuah tersebut.

Satu perkara yang cukup juga serius untuk kita nyatakan di sini; elemen-elemen yang diberi di bawah kuasa atau fasal 29 sehingga 35 tadi banyak memberikan gambaran bahawa kita berdepan atau pasukan yang akan dilantik ini berdepan dengan elemen-elemen kos sejarah. Oleh kerana transaksi kewangan selalunya melibatkan *historical basis,* maka kita bimbang perkara pembuktian ini adalah bergantung kepada kuasa dan kemahiran pasukan yang akan dibentuk untuk membawa satu bukti yang mana kita merasakan elemen *third party charging*, penglibatan-penglibatan pihak ketiga selalunya amat sukar untuk dibuktikan dalam elemen kos sejarah.

Jadi oleh kerana itu kami memohon sekali lagi satu perkara yang baik dibawakan dalam roh SPRM ini benar-benar akan terjelma dan saya mewakili rakan-rakan Pakatan Rakyat terutamanya dan juga rakan-rakan di sebelah sana juga memohon supaya perkara ini menjadi realiti. Ini adalah benteng terakhir atau yang tertinggi dalam usaha kita untuk

membawa usaha membanteras rasuah di kalangan kita serta generasi akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat pagi ini kita tempohkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 11.30 malam ini. Selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu 17 Disember 2008."

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya difahamkan Yang Berhormat Menteri sudah boleh menggulung perbahasan. Sila.

2.33 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat Permatang Pauh selaku Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Muar, Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Kimanis, Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Tenggara, Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Tawau, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Gombak ada?

Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Selayang, Yang Berhormat Titiwangsa, Yang

Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Hulu Terengganu, Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Yang Berhormat Labis, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Balik Pulau, Yang Berhormat Ipoh Barat dan Yang Berhormat Indera Mahkota yang telah pun memberi sumbangan dalam perbahasan ini yang merupakan satu sumbangan yang akan termaktub dalam Hansard kita terutama sekali apabila ini merupakan rang undang-undang yang sangat penting.

Jadi kepada mereka, terima kasih. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang rata-ratanya menyokong penggubalan rang undang-undang ini. Yang Berhormat Permatang Pauh telah membangkitkan kepayahan di waktunya untuk menggubal Akta Pencegahan Rasuah atau APR 1997 dahulu. Beliau juga membayangkan kesukaran yang dihadapi oleh kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menggubal rang undang-undang ini dianggap jauh lebih baik daripada Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Yang Berhormat Ipoh Timur dia ada bangkit dalam celahannya kepada Ketua Pembangkang iaitu sama ada Menteri sekarang yang membentang ini ada menyokong waktu Ketua Pembangkang membentang rang undang-undang pada tahun 1997. Jadi saya ingin memaklumkan secara rasmi iaitu sebenarnya rang undang-undang itu di bentang di Dewan Rakyat oleh Yang Berhormat Permatang Pauh pada ketika itu sebagai Timbalan Perdana Menteri. Sayalah macai yang telah bentang di Dewan Negara. Jadi bermakna saya sokonglah ya. Jangan pertikaikan kesungguhan saya menyokong berkenaan dengan rang undang-undang pembanterasan rasuah. Walaupun saya tahu Yang Berhormat Ipoh Barat tidak percaya, tapi itu terpulanglah kepada dia untuk menafikan apa yang berlaku di Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Permatang Pauh memberikan sokongan bersyarat terhadap Rang Undang-undang SPRM ini, secara umumnya beliau menyambut baik usaha kerajaan membentangkan rang undang-undang ini untuk meningkatkan keberkesanan usaha pencegahan rasuah. Ini yang kita harapkan melalui pembentangan rang undang-undang ini di mana sokongan semua pihak itu akan menjadi landasan dalam memastikan SPRM berfungsi dengan berkesan, cekap, telus, bebas dan profesionalisme selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat.

Yang Berhormat Permatang Pauh ada membangkitkan beberapa kes besar dan profil tinggi yang telah dilengkapkan siasatan tetapi masih tiada keputusan dibuat sehingga kini dan Yang Berhormat Pasir Mas bertanyakan sama ada kes-kes berkenaan akan dibuka semula dengan pembentukan SPRM kelak. Untuk makluman Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Pasir Mas, tidak semestinya semua kes siasatan yang dirujuk kepada pendakwa raya akan berakhir dengan pendakwaan. Siasatan dan pendakwaan adalah dua perkara berbeza dan oleh itu ia perlu dilihat daripada perspektif atau sudut yang berbeza. Bagi mengatasi isu-isu sebegini yang boleh menimbulkan persepsi negatif terhadap usaha membanteras rasuah, kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan panel penilaian operasi bagi memastikan kes-kes siasatan dikendalikan dan diputuskan dengan telus mengikut perundangan sedia ada.

Jadi Yang Berhormat, panel ini tidak disebut dalam akta rang undang-undang ini tetapi ia dilakukan secara pentadbiran dan akan dilakukan oleh Menteri yang bertanggungjawab kepada pencegahan rasuah.

Pendakwaan dibuat jika terdapat keterangan yang mencukupi. *Beyond reasonable doubt* dengan izin untuk mendakwa. Jika hasil daripada siasatan tidak mencukupi atau tidak boleh diterima dengan izin *in a miscible* atau tidak menunjukkan adanya kesalahan, *there's not disclose any offends* dengan izin, maka siasatan itu tidak akan berakhir dengan pendakwaan.

Yang Berhormat Permatang Pauh juga turut merujuk kekecewaan Yang Berhormat Padang Besar di mana laporannya semasa menjadi anggota pentadbiran tidak menghasilkan sebarang pendakwaan. Mungkin itulah sebabnya Yang Berhormat ataupun kalau kita lihat secara lebih positif, maknanya BPR dengan AG's Chamber ini adalah bebas.

Apa yang diarah oleh eksekutif tidak semestinya akan berkehabisan dengan pendakwaan. Jadi itu jelas menunjukkan kebebasan, ya.

Yang Berhormat Permatang Pauh membangkit perbezaan proses pendakwaan yang dikatakan terdapat *The Independent Commission Against Corruption Hong Kong* dengan proses di Malaysia. Yang Berhormat Permatang Pauh mengatakan bahawa ICAC Hong Kong tidak pernah menghadapi masalah dengan pihak pendakwaan dalam menentukan sama ada sesuatu pendakwaan perlu diteruskan atau tidak.

■ **1440**

Kenyataan Yang Berhormat Permatang Pauh itu tidak tepat kerana ICAC Hong Kong turut berdepan dengan situasi yang sama juga dengan BPR Malaysia, di mana terdapat hasil siasatan untuk tujuan pendakwaan tidak dipersetujui oleh *Secretary for Justice, Hong Kong*. Yang Berhormat Permatang Pauh boleh merujuk kepada salah satu fungsi *operational review committee* di ICAC Hong Kong, iaitu dengan izin, *" To receive from the Commissioner Report on the investigation the Commission has completed and to advise on how those cases that on legal advise are not being subject to persecution or caution should be pursued*", dengan izin.

Fungsi ini jelas membuktikan bahawa *Operational Review Committee* tersebut akan menerima laporan kes-kes yang tidak dipersetujui untuk tujuan pendakwaan, dan bagaimana langkah-langkah susulan boleh diambil. Dalam konteks SPRM kita ini, kes-kes sebegini, insya-Allah akan dipantau oleh Panel Penilaian Operasi yang sama fungsinya dengan *Operational Review Committee* bagi memastikan semua siasatan dan keputusan kes dibuat dengan telus mengikut lunas-lunas undang-undang.

Satu lagi perkara Yang Berhormat, kalau kita fahamkan iaitu bahawa di Hong Kong sebenarnya mereka mendapat aduan yang berkualiti iaitu aduan yang dinyatakan di dalam kenyataan dan ditandatangani. Akan tetapi Yang Berhormat sendiri pun tahu di Malaysia, di bawah akta yang dibentangkan oleh Yang Berhormat sendiri, iaitu kita BPR kena ambil tindakan walaupun aduan itu merupakan surat layang.

Jadi ini merupakan aduan dan tuduhan yang tidak berkualiti, namun BPR mesti ambil tindakan menyiasat isi kandungan surat layang itu. Bermakna kita lebih luas lagi daripada ICAC Hong Kong. Jadi kalau ada yang dihantar oleh orang menerusi surat layang, dia tahu dia hantar dan kalau tidak diambil tindakan, mungkin tidak berasas, kita tidak tahu. Oleh sebab itu, kadangkala, kalau diambil kira aduan yang dibuat, berbelas ribu termasuk surat layangnya, termasuk SMS nya dan bermacam-macam lagi. Oleh sebab itu tidak boleh kita membanding pencapaian oleh Hong Kong dan kita kerana aduan kepada kita dalam surat layang pun wajib di bawah akta ini untuk kita membuat siasatan isi kandungan surat layang itu.

Yang Berhormat Kuala Selangor yang tidak hadir di sini, dia membangkitkan seperti biasalah, dia kata Orang Putih kata *better late than never*, dia beritahu kepada kita *better never late.* Akan tetapi dalam menggubal rang undang-undang ini, dia kata *its better never late* sehinggakan menyebabkan kedudukan negara semakin merosot dalam kedudukan CPI. Saya rasa kalau orang yang berani, yang berjiwa besar, dia tidak akan sebut *better never late,* dia akan sebut *it is never too late* kerana kita tidak boleh serahkan keadaan rasuah itu meruncing dalam negara kita semata-mata kita kata *better never late* dan kita tidak buat apa-apa.

Saya rasa orang yang berani, berjiwa besar mesti mengatakan iaitu bahawa *it is never too late*. Hendak lawan dengan rasuah ini, bukan bermakna ianya boleh dihapuskan sekelip mata sahaja. Dia akan makan masa yang banyak. Jadi saya harap supaya Yang Berhormat Kuala Selangor akan mengamalkan sikap, bukan mengatakan bahawa *better never late* tetapi lebih baik guna *it is never too late* kerana rasuah merupakan barah yang boleh makan diri kita.

Tuan Yang di-Pertua…,

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya? Kalau hendak tanya bangunlah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya kata Yang Berhormat Menteri nampak macam guru sekolah Inggeris…

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih memang betul. Saya buat *English Law* di England dalam bahasa Inggeris. Jadi sudah tentu kena bagus sikitlah boleh jadi macam guru jugalah. Itu sahaja? …*[Bertanya kepada Yang Berhormat Padang Serai]* Tidak apa.

Yang Berhormat Batang Sadong…

Tuan Yang di-Pertua: Kalau layak jadi Menteri, jadi guru memang lebih layak lagilah. Sila teruskan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya. Saya menganggap guru dengan Menteri sama dia punya tahap.

Yang Berhormat Batang Sadong, Bachok, Hulu Terengganu, Ledang, Pasir Mas, Maran, Labis, Kuala Krau dan Sekijang telah menyarankan supaya gaji dan skim yang menarik ditawarkan kepada pegawai-pegawai SPRM berdasarkan risiko tugas dan kepentingan peranan mereka, manakala Yang Berhormat Subang dan Yang Berhormat Maran turut menggesa supaya kebajikan pegawai SPRM diberi perhatian yang serius.

Saya berharap, saya kira dalam hal ini tidak ada perbezaan pendapat di kalangan kita. Sememangnya kita semua merasakan sama ada daripada *front bench, backbench* dan juga pembangkang, kita rasa iaitu bahawa sememangnya mereka harus diberikan gaji dalam skim yang lebih lumayan, jika dibandingkan dengan anggota perkhidmatan yang lain. Jadi saya berharap pihak Jabatan Perkhidmatan Awam yang hadir di Parlimen pada hari ini, supaya memberi perhatian atas perkara-perkara yang telah disuarakan oleh ramai Ahli Parlimen terutama melibatkan skim saraan dan kebajikan pegawai suruhanjaya.

Yang Berhormat Gombak, Tuaran dan Hulu Terengganu mencadangkan supaya SPRM mempunyai suruhanjaya perkhidmatannya sendiri bagi tujuan pelantikan pegawai-pegawai suruhanjaya. Untuk makluman Yang Berhormat Tuaran, pembentukan Suruhanjaya Perkhidmatan SPRM memerlukan pindaan dibuat ke atas Perkara 132, Perlembagaan Persekutuan.

Yang Berhormat Ipoh Timur ada bertanyakan, mengapa pindaan Perlembagaan Persekutuan tersebut tidak dibuat walaupun Jemaah Menteri pada dasarnya telah mempersetujui cadangan ini, namun dia terpaksa ditangguhkan Yang Berhormat sebab kita perlu rundinglah. Yang Berhormat pun tahu hendak pinda perlembagaan ini bukan macam dulu. Sekarang kita tidak cukup 2/3. Saya tidak mahu bekerja berdasarkan kemungkinan saya akan dapat sokongan dan pindaan perlembagaan. Saya harus bekerja berdasarkan kepada alam nyata, fakta. Kalau saya dapat pinda, saya akan lakukan tetapi oleh sebab saya tidak fikir bahawa itu saya akan dapat sokongan…

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: …Jadi sebab itu saya terpaksa, walaupun kita setuju, kita tidak boleh pada ketika membentuk Suruhanjaya Perkhidmatan SPRM sebab kita tidak mempunyai 2/3 untuk meminda perlembagaan. Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam membahaskan rang undang-undang ini semalam, saya ada menegaskan bahawa apa juga usaha ke arah pembaikan dalam membentuk SPRM ini untuk membanteras rasuah, kami dalam Pakatan Rakyat akan memberikan sokongan yang kuat dan padu. Dalam soal pindaan Perlembagaan Persekutuan ini, sekiranya ia diperlukan, saya telah memberi jaminan bahawa kita akan memberikan sokongan demi kebaikan negara dan rakyat keseluruhannya. Sebab itu saya tidak nampak mengapa alasan ini masih digunakan, setelah mendapat jaminan khusus dalam perbahasan yang saya bangkitkan pada lewat malam semalam. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat sudah tanya Yang Berhormat Permatang Pauh kah? Kalau Yang Berhormat Permatang Pauh itu mungkin saya percayalah. Akan tetapi Yang Berhormat hakikatnya, tidak ada PR, yang ada ialah PKR, DAP dan PAS. Kita terpaksa berhubung dengan semua, ketiga-tiga. Kita merasakan iaitu bahawa kalau kita tidak dapat kata sepakat, lebih baik kita tunggu dahulu. Dalam politik macam-macam boleh berlaku dan saya juga tidak mahu menyulitkan golongan sana. Mungkin saya boleh ambil sedikit daripada PAS kah, yang sana marah, nanti berpecah. Kita hendak tengok PR kuar sebagai pembangkang. Jadi kekal sebagai pembangkang.

Jadi saya tidak mahu menyulitkan mereka, kerana nanti kalau saya runding berbeza parti, nanti dia akan berpecah. Oleh sebab itu saya mahu kekal mereka sebagai pembangkang yang kuat. Saya tidak fikir, saya boleh duduk berbincang dengan satu orang sahaja sebab macam-macam kepada yang ada di sana ini. Jadi sebab itu kita belum...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Ipoh Timur?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri ada lebih keyakinan kepada PR lah, kita boleh bersatu padu dalam perkara yang demi kepentingan negara. Adakah oleh sebab kita sudah melahirkan pendirian kita bahawa kita mahu kalau MACC yang sebenarnya yang cekap, yang bebas dan satu cara ialah untuk memberi satu status perlembagaan, *constitutional* status kepada SPRM, akan kah satu usaha diadakan supaya satu pindaan dibuat kepada Perlembagaan Persekutuan supaya SPRM boleh bergerak dengan sebenar-benarnya bebas?

■1450

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Soalnya saya tidak yakinlah sebab itu saya tak runding dengan sebelah sana. Ini kerana politik kita tahu kadangkala akan ada ambil kesempatan untuk menggagalkan. Kalau kerajaan gagal dapat dua per tiga orang kampung bukan tahu tapi akan dilaporkan iaitu bahawa kerajaan gagal untuk meminda. Jadi itu akan juga dilihat sebagai satu tamparan kepada kita.

Saya terpaksa mengambil kira semua ini. Saya tidak boleh duduk dengan penuh keyakinan iaitu bahawa saya akan mendapat sokongan daripada pihak sebelah sana kalau saya mahu sokongan untuk meminda Perlembagaan. Walaupun Yang Berhormat Ipoh Timur kata tapi PR ini saya hendak berunding dengan siapa sebab dia lambang pun tak ada. Kalau Barisan Nasional saya tahulah kita ada dacing tapi PR ini apa? Mungkin sebagai *permanent resident* sahaja dalam Dewan ini bukan *citizen* yang penuh ya. Sementara sahaja *[Ketawa]* Jadi tak apalah. PR, *permanent resident* kan? Jadi saya ingat lebih baiklah kita buat sesuatu berdasarkan yang kita yakin akan berlaku.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, Yang Berhormat daripada Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Menteri tadi kata tidak yakin boleh dapat kerjasama dari sini ataupun mungkin dapat muafakat sebab itu tidak bermula usaha untuk berunding kandungan rang undang-undang ini. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim ambil pendirian yang jauh beza dan bulan Julai sudah bermula perundingan dengan Pakatan Rakyat atas kandungan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman.

Jadi saya ingin tahulah macam mana Menteri yang berjawatan yang sama di Jabatan Perdana Menteri boleh mengambil pendirian atau sikap yang jauh berbeza itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab dia buat pendekatan macam itu yang dia tidak ada hari ini. *[Ketawa]* Jadi saya tidak mahu ikut cara dia, nanti saya pun tidak ada di sini. Okey?

Tidak betul. Sebenarnya Datuk Mohd. Zaid bukan dahulu sahaja, sekarang pun masih lagi ikut PR. Sekarang ini pun. Jadi sebab itu dia tidak ada di sini. Jadi saya tidak boleh ikut jejak dia dan saya mesti ikut cara saya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rasah dan beberapa Yang Berhormat dari pembangkang telah membangkitkan bahawa pembentukan SPRM adalah hasil dari tsunami politik yang berlaku pada bulan Mac 2008. Mana Yang Berhormat Rasah? Dia sudah kena tsunami, tak ada dalam Dewan. Kena tiup keluar sudah? Jadi sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, BPR telah membuat persediaan ke arah penubuhan suruhanjaya ini sejak awal tahun 2007 dan mula digerakkan secara aktif bermula pada bulan Jun 2007 dengan mengambil kira model-model yang bersesuaian dengan senario negara ini.

Sebenarnya kalau selepas tsunami politik, kita tak mahu buat pun tak boleh buat apa. Tak boleh buat apa. Jadi tak ada kena-mengena dengan tsunami politik. Ini ialah iltizam kerajaan untuk meneruskan apa yang telah kita rancang sebelum ini. Tidak ada kena-mengena dengan tsunami politik.

Yang Berhormat Muar menyarankan supaya rang undang-undang turut menumpukan usaha pencegahan rasuah dalam sektor swasta. Untuk makluman Yang Berhormat Muar, rang undang-undang ini digubal untuk meliputi pelbagai sektor termasuk sektor swasta sebagaimana dinyatakan di fasal 16 dan fasal 17, rang undang-undang serta tafsiran agen dalam fasal 3 adalah merangkumi sektor tersebut juga. BPR telah banyak mengambil tindakan ke atas sektor ini dan ia akan terus dilaksanakan secara berterusan.

Yang Berhormat Bagan membangkitkan mengenai *success rate* dengan izin ICAC Hong Kong berbanding BPR Malaysia dalam menyelesaikan kes-kes rasuah. Suka saya maklumkan seperti mana yang saya jelas sebentar tadi bahawa ICAC Hong Kong menerima banyak maklumat berkualiti yang boleh diteruskan dengan izin *pursuable* sehingga menghasilkan pendakwaan di mahkamah. Sebagai contoh tahun 2006, ICAC Hong Kong menerima 3,339 maklumat di mana 2,685 atau 79.6% adalah *pursuable cases* dengan izin. Bagi tahun yang sama, BPR Malaysia menerima tiga kali ganda jumlah maklumat yang diterima oleh ICAC Hong Kong, maknanya dekat 10,000 yang mana daripada tiga kali ganda ini hanya 11.9% sahaja yang *pursuable*.

Oleh yang demikian kita tidak hairan apabila kadar kejayaan di ICAC Hong Kong adalah lebih tinggi daripada BPR Malaysia kerana maklumat-maklumat yang diterima mereka lebih berkualiti. Usaha-usaha sedang dibuat oleh BPR untuk meningkatkan keberkesanan BPR...

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Mohon...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Melalui pendekatan... Nanti Yang Berhormat. Saya habiskan sekejap ya. Saya memang hormat Ketua Pembangkang, tak ada masalah. Lain kali kalau bunyi loceng pun saya faham, tidak apa. Melalui pendekatan *intelligence based investigation*. Hasilnya *conviction rate* telah berjaya ditingkatkan dari 68% pada tahun 2005 ke-77% sehingga bulan Oktober 2008. Sila Yang Berhormat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada masalah di dalam memutuskan satu kes terutama untuk pertimbangan pihak pendakwa raya tetapi saya pasti Yang Berhormat Menteri juga sedia maklum kes yang telah diperakui oleh BPR kemudian dipersetujui oleh Jabatan Peguam Negara, ditahan oleh pihak atasan dan saya percaya Yang Berhormat Menteri sedia maklum kerana saya juga maklum kes itu.

Keduanya, kes siasatan yang dibatasi skop kerana tidak diambil keseluruhan keterangan ataupun disempitkan skop penyiasatan. Ini seperti mana yang berlaku dalam kes Perwaja di mana PricewaterhouseCoopers Reports diketepikan. Ini sebagai contoh membuktikan bahawa pada ketika itu sementara BPR menjalankan tanggungjawab secara profesional, batasan di satu peringkat adalah Jabatan Peguam Negara dan dalam kes di mana Jabatan Peguam Negara telah meluluskan dan ditandatangani dengan maksud mendakwa masih ditahan di peringkat atasan politik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ini isu yang lainlah. Maknanya isunya tentang peranan yang dimainkan oleh AG Chambers. Sebenarnya saya ingin sebutkan di sini oleh kerana itulah Yang Berhormat pada hari ini di bawah akta ini, kita pastikan supaya kuasa untuk mendakwa diletakkan kepada... Sebab

kalau bercakap tentang AG ini ada dua Yang Berhormat. Satu kamarnya, satu individu. Individu, AG itu. Jadi oleh kerana itulah dengan jelas kita menyatakan bahawa kuasa untuk memutus sama ada pendakwaan akan dibuat ataupun tidak, hal ini diserahkan kepada DPP di suruhanjaya ini BPR sekarang.

Jadi dengan begitu, maka saya kira tidaklah ada lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu berlaku tetapi kalau ia berlaku sebenarnya ini masalah individu AG, bukan masalah kamar itu. Jadi kalau masalahnya ialah masalah individu, maka saya harap supaya kita selesailah individu itu bukan dengan cara yang lain untuk menjadikan AG itu sebagai ahli Jemaah Menteri seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor. Ini kerana kalau dia jadi ahli Jemaah Menteri, betul dia datang menjawab tapi dia sudah tidak bebas, dia sebahagian daripada eksekutif. Jadi perkara ini banyak yang harus kita fikirkan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak habis-habis lagi. Yang Berhormat mengacau perjalanan pemikiran saya. Bukan sekali sudah banyak kali sudah. Tak apalah. *Senior citizen*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau mengacau fikiran Yang Berhormat Menteri itu kerana Yang Berhormat Menteri mengelirukan Dewan yang mulia ini. Oleh kerana penjelasan Yang Berhormat bahawa sekarang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Permatang Pauh bahawa keputusan sama ada dibuat perakuan, sama ada dibuat oleh Badan Pencegah Rasuah atau Peguam Negara atau pegawai yang berkenaan dalam kamar Peguam Negara untuk buat pendakwaan boleh ditahan tidak akan berlaku dalam *bill* ini.

■1500

Akan tetapi ini bukankah ini tidak benar? Oleh kerana mengikut peruntukan yang ada di sini ialah dengan izin:

> "58. *A prosecution for an offence under this Act shall not be instituted except by or with the consent of the Public Prosecutor."*

Ini ialah Peguam Negara. Dan sungguhpun ada *administrative arrangement* di mana ada *secondment* dibuat untuk seorang senior DPP buat kepada SPRM, tetapi akhirnya Peguam Negara adalah tanggungjawab, ada kuasa yang mutlak untuk *override.* Dan sebab itu bukankah ini perlu dijelaskan, sebab itu saya ada pindaan yang dicadangkan supaya ini tidak berlaku, untuk mengelakkan penaklukan kuasa yang dahulu di mana ada orang patut didakwa di mahkamah atas rasuah sama ada Menteri atau lain, tidak dibuat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut sebentar tadi. Apabila bercakap tentang *Attorney-General* ataupun *Public Prosecutor* dia ada dua. Satu individunya, satu kamarnya pejabat dia itu, institusinya itu. Sudah tentulah mesti minta kebenaran daripada *Prosecutor General* yang dimaksudkan kamar itu. Semua pendakwaan di negara kita mesti dapat kebenaran daripada *Attorney-General's Chambers*. Kalau tidak nanti *Security Commission* dia ada dia punya sendiri pendakwa dia, rasuah ada pendakwa, nanti dia berkelahi sama dia. Dan kemudian pula kalau sekalipun kita setuju kita hendak kena pinda Perlembagaan. Sekali lagilah masalah pinda Perlembagaan yang saya sebut sebentar tadilah.

Jadi saya hendak jelaskan *Prosecutor General* bermaksud individu dan juga kamarnya. Di sini kita boleh baca Perlembagaan itu mengatakan, walaupun *Security Commission* boleh buat penyiasatan dia sendiri, polis buat penyiasatan dia sendiri, *anti corruption* buat penyiasatan dia sendiri dan kastam buat penyiasatan dia sendiri. Akan tetapi dakwa kena minta kamar Peguam Negara, itu maksud dia ya Yang Berhormat ya. Jadi ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menggelengkan kepala]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kenapa geleng kepala, betullah itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua inilah fantastik dilogiklah. Memecahkan *office,* Jabatan Peguam Negara kepada dua jenis dan tentulah tidak diterima oleh sesiapa *academician* yang *repeatable* dalam universiti-universiti kita selain daripada dalam Parlimen kita dengar *very-very illogical explanation.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang kepala tidak logik dia. Saya hendak tanya kepada dia, kalau dia kata *Attorney General* itu dimaksudkan satu individu. Di negara Malaysia ada 20,000 kes satu tahun yang hendak didakwa. Yang Berhormat kata individu AG itu boleh duduk satu tahun pun tidak habis hendak baca berpuluh ribu kes, lepas itu hendak buat keputusan satu persatu. Mana ada manusia macam itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itu *ridiculous argument*lah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pulak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan kita bagi pihak yang berkuasa, tetapi akhirnya dia ada kuasa buat keputusan muktamad itu *override* kalau mahu itu, bukan 20,000 kes.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Betul.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *No, no* kalau kita tengok itu *ridiculous rank*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau kita maksudkan iaitu bahawa yang disebut *Attorney-General* itu bermaksud individu, mana dia boleh duduk sampai satu hari, bukan satu hari setahun pun tidak boleh. Tidak usahkan 20,000 kalau 1,000 kes pun tidak larat dia hendak baca. Jadi yang kita maksudkan ini ialah *Attorney General* ini, kamar dia dapat kebenaran. Kalau sudah diberikan kuasa untuk membuat keputusan sama ada hendak dakwa ataupun tidak kepada katalah *Security Commission* pun ada dia punya orang, ACA pun ada buatlah tidak perlu lagi hendak telefon kepada individu AG itu boleh tidak boleh. Dia sudah diberi kuasa buatlah sahaja. Jadi Tuan Yang di-Pertua seterusnya

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Menteri sedikit.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti sekejaplah sekejap, sekejap.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tunggulah saya habis satu, satu dahulu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat sedikit sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sedikit pun tidak boleh biar saya habis.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sebelum berpindah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apa sekejap lagi pun boleh tanya. Nanti saya hendak habis. Saya mesti ada *progress* ucapan saya, satu *paragraph* satu *paragraph* lepas itu saya bagilah Yang Berhormat. Tidak ada, tidak jauh. Kalau *you* masih ingat *you* boleh tanya, walaupun saya dua batu pun *you* ingat lagikan? Baik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tumpat dan Titiwangsa membangkit struktur suruhanjaya yang berbeza dengan struktur suruhanjaya yang lain dan tidak dinyatakan siapakah ahli-ahli suruhanjaya. Perubahan nama tersebut merupakan satu penjenamaan semula *re-branding,* dengan izin ke atas agensi sedia ada. Ia berbeza dan tidak mempunyai ahli-ahli suruhanjaya sebagaimana dengan suruhanjaya-suruhanjaya yang lain, kerana SPRM adalah sebuah agensi penguatkuasaan undang-undang dan model seumpamanya terdapat di agensi pencegah rasuah di luar negara. Sila Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentunya ketika kedudukan Peguam Negara dilantik atas dasar asas politik dan juga seperti diamalkan di United Kingdom contohnya, mereka juga adalah pelantikan politik. Di sana

ada rasionalnya mengapa kewajaran itu disokong, dilaksana dan dipraktikkan. Kalaulah isunya kita terperangkap dengan persepsi, bukan hanya persepsi, tetapi *actual* yang dilihat sebagai apa yang disebut dalam istilahnya berlakunya *selective prosecution*. Atas dasar apa pun penghujahan daripada pihak *AG's Chambers,* kamarnya itu, maka ini tidak akan dapat diatasi kalau berterusan susunan itu kekal seperti mana lama.

Maka di sana dicadangkan dan saya mencadangkan apakah boleh kiranya pihak eksekutif, pentadbiran kerajaan memikirkan balik. Ini kerana kalau peribadi yang mewakili *AG's Chambers* itu ada di sini apa pun penghujahannya, apa pun rasionalnya yang didakwa mahupun yang tidak didakwa. Dia akan bersama dalam Dewan ini untuk mempertahankan penghujahannya, untuk mempertahankan segala tindakannya, pendakwaannya mahupun tidak pendakwaannya. Itu saya rasa ada munasabah mengapa *certain Westminsters practice* ini ber*democracy,* meletakkan AG peribadi Peguam Negara itu dilantik atas dasar politik dan bukan pelantikan *administration* sahaja. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua saya sebenarnya ada *conflict of interest* ini. Kalau saya setuju dengan dia calon yang terbaik sekali sayalahkan. Jadi saya ingat, tidak, tidak Yang Berhormat. Dia macam ini Yang Berhormat. Masalah kita hari ini ialah kerana di sebelah sana dan mungkin juga di kalangan masyarakat tidak suka dan yakin kepada individu AG itu, itu masalah dia. Kalau dilantik satu orang yang individu itu dilihat sebagai orang yang bebas kemudian Yang Berhormat akan minta balik supaya dia bebas macam sekarang. Jadi masalah dia jangan kita bakar kelambu itu kalau ada nyamuk ini.

Hari ini masalahnya kerana sebelah sana termasuk Ketua Pembangkang dia selalu bercakap dalam Dewan pun dia kata dia tidak ada keyakinan dengan AG individu itu. Akan tetapi kalau individu itu orang yang baik, sebagai contoh macam yang dahulu, bukan yang sebelum ini, dahulu katalah dia bagus. Sudah tentu pada ketika itu Yang Berhormat mahu dia yang bebas dan sudah tentu keputusan dia tidak akan dipertikaikan dan tidak perlu dia datang ke Dewan untuk beri penjelasan. Soalnya individu itu, jangan kerana individu itu kita buang apa yang ada pada hari ini yang sebenarnya meletakkan dia sebagai seorang yang cukup bebas. Kerana segala apa juga mesti minta kebenaran dia.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya setuju Menteri. Setuju saya setuju sepenuhnya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat relakslah.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sekejap, sedikit lagi. Kalau orang yang memandu kereta semua macam kita di Dewan ini mungkin yang tidak perlu kepada peraturan, mungkin tidak ada pun peraturan. *Traffic light* pun tidak perlu ada, kalau semua sudah dibekalkan dengan satu nilai yang tinggi, kerana itu perlunya ada *regulation.* Kerana itu kalau peribadinya setelah kita lihat dengan *track record*nya begitu, maka kita perlu kepada *regulation.* Dan inilah cara yang paling baik untuk mengatasi permasalahan individu yang ada kini. Ini dia yang dikatakan sebagai cadangan rasional kepada cadangan itu dan diakui segala-galanya, akhirnya adalah kepada manusia yang melaksanakan itu. Ini yang dipertikaikan sangat sekarang ini. Akan tetapi *regulation* mampu mengatasi.

■ **1510**

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau AG itu memandu, peraturan itu.. *[Tidak menggunakan pembesar suara]* ..esok kalau semua.. *[Tidak menggunakan pembesar suara]* ..buang kereta, nak bawa apa? Kereta lembu? Jadi, kepada saya kalau masalahnya itu adalah individu orang itu, maka apa tindakan yang perlu diambil, kepada orang itulah sahaja. Tak perlulah kita buang segala apa yang ada kepada jawatan Peguam Negara itu semata-mata kerana kita tidak *confident* dengan AG, individu yang ada pada ketika itu.

Tuan R.Sivarasa [Subang]: Sikit saja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hah? Tak boleh lah. Pada saya, jangan buang apa yang ada kepada AG itu sebagai jawatan dia kerana satu hari kalau betul esok satu manusia yang bagus, kita hendak balik supaya dia bebas macam hari ini dan

tidak sebahagian daripada Jemaah Menteri seperti yang dimahukan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor. Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tan Sri, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Betul, memanglah apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi masalah individu AG tapi saya melihat bahawa dia bukan sekadar masalah individu AG. Masalah individu AG itu kerana dia begitu akur dan dipengaruhi oleh kepentingan politik yang diketuai oleh pihak Eksekutif. Jadi masalah individu itu bukan saja masalah individu AG tapi masalah individu yang ada dalam Eksekutif itu sendiri. Jadi sebab itu bila sistem yang ada pada hari ini, bila mari ke sini Menteri yang menjaga undang-undang yang AG duduk di bawah dia, dia kata itu hal AG, kami tidak masuk campur. Kita hendak tanya AG, AG tidak boleh jawab kepada kita. Ini jadi masalah. Sebab itu kita lebih senang untuk melihat bahawa kalau AG sendiri yang datang untuk menjawab secara terus.

Sebab itu sistem yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor itu, itulah yang sepatutnya seperti mana yang pernah diamalkan oleh negara kita satu ketika dulu. Kalau tidak nanti inilah kami dok kena mainlah. Menteri kata ini AG punya, padahal AG kata, dia tak bagi tahu tapi kita tahulah bahawa dia dipengaruhi oleh kepentingan politik.

Tuan R.Sivarasa [Subang]: Singkat saja, atas tajuk yang sama.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya kalau saya kah dan saya kira menteri-menteri lain pun tidak pernah dalam Dewan mengatakan kalau sesuatu perkara yang dibangkit, itu AG punya hal, tak pernah. Kita tidak bekerja mengikut demikian. Kalau sekali pun kita tak tahu, kita minta katakan saya minta sedikit masa, notis supaya untuk mendapat maklumat daripada AG. Ini tanggungjawab bersama. Tak pernah Menteri kata saya tak tahu, tak pernah saya nak bagi tahu sini dalam Dewan, seorang Menteri kata itu AG punya kerja, kami tak tahu. Tak pernah berlaku. Saya duduk dalam anggota pentadbiran, saya tahu. Apa yang kita lakukan ialah saya minta notis Yang Berhormat supaya apa yang dibangkitkan itu boleh saya dapat maklumat seterusnya daripada pihak AG Chambers untuk memberi maklum. Itu cara kita bekerja.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Maksud saya, bukan saya kata Menteri tidak tahu tapi Menteri kata itu AG yang buat, kami tak masuk campur dan tindakan-tindakan yang dibuat oleh dia. Kami tidak mempengaruhi dia. Makna ini jawapan yang sering diberikan oleh pihak Eksekutif, pihak kerajaan bahawa mereka tidak campur tangan dalam keputusan yang dibuat oleh AG. Padahal apa yang berlaku seperti mana kes Yang Berhormat Kuala Kangsar satu ketika dahulu. Memang bahagian-bahagian pendakwaan sudah pun menyediakan kertas pada waktu itu tetapi akhirnya kertas pendakwaan itu tidak dapat dibawa kerana apa, kerana campur tangan pihak Eksekutif. Ini jelas kan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Kuala Kangsar tak betul Yang Berhormat. Yang Berhormat Kuala Kangsar menantu, menantu baru saja masuk saudara. Dulu tak ada.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tak *[Ketawa]* Apa dia? Tak faham.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Kuala Kangsar punya kes dulu itu, yang dapat itu menantu dia. Jadi menantu pada ketika itu tidak termasuk dalam takrif saudara yang kita baru nak masuk pada hari ini. Itu saja.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tetapi memang sudah tersebar pada waktu itu, kertas yang telah dipersetujui oleh Bahagian Pendakwaan daripada Jabatan Peguam Negara untuk membawa kes kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar pada waktu itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nak okey macam mana kalau menantu tidak termasuk sebagai saudara yang ditakrifkan yang kita tak boleh bagi benda itu.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Maknanya sekarang ini boleh bawa balik kes ini? Boleh bawa balik?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pokok Sena, sudahlah itu Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu terpulanglah kepada sekarang kes ini. Memang betul, tidak boleh pada ketika itu.

Tuan R.Sivarasa [Subang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti kejap, habis dah? Jadi, masalah dia Yang Berhormat, saya nak bagi tahu kalau apa keputusan yang dibuat oleh AG sebagai contoh, yang dia tidak boleh zahir kepada *public,* itu hak dia. Saya juga akan jawab di sini saya telah mendapat maklumat daripada AG Chambers mengatakan bahawa dia tidak perlu memberi penjelasan. Habislah cerita. Maknanya, apa juga perkara yang dilakukan oleh AG, kalau sekiranya dibangkitkan di sini, kita masih lagi boleh menjawab kerana kita boleh mendapat maklumat daripada dia. Ini jauh lebih baik daripada dia menjadi anggota Jemaah Menteri yang sudah tentu tidak boleh nafikan bahawa dia terikat dengan Eksekutif kerana dia sebahagian daripada Kabinet. Memang tak boleh. Yang Berhormat Subang.

Tuan R.Sivarasa [Subang]: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin balik kepada hujah Menteri tadi. Menteri pandang isu AG ini sebagai isu individu tapi saya ingin berkata isu ini lebih daripada individu dan juga satu masalah sistem dengan izin, *systemic problem* sekarang. Satu penyakit yang *systemic* dan sebagai contoh dan saya minta penjelasan atau pandangan daripada Yang Berhormat Menteri, kita balik 15 tahun lebih kurang dan kita lihat AG sebelum AG yang sekarang dan melihat apakah kejadian atau insiden yang kita boleh gunakan. Allahyarham Tan Sri Mokhtar Abdullah, kita tahu cerita yang dengan cuti dengan bersama V.K. Lingam di Itali. Gambar sudah keluar dengan terang di internet dan ada beberapa kejadian yang dikaitkan. Ada kenyataan beliau pada Januari 1999 apabila dia keluarkan kenyataan langsung tidak benar, berkata siasatan terhadap serangan, *the assault* atas Ketua Pembangkang oleh Tan Sri Rahim Noor tidak konklusif. Satu kenyataan yang tidak betul langsung dan sekarang kita ada AG yang sekarang.

Jadi, setuju kalau saya hujah Yang Berhormat Menteri, isunya lebih daripada individu sekarang. Ini yang masalah sekarang, sebab itu kita tidak boleh pandang isu masalah kamar Peguam Negara ini sebagai satu masalah individu dan kita hendaklah pandang benda ini sebagai satu masalah *systemic.* Sebab itu ramai Ahli Parlimen di sini risau apabila kita meletak *power,* kuasa atau tanggungjawab terhadap institusi itu yang nampak bermasalah sekarang. Itulah soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, respons sama ini *last one* lepas itu *move on to new.* Saya tidak mahu dengar.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, okey. Terima kasih. Saya masih menganggap ini masalah individu sebab kalau sistem kita pun, memang kita tak suruh dia bercuti dengan *lawyers.* V.K. Lingam kah, V.K. Lew. Bukan, bukan. V.K. Lew Yang Berhormat Sandakan. V.K. Lingam. *[Ketawa]* Kita tak benar pun. Jadi masalah individu, mungkin Yang Berhormat boleh cadang dalam pelantikan Peguam Negara ini buat sama macam JAC iaitu maknanya kalau kita boleh hakim, kita ada *Judicial Appointment Committee,* mengapa sebagai satu orang yang akhirnya membuat keputusan mengharapkan kepada dia untuk dia bebas. Dia juga kita mahu bebas sebagai hakim, cadangkanlah. Mungkin *Attorney General* punya *Appointment Commission* ke. Mengapa tidak? *We get the best*. Baru orang yakin. Jadi, masalahnya individu.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi kepada saya, dah. Saya kena akur dengan keputusan daripada Speaker. Kalau tidak nanti saya kena dua hari pula nanti kang. Jadi saya tak boleh layan Yang Berhormat Gombak. Saya akan terus kepada rakan-rakan yang lain ya. Ya, mungkin itu. Maknanya pelantikan AG itu. Yang ada sekarang kuasa, biar kepada dia. Mungkin pelantikan AG itu yang harus kita fikirkan. Ada satu panel yang menilai mereka yang layak untuk menjadi AG termasuk Yang Berhormat Subang. Saya yakin juga orang yang ada kelayakan untuk menjadi AG. *I know,* kalau *you are given that post, I have confidence in you* dengan izin. Luluslah, bagi lulus ini. *[Ketawa]*

Yang Berhormat Pasir Mas mencadangkan agar ditubuhkan satu jawatankuasa untuk tindakan bersepadu antara SPRM, LHDN dan PDRM bagi mengambil tindakan yang lebih proaktif dalam siasatan tanpa perlu menunggu laporan orang ramai. Cadangan Yang Berhormat Pasir Mas mengenai tindakan yang lebih proaktif tanpa menunggu laporan daripada orang ramai ini sebenarnya telah pun dilaksanakan oleh PPR. Dalam beberapa kes yang berjaya diselesaikan kebelakangan ini, ia adalah merupakan hasil daripada *intelligence based investigation* dengan izin, terutama dalam kes-kes rasuah yang berbentuk *syndicated crime,* dengan izin. Dengan penubuhan SPRM dan pertambahan keanggotaannya, siasatan yang berbentuk proaktif akan dapat dipertingkatkan lagi.

Yang Berhormat Pasir Mas bertanya sejauh mana iltizam Ketua Pesuruhjaya kelak dalam mendakwa kes-kes di mana ada kaitannya dengan *national interest.* Siasatan pasti akan dilaksanakan dengan terperinci, telus dan profesional tanpa *fear or favour* kerana terdapat banyak mekanisme pemantau yang telah diwujudkan bagi memastikan suruhanjaya melaksanakan fungsi kewajipannya.

■1520

Satu daripadanya yang disebut ialah kita mewujudkan Panel Penilaian Operasi. Jika kes tidak dituduh SPRM perlu menjawab ke panel tersebut yang terdiri daripada mereka yang profesional ini. Ini yang kita wujudkan, maknanya kalau ada kes yang dibuat aduan dan tidak dituduh maka kita ada Panel Penilaian Operasi yang akan bertanya mengapa dan sebab kes itu tidak di ambil tindakan.

Yang Berhormat Bagan membangkitkan sama ada tafsiran badan awam turut meliputi parti-parti politik. Sebagaimana Yang Berhormat Bagan sedia maklum, semua parti politik perlu berdaftar dengan pendaftar pertubuhan. Bagi maksud tersebut, tafsiran badan awam di fasal 3(e) dan 3(f) telah jelas memperluaskan tafsiran tersebut untuk meliputi mana-mana pertubuhan yang didaftar di bawah subseksyen 7(1) Akta Pertubuhan 1966 atau mana-mana cawangan pertubuhan yang berdaftar di bawah seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966.

Oleh itu Yang Berhormat Bagan tidak perlu risau kerana rang undang-undang ini telah mengambil kira perkara yang dibangkit. Sebab itulah saya pun tidak bertanding pada hari ini, takut nanti terlibat juga, pasal apa parti politik ini kena. Terima kasihlah.

Yang Berhormat Hulu Terengganu menyarankan supaya pelantikan Ketua Pesuruhjaya dibuat daripada kalangan pegawai yang mempunyai integriti dan mendapat kepercayaan masyarakat. Kerajaan menyedari bahawa calon yang berintegriti tinggi, terbaik, berkelayakan dan bersesuaian mampu menerajui SPRM untuk menjadi *benchmark* dengan izin atau model kepada agensi-agensi pencegahan rasuah yang lain. Sehubungan dengan itu, sub fasal 5(1) rang undang-undang tidak mengehadkan pelantikan Ketua Pesuruhjaya kepada anggota perkhidmatan awam sahaja sebagaimana ditetapkan dalam Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Yang Berhormat Kimanis membangkitkan peruntukkan subfasal 5(6) rang undang-undang mengenai kuasa Timbalan Pendakwa Raya yang dibekalkan kepada Ketua Pesuruhjaya dan tidak selaras dengan seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah. Subfasal 5(6) tidak bermaksud untuk melantik Ketua Pesuruhjaya sebagai Timbalan Pendakwa Raya sebaliknya bagi membolehkan Ketua Pesuruhjaya menjalankan kuasa Pendakwa Raya sebagaimana yang diberi kuasa oleh Pendakwa Raya bagi maksud rang undang-undang ini. Ini berbeza dengan peruntukan seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah yang melibatkan pelantikan Timbalan Pendakwa Raya dari kalangan *fit and proper person* dengan izin.

Yang Berhormat Arau, ada bertanyakan tentang status pegawai-pegawai SPR apabila status-statusnya ditukar menjadi sebuah suruhanjaya. Untuk makluman Yang Berhormat Arau, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengeluarkan satu Pekeliling baru berhubung dengan Skim Perkhidmatan Pegawai SPRM. Mereka ini akan ditawarkan *option* ke skim baru, di bawah skim baru tersebut.

Walau bagaimanapun dari segi perundangannya subfasal 6(7) telah memperuntukkan bahawa apabila akta ini mula berkuat kuasa, setiap orang yang memegang jawatan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 hendaklah disifatkan sebagai

pegawai suruhanjaya yang dilantik di bawah seksyen ini. Juga, kehendak subseksyen 6(5) hendaklah disifatkan telah dipenuhi dan tiap-tiap pegawai itu hendaklah memegang apa-apa gelaran jawatan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam warta. Oleh itu, dari segi undang-undangnya pegawai BPR akan dianggap sebagai pegawai SPRM pada 1 Januari 2009.

Yang Berhormat Tuaran bertanyakan apakah jenis aduan yang diterima oleh BPR dan adakah SMS termasuk dalam kategori tersebut? Untuk makluman Yang Berhormat Tuaran BPR menerima maklumat daripada pelbagai sumber seperti telefon, surat layang, surat rasmi, pengadu datang sendiri dan sumber tersebut termasuklah SMS dan *internet.* Subfasal 7(a) rang undang-undang menetapkan bahawa adalah menjadi kewajipan Ketua Pesuruhjaya, pegawai suruhanjaya untuk mengambil tindakan yang difikirkan praktik ke atas maklumat-maklumat berkenaan.

Yang Berhormat Kota Melaka tidurkah. Kota Melaka? Okey. Membangkit.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Penjelasan. Tuaran.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey. Tuaran.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Yang Berhormat saya juga telah menyentuh dalam ucapan saya mengenai dengan pertanyaan sama ada kementerian boleh mempertimbangkan supaya suruhanjaya ini dapatkan *service*nya sendiri, untuk membolehkannya lebih bebas. Sebab dalam peruntukan ini kita lihat bahawa *chief commissioner* itu adalah di anggap sebagai kakitangan kerajaan dalam konteks disiplin. Jadi cadangan saya dalam ucapan ialah supaya *commissioner* ini dapat diberi satu kebebasan sendiri seperti polis dan askar *the power to hire and fire*. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Tuaran saya di peringkat awal tadi telah pun menjelaskan iaitu sememangnya kerajaan memikirkan untuk menjadikan BPR ini Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ini sama taraf seperti yang dibangkit oleh Yang Berhormat iaitu polis dan juga askar. Akan tetapi dia memerlukan pindaan Perlembagaan yang memerlukan kita boleh ada 2/3 untuk lulus. Jadi kita tidak ada 2/3, jadi kita tidak buat lagilah. Terima kasih, kerana saya tidak percaya. Sokong kita.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan Jawatankuasa Penilai Operasi, untuk kes-kes yang diadu tidak disiasat dan sebagainya. Seolah-olah yang saya faham bahawa jika Jawatankuasa Penilai Operasi ini melihat kembali kemudian kes itu wajar maka dia boleh disiasat untuk dibuka siasatannya kembalilah.

Jadi saya melihat bahawa kenapa kuasa untuk menilai itu tidak diberikan kepada mana-mana komiti ataupun Lembaga Penasihat Jawatankuasa Aduan yang telah pun dilembagakan dalam rang undang-undang ini. Itu lebih kuat daripada kita beri kepada satu badan yang hanya di bawah proses pentadbiran. Seolah-olahnya kita lihat mereka ini tiada kuasa apa yang hanya menasihat dan sebagainya. Tidak ada hendak pastikan aduan itu boleh diangkat semula kecuali melalui proses pentadbiran, melalui Jawatankuasa Penilai Operasi itu tadi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita menggubalkan rang undang-undang ini berdasarkan apa yang ada di Hong Kong yang kita anggap modelnya adalah yang terbaik di dunia. Jadi kita lihat apa yang dilakukan oleh mereka itu adalah membantu ICAC ke arah untuk membanteras rasuah di negara kita. Jadi sebab itu kita ikut, yang mana kita boleh ikut, kita ikut.

Rasionalnya ialah kerana Jawatankuasa Panel Penilaian Operasi ini, dia memfokuskan kerja dia kepada itu sahaja. Maknanya kepada menilai operasi dan masing-masing semuanya diberikan tugas masing-masing. Oleh sebab itu bagi Panel Penilaian Operasi ini di dalam model Hong Kong itu pun juga dia tidak merupakan satu jawatankuasa yang termaktub dalam akta itu tetapi dia merupakan satu jawatankuasa yang dilakukan secara pentadbiran.

Jadi kepada saya, saya kira mengapa berlaku demikian ialah pertamanya mungkin kerana hendak memberi setiap jawatankuasa itu memfokuskan ke atas kerja masing-masing. Tidak ada satu jawatankuasa lebih tinggi, tidak ada. Masing-masing dia fokus

kepada kerja dia dan pada ketika ini kita merasakan iaitu bahawa bagi Panel Penilaian Operasi ini adalah baik kalau kita dapat lakukan secara pentadbiran.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri. Saya agak kesal kerana tadi Menteri mengaku kerana tidak ada 2/3 sokongan dan Menteri mengaku bahawa kita bentangkan satu versi undang-undang yang *water down* dan tidak memandang kepada keberkesanan ini sebagai satu instrumen berkesan untuk lawan rasuah ini.

■1530

Kita di sebelah sini sudah berkali-kali menyatakan, kalau perlu pindaan Perlembagaan ini dilakukan atas kepentingan negara, kami rela untuk memberi sokongan penuh untuk pindaan Perlembagaan. Namun saya tidak sangka kerajaan mengaku bahawa tidak mahu bentangkan satu undang-undang yang lebih berkesan dan memberi kebebasan dan kuasa yang lebih besar kepada MACC ini supaya kita dapat satu undang-undang yang betul-betul boleh membantu untuk membasmi rasuah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Lain kali *lunch time* jangan makan lama sangat, mari awal lain kali. Menteri datang awal untuk menjawab, saya dah menjawab dah perkara ini di peringkat awal tadi, kalau nak tanya apa saya sebut, tanya Ketua Pembangkang dengan Timbalan Ketua Pembangkang ini, Ipoh Timur ini. Tanya dia orang, saya sudah jawab Yang Berhormat bangkit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan, mengenai panel *operation review*. Adakah benar bahawa antara *ex-officio member* panel penilaian operasi ialah IGP dan Peguam Negara dan bukankah peruntukkan ini tidak akan membantu meningkatkan keyakinan dalam perjalanan SPRM.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat kalau kita nak lihat balik tentang perkara-perkara yang merupakan satu perkara yang tidak diambil tindakan oleh Majlis ini. Saya kira sudah tentu kita fikirkan, kita mesti memastikan jawatankuasa ini benar-benar boleh mengambil tindakan dan kalau sekiranya wakil polis duduk atau wakil lain, itu adalah untuk mempercepatkan tetapi saya rasa setakat inilah yang saya tahu tidak ada lagi iaitu cadangan sebenarnya untuk meletak dalam operasi panel ini terdiri daripada mereka yang disebut oleh Yang Berhormat, saya tidak tahu lagi. Yang Berhormat sebut itu akan menjadi satu kaveat kepada kita.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Penjelasan berkaitan dengan Jawatankuasa Penilaian Operasi tadi. Adakah dengan penjelasan Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat bersetuju bahawa apa yang saya sebutkan tadi, Lembaga Penasihat, Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah, Jawatankuasa Aduan ini, mereka ini sebenarnya tak ada apa pun, tak ada kuasa apa.

Dia kuasa semak, baca kemudian nasihat, itu saja, dia tidak ada kuasa apa, malah Jawatankuasa Penilaian Operasi ini, seolah-olah lebih besar daripada jawatankuasa, bermakna bahawa ini hanya sekadar nak menunjukkan bahawa kita ada Lembaga Penasihat, kita ada jawatankuasa aduan, tetapi hakikatnya mereka tidak diberikan apa-apa kuasa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu interpretasi Yang Berhormat lah, sebenarnya apa yang disebut itu, itulah kerja dia, kuasa dia, ini semua ada kuasa ini, yang disebut itu, itu kuasa dia. Kemudiannya Yang Berhormat bagi,...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya itu kuasa dialah, kita kata peranan, ya termasuklah, kuasa yang dia boleh pastikan laporan itu disediakan untuk diberikan kepada Perdana Menteri, itu semua kuasa itu.

Jadi kuasa sebenarnya adalah kepada suruhanjaya, itu kuasa. Berapa orang yang nak ada kuasa ini, takkan dalam suruhanjaya nak ada sub suruhanjaya lagi. Ini semua memainkan peranan untuk membantu suruhanjaya boleh menjalankan kuasa dia dengan

lebih baik. Kuasa dengan suruhanjaya, yang ini semua memang tak ada kuasalah makna nasihat, kalau Yang Berhormat nak lihat itu sebagai peranan penasihat, penasihatlah, kerana kuasa dia kepada suruhanjaya.

Kuasa mesti kepada suruhanjaya dan mereka ini membaik pulih, membantu supaya kuasa itu dapat dijalankan dengan berkesan dan baik.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kuasa kepada suruhanjaya?... Sebab itu saya katakan tadi, kenapa peranan Jawatankuasa Penilai itu tidak diberikan kepada mereka, sedangkan Jawatankuasa Penilai ialah di bawah pentadbiran suruhanjaya.

Jadi bermakna bahawa Jawatankuasa Penilai itu juga seolah-olah daripada satu saluran yang sama untuk menilai kerja yang gagal dilaksanakan oleh suruhanjaya, oleh Ketua Pesuruhjaya dan *team* dia, jadi kita ambil satu jawatankuasa yang duduk di bawah pentadbiran tadi untuk menilai kegagalan kerja penilai, sedangkan sepatutnya, lembaga inilah yang membuat apa-apa penilaian.

Kalau sekadar nak nilai pastikan sedia laporan tahunan, saya percaya tak ada lembaga pun laporan tahunan bertimbun dalam Parlimen ini. Lembaga Pertubuhan Peladang pun ada hantar laporan tahunan dekat kita, tak ada Lembaga Penasihat, tak ada jawatankuasa khas, tak ada jawatankuasa aduan pun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam penyiasatan rasuah ini, satu perkara yang amat penting ialah kerahsiaan kerana kalau sesuatu perkara itu di bincang secara terbuka, maka apa yang akan berlaku pertamanya ialah orang yang menjadi saksi ataupun bukti itu boleh dilarikan, bukti dan saksi dan macam-macamlah *evidence* nya.

Keduanya mungkin juga orang yang tidak disiasat itu oleh sebab-sebab tertentu kalau di bincang secara terbuka akan mendatangkan kemudaratan, kemudaratan kepada subjek yang disiasat, dibabitkan oleh kerana jawatankuasa yang disebut dalam akta ini merupakan jawatankuasa yang ditentukan oleh akta.

Perkara yang dibincangkan oleh mereka itu, semuanya merupakan perkara yang akan didedah kepada umum, sebab itu kita merasakan betul ataupun tidak betul untuk memastikan kerahsiaan sesuatu kes, kenapa ianya tidak diambil tindakan yang perlu ditanya, mestilah dilakukan secara pentadbiran untuk mengelak daripada ia nya menjadi satu perkara yang diketahui oleh umum.

Jadi itu saya kira satu daripada alasan mengapa kita mahu Panel Penilaian Operasi yang dilantik secara pentadbiran itu di wujud untuk menilai kes-kes ini untuk mengelak daripada ia nya diketahui umum dan akan memudaratkan orang yang *in the first place* tidak didakwa mungkin kerana sebab-sebab yang tertentu.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bersetuju bahawa untuk kerahsiaan, tak ada masalah kalau diberikan tanggungjawab itu kepada Lembaga Penasihat ataupun jawatankuasa tadi dan Jawatankuasa Aduan, tapi dengan syarat mereka tidak perlu hebah, itu tidak perlu buat satu laporan tahunan, tetapi mereka yang harus diberikan kuasa, bukannya di bawah pentadbiran yang sama untuk meneliti kembali, mengkaji kembali kegagalan kerja pentadbiran.

Jadi seolah-olahnya benda yang sama, pentadbiran sudah gagal kemudian di bawah pentadbiran itu ada satu jawatankuasa. Jawatankuasa itu yang mengkaji balik penilaian, membuat penilaian tentang kegagalan mereka. Jadi tak ke mana...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia *mood point* lah, maknanya kalau Yang Berhormat hendak Panel Penilaian Operasi ini, tugasnya dimainkan oleh satu daripada jawatankuasanya, bolehlah, tapi kita ada rasional kita, mengapa kita merasakan itu bahawa adalah lebih baik,.

Saya nak tanya Yang Berhormat, kalau saya, sepatutnya Yang Berhormat daripada awal kena pertikai, mengapa ada tiga, buat satu cukuplah, kan? Betulkan? Jadi tiga ini, yang mana satu patut main peranannya. Jadi kalau kita bagi peranan ini kepada satu jawatankuasa, jawatankuasa ini kata, kenapa dia pula, kenapa tak aku? Jadi masing-

masing jawatankuasa itu ada peranannya dan kita telah pun menentukan peranan yang perlu dimainkan oleh mereka.

Sebenarnya kalau ikut rasional Yang Berhormat, *argument,* hujahnya, mengapa ada tiga dalam akta ini, ada satu cukuplah supaya dia buat kerja semua, tetapi kita nak bahagi-bahagikan supaya lebih ramai orang lagi yang akan dapat mengambil bahagian dan tidak terhad kepada katalah kalau kita nak tujuh orang, tujuh orang itu saja, tetapi kita bahagi-bahagikan kerana masing-masing ada peranannya dan kita tahu, orang-orang ini adalah orang profesional yang kita nak lantik.

Jadi sebab itulah kita adakan tiga jawatankuasa dengan peranannya disebut. Jadi sebab itu pada saya sebenarnya dia terpulanglah kepada kami merasakan adalah baik supaya kita ada di sini, tiga jawatankuasa yang disebut dan dua yang akan dibuat secara pentadbiran supaya kita dapat memperluaskan peranan yang boleh dimainkan masyarakat dalam soal memerangi untuk membanteras rasuah ini.

■1540

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya bukan membangkitkan persoalan tentang pengagihan peranan Yang Berhormat. Akan tetapi saya lihat bahawa peranan yang diberikan kepada tiga jawatankuasa itu sebenarnya tidak ada apa. Macam saya katakan untuk pastikan penyediaan laporan tahunan apa semua, ini saya nampak macam satu kerja yang rendah sangatlah. Kerja yang dibuat oleh pihak jawatankuasa yang diletakkan dalam satu suruhanjaya ini.

Sepatutnya mereka itu diberi kuasa malah bagi saya, saya pernah mencadangkan bahawa Jawatankuasa Aduan dan Jawatankuasa Khas itu boleh disatukan untuk mewujudkan satu jawatankuasa peringkat Parlimen untuk melantik Lembaga Penasihat dan termasuk bagi saya adalah mencari calon untuk Ketua Pesuruhjaya. Akan tetapi dalam konteks inilah saya katakan bahawa sepatutnyalah bahawa dalam konteks penilaian operasi itu diberikan kepada mereka, bukan diberikan kepada pentadbiran. Kerja mereka *simple* sangat, mudah sangat. Macam tidak kerja apa, kita bagi elaun butalah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apalah Yang Berhormat sebab saya fikir benda ini kalau kita bincang tidak habis. Saya tetap dengan pendirian pihak saya iaitu bahawa kita perlu mengadakan jawatankuasa ini kerana kita mengikut model yang telah berjaya di Hong Kong dan juga di beberapa buah negara yang kita tengok mereka berjaya membanteras rasuah dengan model yang mereka ada. Jadi kita apa salahnya ikut yang baik, kita ikutlah.

Jadi kita kena bagi peluang dulu supaya perkara ini berlaku. Kita akan lihat nanti kalau tidak sesuai dengan apa yang ada di negara kita boleh pinda *along the way* sama ada untuk buang ataupun untuk memperketat lagi. Ini semua boleh dilakukan demi untuk hendak membanteras rasuah di negara kita. Yang Berhormat Kota Melaka membangkitkan bahawa SPRM tidak mempunyai kuasa khusus untuk...

Dr. Dzulkiefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mengarah mana-mana jabatan untuk menukar... Ini sudah saya jawab ya. Yang Berhormat Puchong mencadangkan agar Fasal 11(2) diperluaskan supaya kes-kes yang tidak dituduh dan alasan-alasan kenapa tidak dituduh dimasukkan dalam laporan tahunan suruhanjaya yang akan dikemukakan kepada jawatankuasa khas mengenai rasuah sebelum dibentangkan di Parlimen.

Implikasi dari cadangan ini adalah bahawa kuasa-kuasa pendakwa raya di bawah Perkara 145 boleh dipertikaikan oleh pihak legislatif dan ini bertentangan semangat perkara tersebut dan nas undang-undang yang mengatakan budi bicara pendakwa raya tidak boleh dicabar. Yang Berhormat Bachok membangkitkan bahawa tujuh Ahli Lembaga Penasihat yang dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri tidak dapat mewakili kesemua segmen utama masyarakat.

Yang Berhormat Sekijang bertanya sama ada anggota-anggota lembaga boleh dilantik dari luar sektor awam. Subfasal 13(2)(a) jelas memperuntukkan sekurang-kurangnya tujuh anggota. Oleh itu Ahli Lembaga Penasihat tidak semestinya tujuh orang. Hanya sekurang-sekurangnya tujuh orang. Mengenai segmen masyarakat yang akan diwakili oleh Ahli Lembaga ini, kriteria utama yang ditetapkan adalah mereka telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang dan telah mencapai keunggulan dalam profesion. Sekiranya mereka memiliki kriteria tersebut, sudah pasti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengemukakan nama mereka kepada Yang di-Pertuan Agong.

Yang Berhormat Ipoh Timur bertanya mengapa cadangan mewujudkan Jawatankuasa Parlimen tidak diteruskan. Manakala Yang Berhormat Bachok membangkitkan tujuh orang ahli Jawatankuasa Khas adalah tidak mencukupi dan patut dikembangkan dengan jumlah yang seimbang dari kerajaan dan pembangkang. Yang Berhormat Pokok Sena mahukan peruntukan yang lebih jelas mengenai pelantikan dan Yang Berhormat Pontian mencadangkan agar keanggotaan Jawatankuasa Khas terdiri dari Ahli Parlimen dengan nisbah yang sesuai antara kerajaan dan pembangkang. Walaupun jawatankuasa tersebut tidak dinamakan sebagai Jawatankuasa Parlimen tetapi yang jelas Jawatankuasa Khas tersebut terletak di bawah Parlimen dan diwakili dan Ahli-ahli Parlimen.

Tujuh orang ahli tersebut adalah mencukupi sebagai satu jawatankuasa kerana laporan tahunan juga akan dikemukakan di kedua-dua Dewan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mengenai representasi dalam jawatankuasa tersebut, terserahlah kepada Ketua Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk menentukan termasuklah untuk mengkhususkan jawatan pengerusi kepada pembangkang sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bachok dan Yang Berhormat Ipoh Timur. Yang Berhormat Bachok...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Dengan peruntukan Fasal 14, *Special Committee on Corruption* sebenarnya bukannya satu *Parliamentary Committee.* Sungguhpun dianggotai oleh Ahli-ahli Parlimen dua-dua Dewan, ia adalah satu jenis jawatankuasa yang sangat aneh yang tidak bertanggungjawab kepada Parlimen tetapi bertanggungjawab kepada Perdana Menteri. Oleh kerana dilantik oleh Perdana Menteri sama ada dapat nasihat daripada *leader of the House* iaitu Perdana Menteri, menasihati Yang Di Pertuan Agong mengenai pelantikannya. Kenapa ada satu peraturan yang begitu *ridiculous*. *Leader of the House* ialah Perdana Menteri yang menasihatkan Yang di-Pertuan Agong yang, itu yang pertama.

Kedua, kalau jawatankuasa ini ialah satu Jawatankuasa Parlimen, bertanggungjawab kepada Parlimen yang dilantik oleh Parlimen yang membayangkan representasi dalam Parlimen. Ketiga ialah akhirnya bertanggungjawab kepada Parlimen bukan buat laporan kepada Perdana Menteri yang ada dalam fasal 14(5) iaitu bertanggungjawab untuk buat laporan kepada Perdana Menteri. Perdana Menteri yang mengarahkan laporan itu diletakkan di meja Dewan ini. Bukan ini menunjukkan satu *strange creature,* satu *animal* yang sangat luar biasa. Di mana dianggotai oleh Ahli Parlimen tetapi bukan *Parliamentary Committee* tapi bertanggungjawab kepada eksekutif, kenapa itu?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak pernah membuat keputusan iaitu bahawa Suruhanjaya Rasuah mesti duduk di bawah Parlimen, tidak boleh ya. Ini kerana mudah sahaja, nanti seseorang itu didapati salah ataupun tidak salah berdasarkan kepada populariti dia dalam Dewan. Jadi demokrasi tidak boleh menjadi keadilan, tidak boleh menghukum. Kalau di kalangan Ahli-ahli Parlimen dia popular, jadi mungkin dia tidak akan didapati bersalah kerana populariti dia. Jadi dari segi *justice,* demokrasi *is never the determiner of justice.* Itu kita tidak boleh lakukan.

Sebab itu kita tidak berhajat langsung untuk meletakkan... Saya hendak cakap terus terang *to put the Anti Corruption Agency* sebelum ini BPR di bawah Parlimen, *no way*. Sebab kita juga mengamalkan politik *partisan*. Di Perak pun sepatutnya kalau dua orang itu didakwa, lepaslah jawatan itu dulu dalam pendakwaan, tidak juga. Lepas itu tidak cukup dengan itu, saman pula BPR kerana menjalankan tugas dia. Jadi kita punya politik *partisan,* jadi tidak boleh kita letak ACA di bawah Dewan Rakyat. Lagi satu *leader of the House has not advise the Prime Minister. Leader of the House* lantik jawatankuasa itu. Okey..., ini benda apa pula ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab itu saya tidak akan mengisytiharkan bahawa ini merupakan... Saya tidak pernah kata pun ia merupakan *Parliamentary Committee.* Sebab itu kita namakan dia Jawatankuasa Khas yang dianggotai oleh Ahli Parlimen. *I've never said* dengan izin, *it's a Parliamentary Committee. You said.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya. Penjelasan, dua perkara. Perkara yang pertama, kita bukan bincang mengenai satu jawatankuasa yang ada kuasa untuk menentukan siapa salah, *corrupt* atau tidak *corrupt*. Ini lari daripada tajuk. Tugas *Special Committee* ini ada dijelaskan dalam rang undang-undang ini untuk satu pemantauan*, over side*. Bukan untuk menggantikan tanggungjawab, *substitute* tanggungjawab SPRM untuk menentukan atau mahkamah pun untuk menentukan siapa *corrupt* atau tidak *corrupt.* Sebab-sebab yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri ialah tidak tepat sekali. It's a *digression and diversion.*

Kedua, sungguhpun Yang Berhormat Menteri tidak pernah berkata bahawa itulah *special Parliamentary Committee* tetapi prinsip *collective responsibility,* satu keputusan ada dibuat oleh Kabinet sebelum Yang Berhormat Menteri ambil alih daripada Datuk Zaid Ibrahim selepas beliau *resign* mengenai tanggungjawab ini.

■1550

Sampai masa itu konsep mengadakan satu *special committee* ialah *Parliamentary Special Committee.* Ini pun ada dibincang di *public domain*, bukankah ini satu *official secret*. Ia dibincang di *public domain* mengenai dengan izin, *laws were also be needed to set up a Special Parliamentary Committee on the prevention of Corruption Act.* Bila *Special Parliamentary Committee* sudah diketepikan dan digantikan dengan *Parliamentary Committee* sahaja.

Ketiga, dengan penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri nampaknya kemungkinan besar *Special Committee on Corruption* ini tujuh orang semuanya Ahli Parlimen daripada kedua Dewan dan mungkin semuanya daripada Barisan Nasional dan mungkin juga semua Senator supaya tidak bertanggungjawab. Bukankah ini aneh? Kita mahukan satu mekanisme yang efektif, yang boleh mendapat kepercayaan orang ramai bahawa ia adalah *monitoring committee* yang ada *high profile* dalam keyakinan orang ramai. Jika begitu *Parliamentary Committee* hendaklah terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen dan dipilih oleh rakyat. Ini adalah penting dan mustahak. Kenapa kita perlu defensif dan mengatakan tidak mahu populariti menentukan siapa yang *corrupt* ataupun tidak *corrupt.* Itu bukan masalahnya. Masalahnya ialah perjalanan sistem *anti corruption* yang licin. Itulah masalah yang kita hadapi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sangkaan jahat datang daripada hati yang jahat. Itu sangkaan jahat yang mengatakan, bahawa tujuh orang itu semuanya datang daripada BN. Oleh sebab itulah saya harap jangan lantik dia jadi Perdana Menteri. Sangkaan jahat! Itu tidak. Yang Berhormat sendiri tahu iaitu bahawa hari ini apa pun yang kita buat akan di*scrutinized,* dengan izin, oleh rakyat dan kita tahu bahananya. Sudah tentu tanpa perlu ada *regulation* kita akan laksanakan pelantikan berdasarkan pengagihan kerusi di Dewan ini. Tidak ada Perdana Menteri. Mungkin Zimbabwe bolehlah, Mugabe itu, tetapi di sini di mana demokrasi itu adalah sihat, ia tidak akan berlaku yang sedemikian.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta sikit penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Keduanya, apa yang di bincang adalah secara terbuka. Itu amalan demokrasi kita, *freedom of expression.* Macam-macam cadangan yang dibangkit, tetapi tidak semestinya kita ikut semua yang dibincangkan, sebab sudah tentu kita akan ambil yang mana kita fikirkan yang elok. Jadi, kalau Yang Berhormat kata *collective responsibility*, saya patut akur dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Menteri yang dahulu. Menteri yang dahulu, saya tidak mahu cakap tentang dia tetapi kalau dirujuk lagi saya hendak beritahu. Sikap dia, umum dulu baru bincang. Jadi, apa yang diumumkan oleh dia itu tidak semestinya keputusan yang telah dibuat oleh Jemaah Menteri.

Jadi, tidak ada soal saya tidak akur dengan *collective responsibility,* kerana apa yang Menteri dahulu cakap belum lagi menjadi keputusan Jemaah Menteri. Oleh sebab itu saya hendak menyatakan di sini bahawa kita sememangnya mahu memberi peranan kepada Ahli Parlimen dalam soal ini. Akan tetapi untuk meletak ACA ke suruhanjaya di bawah Parlimen, *it is not an option.*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bachok mencadangkan agar...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Boleh sikit? Kawan lama. Ini isu tentang Parlimen, minta laluan sikit.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah dulu, tadi saya bagi alasan Kuala Selangor, Yang Berhormat tidak ada. Saya hendak jalan sikit.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sebelum yang ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hendak berjalan sikit, beri injak sikit.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya belum pernah mencelah lagi, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, pencelahan ini tertakluk di atas budi bicara ahli yang sedang bercakap, tidak boleh diminta-minta, dipaksa atau sedemikiannya. Saya pun sebagai Tuan Yang di-Pertua tidak boleh paksa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, mana boleh minta...

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah Yang Berhormat Menteri jawab dulu, selepas itu dia beri laluan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Maksud Tuan Yang di-Pertua kita tidak boleh minta laluan, ya? Minta-minta itu tidak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh minta tetapi apabila dia tidak beri jangan paksa, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Minta boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Kerana itu *floor* dia.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Minta boleh. Soal hendak minta itu, minta sayalah.

Tuan Yang di-Pertua: Sama ada diberi atau tidak wallahualam.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Dia tidak beri pun saya tidak marah, kita hendak minta. Hak saya meminta, hak dia tidak bagi. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, duduklah. Sudah tidak bagi, duduklah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hak saya pula untuk menentukan masa itu diguna pakai dengan baik. Kadang-kadang saya dengar hujah itu berbalik-balik, itu juga hujah seorang wakil rakyat. Tidak mengapa, satu sahaja yang saya dapat timba ilmu dalam Parlimen ini ialah kesabaran. Silakan, Yang Berhormat Menteri, teruskan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bachok mencadangkan agar pelantikan Ahli Jawatankuasa Aduan dibuat oleh Dewan Rakyat. Manakala Yang Berhormat Gombak pula mencadangkan supaya Jawatankuasa Aduan dilantik dari kalangan profesional dan semua yang dilantik dalam mana-mana jawatankuasa diberi elaun yang kecil, *sitting allowance*, dengan izin, agar tidak termakan budi dengan kerajaan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Kerajaan mahu Jawatankuasa Aduan ini terdiri daripada mereka yang bebas, profesional dan tidak mempunyai kepentingan seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Gombak. Memang kita hendak orang yang profesional, bebas dan tidak mempunyai kepentingan.

Oleh itu adalah lebih wajar sekiranya peruntukan di fasal 15(2) ini dikekalkan. Kerajaan juga masih belum lagi memutuskan sama ada akan memberi *sitting allowance* atau elaun bulanan, tetapi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Gombak itu mungkin ada baiknya. Ini kerana kita tidak mahu orang itu nanti kalau dia dapat *monthly allowance*, sebagai contoh katakanlah RM5,000 sebulan, jadi dia fikir yang RM5,000 sebulan. Maka keputusan dia itu akan terikat kepada bagaimana dia hendak mengekalkan kedudukannya. Mungkin Yang Berhormat cadangkan *sitting allowance* pun cukuplah. Kita hendak supaya orang yang benar-benar mahu memerangi rasuah duduk, sebenarnya sukarela. Lawan rasuah ini bukan kerana dibayar untuk kita bekerja, tetapi sebenarnya kalau kita menganggotai jawatankuasa ini atas naluri kita yang sememangnya benci kepada rasuah. Jadi, orang seperti ini - bukan kita tidak menghargai dia, tetapi pada dia kerja pun tidak kisah. Bagi dia *sitting allowance* pun dia okey. Itu satu opsyen yang kita fikirkan supaya jangan ada terikat, jangan bekerja kerana dapat secara bulanan RM5,000 - RM6,000 sebulan itu.

Namun pengalaman di ICAC Hong Kong menunjukkan bahawa semua jawatankuasa dan panel dilantik tidak menerima apa-apa bayaran daripada pihak kerajaan. Bahkan mereka yang datang bermesyuarat perlu membuat bayaran letak kereta sebelum ICAC Hong Kong mempunyai bangunan sendiri. Jadi, saya ingat itu satu opsyen yang kita ini okey sikitlah. Kita bagi *sitting allowance.* Kita akan bincangkan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Gombak memandangkan di Hong Kong langsung tidak dibayar termasuk kena bayar *park* kereta sendiri.

Yang Berhormat Batang Sadong memohon supaya pelantikan ahli dalam Lembaga Penasihat Pencegah Rasuah, Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, dan Jawatankuasa Aduan mengambil kira representasi dari Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat Batang Sadong, kriteria umum keahlian telah dinyatakan dalam fasal 13, fasal 14 dan fasal 15 rang undang-undang. Dia tidak soal kenegerian. Kita lihat kepada kebebasan dan profesionalisme dia. Namun terpulanglah kepada Yang di-Pertuan Agong dan Menteri bertanggungjawab untuk membuat pelantikan sebagaimana yang dinyatakan dalam rang undang-undang. Saya percaya saranan Yang Berhormat Batang Sadong adalah permintaan yang *valid,* dengan izin dan akan diambil kira dalam menentukan keahlian lembaga dan jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan.

Yang Berhormat Rembau mencadangkan supaya Lembaga Penasihat Pencegah Rasuah mendapat pandangan dari pesalah-pesalah rasuah yang telah menerima hukuman. Saya berpandangan terpulanglah kepada Ahli Lembaga Penasihat kelak sama ada perlu bagi mereka untuk mendapatkan pandangan pesalah-pesalah tersebut, walaupun ini tidak dinyatakan sebagai salah satu fungsi Lembaga Penasihat.

Yang Berhormat Rompin menyarankan supaya rang undang-undang tidak ditumpukan ke atas penerima rasuah sahaja. Sebaliknya tindakan juga perlu diambil ke atas pemberi rasuah. Untuk makluman Yang Berhormat Rompin, tindakan-tindakan ke atas pemberi rasuah boleh diambil di bawah fasal 16(b) dan fasal 17(b) rang undang-undang ini. Perangkaan sejak tahun 2001 hingga November 2008 menunjukkan seramai 510 orang pemberi rasuah telah ditangkap oleh BPR. Ini menunjukkan bahawa tindakan ke atas pemberi rasuah sememangnya diambil dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Pasir Mas mencadangkan agar setiap kesalahan rasuah yang melibatkan jumlah melebihi RM100,000 dikenakan hukuman sebatan mandatori.

■1600

Beliau turut mencadangkan agar ISA digunakan dalam menjalan siasatan ke atas kes-kes yang besar. Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Mas, sesuatu hukuman itu tidak wajar dikaitkan hanya berdasarkan amaun yang terlibat. Sebagaimana pembentangan saya semalam, rang undang-undang ini telah memansuhkan hukuman penjara minimum. Hasrat kita ini adalah untuk menggalakkan mereka yang benar-benar melakukan kesalahan dan ingin mengaku salah untuk berbuat demikian.

Sekiranya ada hukuman sebatan sudah pasti perbicaraan akan lebih panjang lagi. Hukuman yang ditetapkan di bawah fasal 24 itu sudah memadai kerana pesalah rasuah

akan dikenakan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai rasuah yang dilakukan. Ini juga sudah menjadi *deterrent* bahawa *crime does not pay,* dengan izin. Kuasa-kuasa penyiasatan yang dibekalkan dalam rang undang-undang ini telah cukup luas dan oleh itu tidak perlu ISA digunakan dalam menangani kes-kes rasuah sama ada kecil ataupun besar.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tidak mengapa kita balik ke belakang sedikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita cukup prihatinlah apabila Yang Berhormat Menteri secara jujur menyatakan bahawa tidak terniat langsung untuk mewujudkan SPRM ini ada kaitan dengan Parlimen ataupun yang di bawah penguasaan Parlimen. Walaupun di luar sana orang menganggap rang undang-undang ini adalah rang undang-undang yang berkaitan dengan tuntutan kita Ahli Parlimen. Kerana di sebelah sana pun mengatakan, "Ha, inilah Ahli Parlimen pembangkang hendak selama ini". Ada yang menyebutkan. Buka Hansard balik ya. Jadi, kita menyangka dengan peruntukan Jawatankuasa Khas itu ada sedikit hubung kaitnya dengan Parlimen.

Akan tetapi menurut penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi, memang tidak ada terniat. Jadi seolah-olah Jawatankuasa Khas yang terdiri daripada Ahli Parlimen ini semacam kosmetik sahaja untuk ada sedikit hubungan dengan Parlimen. Jadi mungkin pengakuan Yang Berhormat Menteri ini menyebabkan di luar sana, orang terperanjat bahawa rang undang-undang ini dengan izin, *nothing to do* dengan kuasa ataupun satu jawatankuasa lantikan di Parlimen. Jadi, saya bukannya apa, cuma hendak merakamkan kita punya rasa kekecewaan kita bahawa rang undang-undang yang cukup dinanti-nantikan ini, rupanya ini keadaannya. Itu sahaja Yang Berhormat Menteri, bukan ada apa-apa. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita daripada awal lagi pun memang menyatakan bahawa kita tidak bersetuju untuk meletakkan *Anti Corruption Agency* di bawah Parlimen. Itu satu perkara yang bukan baru, sudah lama. Kalau terkejut pun, Yang Berhormat Kuala Krai yang terkejut. Sebab selama hari ini dok mimpi memikirkan itu yang dimaksudkan. Tidak. Memang kita daripada awal kita kata ACA tidak boleh diletakkan di bawah Parlimen. Akan tetapi kita merasakan iaitu bahawa Parlimen juga boleh diberikan peranan. Kalau kita beri peranan kepada profesional-profesional yang lain, orang-orang kenamaan yang diberikan peranan untuk bersama-sama di dalam kita membanteras rasuah.

Jadi kepada kita, mengapa tidak kita juga bagi peranan. Peranan ya, bukan letak di bawah. Peranan juga kepada Ahli-ahli Parlimen dengan memberi penghormatan dan pengiktirafan kepada mereka di mana dipanggil Jawatankuasa Khas yang diduduki dan dianggotai oleh Ahli-ahli Parlimen. Itu pengiktirafan kita, peranan yang harus juga diberi kepada Ahli-ahli Parlimen. Akan tetapi tidak pernah kita katakan iaitu bahawa ACA mesti diletak di bawah Parlimen. Itu jauh sekali, kita tidak akan benarkan.

Kalau orang mempertikaikan iaitu bahawa satu daripada cabang pemerintahan iaitu Eksekutif kononnya dengan ini mengongkong ACA. Kalau itu merupakan satu perkara yang kita bahaskan secara hangat, mengapa pula kita beri satu lagi cabang pemerintahan seperti legislatif pula untuk menguasai ACA ini? Jadi tidak bolehlah. Kalau yang itu tidak boleh, kita kena konsisten. Memang kita tidak berhajat. Selain daripada apa yang telah saya sebut, juga *partisan politic* tidak membenarkan dan tidak akan menjayakan kalau sekiranya kita letak ACA di bawah Parlimen.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengemukakan persoalan kemungkinan menggunakan ISA dalam proses penyiasatan. Bermaksud iaitu dalam kes-kes besar yang berprofil tinggi yang melibatkan jumlah yang besar. Kalau siasatan dibuat di mana yang tertuduh menjalani siasatan di luar daripada tahanan, saya sangsi dari segi keberkesanannya iaitu dari segi sudut psikologinya. Apabila yang dituduh ini dengan nasihat-nasihat para peguam dan seumpamanya, boleh mengelak ataupun memusnahkan macam-macam *evidence*. Akan tetapi kalau ia ditahan, apakah

dalam proses penyiasatan nanti pihak suruhanjaya boleh memohon perintah mahkamah supaya seseorang itu ditahan di waktu penyiasatan?

Saya yakin dengan cara ini lebih berkesan sebab orang-orang seumpama ini kalau masuk di dalam tahanan, di siasat di waktu dalam tahanan, dia lebih mudah memberi maklumat. Contohnya kalau wang itu rasuah yang besar, dia simpan di Switzerland, dia simpan di luar negara, saya percaya dia mudah mengakui bahawa wangnya ada di simpan di sana. Jadi, saya percaya ini merupakan mekanisme yang lebih berkesan daripada kaedah yang diamalkan sekarang ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Mas, tetapi ianya akan mendatangkan masalah kerana daripada segi undang-undang kebuktian*, evidence*. Kalau kita memperoleh bukti itu dengan cara yang tidak diizinkan maka ia adalah merupakan *inadmissible evidence* apabila ia dibicarakan di mahkamah. Jadi soalnya semacam Yang Berhormat kata, kita fahamlah. Kalau ISA senang, mungkin caranya itu dia mengaku di dalam tahanan ISA tetapi apabila pergi ke mahkamah dia akan *turn hostile* dan mengatakan bahawa sebenarnya saya membuat pengakuan sebab saya.., macam-macamlah.

Jadi saya ingat itu akan menyulitkan kes kita apabila dia dibawa ke mahkamah daripada segi buktinya nanti diperoleh dengan cara yang tidak dibenarkan. Akan tetapi saya faham apa Yang Berhormat bangkitkan. Saya faham dia punya semangat, *spirit*nya. Namun begitu, seperti mana yang telah saya sebutkan, pada waktu ini apa yang ada dalam undang-undang ini telah pun cukup luas dan tidak memerlukan untuk digunakan ISA. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Subang juga...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap ya. Saya akan bagi jalan. Yang Berhormat Subang juga ada membangkitkan bahawa fasal 25 rang undang-undang dianggap *draconian* dengan izin, kerana mereka yang tidak melaporkan permintaan rasuah telah melakukan kesalahan. Hukuman penalti di bawah fasal 25(2) adalah sebagai satu usaha pencegahan rasuah yang mewajibkan mereka untuk melaporkan rasuah.

Sebenarnya seseorang yang tidak melaporkan itu merupakan telah melakukan satu kesalahan dan kita tidak mahu menggalakkan perkara seperti ini. Jadi sebab itu kita mengenakan hukuman yang berat sedikit supaya siapa yang telah pun ditawarkan rasuah, kalau kita hendak buat wajib, kita susah. Ini adalah sebab kita tidak tahu sama ada dia ada maklumat ataupun tidak. Akan tetapi kalau dia tahu bahawa kalau dia tidak melaporkan dan kalau orang tahu, dia akan kena satu hukuman yang berat, tidak salah bagi dia untuk tampil ke hadapan dan cerita terus. Ini yang kita mahu iaitu kerjasama daripada pihak orang ramai untuk membantu kerajaan membanteras rasuah. Ia tidak berniat untuk menghukum berat seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu *draconian*...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti sekejap. Bagi saya habiskan dahulu. Yang Berhormat Rompin tadi.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Okey.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Subang dan beberapa Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan agar fasal rang undang-undang ini tidak mengenakan hukuman yang berat kepada pengadu yang membuat aduan dan akhirnya didapati tidak tepat atau tidak dibawa ke mahkamah. Saya hendak memberi jaminan Yang Berhormat, iaitu fasal 27 ini kita kena buktikan niat dia, sengaja untuk hendak memberikan maklumat yang tidak betul.

■1610

Bukan kalau dia bagi maklumat, selepas itu kita dapati maklumat itu tidak betul, selepas itu kita kenakan dia, tidak. Dia mesti ada niat. Macam Yang Berhormat Bukit Gelugor kata saya memesongkan Dewan. Saya tidak ada niat, tidak boleh kenakan saya. Sebab saya betul-betul memikirkan pada ketika itu waktu perbahasan itulah faktanya.

Jadi ini ada perbezaan dan memang kes menunjukkan iaitu bahawa tidak banyak kes sebenarnya. Sebab tidak mudah untuk membuktikan bahawa orang itu memberi maklumat dengan tujuan tahu bahawa maklumat itu palsu tetapi buat juga kerana hendak mengenakan orang. Ini soal fitnah. Jadi kita tidak akan membenarkan.

Akan tetapi seperti mana yang saya kata, saya akan memberikan jaminan di sini bahawa fasal 27 dikhususkan kepada mana-mana orang yang membuat pernyataan yang palsu, makna dia tahu itu palsu. Atau dimaksudkan untuk mengelirukan kepada pegawai suruhanjaya atau pendakwa raya dan bukannya kepada pengadu yang membuat aduan tanpa niat buruk dan secara suci hati.

Perkara ini mengukuhkan peruntukan yang terdapat di fasal 65(3) rang undang-undang. Sekiranya jelas dapat dibuktikan niat pengadu itu adalah untuk memfitnah dan mengaibkan individu-individu tertentu apatah lagi terhadap mereka yang berkedudukan atau memegang jawatan tinggi. Ini kita tidak boleh biarkan. Atas dasar itu hukuman bagi kesalahan di bawah fasal 27 ini amat berbeza dengan kanun keseksaan agar ia dapat memberi isyarat yang jelas bahawa fitnah itu amat besar kesannya.

Saya jangka ini juga pendirian Yang Berhormat Permatang Pauh semasa menjawab isu yang sama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung pada 28 Julai 1997. Pada masa itu Tanjung - Yang Berhormat Ipoh Timurlah. Yang Berhormat Tanjung bertanya kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, soalan yang sama. Sekarang sudah jadi member, geng, tetapi saya masalah jawab sekarang. Namun, apa Yang Berhormat janji pada 28 Julai 1997 itulah yang akan menjadi pegangan kita pada 17 Disember 2008.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya kalau minta izin tentang hendak balik sedikit tentang isu pemberi tadi. Saya nampak dan ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan dari segi usaha-usaha dan banyak peruntukan baru dari segi penerima. Akan tetapi kebimbangan kita ialah pemberi.

Macam baru-baru ini bukit yang runtuh di Bukit Antarabangsa kerana bukan sahaja penerima mungkin disiasat yang membuatkan bukit itu runtuh. Namun juga kerana pelan itu lulus dengan secara kaedah ada suapannya. Maknanya sekarang ini oleh kerana unsur rasuah hendak tindakan kepada seandainya pegawai itu telah mengambil rasuah, sehinggakan pelan diluluskan sebab itu tidak diluluskan, mengambil rasuah, akibatnya ramai yang menghadapinya.

Begitu juga di Kelantan dengar cerita habis hutan Kelantan, *lodging* sudah habis. Rasuah mungkin kita hendak ambil tindakan politik. Kita minta ambil tindakan pada orang PASlah, tetapi pokoknya mesti ada tauke-tauke balak yang besar yang sehingga habis hutan-hutan di Kelantan. Bukan sahaja tindakan hendak diambil kepada mereka, pegawai ataupun kerajaan tetapi juga sebagai...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidak faham, hendak ucap ke hendak tanya?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: ..kepada mereka-mereka tauke yang beri rasuah sehinggakan melanggar undang-undang ini sehingga hutan habis. Apakah pandangan Yang Berhormat sehinggakan peruntukan cukup. Kita bukan sekadar mahu undang-undang diambil tindakan kepada mereka yang menerima rasuah, tetapi beban yang berat juga patut diberikan mereka yang menerimanya.

Mengapa tidak dengan Eropah, kalau ada syarikat yang memberikan rasuah disenaraikan berbilion, beratus juta dikenakan denda kepada syarikat. Siemens baru-baru ini kerana memberi rasuah diambil tindakan. Namun di negara kita belum dengar satu syarikat besar yang disenaraikan, di*suspend*kan, didenda berbilion-bilion, tidak ada di negara kita.

Saya minta pandangan Yang Berhormat adakah kita suruhanjaya yang di baharui ini diambil tindakan bukan sahaja kepada penerima tetapi beban juga dipikul. Ini juga kehendak rakyat, kerana mereka juga akan menerima dari segi kalau tidak diambil hanya kepada penerima tidak kepada pemberinya. Saya minta pandangan Yang Berhormat dapat

memberi jaminan bahawa kerajaan akan ambil tindakan serius bukan hanya kepada penerima, tetapi kepada pemberi terutama sekali kepada swasta-swasta yang besar.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Yang Berhormat Menteri boleh...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Yang Berhormat Menteri boleh...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...asas kepada jenayah rasuah ini ialah pemberi dan penerima. Itu rasuah. Jadi oleh kerana itu, kalau Yang Berhormat lihat kepada rang undang-undang ini cukup jelas iaitu bahawa pemberi juga merupakan orang yang sama kesalahan dengan penerima. Ini kerana tanpa salah satu itu ia tidak akan berlaku rasuah. Jikalau orang itu memberi tetapi tidak ada orang menerima.

Saya sudah sebut sebentar tadi, kalau tidak ada menerima itu tahu ada orang yang memberi, itu juga kesalahan. Begitu besar. Maknanya bukan sahaja kena berlaku yang memberi ada penerimaan, kalau memberi itu tidak ada penerimaan pun dia merupakan kesalahan. Jadi dia cukup luas rang undang-undang ini untuk merangkumi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Rompin.

Yang Berhormat Kimanis membangkitkan sub fasal 30...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Berbalik kepada isu...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap, sekejap. Saya ada *progress* sedikit. Yang Berhormat Kimanis ada membangkitkan sub fasal 30(5), 30(6) dan 30(9) yang melibatkan kuasa untuk memeriksa orang itu bercanggah dengan kanun tata cara jenayah dan Akta Keterangan. Sebenarnya subfasal-subfasal tersebut bukanlah satu perkara yang baru kerana diambil dari seksyen 22(5) 22(6) 22(7) di bawah Akta Pencegah Rasuah 1997.

Yang Berhormat Subang, nasib baik Subang ya. Saya habis ini boleh tanya. Yang Berhormat Subang membangkitkan fasal 45(3) dan 45(6) rang undang-undang yang seolah-olah menafikan hak tertuduh untuk berdiam diri. Yang Berhormat Subang tentu lebih arif bahawa nas undang-undang Mahkamah Persekutuan dalam kes Alcontara a/l Ambrose lawan pendakwa raya telah memutuskan bahawa mahkamah dalam kes-kes di mana orang tertuduh lewat membangkitkan pembelaannya dengan izin *belated disclosure* seharusnya was-was sewaktu menerima peranan seperti itu. Kebolehpercayaan ke atas keterangan seperti ini terjejas akibat daripada kelewatan mengemukakan keterangan ini. Fasal-fasal 45(3) dan 45(6) sebenarnya *qualify* dengan keputusan Mahkamah Persekutuan. Sila Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya balik kepada isu seksyen 25. Tadi Yang Berhormat Menteri kata saya sudah bangkitkan seksyen 25 yang bertajuk "*Duty to Report Bribery Transactions".* Sebenarnya itu satu *misunderstanding*. Saya tidak bangkitkan itu, saya tidak ada masalah dengan seksyen itu.

Sebenarnya saya bangkit seksyen 27 "*The Making of False Report"* dengan izin. Itu yang saya bangkitkan dan saya bangkitkan isu yang sama yang dibawa oleh Yang Berhormat Permatang Pauh iaitu hukuman yang terlalu berat sebab di sini kita peruntukkan 10 tahun. Saya lihat di Hong Kong - seksyen 13B - *false reports to officers* dengan izin maksimum setahun. Ini lebih munasabah.

Namun aspek yang kedua yang saya bangkitkan, saya tidak ada masalah dengan peruntukan, kita hukum orang yang buat laporan palsu khususnya dengan sengaja, itu tidak ada masalah, Hong Kong pun ada sama. *They have the same* dengan izin kalau saya boleh baca *"anyone who mainly makes a false reports or misleads an officer"* sama.

Masalah yang saya ada ialah 27(1)(b), itu terlalu longgar. Itu berbunyi, kenyataan yang tidak konsisten dengan *statement* yang dibuat pada masa yang lain. Itu terlalu

longgar. Itu mendedahkan pengadu kepada risiko pendakwaan yang terlalu besar. Itu saya mencadangkan dibatalkan. Kita kekalkan 27(1)(a) kita tidak ada masalah. Sebab itu pun ada di Hong Kong. Itulah yang saya bangkitkan apabila saya bangkitkan seksyen 7 itu. Boleh saya pergi pada lain sekarang?

The Right of Silence itu. Saya bangkitkan seksyen 45...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini Yang Berhormat bangkit dalam masa pindaan jawatankuasa?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Baik, dengan izin saya ambil satu minit sahaja. Balik pada isu jawatankuasa tadi, dengan pendirian Yang Berhormat Menteri kata kita tidak berhasrat meletak SPRM ini di bawah Parlimen, saya faham.

■1620

Dari segi aspek SPRM itu ketuanya dilantik oleh Parlimen, *hired and fired* di sini, diuruskan dari sini, itulah saya nampak pendirian itu tidak diterima oleh kerajaan. Dari segi maksud kenyataan itu kita tidak berhasrat meletak BPR atau SPRM ini di bawah Parlimen, saya faham itu. Okey, saya faham itu juga tetapi apa yang kita ingin cadangkan di sini adalah satu yang lebih bermakna dari apa yang ada sekarang dengan ini. Kita berperuntukan di sini di bawah seksyen 11, SPRM ada buat laporan tahunan. Apa salah laporan tahunan itu dibentangkan di Parlimen secara terus? Itu tidak diperuntukkan di sini, kita wajibkan mereka buat laporan tahunan tetapi laporan tahunan itu Tuan Yang di-Pertua, tidak diberi di sini. Kalau itu dibuat, diperuntukkan, saya nampak ada peranan untuk Parlimen yang lebih bermakna.

Aspek yang kedua telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur dalam cadangan pindaan. Iaitu kita ubah jawatankuasa itu menjadi jawatankuasa Parlimen yang lebih sama dengan *Select Committee* di sini, dilantik oleh Parlimen dan menerima, memainkan peranan, memberikan pandangan dan sebagainya tetapi bukan menguruskan SPRM. *Not to the extend* dengan izin letak badan itu di bawah Parlimen, betul tetapi ada hubungan yang lebih bermakna daripada apa yang diperuntukkan sekarang di bawah seksyen 14. Itulah cadangan yang kita bawa dalam pindaan yang kita harap dipertimbangkan dan diterima oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menyebut berkenaan dengan pendirian kerajaan untuk meletakkan SPRM ini di bawah Parlimen Malaysia, itu kita tidak terimalah. Akan tetapi Yang Berhormat bangkit semua tadi, memang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur, kita tunggu nanti jawatankuasa ya. Saya hendak mohon maaf jika sekiranya saya telah tersilap berkenaan dengan perkara 25. Jadi saya harap pegawai saya ambil maklum dan bahawa Yang Berhormat tidak mempertikaikan itu. Cuma yang 27 sahaja dan juga saya pun telah perjelaskan tentang perkara 27 dengan panjang lebar sebentar tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu masih lagi merupakan pendirian saya. Nanti Yang Berhormat, saya nak jalan dulu ya.

Yang Berhormat Jerlun dan Subang membangkitkan isu implikasi pelaksanaan fasal 46, rang undang-undang yang melibatkan maklumat atau komunikasi antara orang tertuduh dengan peguam tanpa mengambil kira subfasal 46(2) yang memperuntukkan perlindungan kepada maklumat atau komunikasi yang sampai kepada pengetahuannya bagi maksud prosiding yang belum selesai.

Yang Berhormat Jerlun dan Puchong membangkitkan isu penggunaan agen provokasi di fasal 52 dan kriteria agen tersebut. Yang Berhormat Puchong mencadangkan supaya agen provokasi itu mesti seorang berkaliber tinggi seperti yang terdapat di bawah Akta Dadah Berbahaya. Sebenarnya peruntukan menggunakan agen provokasi ini diambil secara verbatim dari seksyen 44 Akta Pencegahan Rasuah 1997. Namun kriteria yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Puchong tidak wujud sama ada dalam rang undang-undang ini atau di bawah Akta Dadah Berbahaya. Kaliber atau agen provokasi akan ditentukan oleh mahkamah sendiri.

Yang Berhormat Bagan dan Batang Sadong ada menyentuh fasal 53 pernyataan orang tertuduh khususnya yang melibatkan subfasal 53(3) dan subfasal 53(4) hingga subfasal 53(7) yang seolah-olah mengambil alih kuasa mahkamah. Untuk makluman Yang Berhormat Bagan dan Yang Berhormat Batang Sadong, subfasal 53(3) rang undang-undang adalah sama dengan peruntukan seksyen 45(3) Akta Pencegahan Rasuah 1997. Tujuan diwujudkan fasal ini adalah untuk menyatakan hak kepada orang yang ditangkap sebaik sahaja tangkapan dibuat untuk menyatakan pembelaan mereka.

Subfasal 53(4) hingga subfasal 53(7) tidak mengambil alih kuasa mahkamah, sebaliknya hanyalah untuk memperingatkan orang tertuduh tentang implikasi mengemukakan pembelaan lewat itu terhadap kebolehterimaan keterangan tersebut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih. Saya rasa ini mustahak dan tidak boleh tunggu sehingga peringkat jawatankuasa. Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa bukan dasar kerajaan letak ACA atau MACC di bawah Parlimen ini. Itu kita boleh terima tetapi cadangan ada *Parliamentary Select Committee*, bukan bererti bahawa meletakkan MACC di bawah Parlimen. Dalam semua Parlimen yang sudah ada perubahan, ada reformasi kita lihat ada *Select Committee* sekurang-kurangnya setiap kementerian di bawah satu *Select Committee.*

Ini tidak bererti bahawa di negara di UK, di Australia, di Kanada dan New Zealand bahawa kementerian masing-masing di bawah Parlimen, tidak tetapi inilah satu ciri bertanggungjawab, *Parliamentary responsibility*. Ini mustahak supaya kalau kita ada satu *Parliamentary Committee* mengenai *corruption* atau MACC, ini tidak bererti MACC di bawah tanggungjawab Parlimen tetapi ini menunjukkan bahawa kerajaan menerima tanggungjawab perlu di *share* oleh Parlimen. Oleh sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada di sini, ini mustahak. Saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh timbang dan kaji dengan Yang Berhormat Menteri dalam perkara ini supaya kita boleh persetujui.

Apabila kita meluluskan rang undang-undang MACC, bahawa kita ada satu *Parliamentary Select Committee*, bukan sebab kita mahu meletakkan MACC di bawah Parlimen tetapi untuk *highlight,* untuk menunjukkan bahawa kita menerima *good governance* di Malaysia di mana satu ciri ialah *Parliamentary responsibility* mengenai MACC. Jadi ini mustahak oleh sebab kita tidak mahu Parlimen yang bertanggungjawab sepenuhnya mengenai MACC. Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada di sini yang mengikut perbahasan bolehlah mengkaji perkara ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kita sebutkan jawatankuasa ini jawatankuasa khas kerana kita tidak mahu jawatankuasa ini mengambil peranan kalau sekiranya Parlimen ini sendiri mahu wujud satu *Select Committee* Parlimen yang khusus melihat perjalanan rasuah di negara kita. Itu soal mahu tubuh atau tidak mahu tubuh, Yang Berhormat bincanglah dalam kita punya *committee* ini. Jadi sebab itu saya tidak mahu samakan *committee* ini iaitu dipanggil, sebab itu kita panggil Jawatankuasa Khas.

Jadi *Select Committee* Yang Berhormat sebut itu, itu boleh diwujudkan oleh Parlimen sendiri kalau Ahli-ahli Parlimen yang diwakili oleh wakil-wakil mereka dalam Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan kah apa kah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak, *Select Committee* ditubuhkan berasingan di bawah Parlimen itu sendiri. Kalau Ahli Parlimen bersetuju, kita kena pinda peraturan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, pinda peraturan dan itu di bawah Parlimen. Jadi sebab itu saya tidak mahu kelirukan di antara jawatankuasa, saya tidak mahu panggil pun *Parliamentary Committee* sebab kalau sekiranya Parlimen secara konsensus di sini bersetuju untuk ada *Select Committee* nak pinda kita punya peraturan, tertubuhlah satu *Select Committee* yang tidak wujud kerana akta ini tetapi wujud di atas kehendak Parlimen itu sendiri, sebab itu saya tidak mahu samakan.

Yang Berhormat Bagan, Permatang Pauh, Gombak dan Subang membangkitkan kebebasan SPRM masih terjejas kerana kuasa pendakwaan masih terletak di bawah

pendakwa raya. Yang Berhormat Ipoh Timur mencadangkan supaya kuasa untuk mendakwa di fasal 58 rang undang-undang diletakkan kepada Ketua Pesuruhjaya.

Fasal 58 rang undang-undang dibuat selaras dengan Perkara 145, Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan tidak bercadang untuk membuat sebarang pindaan ke atas Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan tersebut dan kuasa untuk memulakan pendakwaan kekal sebagai kuasa Peguam Negara. Peruntukan ini juga adalah selaras dengan keadaan di negara-negara lain termasuk di Hong Kong dan Singapura yang struktur organisasinya sama dengan SPRM yang mana kuasa untuk memulakan pendakwaan terletak di bawah pendakwa raya. Jika Ketua Pesuruhjaya diberi kuasa untuk memulakan pendakwaan, ia akan menjadi ultra vires dengan Perlembagaan Persekutuan merujuk kes Repco Holdings. Kedudukan ini selaras dengan akta-akta yang lain yang telah mempunyai peruntukan yang sama.

Yang Berhormat Batang Sadong, Pokok Sena dan Subang membangkitkan fasal 62 rang undang-undang berkaitan kenyataan pembelaan yang perlu dikemukakan kepada pendakwa raya. Manakala Yang Berhormat Puchong membangkitkan kekhuatirannya berhubung peruntukan fasal tersebut di mana akibat kecuaian peguam, ia akan memberi kemudaratan kepada orang tertuduh sehingga menyebabkan orang tertuduh disabitkan.

Saya ingin memberi jaminan bahawa fasal 62 rang undang-undang hanyalah bersifat *procedural,* dengan izin, dan bertujuan menjimatkan masa perbicaraan serta memberi peluang kepada pendakwa raya untuk meneliti lebih lanjut fakta kes tersebut dan kenyataan pembelaan orang tertuduh.

■1630

Fasal 62 juga tidak mempunyai sebarang kesan terhadap kebolehterimaan keterangan pembelaan. Pihak pendakwa raya masih perlu membuktikan kes pendakwaan mereka melampaui keraguan munasabah. Peruntukan ini sejajar dengan peruntukan di bawah seksyen 5, *Criminal Procedure and Investigation Act 1996* dengan izin, di England. Ianya selaras dengan tujuan penzahiran sebelum perbicaraan yang telah diamalkan di kebanyakan negara-negara lain iaitu di England, Australia dan New Zealand yang jelas terbukti menjimatkan masa perbicaraan.

Yang Berhormat Subang membangkitkan bahawa rang undang-undang ini berbeza dengan yang digunakan di Hong Kong walaupun kerajaan mengatakan ICAC di Hong Kong dijadikan rujukan. Adalah dijelaskan, kerajaan hanya bersetuju mengguna modal dan mekanisme tanggungjawab ICAC Hong Kong dan ini tidak semestinya melibatkan perundangan yang dipakai di sana, bahkan pakar dari Hong Kong sendiri mengatakan peruntukan yang terdapat oleh rang undang-undang ini jauh lebih baik dari apa yang terdapat di Hong Kong.

Oleh itu rang undang-undang ini pasti tidak sama dan berbeza dengan yang digunakan di Hong Kong. Yang Berhormat Puchong membangkit bahawa rang undang-undang ini tidak memperuntukkan kuasa kepada pegawai suruhanjaya untuk menyiasat akaun-akaun bank di luar negara. Yang Berhormat Puchong tentu lebih maklum bahawa Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2001, telah mempunyai peruntukan sedemikian bagi membolehkan agensi penguat kuasa termasuk BPR untuk mendapat bantuan dan kerjasama dari luar negara dalam menyiasat kes-kes rentas sempadan.

Yang Berhormat Puchong membangkitkan bahawa pendakwa raya masih lagi terlibat dalam siasatan di bawah rang undang-undang ini. Untuk makluman Yang Berhormat Puchong, kuasa sedemikian merupakan kuasa yang telah sedia ada dalam Akta Pencegah Rasuah 1997, dan bukan sesuatu yang baru kerana ia juga terdapat dalam Bahagian Tiga, *Prevention Bribery Ordinance*, *Hong Kong* dengan izin, dan *Prevention on Corruption Act 1991, Singapore* dengan izjn, di mana pendakwa raya mempunyai kuasa untuk memperoleh maklumat, memeriksa dan menggeledah sebarang kesalahan di bawah akta tersebut.

Yang Berhormat Machang membangkitkan isu Ordinan nombor 22, Darurat 1970, yang masih belum dimansuhkan dan implikasinya ke atas rang undang-undang yang dibentangkan. Saya bersetuju bahawa proses pemansuhan ordinan tersebut lama

tertangguh dan belum dilakukan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 150(3) yang mengehendaki kedua-dua Dewan untuk meluluskan pemansuhan tersebut.

Ordinan tersebut akan luput selepas enam bulan dari tarikh kelulusan kedua-dua Dewan sebagaimana yang dinyatakan di bawah Perkara 150(7). Saya ambil maklum perkara ini, dan akan mengambil tindakan selanjutnya.

Yang Berhormat Rembau membangkitkan sama ada rang undang-undang ini mempunyai perlindungan yang mencukupi kepada pemberi maklumat, manakala Yang Berhormat Gombak pula membangkitkan isu apakah peruntukan yang diberikan untuk melindungi saksi dan ahli keluarga mencukupi.

Fasal 65 rang undang-undang telah mengadakan peruntukan yang mencukupi bagi melindungi pemberi maklumat. Subfasal 48(*h*) juga telah menjadikannya satu kesalahan bagi mana-mana orang yang mengganggu, menakutkan, mengancam atau melarikan mana-mana orang yang terlibat dalam penyiasatan di bawah akta ini. Terdapat juga peruntukan dalam kanun keseksaan untuk mensabitkan orang yang mengancam nyawa dan mental mereka yang membantu agensi penguat kuasa, manakala itu Rang Undang-undang Perlindungan Saksi telah dibuat Bacaan Kali Pertama dibentangkan di Dewan Rakyat pagi tadi...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh saya habis sekejap. Yang Berhormat Kuala Krau sama ada pegawai-pegawai suruhanjaya mempunyai kekebalan dalam menjalankan tugas terutama untuk tidak didakwa atau di saman bersabit perihal tugas mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Krau, fasal 72 telah mempunyai peruntukan kekebalan tersebut dan kekebalan tersebut juga terpakai ke atas ahli-ahli lembaga dan jawatankuasa yang ditubuhkan bagi maksud akta ini bagi menjalankan tugas mereka.

Yang Berhormat Jasin mencadangkan supaya laporan tahunan yang dikemukakan oleh suruhanjaya kepada Jawatankuasa Khas, perlu ada tempoh masa pengemukaannya. Ini merupakan satu cadangan yang baik. Yang Berhormat Jasin boleh mencadangkannya di peringkat Jawatankuasa nanti. Yang Berhormat Jasin mencadangkan supaya kuasa-kuasa penyiasatan yang diperuntukkan kepada pegawai suruhanjaya berpangkat pesuruhjaya yang lebih tinggi diperluaskan kepada timbalan pesuruhjaya, memandangkan kebanyakan mereka adalah pengarah-pengarah di negeri.

Walaupun cadangan Yang Berhormat Jasin ini baik, peruntukan-peruntukannya berkaitan dan tidak terhad pemakaiannya ke atas pegawai yang berpangkat pesuruhjaya atau yang lebih tinggi dan ia boleh diperoleh melalui timbalan pendakwa raya yang ditempatkan dan akan ditempatkan di BPR negeri. Yang Berhormat Machang.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tadinya cuba bangun lebih awal untuk menyentuh hal yang dibangkit oleh Yang Berhormat Menteri dari hal orang yang mempunyai maklumat tentang percubaan memberi rasuah, sebenarnya melakukan satu kesalahan, sama ada yang mempunyai maklumat itu orang biasa ataupun di peringkat Menteri.

Kebetulan saya terbaca kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Luar yang kebetulan juga akan bertanding pada pemilihan UMNO, yang menyebut secara jelas tentang percubaan individu tertentu untuk meminta habuan daripada beliau. Itu satu hebahan umum daripada seorang yang merupakan badan eksekutif, Yang Berhormat Menteri ya.

Jadi di peringkat sekarang ini, bagaimana sebenarnya kenyataan yang serupa ini boleh dimulakan proses oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah kita ini, sebab akta ini akan berkuat kuasa 1hb Januari 2009 bersamaan hari Khamis, boleh atau tidak hari Jumaat

dimulakan siasatan dalam kenyataan macam ini misal kata, sebagai hendak menunjukkan kesungguhan itu.

Saya membaca kenyataan BPR Yang Berhormat Menteri, 82 kes telah pun selesai disiasat. Kenyataan pada 30 November telah selesai disiasat dari hal rasuah politik, dia tidak sebut dari mana-mana parti. Jadi bagaimana kelulusan akta ini nanti akan memberikan lebih taring dan kekuatan kepada SPRM ini, bagi menjalankan siasatan dalam kes begitu.

Saya sebutkan begitu Yang Berhormat Menteri sebab, hal yang berkaitan dengan parti pemerintah, parti yang besar ini penting sebab yang memenangi jawatan dalam pemilihan parti pemerintah kemudiannya akan menduduki jabatan-jabatan penting dalam negara. Jadi itu akan memberi kesan kepada seluruh sistem dalam negara. Sebab itu saya bangkitkan, itu pertama. Kedua Yang Berhormat Menteri ialah yang dibangkit oleh Yang Berhormat Rompin juga dan telah disentuh dengan baik oleh Yang Berhormat Menteri. Ini soal cakap-cakap politik, soal balak dan sebagainya.

Saya agak kecewa juga Yang Berhormat Rompin, walaupun pernah berada dalam Jemaah Menteri, cuma perlu semak sahaja dalam Laporan Majlis Perhutanan Negara, di antara negeri di Malaysia ini, negeri yang masih lagi luas kawasan hutan, diliputi hutannya ialah Kelantan nombor satu, itu jelas dalam Majlis Perhutanan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya pun baca laporan itu.

Jadi saya minta jangan kita politik sangat benda itu. ICAC New South Wales Yang Berhormat Menteri dengan jelas, dia ada 11 orang sebenarnya dalam *Parliamentary Joint Committee*, 11 orang, dan ICAC ini juga boleh melakukan proses *public hearing* yang dianggap sebahagian daripada proses penyiasatan.

Ini sebagai memenuhi satu daripada cabang fungsinya selain daripada menyiasat, juga ialah *exposure strategy* itu termasuklah melakukan *public hearing*. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Menteri di sini, apakah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini Yang Berhormat Menteri sampai ke tahap itu sebagai *exposure strategy* itu melakukan proses *public hearing* dan kalau didapati agensi kerajaan terbabit, ICAC New South Wales ini kemudiannya akan melakukan siasatan, dan memberikan syor-syor ke arah penambah baikkan dan dipamerkan dalam *internet,* jabatan berkenaan apabila ditegur dan diberi pandangan begitu harus memberi respons, *public* juga boleh *access*. SPRM Malaysia ini apakah akan sampai ke situ Yang Berhormat Menteri?

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Boleh sekali di sini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, nanti dahulu. Tuan Yang di-Pertua sebab nanti saya lupa. Pertamanya kenyataan Dato' Rais samalah macam kenyataan Dato' Nik Abdul Aziz, Menteri Besar Kelantan, yang sama keluar tentang rasuah. Yang ini kata rasuah berlaku, Dato' Nik Abdul Aziz pun kata, dia pernah ditawar rasuah, jadi prosesnya itu akan samalah.

■1640

Jadi prosesnya itu akan samalah. Proses untuk menyiasat itu akan sama. Tidak ada perbezaan. Keduanya Yang Berhormat, saya Yang Berhormat Rompin tidak ada di sini. Yang Berhormat Rompin ada. Akan tetapi Yang Berhormat, kalau sekalipun ada laporan yang mengatakan iaitu bahawa kawasan di Kelantan itu masih lagi luas kawasan hutannya, itu bukan bermakna kerajaan itu bagus. Itu juga mungkin bermakna bahawa Kerajaan BN dulu tidak pernah meluluskan pun untuk membalak di Kelantan. Pun boleh dibaca begitu.

Jadi kita tidak boleh ambil kesimpulan *simplistic* begitu. Ketiganya Yang Berhormat, 82 kes selesai ini saya faham. Saya kira bukan saja Yang Berhormat tetapi DAP termasuk Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Batu Gajah dan juga PAS di sini semua bercakap tentang UMNO sebab kita tahu betapa pentingnya UMNO ini perlu dikekalkan sebagai parti tunjang pemerintahan di negara kita. Tidak mengapa. Bincang itu okey, tidak mengapa...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Cuma saya hendak beritahu di sini, dikatakan 82 kes itu UMNOlah itu. Yang Berhormat memang *cover* lah. UMNOlah itu. Maknanya laporan yang dibuat dikatakan 82 kes selesai. Yang Berhormat pun dulu pernah menganggotai UMNO. Malah jadi Setiausaha Pemuda. Itu *meeting* pun langgar masuk *Federal Hotel* itu semua. Okey, kita faham. Tidak mengapa. Jadi saya cuma hendak menunjukkan Yang Berhormat faham tentang apa yang berlaku dalam UMNO. Kadangkala orang itu bertanding, kalah. Marah. Buat laporan. Laporan tidak semestinya betul. Akan tetapi kerana dia kalah, dia buat laporan kepada BPR dan BPR di bawah seksyen saya sebut sebentar tadi dia kena terima sama ada laporan itu bertandatangan atau tidak, dia kena terima.

Jadi satu budaya dalam UMNO ini, orang yang kalah selalu buat laporan yang palsu. Nombor dua Yang Berhormat, Yang Berhormat pun tahu juga. Yang Berhormat pun dulu UMNO ya. Yang Berhormat Sungai Petani dulu pun UMNO juga. Kami ini dalam UMNO mengawal ketat perangai ahli sehinggakan kesalahan yang dianggap melanggar etika ini sebenarnya di bawah Akta Rasuah bukan merupakan kesalahan. Kempen tidak boleh, berucap pun tidak boleh. Kalau buat-buat makan sesama kawan hendak menceritakan pilihlah aku, mengapa pilih aku pun tidak boleh. Lepas itu diungkit pula kalau selalunya kita bagi duit kepada cawangan bermesyuarat RM100. Allah, RM100 untuk hendak belanja. Kata kalau cawangan itu ada lima orang, dua kereta RM100 apalah sangat tengah jalan, makan di tepi jalan. Itu pun tidak boleh.

Walhal sebenarnya bagi dia perbelanjaan datang ke mesyuarat. Apa salahnya. Itu pun tidak boleh. Diungkit pula lagi. Kalau dia tahu dulu saya katalah ada duit sikit hantarlah kawan-kawan pergi ke Mekah, dia ungkit-ungkit. Dia kira-kira. Bulan lepas hantar pun tidak boleh. Jadi banyak sebenarnya perkara yang dianggap sebagai melanggar etika yang sebenarnya bukan merupakan kesalahan di bawah Akta Rasuah. Inilah 82 kes yang dihantar, yang BPR tengok tidak ada kes. Bukan kerana buang kes tidak ada bukti yang boleh mengait dan menyabit di bawah Akta Rasuah, tidak...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia merupakan laporan dan saya sudah sebut tadi. BPR kita surat layang pun terima, SMS pun terima. Inilah yang dikirakan sebagai banyak kes itu. Itu yang saya hendak sebutkan di sini.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Ya, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, terima kasih banyak-banyak. Saya cukup puas hati. Saya kagum dengan tahap keyakinan Yang Berhormat Menteri dalam mengusai seluruh persoalan yang dibangkitkan sepanjang kita berbahas ini. Tahniah. Satu-satu Menteri bila menjawab mendapat perhatian daripada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Tidak mudah itu sebenarnya. Tidak mudah. Saya tabik.

Yang Berhormat Menteri, yang kalah buat laporan itu saya faham. Saya pun pernah duduk dalam Jawatankuasa Disiplin UMNO Malaysia. Pernah duduk pun. Saya tahu. Ada Menteri depan itu pun pernah duduk dalam jawatankuasa. Kita adili bersama dengan pengerusinya. Sekarang sudah jadi Ketua Hakim Negara. Ada Menteri duduk di situ. Saya tidak mahu sebut nama. Kes itu pun ada fasal masa berkempen bagi kain batik dan bagi kain pelekat kepada perwakilan. Hari ini jadi Menteri. Tidak apalah. Saya tidak hendak panjangkan benda-benda itu.

Akan tetapi isu yang saya hendak sebut di sini ialah yang hendak berlaku ini, belum tentu kalah menang lagi. Saya ada maklumat. Sekarang saya ada maklumat. Saya *declare* saya ada maklumat. Seorang perwakilan UMNO G7 datang jumpa saya sempena perbahasan tentang Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah. Seorang calon Timbalan Presiden baru-baru ini panggil, himpun tiga hingga empat ratus orang dan dua juru kempennya memberi taklimat. Seorang bekas Exco Kerajaan Negeri Perak dan seorang lagi ialah bekas Exco Pemuda UMNO Malaysia berasal dari Kedah yang bertindak sebagai juru kempen. Dalam pertemuan dengan jentera kempen itu menjanjikan habuan untuk kamu sebagai jentera memenangkan calon Timbalan Presiden UMNO pada bulan tiga ialah setiap minggu duit poket RM500, penerbangan percuma dan hotel percuma.

Saya ada maklumat. Saya ada nama dia. Saya ada asalnya. Tempat di mana pertemuan berlaku. Siapa yang memberi kenyataan macam itu. Boleh Yang Berhormat Menteri memberitahu saya, ini belum ada kalah menang lagi. Di mana saya hendak buat laporan macam itu, bolehkah sumber saya itu dilindungi bagi memastikan Timbalan Presiden itu jangan sampai layak bertanding. Kalau dia menang, boleh jadi Timbalan Perdana Menteri pula, lingkup negara kita, Yang Berhormat Menteri. Saya mohon penjelasan sedikit.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut berkali-kali iaitu bahawa kalau kita ada maklumat dan Yang Berhormat pun umum dalam Dewan yang besar ini. Orang kampung pun sudah tahu Yang Berhormat ada maklumat. Kalau Yang Berhormat tidak bagi, nanti juga merupakan kesalahan. Jadi saya tidak perlulah kata kalau sudah terang hendak suruh suluh pula. Itu pertama.

Keduanya, saya hendak beri maklum iaitu bahawa dalam soal rasuah ini dia tidak ada tarikh. Maknanya kalau berlaku katalah bulan lepas, kemudian akta ini digazet 1109, dia tidak ada kata hanya kesalahan selepas 11 saja. Tidak. Kalau perkara itu dilakukan sepuluh tahun dulu pun, masih boleh lagi didakwa di bawah akta ini. Ini saya hendak beritahu Yang Berhormatlah. Terpulanglah. Pegawai suruhanjaya boleh dituduh di bawah rang undang-undang ini dan siapakah yang akan menjalankan siasatan. Rang undang-undang ini tertakluk kepada semua orang termasuk pegawai suruhanjaya. Kita tidak perlu bimbang kerana semua kes akan dibawa ke hadapan panel penilaian operasi dan dengan izin, *there is no rule for compromise.*

Yang Berhormat Tawau, Yang Berhormat Tawau, jangan bercakap. Saya tengah menjawab ini ya. Beliau membangkitkan sama ada pelancong asing boleh membuat *report* sedangkan mereka akan balik ke negara asal masing-masing. Adakah *report* boleh dibuat melalui internat ataupun ICT. Rang undang-undang ini tidak menghalang mana-mana orang untuk membuat aduan termasuklah aduan pelancong asing. Pelancong asing yang dikategorikan sebagai saksi perlu hadir ke mahkamah sekiranya diperlukan untuk tujuan perbicaraan. Pada masa ini BPR bukan saja menerima maklumat melalui internet, bahkan juga melalui SMS.

Yang Berhormat Tawau dan Yang Berhormat Ipoh Barat juga mencadangkan penubuhan sebuah mahkamah khas untuk SPRM. Cadangan Yang Berhormat Tawau dan Yang Berhormat Ipoh Barat itu merupakan cadangan yang baik. Sokonglah. Ini dapat mengatasi tunggakan kes sedia ada. Ini juga membuktikan bahawa kerajaan juga bersedia dan terbuka untuk menerima pandangan yang baik walaupun ia datang daripada pembangkang seperti Yang Berhormat Ipoh Barat. Kerajaan menjangka sekiranya hukuman penjara minimum itu dimansuhkan, beban tunggakan kes rasuah di mahkamah akan berkurangan.

Yang Berhormat Pontian juga membangkitkan persoalan sama ada pernah dibuat kajian terperinci tentang punca-punca utama gejala rasuah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Untuk makluman Yang Berhormat, BPR menjalankan kajian setiap lima tahun untuk melihat persepsi masyarakat terhadap rasuah di Malaysia. Dalam kajian tersebut, ada kajian terhadap punca rasuah. Walau bagaimanapun, banyak faktor yang akan menyebabkan berlakunya rasuah tetapi punca utama ialah kelemahan diri individu itu sendiri.

Yang Berhormat Pontian juga membangkitkan berhubung dengan apakah bentuk kerjasama yang boleh diwujudkan antara SPRM dan IIM kelak serta bagaimana pertindanan kuasa dapat dielakkan. Untuk makluman Yang Berhormat, SPRM akan bekerjasama bukan saja dengan IIM, malahan dengan semua organisasi sama ada awam atau swasta terutama dalam usaha mendidik masyarakat untuk membenci rasuah dan mendapat serta memelihara sokongan segenap lapisan masyarakat untuk terus menyokong usaha kerajaan membanteras rasuah.

■1650

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Menteri boleh beritahu berapa seriuskah kerajaan dalam *to set up* mahkamah-mahkamah *special* untuk kes-kes korupsi, kerana perkara ini bukan satu perkara yang baru. Saya ingat dari 15 tahun dahulu perkara ini telah diutarakan oleh beberapa sektor, Majlis Peguam pun ada memberitahunya. Sekarang nampaknya dalam rang undang-undang ini tidak ada apa-apa berkaitan di mana satu mahkamah khusus akan disediakan. Jadi soalan saya adalah bilakah ia akan disediakan dan kalau sedemikian apakah komposisi dan macam mana ia akan dimulakan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sangat serius dan kita akan *initiate,* dengan izin sebaik sahaja rang undang-undang ini kita luluskan dan kita akan berhubung, berunding dengan Ketua Hakim. Sebab kita tidak boleh sebut dalam akta ini untuk mewujud satu mahkamah kita kena runding dengan Ketua Hakim sebab dia *judiciary.* Jadi saya akan *initiate* perjumpaan degan Ketua Hakim bagi maksud untuk merealisasikan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat.

Yang Berhormat Pontian turut memohon penjelasan bahawa sebagai Ahli Parlimen yang selalu memberi sokongan kepada rakyat, setakat mana sokongan yang dibolehkan...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Minta maaf nanti saya habis dulu. Yang dibolehkan dan yang tidak dibolehkan. Untuk makluman Yang Berhormat, sokongan biasa yang diberikan kepada rakyat tanpa meminta sebarang imbuhan atau suapan tidak menjadi kesalahan. Ia menjadi kesalahan apabila seorang Ahli Parlimen menggunakan kedudukannya atau jawatannya untuk mendapatkan apa juga bentuk suapan sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.

Yang Berhormat Labis mengemukakan pertanyaan berhubung dengan siapakah yang bertanggungjawab atas pelantikan, latihan, kenaikan pangkat dan pemecatan. Untuk makluman Yang Berhormat pihak berkuasa melantik pegawai SPRM, masih lagi terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Oleh itu semua urusan pelantikan, pengesahan dalam jawatan, kenaikan pangkat, tatatertib dan persaraan masih lagi dilaksanakan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Yang Berhormat Rasah.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak balik sedikit mengenai perlindungan kepada pelapor daripada disaman di mahkamah. Tiga tahun lepas saya pernah membawa kepada perhatian Yang Berhormat Menteri, seorang gadis remaja yang membuat laporan kepada seorang anggota polis mengambil suapan. Sebelum kes itu didengar di mahkamah, anggota polis itu menyaman pelapor itu. Saya rasa ini Yang Berhormat Menteri pun ada membawa kepada Kabinet dan Kabinet menasihatkan anggota polis itu menarik balik saman tersebut tetapi beliau enggan. Persoalan saya adakah rang undang-undang ini memberikan perlindungan kepada seseorang pelapor daripada didakwa di mahkamah ataupun disaman di mahkamah kerana laporan itu sama ada dia bersalah atau tidak itu terpulang kepada suruhanjaya untuk membuat siasatan. Jadi saya harap ada perlindungan kepada pelapor dalam perkara ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun membentang bacaan kali pertama Akta Perlindungan Saksi dan insya-Allah kita boleh berbincang dengan lebih panjang waktu akta itu nanti dibahaskan.

Yang Berhormat Labis juga mengemukakan soalan sama ada SPRM hanya akan diwakili kaum atau oleh golongan profesional sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, sebagaimana juga dengan perkhidmatan lain, SPRM akan dianggotai oleh semua rakyat Malaysia berdasarkan kelayakan akademik mereka bagi mengisi beberapa lapisan jawatan dalam SPRM dan sekarang ini juga BPR telah sedia dianggotai oleh pelbagai kaum di Malaysia. Yang Berhormat Maran mengemukakan soalan berhubung punca sebenarnya berlaku rasuah.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum rasuah berpunca dari penggabungan pelbagai faktor seperti kelemahan individu, kelemahan sistem, terlalu banyak ruang dan peluang berlakunya rasuah dan sebagainya. Susah untuk kita mentakrif satu punca sebenar rasuah, tetapi ia banyak bergantung pada ketamakan dan peluang. Apabila manusia bersifat rakus dan diberikan terlalu banyak peluang untuk melakukan rasuah, maka ia akan berlaku. Oleh sebab itu kerajaan menekankan tentang pembangunan modal insan yang berintegriti dan sistem penyampaian yang kemas dan teratur bagi menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibaca kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dengan izin Tuan Pengerusi,..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Klausa 5.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Belum lagi Yang Berhormat. Ini fasal 1 sampai 4.

Fasal 5 –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ipoh Timur, bentang terus berhujah Yang Berhormat ya? Macam biasa, biasanya kita bentang dulu selepas itu kita hujah. Ini bentang dulu terus berhujah sebab panjang cerita.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, bentang dulu?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bentang dan terus hujah Yang Berhormat.

4.57 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sama-samalah? Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bercadang pindaan fasal 5, 6 memotong perkataan-perkataan selepas "pegawai suruhanjaya" dan digantikan dengan "hendaklah mempunyai apa-apa kuasa Timbalan Pendakwa Raya di bawah Kanun Prosedur Jenayah".

Tuan Pengerusi, sebenarnya peruntukan ini adalah di dalam undang-undang yang lama sebelum *Anti Corruption Act 1997* dan sebagai contohnya *Anti Corruption Agency Act 1982* adalah dalam seksyen 2(1) yang berbunyi: "*The Director General of the agency should have all the power of the Deputy Public Prosecutor under the Criminal Procedure Code and all the power of the office of the agency"* dan kuasa-kuasa semacam ini pun ada dalam Akta Biro Siasatan Negara *,* 1973 sebelum ia digantikan dengan ACA Act 1982.

Sebenarnya di bawah seksyen 376(3) *Criminal Procedure Code* adalah sangat jelas bahawa dengan izin:

"376(3) *The Public Prosecutor may appoint fit and proper persons to be Deputy Public Prosecutors who shall be under the general*

control and direction of the Public Prosecutor and may exercise all …. itulah yang mustahak *all. …or any of the rights and powers vested in or exercisable by the Public Prosecutor by or under this Code or any other written law except any rights or powers expressed to be exercisable by the Public Prosecutor personally….*

(4) The rights and powers vested in or exercisable by the Public Prosecutor by subsections 3 and 682, 184(2), 38(1), 38(5) and 38(6) shall be exercisable by the Public Prosecutor Personally."

Oleh sebab enam seksyen yang ada disebut dalam seksyen 376(4) di mana kuasa dan hak-hak *Public Prosecutor* perlu digunakan dengan *personally*, persendirian tidak jatuh mengenai perundangan, pencegahan rasuah.

■1700

Ini bererti bahawa sama ada di bawah *Anti Corruption Act 1982* atau *BSN Act* 1973, Ketua Pengarah ACA adalah sebenarnya kebebasan yang sepenuhnya sama ada dari segi pendakwaan atau dari segi operasi iaitu penyiasatan, *search and seizure to arrest*, tetapi sangat malangnya pada tahun 1997 peruntukan ini telah dimansuhkan dan masa itu saya pun ada bantah dan masa itu yang bertanggungjawab kepada rang undang-undang ini ialah Yang Berhormat daripada Permatang Pauh sebagai Timbalan Perdana Menteri. Memang betul dia bertanggungjawab. Saya ada memberi teguran masa itu dan saya masih konsisten dan tidak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh. Kenapa dia buat masa itu adalah kerana dia terikat tangannya oleh sebab...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya lah Yang Berhormat Sri Gading, dengarlah. Oleh kerana *directive* daripada Peguam Negara dan juga Perdana Menteri. Yang Berhormat Menteri masa itu Timbalan Menteri. Dia tentu tahu, dia boleh *confirm*. Tentu dia boleh *confirm* kerana tadi dia ada sebut dia bertanggungjawab untuk kemukakan rang undang-undang itu di Dewan Negara. Dia patut tahu. Saya percaya masa itu Yang Berhormat pun harap tidak ada peruntukan untuk memansuhkan peruntukan itu tetapi ini berlaku.

Semalam beberapa Ahli UMNO ada bangkitkan perkara ini tetapi apa maksudnya. Kalau mereka bersetuju patutnya *Chief Commissioner* sekarang, MACC patut ada kuasa pendakwaan tanpa menjadi *under the thumb,* dengan izin, Peguam Negara patutnya sokong pindaan ini dan bukan bangkit kenapa dalam tahun 1997 Yang Berhormat daripada Permatang Pauh sebagai bagi pihak kerajaan memansuhkan peruntukan ini dan sekarang menjadi masalah tetapi kalau mereka bersetuju ini yang baik, patutnya sokonglah. Bersama-sama sokong kembalikan kedudukan sebelum itu. Boleh Yang Berhormat Sri Gading sokong? Jangan takut dipecat daripada UMNO lah. UMNO pun tak lama lagilah.

Sebenarnya ini suatu peruntukan yang penting. Ada satu mempengaruhi sama ada BPR sampai sekarang atau MACC yang akan datang, boleh bergerak dengan bebas. Sebenarnya apa yang mustahak ialah sama ada MACC rasa dia ada kuasa yang bebas bukan jaminan-jaminan yang dibuat dan peruntukan ini mustahak. Ini boleh dibuat tanpa apa-apa pindaan kepada Artikel 145 di Perlembagaan.

Sebab itu saya ada cadangkan ini bukan sahaja di fasal ini tetapi juga di fasal 58, bahawa tidak ada *consent Public Prosecutor* dipinda, tidak ada *consent Chief Commissioner.* Walaupun di bawah artikel Perlembagaan, *finally* kuasa mutlak ialah dalam PP atau *Public Prosecutor* tetapi kalau kita ada pindaan seperti itu bahawa bukan *authorized* oleh *Public Prosecutor*. Sebenarnya kalau kita baca apa yang ada dalam rang undang-undang ini, ini bukan *restoration* yang sepenuhnya. Sebenarnya apa yang ada di sini ialah bahawa...

Beberapa Ahli: Hilang sudah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Where is the bill now*? Ya sini. Kita ada banyak kertas oleh kerana kita serius bukan main-main. Dengan izin, *the Chief Commissioner should have all the powers of an officer of the Commission and shall have such powers of a Deputy Public Prosecutor as authorized by the Public Prosecutor for the purposes of this Act.* Bukan seperti dalam *Anti Corruption Agency Act 1982* atau *MBI Act 1993*, bahawa ialah, *the powers of the Deputy Public Prosecutor under the Criminal Procedure Code*. Kenapa ini ditinggalkan, kerana DPP di bawah peruntukan seksyen 56, ada kuasa yang lebih kurang daripada DPP di bawah peruntukan-peruntukan yang dahulu sebab-sebab di bawah peruntukan *Anti Corruption Agency Act* 1982 atau MBI Act 1973, *Director General of the ACA* ada kuasa DPP termasuk tak perlu rujuk kepada *Public Prosecutor* tetapi di bawah seksyen 56, *his powers are less because* bukan di bawah *Criminal Procedure Code* lagi tetapi *as authorized for the Public Prosecutor for the purposes of this act.*

Walaupun ada *administrative arrangement* di mana ada *secondment Senior* DPP daripada Kamar Peguam Negara kepada MACC untuk buat semua keputusan mengenai pendakwaan tetapi *the Chief Commissioner* tidak ada kuasa begitu. *His powers are less than even the pre 1997, even less than pre 1997* dan kuasanya akhirnya termaktub kepada apa yang diserahkan, di*authorized,* dikuasakan oleh *Public Prosecutor. Public Prosecutor* ialah Peguam Negara dan saya tak boleh terima apa hujah-hujah Yang Berhormat Menteri tadi bahawa ini ialah ada dua aspek AG atau *Public Prosecutor,* individu dan Kamar.

Saya rasa ini adalah satu *figment of the imagination* Yang Berhormat Menteri. *I don't think can passed any respectable lecture hall* untuk lari daripada tanggungjawab. Apabila kita merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan 145 mengenai *Attorney General* dan juga mengenai *Criminal Procedure Code,* mengenai *Public Prosecutor* kerana *Public Prosecutor* tak timbul dalam Perlembagaan. Jawatan ini timbul dalam *Criminal Procedure Code* sahaja yang sangat jelas bahawa kuasa-kuasa jawatan dan bukan persendirian atau Kamar tapi jawatan, *the office of* Peguam Negara, *the office of Public Prosecutor* yang disalahgunakan dan di Malaysia kita ada lihat bahawa rekod Peguam Negara atau *Public Prosecutor records* yang tidak boleh dapat keyakinan orang ramai kerana ada satu *history*, satu senarai *selective prosecution, malicious prosecution,* ada *bias* dan tidak boleh dapat kepercayaan orang ramai dan baru-baru ini kita boleh lihat contoh-contoh yang terbaru iaitu rayuan yang dibuat mengenai keputusan mahkamah Raja Petra Kamaruddin tetapi tak mahu rayu, *appeal* terhadap Razak Baginda apabila di *acquitted*. Kenapa? Apa sebab?

Kita tak boleh terima bahawa Peguam Negara tak perlu *accountable*. Di luar Dewan Parlimen apabila soal itu dikemukakan barulah Menteri yang berkenaan dapat respons daripada Kamar Peguam Negara dan sebagai satu *parrot read out what is the AG's position* tetapi di luar tidak.

Kita sekarang bukan sahaja era *accountability.* Era *accountability* ialah bukan sahaja *judicial accountably* tetapi juga *accountability* daripada segala, *all office holders including* Peguam Negara, *Attorney General, Public Prosecutor,* perlulah ada *accountability* kepada Parlimen, *accountability* kepada rakyat.

Itulah ertinya accountability. Tidak boleh ada seorang Peguam Negara yang tidak ada *accountability* dan ini adalah satu peruntukan yang sangat penting dan oleh kerana kita ada peruntukan ini, khasnya oleh kerana 11 tahun ini apa yang ada sebelum sudah dibatalkan, bahawa kedudukan Malaysia mengenai satu negara yang memerangi rasuah sudah jatuh menjunam begitu teruk sehingga apabila Parlimen membahaskan Rang Undang-undang *Anti Corruption Act* Julai 1997, kedudukan Malaysia di tangga *Transparency International Corruption Perception Index* ialah 26 dan sekarang kita bahas satu akta yang baru untuk menggantikan MACC, SPRM, kedudukan Malaysia dalam *Transparency International Corruption Perception Index* ialah 47.

■1710

Bukan *better* tetapi *worst*, dan sama ada dari segi tangga atau daripada segi skor. Kita ada Yang Berhormat Menteri dan lain-lain...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Berapa panjang Yang Berhormat, ucapan panjang lagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, ya, ini mustahak. Oleh kerana inilah *pivotal* mengenai sama ada kita boleh lawan korupsi atau tidak. Ya bolehkah saya teruskan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebab itu kenapa kita sebagai contohnya kenapa sekarang Malaysia apabila dia berbahas apabila Parlimen membahaskan Rang Undang-undang *Anti-Corruption Act* kedudukan kita ialah 26. *Transparency International Corruption Perceptions Index* skor kita 5.32. Sekarang jatuh kepada 47 skor 5.1, lebih teruk. Negara yang lain lebih baik. Tengok dalam 12 tahun ini Singapura nombor 7 masa itu skor 8.8 sekarang nombor 4 skor 9.2. Hong Kong masa itu 18 skor 7.01 sekarang nombor 12 lebih baik 8.1 skor pun lebih baik. Jepun 17 skor 7.05 sekarang 18 skor bertambah baik sungguhpun tangga kurang satu 7.3 skor. Taiwan 29 skor 4.98 sekarang sungguhpun jatuh tangga 10 langkah 39 tetapi skor 5.7. South Korea nampak masa itu 27 skor 5.02 sekarang 40 tetapi skor sudah tambah baik 5.6.

Kita langkah, tangga jatuh skor jatuh, dua-dua jatuh. Adakah MACC kita boleh jaminan bahawa dengan MACC kita boleh lebih baik atau lebih teruk? Lagi lima tahun bolehkah kita kata bahawa oleh kerana ada MACC tanpa peruntukan yang kita perlu ini bahawa tangga kita sekurang-kurangnya dilihat sebagai *the worst ten* atau *twenty list corrupt nation* atau kita akan pecah 50. *Break the* 50 skor, ini kita perlu keyakinan. Kalau tidak ada keyakinan kenapa ada MACC *bill for? Every time you amend the law, you change the law, we get worst, worst record*. Masa itu mungkin skor tidak sampai lima. Sebenarnya *our score is a best* 1996 sebelum *Anti-Corruption Act* sekarang *the worst.*

Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bolehkah MACC ialah ICAC beri jaminan bahawa kita boleh memperbaiki skor kita. Ini yang mustahak dan saya harap bahawa kita dan satu *pivotal provision* ialah kembali memberikan kebebasan kepada *Chief Commissioner* untuk ada kuasa pendakwaan.

Tadi Yang Berhormat Menteri pun ada bahawa di Hong Kong, Singapura *the Sectary of Justice* ada kuasa dan ICAC tidak ada kuasa untuk pendakwaan perlu dirujuk kepada akhirnya *Chief Secretary of Justice*, betul. Namun kita boleh ikut semua yang ada. Kenapa? Kalau kita kata Hong Kong begitu, kenapa kita begitu belakang apabila di banding dengan Hong Kong. Hong Kong 12 sekarang kita 47. *So*, kita ada masalah yang *special*. Masalah spesifik kepada Malaysia oleh kerana kita tidak ada satu sistem peguam negara atau *public prosecutor* yang profesional yang sebenarnya *independent* dan *impartial*.

Tadi Yang Berhormat kata ini oleh kerana *choice of people* tetapi saya tidak setuju. Ini menunjuk masalah *rule of law and rule of man*. Sama ada hakim-hakim atau peguam negara *they must be a system* di mana kita boleh adakan satu peguam negara yang profesional, yang *independent* yang tidak *bias.*

Oleh kerana kita tidak ada sistem itu kita perlulah satu sistem. Dan sehingga kita ada satu sistem sangat mustahak bahawa *the Chief Commissioner* MACC perlulah ada kuasa pendakwaan dan inilah kenapa kita menimbulkan masalah kita ada keyakinan mengenai MACC. Kita semua mahu - tidak kira apa-apa parti, tidak kira apa-apa puak di luar Parlimen. Kita mahu satu undang-undang yang lebih baik supaya kita semua boleh rasa bangga sebagai rakyat Malaysia. Bukan dilihat sebagai warganegara daripada satu negara di mana korupsi begitu bermaharajalela.

Saya tidak mahu sebut mengenai di semua bidang. UMNO is *the worst. The worst corruption politic* tetapi itu hal yang lain. Sebab itu kita mahu...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mahu saya sebut siapa? Saya boleh sebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat jangan belayar jauh sangatlah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey. Saya rasa ini mustahak kalau kita mahu menjadi satu negara yang boleh berjaya lawan rasuah. Kita sekarang menjemput pegawai-pegawai tinggi ICAC dari Hong Kong. Mereka puji MACC dan kita sangat gembira. Sebenarnya kita patutlah menjadi negara yang masyhur dalam *Anti-Corruption Act* dan *anti corruption system*.

Oleh kerana dalam tahun 1967 apabila ACA ditubuhkan kita adalah satu *Director General* Tan Sri Harun Hashim yang semua disanjung tinggi mengenai prestasi beliau. Jikalau rekod itu ada diteruskan hari ini Hong Kong patut belajar daripada Malaysia dan bukan sekarang Malaysia belajar daripada Hong Kong. Kenapa ini berlaku?

Ya, akhirnya saya mahu gulung sahaja dalam perkara ini. Oleh kerana dua, tiga hari dahulu kita dengar Daniel Lee Yang Berhormat Menteri pun ada sebut Daniel Lee. Kalau begitu kita *engaged* datanglah kontrak sebagai *Chief Commissioner*. Tengok beliau boleh atau tidak boleh *break the backbone of the problem of corruption in* Malaysia. Itu bukan persendirian itu masalah undang-undang. Kita perlulah undang-undang yang baik, sebab itu saya ada cadang bahawa untuk fasal 5 ini bahawa dipindakan ikut apa yang saya ada sebut. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat saya buat keputusan tiap-tiap seorang lima minitlah Yang Berhormat. Peringkat dasar kita sudah bagi hanya 15 minit. Ini satu seksyen sahaja Yang Berhormat dan saya minta tiga orang sebelah sini dan tiga orang daripada Barisan Nasional bercakaplah. Sila Yang Berhormat Permatang Pauh. Belum lagi Yang Berhormat, minta maaf. Sebelum itu saya minta lima minit daripada seorang-seoranglah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

5.18 ptg.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi semalam tatkala memberikan ucapan tahniah kepada Menteri dan menyokong kebanyakan peruntukan yang dicadangkan dalam suruhanjaya ini. Saya menyebut beberapa langkah perlu untuk memperkemaskan.

Walaupun Menteri memberikan penjelasan mengapa pindaan fasal 5, fasal 6 tidak harus berlaku memandangkan kuasa pendakwaan itu harus terletak dalam bidang kuasa Peguam Negara. Kita memberikan alasan-alasan khusus dan spesifik berdasarkan pengalaman lalu. Beberapa contoh dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat bagaimana amanah yang diberikan kepada Peguam Negara itu telah dikhianati tidak dilaksanakan. Ada kes yang ternyata siasatan yang rapi dibuat tetapi dipinggirkan.

Oleh yang demikian keyakinan terhadap keupayaan Peguam Negara dan jabatannya itu terhakis. Saya juga ditanya oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dan juga disentuh oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tatkala membentangkan suatu rang undang-undang yang lebih komprehensif tahun 1997 daripada akta yang sebelumnya, maka kuasa pendakwaan itu dimansuhkan.

Saya faham kalau Yang Berhormat Jerlun dia marah untuk pertahankan ayah dia saya tidak mahu jawab. Akan tetapi cara Yang Berhormat Kota Belud menyinggung itu dari segi fakta tidak betul. Dia hendak marah boleh tetapi faktanya kerana kita boleh rekod, ada rekod. Yang Berhormat Menteri boleh *check* rekod kerana pada masa itu Badan Pencegah Rasuah memang menentang pemansuhan itu dengan cukup keras membawa rayuan semula untuk pertimbangan kami dan kami juga menyokong ketika itu supaya dikekalkan.

■1720

Akan tetapi apabila Peguam Negara mengambil langkah sendiri untuk mengajukan kepada pertimbangan Perdana Menteri dan dimansuhkan tanpa merujuk kepada jawatankuasa dan kepada Kabinet, maka perkara itu tertutup setakat itu. Memang benar saya bentangkan dan saya bertanggungjawab akhirnya tatkala membentangkan tapi fakta ini tidak boleh dinafikan dan ini mengikut rekod yang ada. Bukan saya ada-adakan. Rekod yang ada dalam fail Badan Pencegah Rasuah pada ketika itu dan juga kertas Jemaah

Menteri dan juga jawatankuasa yang mempersiapkan dan saya bentangkan di Parlimen dan Yang Berhormat Menteri membentangkan di Dewan Negara.

Jadi balik kepada persoalan ini, mengapa ianya perlu untuk pertimbangan Perdana Menteri dan kerajaan sekarang ini ialah kerana umumnya peruntukan-peruntukan yang ada itu disokong dan disambut baik oleh kedua-dua, Barisan dan juga Pakatan dan disokong kerana saya sebut semalam bahawa tidak mudah untuk dikemukakan satu rang undang-undang yang tidak begitu popular di kalangan pimpinan kerajaan. Saya tidak dengar selain daripada Perdana Menteri, orang yang sungguh-sungguh memberikan sokongan. Ada satu dua suara dan seperti mana yang kita dengar daripada Yang Berhormat Menteri tetapi bukan suatu perkara yang mudah dan saya ulang bahawa tatkala membentangkan undang-undang ini pada tahun 1997, itu di antara dalam pengalaman saya, rang undang-undang paling sukar dalam sejarah tatkala kita bentangkan dalam pengalaman saya kerana tidak disenangi oleh ramai teman-teman saya pada ketika itu.

Jadi oleh yang demikian Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dalam peruntukan 56 ini, kerana tanpa kuasa itu diberikan kepada suruhanjaya, maka suruhanjaya akan tertakluk sepenuhnya kepada keputusan muktamad Peguam Negara. Memang ada dalam Artikel 145. Yang Berhormat Kota Tinggi ini peguam, 145. Dia nak *check* saya itu, dalam Perlembagaan tetapi hal ini tidak semestinya lari daripada semangat ini kerana peruntukan itu dibolehkan.

Yang Berhormat Menteri menyebut berulang kali dalam perbahasan bahawa beliau tidak bersedia meminda kerana bimbang, takut kerana pindaan Perlembagaan memerlukan sokongan daripada semua pihak. Saya bagi jaminan. Dia kata tak boleh sebab Pakatan Rakyat tak beri jaminan tapi YB Ipoh Timur bagi jaminan dan saya juga berunding dengan pimpinan PAS, jaminan kita menyokong peruntukan ini kalau dipinda. Tiada masalah sama sekali.

Dalam kes mengadakan peruntukan yang kuat, kita akan menyokong usul yang dibawa oleh Perdana Menteri untuk meminda supaya diberikan peruntukan ini kalau difikirkan wajar oleh Yang Berhormat Menteri dan Kabinet. Saya tekankan Yang Berhormat Tuan Pengerusi bahawa kebimbangan kita ialah tanpa kuasa, penguatkuasaan memandangkan sistem yang ada, itu akan menjejaskan kewibawaan, keupayaan suruhanjaya melaksanakan tugas. Perbandingan dibuat dengan suruhanjaya di Hong Kong itu ada munasabahnya. Memang benar bahawa tidak diberikan kuasa mendakwa dan bila saya sebut semalam bahawa kebanyakan, hampir keseluruhan usul ataupun cadangan dan siasatan oleh suruhanjaya di Hong Kong itu didakwa oleh Peguam Negara. Kenyataan saya dipertikai kerana ada kes-kes tidak didakwa.

Saya terima tetapi yang saya nak tekankan daripada taklimat yang saya perolehi daripada mereka 10 tahun yang lalu dan baru-baru ini, satu, dua tahun yang lalu, kebanyakan kes yang dirujuk kepada pendakwa di Hong Kong itu memang dilaksanakan. Jadi kalau kes yang diulas oleh Yang Berhormat Menteri bahawa sebenarnya dalam kes di Hong Kong ini, tahap laporan, tuduhan itu lebih berbeza kerana kita dalam peruntukan ini lebih kuat. Ada beberapa peruntukan lebih kuat daripada Hong Kong, saya akui termasuk umpamanya surat layang yang ada asas itu harus disiasat kerana *culture of fear* ini kuat di Malaysia. Dengan kekuatan Menteri Dalam Negeri ini, lebih banyak orang takut.

Jadi oleh yang demikian, surat layang itu diminta juga disiasat dan ini diterima dan saya juga setuju dan sokong peruntukan yang demikian walaupun sebaiknya seperti mana yang ada di Hong Kong, kalau seorang buat tuduhan, sepatutnya dia bertanggungjawab terhadap tuduhan itu.

Dia tidak boleh buat tuduhan semberono dan minta kita siasat tetapi memandangkan keadaan khusus sementara ini, maka peruntukan ini dirasakan perlu. Sebab itulah sekali lagi saya dalam menyokong cadangan pindaan ini, meminta supaya Yang Berhormat Menteri memberi pertimbangan yang wajar dan adil dan tidak cukup untuk mengatakan Peguam Negara ini seorang tapi yang kita bicarakan ini Jabatan Peguam Negara. Seolah-olah mengatakan macam Peguam Negara sekarang ini patut dah berundur dah tetapi isunya sekarang bukan isu seorang sahaja, isunya itu jentera dan kewibawaan jabatan itu sendiri.

Saya tekankan perkara ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi kerana pada keseluruhannya termasuk melainkan beberapa peruntukan tertentu yang kita bahaskan, saya menganggap ini satu perubahan yang sangat positif dalam negara kita. Kalau kita berikan satu impak di mana dukungan itu juga bulat di kalangan semua wakil di Parlimen ini, ia memberikan satu kejutan besar dalam negara kita. Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Pasir Mas.

5.26 ptg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada fasal 56 iaitu hanya nak menumpukan kepada satu perkara yang saya kira penting kerana melibatkan kredibiliti seseorang. Ia berbangkit daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Ipoh Timur yang membawa pindaan ini dan juga oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang dari Permatang Pauh di mana kuasa pendakwaan yang dahulunya terletak di bawah Ketua Pengarah BPR terhapus apabila pindaan dibuat pada tahun 1997. Yang Berhormat Ketua Pembangkang waktu itu sebagai Pemangku Perdana Menteri membentang sendiri pindaan ini kalau tidak silap saya dan yang pentingnya mengatakan bahawa pada waktu itu pindaan dibuat kerana terikat tangan ataupun mendapat arahan daripada Peguam Negara ataupun Perdana Menteri.

Kenyataan ini dibuat sewaktu perbahasan dasar dan disiarkan dalam akhbar dan ada juga dalam internet. Saya baru menerima satu SMS yang tak payah saya sebut nama. Saya hanya sekadar membangkit perkara ini dan saya berharap janganlah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi apabila menyebut Ahli Yang Berhormat dari Jerlun mengata ini anak nak bela bapa. Kita mesti mendengar apa yang dia cakap, apa yang dia cakap. Dia cakap sama ada benar ataupun tidak. Bukan masalah kerana anak nak bela bapa. Saya pun tidak bercadang nak jadi hulubalang. Saya nak mencari kebenaran iaitu kalau benar katanya arahan bekas Perdana Menteri, cakap ini arahan daripada Perdana Menteri saya buat dulu. Jangan bermain dengan kata-kata yang licik. *[Tepuk]*

Kita sepatutnya begitu. Kita tumpu kepada apa yang dikatakan oleh seseorang yang bercakap. Saya ini memang tak ada yang baiknya kredibiliti saya, buruk orangnya tetapi saya nak menyatakan janganlah sebut ha ini yang disebut oleh Ahli Parlimen Pasir Mas. Saya nak tahu kebenarannya sebab saya mendapat maklumat kata bekas Perdana Menteri, pindaan dalam soal terhapusnya kuasa Ketua Pengarah BPR ini tak ada kena mengena di waktu beliau menjadi Perdana Menteri. Ini kata dia. *[Tepuk]*

Jadi pihak kerajaan kena jawab. Adakah tidak maklumat? Betul dia terima arahan daripada Perdana Menteri, daripada Peguam Negara ataupun sedia atau tidak, Yang Berhormat Menteri minta maklumat daripada Ketua Pembangkang Permatang Pauh.

■1730

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Minta maklumat! Telefon kah, melalui surat kah, arahan kah. *Just say it* kalau kita *gentleman*. Saya harap, saya tidak menyebelahi mana-mana pihak. Saya hanya hendak menentukan kebenaran sebab ini soal kredibiliti, sebab semua orang bercakap seluruh negara. Kalau betul menerima arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu katakan saya terima arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Melalui telefon, melalui surat, sebut! Jangan kita mengelak sana, mengelak sini dengan kebijaksanaan kita bercakap. Saya minta maaflah, saya memang tidak bersikap hendak campur tangan, hendak tunjuk pandai ataupun jauh sekali saya juga tidak hendak bersikap apologetik. Saya hendak *say the truth* supaya pemimpin-pemimpin negara kita kalau dia tidak betul, tidak betul. Kalau betul, betul. Jangan kita mempermainkan dengan kredibiliti dan hari ini kita begini dan besok kita begini. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak bangkitkan dan saya minta pihak kerajaan jawab dengan jelas. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kubang Kerian. Lama tidak dengar suara.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini sekadar untuk menyatakan beberapa pandangan tentang pindaan ini dan mengambil kesempatan untuk menyokong pindaan ini demi untuk kebaikan negara. Saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di awal kariernya sebagai Perdana Menteri dahulu setelah mendapat mandat besar tahun 2004, pernah nyatakan supaya satu suruhanjaya yang dikenali sebagai IPCMC digubal dan dibawa dalam Parlimen ini tetapi nampaknya hasrat beliau tidak kesampaian dan mungkin tidak mendapat sokongan yang kuat daripada pasukannya pada waktu itu.

Namun saya merasakan iltizam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membawa rang undang-undang ini harus diberikan sokongan demi kebaikan negara. Itu tidak ada masalah. Walaupun kami duduk di bahagian pembangkang di sini, untuk kebaikan negara. Untuk fasal 5 dan fasal 6 ini, walaupun disebut dengan jelas oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tadi dan juga daripada Yang Berhormat Permatang Pauh tentang apa yang boleh kita kongsi bersama di Hong Kong dan saya juga pernah bersama dengan lawatan kerja Jawatankuasa Perpaduan dan Integriti ke Kanada dalam dua tahun yang lepas, juga mendapati bahawa di Kanada juga kita melihat kuasa-kuasa dan penguatkuasaan yang berlaku di negara tersebut boleh di ambil contoh dan juga di beberapa negara Komanwel yang lain.

Bagaimana kita melihat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Permatang Pauh tadi bukan batang tubuh Peguam Negara itu tetapi institusi pendakwaan itu mestilah dilihat teguh, utuh dan punya integriti yang tinggi di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab. Hal ini supaya maruah negara-negara ini dapat dilihat pada hari ini di mana Parlimen-parlimen mereka yang mengamalkan apa yang dikatakan pengasingan kuasa, *separation of power* dan juga *integration of power* iaitu percantuman kuasa itu dengan izin jelas dan benar-benar berfungsi dan dapat dimartabatkan dan dapat diyakini oleh rakyat terhadap kuasa-kuasa yang penting ini.

Maka fasal ini sangat penting bagi saya kerana Peguam Negara dalam banyak negeri yang disebut tadi dan juga kuasa pendakwaan ini seharusnya dapat berdiri dengan sendirinya dan dilihat bebas daripada pengaruh yang boleh mengheret badan-badan penting ini dan menjadi bahan lawak, *mockery* ataupun dianggap oleh rakyat sebagai *ridiculous* bila sampai kepada apa yang dikatakan *implementation* dengan izin.

Oleh itu, kalau kita punya iltizam dan kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang pada hari ini dan bawa rang undang-undang ini mungkin sebagai satu legasi beliau, saya merasakan ini juga pernah disebut oleh Tun Sufian dalam bukunya yang ditulis oleh salah seorang daripada pegawai undang-undang. Tun Sufian sebagai legasi juga menyebut perkara ini pada awal beliau memegang jawatan yang sangat penting itu dan mahu supaya institusi Peguam Negara ini, institusi pendakwaan ini harus dilihat telus, bebas dan juga mengamalkan dan meningkatkan integritinya kerana ini adalah merupakan antara tunggak penting keutuhan negara dalam memastikan keadilan itu ditegakkan. Sekadar itu untuk saya menyokong tentang pindaan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Pokok Sena.

5.36 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut menyokong pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Ipoh Timur ini kerana ini antara perkara asas yang saya katakan bahawa salah satu daripada perkara penting untuk memulihkan tanggapan masyarakat selama ini yang melihat bahawa ada pendakwaan terpilih dan sebagainya yang dilakukan oleh pihak Jabatan Peguam Negara. Saya kira pihak kerajaan harus ada kepercayaan kepada Ketua Pesuruhjaya yang akan dilantik ini. Tidak tahulah kalau pihak kerajaan sendiri pun tidak berani hendak bagi kuasa ini kerana tidak percaya atau pun takut kata, 'sekejap nanti dengan kami-kami sendiri akan di bawa pendakwaan tersebut' sebab saya pun tidak tahu berapa ramai yang berbahas daripada kalangan UMNO ini sendiri yang berbahas tentang menyokong rang undang-undang ini sebelum ini di peringkat dasar.

Tidak tahulah berapa ramai di kalangan mereka yang tidak terlibat dengan politik wang, terlibat dengan rasuah. Mungkin sebahagian daripada yang menyokong itu yang ke arah untuk mencegah rasuah tetapi terlibat dengan amalan politik wang. Akan tetapi yang saya percaya, saya yakin Yang Berhormat Menteri Padang Rengas memang dia tidak terlibat pasal dia tidak bertanding. Akan tetapi yang bertanding saya tidak tahulah berapa ramai yang bertanding yang terlibat dalam berbahas yang akan menyokong seperti mana yang telah pun disebut tadi.

Jadi sebab itu bagi saya tidak timbul masalah seperti yang disebut setengah-setengah pihak mengatakan bahawa mana boleh orang itu menyiasat orang itu, orang itu mendakwa. Sedangkan saya sebut dalam isu ini seperti disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kita akan ada pula di peringkat pentadbiran. Walaupun saya tidak bersetuju di peringkat pentadbiran tetapi harus diberi kuasa di peringkat jawatankuasa-jawatankuasa ini.

Akan tetapi oleh kerana kita akan ada di peringkat pentadbiran iaitu panel penilai operasi ini, lalu kita boleh beri kepercayaan kepada panel penilai operasi ini sama ada siasatan yang mereka buat itu betul-betul mereka telah buat secara yang baik dan tidak ada berlaku '*kautim'* antara orang yang menyiasat dengan orang yang disiasat itu sendiri untuk diberikan pilihan pertuduhan-pertuduhan yang paling ringan yang dibimbangi ini berlaku. Ini adalah kerana kita ada Jawatankuasa Panel Penilai Operasi. Oleh sebab itu bagi saya bahawa kalau kita sudah ada panel penilai operasi ini, kerana panel penilai operasi ini diberikan satu tanggungjawab kuasa untuk menilai kalau kita takut atau dibimbangi bahawa berlaku '*kautim'* antara penyiasat itu tadi yang hendak bawa kes ini juga iaitu mereka boleh bincang, kami bagi tawaran kamu iaitu pilihan yang paling ringan kepada mereka. Ini yang saya hendak bangkitkan dan saya mohon menyokong pindaan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kepong.

5.38 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya sokong pindaan ini kerana ini merupakan satu pindaan pokok. Sekiranya kita hendak ikut rang undang-undang ini apabila menjadikan ia akta kelak, itu boleh dikuatkuasakan dengan lebih berkesan, maka pindaan ini adalah perlu. Saya percaya bahawa sekiranya kuasa kepada Ketua Pesuruhjaya yang termaktub di dalam rang undang-undang ini tidak dipertambah, saya khuatirlah keberkesanannya. Misalnya Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Gabenor Elynoy yang didakwa menjual kerusi senat kepada orang dengan harga USD500 ribu atau USD1 juta, itu dakwaanlah. Akan tetapi dia ditahan kerana pihak badan pencegah rasuah di Elynoy ada berhak untuk menahan dia disiasat dan di sini kalau Menteri besar atau Ketua Menteri ada disyaki melakukan perkara yang tidak betul, maka dengan ditambahkan kuasa kepada Ketua Pesuruhjaya dia berhak.

■1740

Dia berhak menahan Ketua Menteri ataupun Menteri yang disyaki, ini memang kalau Yang Berhormat Tasek Gelugor itu disyaki ada melakukan kecurangan, maka Ketua Pesuruhjaya yang mempunyai kuasa *Public Prosecutor.* dia berhak untuk menahan Yang Berhormat Tasek Gelugor sehingga disahkan tidak bersalah.

Kuasa seperti ini, saya berharap Yang Berhormat Padang Rengas dapat mempertimbangkan bagaimana kita boleh meminda fasal 56 ini supaya kuasa lebih diberi kepada Ketua Pesuruhjaya. Saya percaya Yang Berhormat Padang Rengas pun dia memang fikiran dari segi ini pun rasional juga, bernas juga dan beliau pun percaya bahawa kalau tak diberi kuasa, macam mana Ketua Pesuruhjaya itu boleh berlaku dengan berkesan.

Efektifkah? Tidak efektif, dan saya berharaplah itu suruhan kita ke atas pindaan ini dapat diambil kira, kalau sekarang tidak boleh diterima mungkin esok boleh dipinda lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Subang penghabisan selepas itu saya minta Menteri untuk..

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong pindaan ini, saya nampak dengan pindaan ini kita dapat memberi bentuk

undang-undang atau *legal form* dengan izin, kepada amalan pentadbiran yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam ucapan semalam.

Beliau berkata amalannya ialah kuasa untuk mendakwa diwakilkan di*delegated*kan kepada Pesuruhjaya, dengan diberi kuasa DPP atau *Deputy Public Prosecutor,* dengan izin. Jadi dengan pindaan ini kita akan memberi bentuk undang-undang kepada amalan ini, jadi ini lebih selamat daripada masalah yang kita melihat iaitu pengaruh yang besar daripada Jabatan Peguam Negara.

Jadi pindaan ini juga harus dibaca dengan pindaan yang dicadangkan untuk seksyen 58, dua-dua bersama, bertindak bersama, sebab dalam seksyen 58 yang kita akan bincang kelak nanti ini, kita melihat setiap keputusan mendakwa perlu dirujuk balik pada Peguam Negara dan ini adalah bermasalah kalau kita mahu seperti mana yang disebut di seksyen 2 *in English*, dengan izin, kita mahu, "*... constituting an independent, an accountable anti- corruption body*."

Jadi dari segi permasalahan undang-undang atau percanggahan dengan Perlembagaan, saya tidak nampak apa-apa masalah, sebab akhirnya kita tahu Perkara 145 masih kekal. Akhirnya memang Peguam Negara masih ada kuasa untuk menentukan, itu kita tahu, tapi dengan pindaan ini, kita balik kepada amalan yang lama, jadi kuasa yang sepenuhnya kita boleh bagi tanpa pindaan kepada Perlembagaan, kepada Ketua Pesuruhjaya.

Jadi kalau Yang Berhormat Menteri sebagai wakil kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu badan yang betul-betul bebas daripada pengaruh institusi lain atau orang-orang lain, inilah satu cadangan yang baik dan saya harap akan diterima dan dipertimbangkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, pertama saya nak mengatakan bahawa kita tidak bersetuju dengan pindaan yang dicadangkan oleh Ipoh Timur ini kerana pertamanya amalan. Daripada segi amalan pun daripada semenjak kita merdeka, tertubuhnya Unit Pencegah Rasuah, daripada segi amalannya tidak pernah kita asingkan.

Kita berikan kuasa untuk mendakwa *in total* terus tarik daripada AG, beri kepada Ketua Unit ataupun Pesuruhjaya sekarang ini. Ini ialah kerana walaupun Yang Berhormat Ipoh Timur sudah sebut, iaitu dalam *Anti Corruptioncy Act 1982*, Akta 271, memberi kuasa DPP kepada Ketua Pengarah.

Walau bagaimanapun akta itu yang merupakan akta yang menyatakan penubuhan Badan Pencegah Rasuah itu hendaklah dibaca bersama dengan satu akta yang masih kekal pada ketika itu iaitu *Prevention of Corruption Act* 1961, dan dalam Akta 1961 ini juga terdapat peruntukan bahawa yang mengatakan, dengan izin, "*A prosecution under this act shall not be instituted except by or with the consent of the Public Prosecutor."*

Ini bermakna bahawa peranan *Public Prosecutor* itu masih ada walaupun di bawah Akta 82 itu nampaknya daripada sebutan itu dia berhak untuk *prosecute*. Jadi dari segi amalan dia daripada dulu, bermakna bahawa memang tidak ada amalan yang mana BPR boleh mendakwa kes, itu yang pertamanya dari segi amalan.

Keduanya, daripada segi yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi, pengasingan tanggungjawab. Pengasingan tanggungjawab mestilah diwujudkan kerana sudah tentu orang yang menyiasat itu tidak boleh untuk mendakwa, kalau begitu mengapa tidak berikan kepada IGP untuk mendakwa terus tetapi mesti dengan kebenaran daripada *Public Prosecutor*.

Ini tidak pula dibisingkan untuk diberi kuasa kepada pihak polis yang juga badan penyiasat, tetapi tidak berhak untuk mendakwa. Jadi oleh sebab itu yang menyiasat kena siasat supaya hubungan yang terjalin dalam siasatan itu tidak boleh digunakan sebagai asas untuk tawar menawar, sebab itu apabila badan penyiasat itu berbeza daripada badan pendakwa, apabila sampai kepada pendakwa, maka sampai satu fail yang dia tidak tahu

langsung siapakah orang yang didakwa, dia hanya ada fail di hadapan dia, maka oleh sebab itu, barulah boleh pendakwaan yang objektif, yang tidak dikotori daripada pengaruh, mungkin tawar menawar boleh berlaku.

Jadi sebab itu kita asingkan di antara badan penyiasat dengan badan pendakwa. Jadi Yang Berhormat sebenarnya soal tidak percaya kepada individu Peguam Negara itu, itu digambarkan oleh pihak sebelah sana kerana terburu-buru selalu memburu-buru individu Peguam Negara yang ada pada hari ini. Oleh sebab itu kalau Yang Berhormat kata, tadi Yang Berhormat kata CPI, CPI kita apabila ada, lagi menurun. Saya rasa CPI kita menurun itu bukan kerana kita bentang rang undang-undang ataupun tidak, tapi kerana fiil Ipoh Timur, dia yang merosakkan, kita nak bentang buat benda yang baik, dia cerita benda itu tidak baik. Persepsi ini apa yang dia dengar.

Jadi kalau Yang Berhormat kata di Hong Kong dan Singapura bagus, kalau Yang Berhormat boleh cadang, saya pun cekup juga pembangkang seperti di Singapura dan Hong Kong, barulah kita punya persepsi indeks naik tinggi. Itu adalah kerana persepsi ini apa yang dia dengar dan pembangkang Ipoh Timur hari-hari dok kata apa yang kita buat tidak bagus, sebab itulah walaupun kita bentangkan rang undang-undang ini, CPI kita jatuh kerana dialah. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan adakah Yang Amat Berhormat setuju dengan *eulogy* ini, apakah Yang Berhormat bersetuju?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab kita merasa hairan, lagi banyak kita buat lagi turun, di mana kesilapan kita? Lagi banyak kita buat, sudah tentu orang yang CPI itu mendengar kata-kata daripada Ipoh Timur, Ipoh Barat dan lain-lain lagi.

Jadi sebab itu kalau di Hong Kong dan Singapura dia baik, sistemnya sama bukan BPR dia yang mendakwa, yang mendakwa tetap juga *Secretary of Justice* di Hong Kong, di Singapura tetap juga yang mendakwa itu *prosecutor* dia. Jadi masalahnya bukan sistem, masalahnya ada yang lain, sebab mengapa sistem itu berjalan baik di Hong Kong dan Singapura tapi di sini CPI turun.

■ 1750

Jadi Tuan Pengerusi, saya merasakan itu bahawa apa yang kita hendak lakukan ini ialah sebenarnya untuk mengasingkan di antara Badan Penyiasat dan Badan Pendakwa supaya pendakwa boleh mendakwa dengan objektif yang tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor yang diperoleh waktu dia menyiasat. Maka oleh kerana itu saya ingin menyatakan pihak Kerajaan tidak setuju dengan pindaan ini. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh saya jawab? Saya ada cadangan. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi: Menteri sudah dengar tadi. Dia dakwa ....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Khasnya oleh *illogical* ini, ini bukan hujah-hujah. Apa hujah-hujah ini?

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh jawab?

Tuan Pengerusi: Tidak bolehlah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Illogical, what is this.*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Ipoh Timur, tadi Yang Berhormat Ipoh Timur tanya kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setuju.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh jawab.

Tuan Pengerusi: Itu yang *illogical*. Pasal Menteri menjawab bagi pihak Perdana Menteri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan *illogical,* sama ada di*endorse*kan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan tidak disetujukan.

Fasal 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 6 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 11- Pindaan:

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi, saya ingin cadangkan satu pindaan pada fasal 11(2) khususnya. Saya cadangkan dua Perenggan 11(2a), 11(2b) ditambah sebagai pindaan selepasnya seperti berikut;

(a) Perenggan "a", Laporan Tahunan tersebut juga hendaklah dibentangkan oleh Perdana Menteri di setiap Majlis Parlimen untuk dibahaskan di sana;

(b) Perenggan "b" berbunyi, laporan tersebut akan mengandungi satu senarai semua perkara yang dirujuk kepada suruhanjaya dan semua tindakan yang diambil terhadap perkara-perkara tersebut dan atau sebab-sebab tindakan tidak diambil.

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi, saya cadangkan pindaan ini supaya membetulkan satu kelemahan atau ketidaksempurnaan yang pihak kami melihat dalam rang undang-undang ini. Apabila kita melihat seksyen 11. Peruntukan sana adalah mewajibkan Ketua Pesuruhjaya membuat satu laporan tahunan tentang kegiatan Suruhanjaya. Laporan ini adalah diberi kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah. Jawatankuasa Khas yang peruntukan di bawah seksyen 14.

Kita ada keadaan di mana laporan asal, ini saya namakan laporan utamanya dibuat oleh Ketua Pesuruhjaya tetapi di bagi kepada Jawatankuasa Khas. Jawatankuasa Khas yang akan membaca itu, yang meneliti itu dan lepas itu menulis satu laporan lain dan itulah yang akan dibentangkan di Parlimen. Jadi ini adalah satu keadaan yang cukup luar biasa. Apa masalah kita tidak dapat melihat laporan utama itu? Nampak macam kita dianggap sebagai kanak-kanak yang tidak dibenarkan baca buku dewasa. Laporan utama itu tidak boleh diberikan kepada kita.

Akan tetapi kita dibenarkan membaca apa yang ditapis, yang diteliti oleh Jawatankuasa, laporan baru ditulis, baru kita dibenarkan melihat. Ini adalah satu keadaan yang agak luar biasa dan pindaan yang saya cadangkan adalah untuk membetulkan itu. Juga untuk memperkuatkan hubungan atau peranan Parlimen dengan badan penting ini, Suruhanjaya ini supaya setiap laporan tahunan itu dibentangkan di Parlimen dan dibahaskan di sini. Perenggan yang kedua, "b" itu adalah untuk memperjelaskan sedikit, lebih jelas maksud perkataan ada di sana di 11(2). Sekarang kita hanya ada perkataan "Laporan tahunan tentang kegiatan Suruhanjaya". Apa maksud "kegiatan"? Itu terlalu umum dan kurang jelas dengan izin, *vague*. Saya ambil kesempatan merujuk kepada akta-akta lain dan melihat di Akta SUHAKAM yang Dewan ini meluluskan pada tahun 1999 adalah perkataan yang sedikit lebih jelas tentang apakah kandungan yang diperlukan di dalam laporan tahunan itu. Sebab itu cadangan itu dibuat supaya laporan aktiviti itu ada, *I mean* perkataan "kegiatan" itu ada tapi ditambahkan dengan Perenggan "b" itu di mana laporan itu mesti ada maklumat tentang perkara-perkara dan dirujuk kepada Suruhanjaya dan apakah tindakan yang diambil. Jadi itulah rasional dia untuk mencadangkan pindaan ini. Diharapkan dipertimbangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Kuala Selangor. Lima minit Yang Berhormat, macam biasa.

5.56 ptg.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya telah membangkitkan perkara ini juga. Keperluan untuk rang undang-undang ini satu yang bersifat berkesan, efektif. Sementara ia juga perlu lancar dan juga efisien. Namun kalau saya tanya Menteri sendiri, daripada mana laporan *oversight* ataupun Laporan Lembaga, Jawatankuasa Khas, Jawatankuasa Aduan bahkan Suruhanjaya itu sendiri.

Mana laporan yang akan sampai ke Dewan Rakyat, Dewan yang mulia ini. Saya rasa ramai yang mungkin terpinga-pinga juga berfikir mana laporannya. Ini kerana terlalu bersifat birokratik dengan izin. Lalu sokongan saya kepada usul pindaan ini jelas adalah kerana saya telah sebut juga dalam perbahasan, perlu Dewan Rakyat menerima langsung laporan daripada Suruhanjaya. Ini kerana di situ tanpa ditapis dan kalau begini sifatnya, akhirnya yang datang ke Parlimen ini, laporan adalah laporan daripada Jawatankuasa Khas yang menapis, menyaring apa yang telah disaring oleh Lembaga Penasihat yang meneliti daripada Laporan Suruhanjaya.

Begitu sifatnya. Jadi saya menyokong pindaan seksyen 11(2) dan juga pembutirannya supaya agenda itu, perkara itu, *details* itu, pembutiran itu jelas juga dengan 11(2b). Jadi dengan itu akan lebih mantap, lebih bersifat langsung, *oversight* itu, pemantauan itu, terus kepada Dewan yang mulia ini supaya kita dengar sendiri satu yang langsung datangnya daripada *expertise* yang ada di Suruhanjaya yang dikatakan akan lebih *the empower* dengan pelbagai *expertise* sama ada dana yang disuntik itu untuk meningkatkan keupayaan sepertimana yang disebut-sebut tentang apa yang ada di Hong Kong mahupun di New South Wales atau mana juga *benchmark* atau model-model yang baik ataupun *oversight bodies* ini. Sekian Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sila Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, kita tidak bersetuju dengan pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat daripada Subang kerana laporan tahunan ini telah melalui tapisan Lembaga Penasihat Pencegah Rasuah di bawah seksyen 13 dan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah di bawah seksyen 14.

■1800

Tapisan ini bukan bermaksud membuang isi kandungan yang ada tetapi tapisan juga boleh bermaksud untuk menambah yang mana tidak ada. Jadi, oleh sebab itu ia melalui tiga tapisan ini tujuannya ialah untuk menambah baik. Janganlah fikir bahawa kita hendak tapis dan buang isi kandungan dan tidak mahu diberikan kepada Ahli Parlimen. Kita kena fikir positif. Ini kepala yang fikir negatif semua. Positifnya ialah kita boleh baca dan kalau ada kekurangan dalam isi kandungan itu, tapisan itu bermaksud kita hendak menambah.

Oleh sebab itu kita jangan perlu risau. Malahan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah yang terdiri daripada anggota Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Jadi, kita hendak sembunyi macam mana, Ahli Parlimen ada di situ. Dikatakan hendak buang sesuatu, mana boleh.

Oleh sebab itu kita tidak bersetuju, dan soal pembentangan untuk perbahasan, saya kira kita sekarang ini pun kalau kita tengok takwim, untuk rang undang-undang sikit sahaja, tiga, empat hari, kerana masa tidak cukup. Mesyuarat Pertama kita bahaskan ucapan daripada Yang di-Pertuan Agong. Mesyuarat yang terakhir untuk bajet yang memakan masa begitu banyak. Untuk rang undang-undang terpaksa dibuat sampai pukul 11.00 malam kerana masa tidak mencukupi, harinya tidak cukup, empat hari satu minggu. Hendak tambah pula satu khusus hendak bincang tentang ini lagilah bermakna kita tertekan dari segi masa.

Oleh kerana itu kita bagi bebas. Maknanya hendak bahas tentang laporan MACC itu boleh dibuat waktu dalam berucap semasa perbahasan ucapan terima kasih kepada

Yang di-Pertuan Agong. Kita juga boleh berucap di peringkat jawatankuasa waktu bajet, boleh dibentuk sebagai satu soalan, boleh juga dibentuk sebagai satu usul untuk di bincang. Jadi, banyak ruang sebenarnya untuk kita membahaskan. Jadi kita tidak setuju kalau sekiranya dikhususkan satu, dua hari semata-mata untuk membincang laporan MACC walhal kita boleh bincang perkara ini dalam pelbagai forum ataupun ruang di dalam Dewan Rakyat ini.

Tuan Pengerusi, pihak kerajaan tidak bersetuju dengan pindaan Perlembagaan ini.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya minta sedikit penjelasan sahaja, Tuan Pengerusi. Maksud saya bukan untuk kita tidak ada ruang untuk kita bahas. Maksud saya adalah perjalanan suruhanjaya ini lagi lebih telus dan laporan tahunan utama itu diberi kepada Parlimen. Itu adalah satu amalan yang lebih baik dari segi ketelusan. Maklumat itu boleh sampai terus ke sini dan tidak ditapis. Saya faham jawatankuasa khas pun buat laporan dan mungkin boleh menambah. Itu dikekalkan, kita tidak batalkan itu. Ini adalah satu tambahan dan jadi amalan penyeliaan ataupun pemantauan suruhanjaya ini jadi lebih baik. Dari segi prinsipnya apakah halangannya kepada cadangan ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, duplikasi. Kalau laporan pertama diberi dan kemudian ditapis, ada satu lagi laporan, dua kali buat kerja buat apa. Mungkin laporan yang pertama tadi tidak ada terkandung isi yang penting dan terpaksa keluar pula dengan laporan kedua. Jadi, dua kali kita bahaskan perkara yang sama. Rugilah dari segi *printing* dan sebagainya. Biarlah kita ada satu laporan yang telah pun ditapis dan menjadi sahih yang dibincangkan.

Jadi, atas alasan duplikasi saya tidak bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan.

Fasal 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal-fasal 12 dan 13 diperintahkan jadi sebahagian dari rang undang-undang.

Fasal 14 – Pindaan:

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat, Ipoh Timur.

Beberapa Ahli: Buang masa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa? Marah? Mahu balik?

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, biarkan Yang Berhormat Ipoh Timur nanti panjang lagi cerita.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, malas hendak balik.

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, saya bercadang fasal 14 menggantikan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah dengan Jawatankuasa Parlimen Mengenai Rasuah. Setiap kali perkataan-perkataan muncul dalam rang undang-undang pindaan 14(2) memotong dan menggantikan dengan Jawatankuasa Parlimen hendaklah terdiri daripada tujuh anggota yang hendak dilantik oleh Dewan-dewan Perwakilan yang menggambarkan perwakilan di Parlimen dan diketuai oleh seorang Ahli Parlimen Pembangkang dan tiada seorang daripada mereka merupakan anggota pentadbiran.

Fasal-fasal 14(3) dan 14(4) memotong kedua-dua fasal dan pindaan kepada fasal 14(5) penubuhan semula fasal 14(5) sebagai fasal 14(3) yang dipinda menjadikan Jawatankuasa Parlimen hendaklah tidak lambat daripada Mesyuarat Parlimen Pertama pada tahun berikutnya. Mengemukakan laporan tahunan kepada Parlimen mengenai semua aktivitinya sepanjang tahun yang berkaitan dengan laporan berkenaan.

Tuan Pengerusi, sebelum Yang Berhormat bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab mengenai kehakiman bersara oleh kerana satu langkah yang sangat berprinsip oleh kerana penyalahgunaan kuasa oleh eksekutif, menggunakan ISA bukan sahaja terhadap Ahli Parlimen Seputeh, juga seorang pemberita kanan *Sin Chew Jit Poh* dan Raja Petra Kamarudin, beliau ada bincang mengenai proses penggubalan undang-undang untuk menubuhkan SPRM. Antara lain beliau ada sebut mengenai keperluan mengadakan bukan sahaja pindaan kepada Perlembagaan tetapi ada rang undang-undang yang baharu untuk mengadakan satu *Special Parliamentary Committee.*

Tadi, apabila saya sebut perkara ini, Yang Berhormat Menteri menjawab bahawa mungkin bekas Menteri buat kenyataan itu tanpa mendapat mandat daripada Kabinet. Benar atau tidak, saya tidak tahu. Akan tetapi saya harap beliau boleh memberi penjelasan sama ada benar atau tidak. Dia tidak boleh memberi satu kenyataan menolak kenyataan itu. Mungkin dia ada buat kenyataan tanpa mandat. Saya mahu tahu sama ada Kabinet ada buat satu keputusan sebelum Datuk Zaid Ibrahim bersara bahawa dalam rangka mengadakan satu SPRM ialah MACC bahawa adalah satu *Special Parliamentary Committee on Prevention of Corruption,* ada atau tidak.

Kedua, nampaknya ini sudah tinggal dan kita perlulah satu penjelasan yang jelas. Oleh kerana mengikut apa yang ada diperuntukkan saya rasa ini adalah tidak wajar dan tidak akan memberi keyakinan bahawa kita mewujudkan satu sistem pencegahan rasuah yang efektif. Apa guna mengadakan satu *Special Committee Mengenai Corruption* yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen kedua-dua Dewan kalau tidak ada prinsip yang mustahak iaitu MACC adalah bertanggungjawab kepada Parlimen. Bukan meletakkan MACC di bawah Parlimen tetapi ada prinsip MACC bertanggungjawab kepada Parlimen seperti semua Menteri perlu bertanggungjawab kepada Parlimen.

Kita tidak boleh kata bahawa cadangan ini bererti meletakkan MACC di bawah Parlimen oleh kerana seperti yang saya sebut tadi, bahawa kalau kita mahu bercakap mengenai reformasi Parlimen kita patutlah ada *Select Committee* setiap kementerian. Bukan ini bererti semua menteri diletakkan di bawah Parlimen. Tidak. Akan tetapi tanggungjawab, *the principal of accountability*, *responsibility* yang perlu kita tegakkan. Kenapa kita takut? Adakah kita takut Ahli-ahli Parlimen mengenai sebenarnya yang boleh menjalankan tugas mereka dengan *diligence,* dengan bertanggungjawab atau kita mahu Ahli-ahli Parlimen yang boleh menerima segala penjelasan yang ada dibuat oleh mereka yang bertanggungjawab.

Seperti bahawa tadi kita telah dengar apa itu - ialah bahawa - *pardon*, w*hat was I given now,* saya pun sudah lupa. *[Disampuk] [Ketawa]. Attorney-General* ini.

■1810

Di sini saya berharap bahawa apa yang diperuntukkan di sini adalah satu iaitu 14(3), *"The members to be appointed under subsection (2) shall be the members of the Senate and the House of Representatives nominated by the Leader of the House of Representatives*".

Ini bererti akhirnya ialah *Leader of the House of Representatives,* Dewan Rakyat yang menjadi ketua dan menjadi penasihat ialah Perdana Menteri. Mengikut 14(2), "*The Special Committee shall consist of seven members, to be appointed by the Yang di-Pertuan Agong, who shall be drawn both from the members of the Senate and the House of Representatives".*

Ia apabila dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri dan *the same clause nominated by leader of the House* ialah Perdana Menteri. Saya tidak faham kenapa perlu ada *ridiculous arrangement* selain daripada kita mengasing-asingkan dua isu ini. Saya berharap bahawa kita mengadakan satu *special Parliamentary Committee* ialah untuk menunjukkan bahawa kita serius mengadakan prinsip akauntabiliti dan *responsibility* kepada Parlimen dan keduanya bahawa kita serius mengadakan satu sistem di mana kita boleh dapat keyakinan orang ramai. Saya harap ini berlaku ditimbangkan. Kalau tidak saya tidak rasa kita boleh berjaya dalam satu sistem yang efektif.

Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan bahawa *Attorney-General* atau Peguam Negara oleh sebab bahawa, kenapa di Hong Kong pengasingan kuasa boleh berjaya untuk meningkatkan CPI Hong Kong? Akan tetapi di dalam Malaysia kita juga mengasingkan kuasa tetapi kita turun begitu serius. Ini adalah kerana peranan pembangkang. Kalau kita ada *Special Committee* Ahli-ahli Parlimen semua yang boleh menerima hujah-hujah semacam itu, apa gunanya? Tentu itu *laughing stock.* Kita perlu membezakan. Ini *ridiculous* oleh sebab peranan Peguam Negara adalah berbeza sungguhpun ada pengasingan, *separation of powers*. Dalam Hong Kong, Peguam Negara bertanggungjawab sangat serius untuk membanteras rasuah. Apa kes untuk pendakwa rasuah sokong? Dalam Malaysia, kalau ada kes rasuah yang mensabitkan orang-orang tertinggi, Peguam Negara tutup. *[Dewan riuh]* Ha, tutup! Itulah kenapa boleh berlaku perbezaan.

Dalam Hong Kong *separation of powers* boleh berjaya. Dalam Malaysia, tidak berjaya dan kalau kita mahu satu *special committee*, anggota-anggota Parlimen seperti semua di sana bising sahaja. *[Menunjukkan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional]* Tidak boleh membezakan *argument* yang baik, *argument* yang tidak baik. *[Dewan riuh]* Apa guna itu *special committee*, *Special Committee* mencegah rasuah? Semua berdiri di sana untuk membuat bising sahaja dan boleh terima hujah-hujah yang *ridiculous* tadi. Oleh sebab itulah, kalau kita mahu serius, bukan untuk saya, bukan untuk Ketua Pembangkang. Akan tetapi untuk kita semua. Untuk satu sistem yang boleh berjaya untuk mencegah rasuah. Kalau kita mahu sistem serius, sepatutnyalah satu *Special Parliamentary Committee* untuk pencegahan rasuah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Fasal 14 – Pindaan:

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang meneruskan dengan pindaan ini sebab saya menyokong pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur yang lebih menyeluruh. Saya tarik balik pindaan untuk fasal 14 dan menyokong.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Ipoh Timur sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang pindaan dibawa oleh Yang Berhormat Subang tidak payah sebab dia tarik balik. Sila Yang Berhormat Kepong. *[Dewan riuh]*

6.15 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya tunggu dia senyap sedikitlah.

Tuan Pengerusi: Kalau tunggu mereka senyap, mereka tidak akan senyap Yang Berhormat. Teruskan sahaja macam Yang Berhormat Ipoh Timur tadi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Takkan senyapkah?

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu teruklah itu. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, pindaan ini adalah penting kerana di dalam pengalaman, saya menyertai jawatankuasa sama ada di negeri Selangor Darul Ehsan selama tiga penggal dan di Dewan Rakyat juga panjangnya beberapa penggal. Biasanya saya mendapati bahawa Ahli-ahli Parlimen, kalau daripada Barisan Nasional... *[Disampuk]* Ha, termasuk Yang Berhormat Sri Gadinglah itu. Kadang-kadang mereka mempunyai pendapat yang tertentu, mempunyai fikiran yang terbuka.

Akan tetapi apabila membuat keputusan, masalah timbul. Kadangkala dia tidak berani. *[Disampuk]* Dia tidak berani. Yang Berhormat Kota Tinggi benar-benar dia tengok di luar. Dia bagi saya tahu, *"Oh, ini tidak boleh terimalah. Sungguh teruk sekali."* Akan tetapi di dalam *[Disampuk]* Tak itu masalah. Yang Berhormat Jeli tahu sahaja. Saya kata tadi, kata tak mahu sokong. *[Disampuk]* Ha? *[Disampuk][Ketawa]* Bukan saya cakap yang

benar. Saya cakap yang benar. Serius satu, kerana kita bincang rang undang-undang ini sekarang dengan serius.

Kalau kita ada tujuh ahli Parlimen, memang ketuanya mestilah memang daripada Ahli Parlimen veteran pembangkang. *[Disampuk]* Kalau ketua itu daripada Barisan Nasional, teruklah itu. Memang teruk. Dia tak berani. Ini mestilah Yang Berhormat Padang Terap, Padang Rengas bukan Terap itu. Terap itu untuk burung. Dia bukan, dia getah. Bersandarkan dengan batang rengas. *[Disampuk]* Bukan, bukan buang masa. Ini bukan buang masa. *[Disampuk]* Tidak baiklah itu Kuala Kurang itu, Krau tidak tepatlah.

Tuan Pengerusi: Fokus daripada pindaan, Yang Berhormat Kepong. *[Dewan riuh]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya..

Tuan Pengerusi: Sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Padang Rengas, kita timbang kerana Yang Berhormat Padang Rengas, beliau tidak mempunyai pengalaman mengenai Ahli-ahli Parlimen yang membuat keputusan. Memang tidak kerana beliau daripada Barisan Nasional sahaja. Beliau tidak begitu insaf bahawa apabila hendak membuat keputusan terhadap sesuatu perkara, kalau Barisan Nasional memang memihak kepada Barisan Nasional. Kalau tidak betul pun, dia kata betul. Inilah masalah. *[Disampuk]* Sebab itulah saya menyeru supaya Yang Berhormat Padang Terap itu, Padang Rengas bukan terap. *[Ketawa]* Dia bukan burung, dia getah. *[Dewan riuh] [Disampuk]* Kita senyap sedikitlah itu. Tuan Pengerusi..

Tuan Pengerusi: Saya cukup bersabar Yang Berhormat. Belum lagi Yang Berhormat fokuskan kepada pindaan 14. *[Dewan riuh]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Senyap sedikit, saya teruskanlah. Yang Berhormat Padang Rengas, kita pemimpin pembangkang. Kalau kita hendak tujuh Ahli Parlimen yang boleh memainkan peranan yang berkesan, patut kita terima pindaan ini. Jadikan ahli pembangkang sebagai ketua. *[Disampuk] [Ketawa]*

■1820

Kalau tidak Jawatankuasa Parlimen tidak bermakna. Tidak bererti langsung. Di dalam lebih dua dekad saya memang nampak tidak berani, Ahli-ahli Parlimen memang tidak berani untuk mengundi mengikut perasaan hati nuraninya, tidak.... *[Disampuk] [Ketawa]* Yang Berhormat Sri Gading, saya bagi satu contoh. Kadang-kadang dia baik juga, kerana dia luahkan perasaan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Sri Gading selalu baik.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia belum makan tengah harilah saya ingat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Hati nurani. Akan tetapi saya tidak pernah nampak dia di dalam jawatankuasa lagi. Saya tidak tahu sama ada dia berani untuk mengambil pendirian yang benar-benar jujur dan ikhlas. Saya boleh kata kalau kita tidak menerima pindaan ini, jawatankuasa untuk Parlimen bagi maksud undang-undang tidak bererti. Memang tidak bererti kecuali kita mempunyai semangat dwipartisan. Kalau Yang Berhormat benar-benar serius di dalam pembentangan rang undang-undang ini, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat Pasir Mas.

6.22 ptg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Pengerusi, saya tidak panjang. Apabila saya melihat cadangan pindaan ini, memang ada baiknya dan kalau boleh dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Cuma tinggal lagi cadangan pindaan fasal 14(2) ini

dicadangkan pengerusinya Ahli Ketua Pembangkang daripada pembangkang. Jadi hendak adillah, supaya BN tidak pembangkang tidak, pilih BEBAS, sekian terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Sila Menteri.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Pengerusi, sedikit.

6.22 ptg.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih. Saya juga ingin membincangkan tentang pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Ipoh Timur ini. Saya merasakan Tuan Pengerusi, pindaan ini tidak membawa apa-apa kelebihan daripada apa yang ada dalam rang undang-undang ini. Pertamanya ialah apa jaminan yang kita dapat daripada Yang Berhormat Ipoh Timur jika ada satu Jawatankuasa Khas *Select Committee* yang dibentuk di bawah Parlimen bahawa jawatankuasa ini tidak diperlekehkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya salah seorang daripada ahli PAC, salah satu jawatankuasa yang dibentuk dalam Parlimen yang mempunyai kuasa yang begitu besar, membuat *public hearing* dan sebagainya dan setiap kali keputusan dibuat oleh PAC satu jawatankuasa Parlimen diperlekehkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur.

Kalaulah cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ipoh Timur itu meminta supaya jawatankuasa dibuat, saya percaya kalau kita mengikutnya norma-norma Parlimen, Pengerusi Jawatankuasa PAC itu adalah datangnya daripada Parlimen. Kalau itulah terjadi, maka bentuknya juga tidak akan diterima pakai oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. Cadangan tadi ada yang mengatakan bahawa jawatankuasa ini diberi kepada Ketua Pembangkang. Saya juga tidak setuju kerana kalau diberi kepada Ketua Pembangkang apa sebenarnya jaminan yang boleh diberi oleh Yang Berhormat Timur jika katalah Yang Berhormat Ipoh Timur menjadi *chairman*.

Kalau Yang Berhormat Bagan dibawa dituduh rasuah dan beliau boleh berlaku adil dalam memantau kerja-kerja Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ini, sama juga ceritanya. Jadi itu sebabnya saya mengatakan bahawa jawatankuasa ini tidak perlu diletakkan, tidak memberi apa-apa kelebihan, walaupun mungkin boleh dibuat tetapi tidak memberi apa-apa kelebihan kepada apa yang dikatakan rang undang-undang di sini.

Saya ingin katakan sebagaimana yang dikatakan sebelum ini, saya rasa Yang Berhormat Ipoh Timur berniat jahat ataupun ingin mengelirukan Dewan. Dia tidak serius. Yang Berhormat Kepong mengatakan perbahasan ini serius. Saya rasa Yang Berhormat Ipoh Timur tidak serius, dia cakap tidak serupa bikin. Saya ingin tanya di Kedah yang dikuasai ini Pakatan Rakyat, siapa Pengerusi PAC? Kalau di sini selalu Yang Berhormat Ipoh Timur mengatakan bahawa sepatutnyalah Jawatankuasa PAC ini dipengerusikan oleh pembangkang, tetapi di Kedah, di Selangor, di Perak semuanya di bawah Pakatan Rakyat. Okeylah, katalah Yang Berhormat Ipoh Timur dia tidak boleh *control* PKR dan PAS, di Pulau Pinang *under* dia. Kenapa dia tidak boleh melakukan ini dahulu dalam keadaan di negeri yang dikuasainya. Jadi saya rasa Tuan Pengerusi saya tidak setuju kerana Yang Berhormat Ipoh Timur tidak serius dalam pindaan ini, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Menteri.

6.25 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Pertamanya saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Belud yang telah menjawab sebahagian daripada apa yang berbangkit. Cuma Yang Berhormat Kepong saya tidak ada apa-apalah cuma pantun dua kerat sahaja.

Ikan kembung ikan kerapu;

Wakil Kepong kuat merapu.

[Ketawa]... Itu sahaja. Fasal 14 Tuan Pengerusi, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur iaitu menggantikan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah dengan Jawatankuasa Parlimen Mengenai Rasuah, saya telah bincang dengan begitu memberi

penjelasan waktu dasar menggulung tadi. Jadi tidak perlu saya bangkit lagi, dan kita tidak bersetuju kerana juga fungsinya jelas melalui terma, rujukan di bawah fasal 14(1) (2)(*b*), (*c*), dan (*d*). Walau apa pun, komposisi jawatankuasa ini jelas di bawah fasal 14(3) adalah terdiri daripada Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Berkenaan dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, pindaan fasal 14(2), cadangan untuk ahli-ahli jawatankuasa menggambarkan perwakilan di Parlimen dan diketuai oleh seorang ahli pembangkang tidak dirasakan wajar.

Cadangan ini telah dijawab oleh ramai Ahli Parlimen terutamanya Ahli Parlimen Kota Belud sebentar tadi pun lagi membangkitkan perkara ini. Adalah wajar untuk keanggotaan termasuk Ahli Parlimen pembangkang dibuat secara konvensyen, maka tidak perlu dibuat pindaan seperti cadangan ini, kerana secara dipersetujui dan hendaklah wakil daripada pembangkang turut serta dalam Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah ini. Berkenaan dengan fasal 14(3) dan 14(4), cadangan memotong fasal 14(3) dan 14(4) tidak dipersetujui. Peruntukan dasar ini diperlukan untuk menjelaskan tentang keahlian dan tempoh jawatan diperlukan. Kita juga tidak bersetuju dengan cadangan yang dibuat untuk fasal 14(5) oleh Yang Berhormat Ipoh Timur kerana kita merasakan apa yang telah ada itu cukup dan memadai, terima kasih. Kita tidak setuju.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan. Masalah dikemukakan kepada Majlis bagi diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan.

Fasal 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 15 (Pindaan):

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Subang.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dengarlah dahulu, selepas dengar boleh bercakap... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan lupa kepada Peraturan 41.

6.28 ptg.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi, pindaan yang saya cadangkan ini adalah berdasarkan daripada alasan yang saya sebutkan tadi. Saya baca pindaan dahulu. Pindaan yang dicadangkan adalah untuk menambahkan pada seksyen 15 perenggan 3(3), *"Jawatankuasa Aduan hendaklah membuat laporan tahunan mengenai penganiayaan fungsinya pada Perdana Menteri yang hendak membentangkannya sesuatu saliran laporan tahunan itu di hadapan setiap Majlis Parlimen".* Alasannya adalah yang saya selalu sebutkan tadi, peruntukan seksyen 15 untuk *Complaints Committee* memang satu cadangan yang baik, satu mekanisme pemantauan yang perlu dan itu disokong. Masalah yang ada sekarang Parlimen tidak ada apa-apa cara untuk memantau jawatankuasa ini, tahu apa yang dilakukan oleh jawatankuasanya dan sebab itu saya cadangkan kita wajibkan Jawatankuasa Aduan itu buat satu laporan tahunan dan dibentangkan di mana Perdana Menteri akan membawa laporan itu dan dibentangkan di Parlimen.

■1830

Tadi Yang Berhormat Menteri telah berkata, kita ada terlalu banyak laporan. Bagi saya, membaca laporan sebenarnya bukan jadi satu masalah untuk Ahli Parlimen. Adalah lebih baik kalau proses perjalanan Jawatankuasa Aduan ini dijadikan lebih telus dan melalui laporan tahunan mereka, kita akan tahu lebih dengan apa yang dilakukan oleh mereka, adakah dibuat dengan betul, adakah cara yang boleh kita perbaiki dan ini akan membantu Parlimen dan juga melalui Parlimen membantu negara membanteras masalah rasuah yang adalah tujuan utama rang undang-undang ini.

Jadi itulah alasan saya untuk mencadangkan kita menambahkan tanggungjawab Jawatankuasa Aduan ini dengan mewajibkan mereka membuat laporan tahunan ini dan bentang di Parlimen ini. Dan itulah cadangan saya. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sila Ipoh Timur.

6.31 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk menyokong pindaan ini, sangat pendek sahaja. Yang Berhormat Menteri kata kita mengikut perundangan yang ada di Hong Kong, ICAC dan lain-lain. Kalau begitu kenapa dalam perkara ini tidak mengikuti *law* yang ada di Hong Kong, oleh sebab mengikut bukan sahaja amalan di Hong Kong tetapi mengikut peruntukan-peruntukan di Hong Kong. *Complaints Committee* yang ada pun perlu diwajibkan untuk membuat laporan tahunan. Sebenarnya ini kita boleh *access* di *internet*, laporan tahunan *Complaints Committee* ICAC. Kenapa ini kita tidak ikut? Kalau kita mahu ikut apa yang baik dari Hong Kong ICAC, kita perlulah ada peruntukan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat daripada Subang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Belum lagi Yang Berhormat, Yang Berhormat Tumpat seorang lagi.

6.32 ptg.

Dato' Kamarudin Jaafar [Tumpat]: Tuan Pengerusi, saya juga bangun untuk sama-sama dengan Yang Berhormat Subang dan Yang Berhormat Ipoh Timur sebentar tadi menyokong cadangan supaya ditambah perenggan yang memerlukan Jawatankuasa Aduan ini membuat laporan kepada Perdana Menteri yang mana laporan yang sama dibentangkan di Parlimen. Ini saya fikir konsisten dengan amalan cadangan daripada rang undang-undang ini berkaitan dengan jawatankuasa dan lembaga-lembaga yang diwujudkan yang lainnya.

Misalnya untuk Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah dikatakan di sini, untuk meneliti laporan tahunan Suruhanjaya sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah. Maknanya daripada jawatankuasa ini, dibuat laporan dihantar kepada Jawatankuasa Khas. Jawatankuasa Khas pula hendaklah membuat laporan tahunan mengenai penilaian fungsinya kepada Perdana Menteri yang hendaklah membentangkan suatu salinan laporan tahunan itu terhadap setiap Majlis Parlimen. Maknanya Jawatankuasa Lembaga Penasihat ini pun ada laporan tahunan yang akhirnya sampai kepada Parlimen, Jawatankuasa Khas ini pun ada laporannya yang akhirnya sampai kepada Parlimen.

Jadi kalau Jawatankuasa Aduan pula ada laporan ke Parlimen, barulah Parlimen dapat gambaran yang sepenuh-penuhnya tentang perjalanan suruhanjaya yang baru ini. Kalau tidak laporan yang Parlimen dapat ada, tetapi tidak mencukupi untuk mendapat gambaran yang sepenuhnya tentang keseluruhan perjalanan suruhanjaya yang semua kita anggap penting ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

6.34 ptg.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin berdebat tentang pindaan ini. Saya rasa walaupun apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Subang ini adalah bagus tetapi sekali lagi tidak menambah apa-apa kebaikan kepada rang undang-undang yang sudah sedia ada.

Saya melihat Tuan Pengerusi, sejak menjadi Ahli Parlimen lapan bulan ini, apa pun dalam publikasi ataupun *publication* yang ada di negara kita ini dibawa masuk ke dalam Dewan ini untuk dibentangkan. Tidak semestinya laporan ataupun buku itu dibawa ke Parlimen secara rasmi. Saya melihat contohnya *blog*, laporan-laporan *blog*, laporan-laporan surat khabar, *even* invois, semuanya dibawa di sini untuk dibawa berbincang. Jadi saya tidak melihat ini adalah satu kelebihan yang boleh memperkasakan lagi Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2008 ini terutamanya fasal 14 ataupun fasal 15 yang telah dibentangkan tadi.

Saya juga ingin memberitahu bahawa kadang-kadang ada juga perkara-perkara, laporan-laporan yang dibuat seperti laporan polis. Kadang-kadang kita membuat laporan polis tentang rasuah terhadap seseorang individu. Dalam Akta Pencegahan Rasuah 1997, kita tidak seharusnya mendedahkan nama orang yang kita tuduh itu, tetapi kadang-kadang saya melihat ada sesetengah pihak di dalam Parlimen ini membawa laporan polis itu dan dibawa untuk dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini. Walaupun melanggar peraturan Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang mana nama dan juga identiti seseorang itu tidak boleh dikeluarkan, dihebahkan selagi tidak ada pendakwaan.

Jadi saya tidak melihat apa-apa kekuatan dalam hujah yang dibawa oleh Yang Berhormat Subang dalam meminda fasal 15 ini Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Boleh minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kota Belud? Penjelasan dengan izin, Tuan Pengerusi. Fungsi *Complaints Committee* atau Jawatankuasa Aduan jelas, *to monitor the handling* dengan izin Tuan Pengerusi, "*to monitor the handling by the Commission of complaints of misconduct which is non-criminal in nature against officers of the Commission".* Jadi orang mengadu ada *misconduct* dan kelemahan.

Kedua, *weaknesses in the word procedures.* Apa salah kita wajibkan mereka menulis laporan dan bentangkan di sini, kita tahu dan kita boleh perbaiki. Jadi, minta maaf saya kurang faham, tadi Yang Berhormat Kota Belud kata tidak ada kelebihan. Bagi saya, kelebihan ternyata dalam cadangan ini. Jadi saya minta dipertimbangkan dan minta penjelasan kenapa tidak melihat, tidak ada kelebihan dalam cadangan kita menerima satu laporan apabila orang mengadu kepada *committee* ini ada *misconduct.* Dan ada baiknya kita menerima satu laporan tentang itu dan untuk memperbaiki pengendalian institusi ini.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Kota Belud pendekkan respons itu kerana saya pun tidak nampak kelebihannya kerana selepas ini akan juga diundi. Sila.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pada awal hujahan saya tadi saya mengatakan bahawa pindaan ini baik, semangatnya baik, tetapi tidak menambah kebaikan kepada ini kerana saya berhujah bahawa apa-apa pun *publication* yang ada di dalam Malaysia ini termasuklah juga laporan ini boleh dibaca oleh setiap individu, kerana ia akan menjadi *public domain* kerana saya tidak mendengar hujah daripada Menteri yang mengatakan laporan-laporan ini adalah laporan-laporan yang disembunyikan. Jadi saya mengatakan bahawa laporan-laporan ini juga boleh dibawa untuk berbincang dan dibaca oleh sesiapa tanpa perlu dibawa masuk secara rasmi ke dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila.

6.38 ptg.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, cadangan daripada Yang Berhormat Subang ini supaya laporan ini dibentangkan di hadapan Majlis Parlimen dirasakan tidak wajar, kerana fungsi Jawatankuasa Aduan adalah memantau aduan yang tidak bersifat jenayah. Sebagai contoh maknanya mengapa satu tindakan tidak diambil sebagai contoh. Jadi kita perlu kepada kerahsiaan dan mungkin ada sebab-sebab yang betul-betul *valid,* yang tidak sepatutnya dakwaan dibuat, tetapi kalau ianya dilaporkan di Parlimen, maka semua orang tahu bahawa dia ini kena dakwa.

Jadi sebab itu dalam soal kerja mereka ini perlu kepada kerahsiaan. Sebab itu kita tidak boleh membenarkan supaya perkara ini dibentangkan atau mereka membuat laporan, sebab mereka hanya memantau sahaja, mengapa tidak begitu. Jadi kerahsiaan itu adalah penting. Maka oleh sebab itulah untuk berlaku adil kepada yang mereka tidak sepatutnya pada peringkat awalnya didakwa. Jadi sebab itu kita hendak menjaga kerahsiaan perkara ini, adalah tidak wajar untuk kita mengerahkan mereka untuk membuat laporan. Maka oleh sebab itu kita tidak bersetuju.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Tak payahlah Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Minta penjelasan sikit sahaja. Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja. Kita juga dapat pembentangan daripada SUHAKAM kes-kes yang

disiasat. Adakah bermakna semua orang yang di suspek sebagai pelanggar hak asasi manusia didedahkan di sini dan menjejaskan imej mereka? Tidak, dalam laporan SUHAKAM ini tidak terkandung orang-orang yang suspek. Saya ingin mendapat penjelasan

■ **1840**

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu kes hak SUHAKAM dia kes orang yang katalah didakwa terlibat dengan kes *prima facie* kerana terlibat melanggar hak asasi manusia tetapi ini kes rasuah. Kalau orang itu dia tidak bersalah dan tidak ada kes yang hendak didakwa, mengapa perlu dipamerkan nama dia kepada orang ramai walhal tidak ada kes terhadap dia.

Sebab itu dalam hal rasuah ini, dia punya stigmanya adalah begitu kuat. Jadi sebab itu kepada kita, kita juga mesti berlaku adil kepada mereka yang tidak bersalah. Sebab itu kita merasakan kerahsiaan ini perlu dipertahankan dan kita tidak bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Subang.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan.

Fasal 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 16 (Pindaan):

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, saya cadang pindaan fasal baru 16(A) yang berbunyi, 16(A) pemilikan harta yang tidak dapat diperjelaskan; pertama, sesiapa yang merupakan atau pernah menjadi pegawai badan awam (a) mengekalkan standard kehidupan melebihi taraf emolumen masa sekarang atau selepasnya atau (b) menguasai sumber-sumber kewangan atau harta yang tidak selaras dengan emolumen rasmi masa sekarang atau selepasnya, melakukan sesuatu kesalahan melainkan jika beliau memberikan penjelasan yang memuaskan kepada pihak mahkamah mengenai cara bagaimana beliau mencapai standard kehidupan tersebut atau bagaimana sumber-sumber kewangan atau harta berkenaan berada di bawah kawalannya.

Tuan Pengerusi, saya menganggap ini sebagai satu lagi peruntukan tapi betul kalau kita mahu rang undang-undang di hadapan kita menjadi satu undang-undang yang berkesan untuk membanteras rasuah sebenarnya inilah peruntukan ini dipetik daripada *Anti Bribery Ordinance* di Hong Kong dan itulah sebenarnya ciri utama di mana Hong Kong begitu berjaya untuk menghapuskan rasuah.

Sesiapa yang ada *unexplained wealth* ialah perlu dibawa ke mahkamah untuk menghadapi tuduhan bahawa *unexplained wealth* ialah berpunca daripada cara-cara yang tidak sah selain daripada beliau boleh memberi penjelasan yang memuaskan dan inilah sangat jelas kalau kita ada rang undang-undang ini, kita adalah satu *major breakthrough* untuk mengadakan satu sistem untuk membanteras rasuah.

Kita tahu dalam tanah air kita ada orang-orang yang bergaji RM2,000 sebulan tetapi *life style* beliau, *ostentatious life style* atau harta kekayaan luar biasa semacam orang seorang yang boleh mendapat RM50,000 atau RM100,000 sebulan, bukan RM2,000 sebulan. Sangat ketara, sangat *evident, obvious* tetapi tidak ada tindakan diambil.

Sungguhpun ada peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini semacam dalam undang-undang yang lepas di mana pihak penyiasat boleh menuntut satu penjelasan mengenai segala harta benda tetapi ini dalam satu keadaan yang spesifik apabila penyiasat-penyiasat ada menjalankan siasatan dan percaya bahawa ada kesalahan.

Satu *prima facie* kesimpulan bahawa satu kesalahan ada dibuat selepas satu penyiasatan tetapi tidak ada peruntukan di mana *unexplained wealth on its own* ialah bersih *corruption* selain daripada adalah penjelasan yang memuaskan. Ini sangat mustahak oleh kerana saya percaya kalau ada peruntukan ini tentulah kita boleh lompat ke tangga

Corruption Perception Index yang tertinggi dan satu sebab kenapa *National Integrity Plan* lima tahun yang dirancangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri 2004, bahawa dalam lima tahun kita akan memperbaiki kedudukan kita dengan izin, *National Integrity Plan* bahawa *international rating, the score 5.2 for Malaysia the year 2003 will be improved to at least 6.5 by 2008 and the ranking on Malaysia will be improved from 37 to at least 35 position* akan tentu dicapai tetapi sekarang tidak dicapai bukan sahaja 5.2 tidak boleh capai.

Kita sudah 5.1, tangga kita 47 oleh kerana tidak ada peruntukan ini. Kita tengok ada orang yang memegang jawatan Menteri Besar, selepas dua tempoh, dua *terms* sahaja, kekayaan luar biasa, berapa? Bukan berpuluh-puluh juta, bukan beratus-ratus juta tetapi berbilion-bilion, RM2 bilion, RM3 bilion. Dua *terms* sahaja Menteri Besar tetapi ada orang kata itu bukan yang terkaya sekali, ada lain orang yang menjadi Menteri Besar lebih 10 tahun, dua kali kekayaan.

Mungkin RM6 bilion, RM7 bilion, itu berbilion-bilion ringgit. *This* kita semua tahu, kita tidak tahu sebenarnyalah sama ada Menteri Besar A ada RM2 bilion, Menteri Besar B ada RM6 bilion tetapi kita tahu mereka ada kekayaan yang luar biasa, tidak boleh habis bergenerasi. Kalau ini menjadi bukti bahawa mereka sudah melanggar *Corruption Act,* dibawa ke mahkamah, dipaksa untuk beri penjelasan, sumber kekayaan mereka daripada *legal or illegal means,* saya percaya masalah *corruption will be broken*. Sebenar saya tidak tahulah kalau ada undang-undang ini berapa orang Ahli-ahli Parlimen pun akan dibawa ke mahkamah, saya tidak tahu.

Mungkin ini sebab itu kali ini sangat diamlah. Mungkin sangat diam kali ini mereka lupa tadi yang dahulu, saya tidak tahu. Siapa berani berdiri berkata bahawa kekayaan mereka, rela pergi mahkamah untuk memberi sebab *legal or illegal means*. Sebab itu saranan dan peruntukan ini sangat maha kuasa, *very powerful, very potent* tetapi kita serius yang mahu membanteras rasuah, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Belum lagi Yang Berhormat, duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

6.40 ptg.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Akta Pencegah Rasuah 1997 sebagai latar belakangnya kerana ia hanya mengulangi peruntukan yang sedia ada. Tatkala membentangkan, saya percaya Menteri membentangkannya di Dewan Negara.

Kita mentafsirkan *offences and penalties* ini tatkala menerima atau *accepting gratification* dan juga 17 dan 19 ini sebelum menyebut tentang pindaan yang dicadangkan. Itu bermaksud dengan jelas, semua kekayaan, keuntungan diperoleh tatkala kita memegang jabatan dan dalam penjelasan Badan Pencegah Rasuah ketika itu yang kita kemukakan di Parlimen, kita bermaksud mana-mana harta atau keuntungan atau faedah yang diperoleh masih boleh dipertikai sekiranya dibuktikan keuntungan dan faedah itu diambil tatkala seorang itu memegang jabatan, pegawai ataupun pemimpin.

■ 1850

Jadi apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur itu sebenarnya hanya memperjelaskan apa yang disebut. Tidak ada percanggahan sama sekali. Saya masih ingat kerana Yang Berhormat Menteri pun tahu bahawa inilah yang dianggap peruntukan yang paling *controversial* dalam seluruh pembentangan pada tahun 1997 iaitu kerana cadangan Badan Pencegah Rasuah pada ketika itu tidak mengehadkan waktu atau tempoh. Maknanya kesalahan itu bukan semasa dia memegang jabatan tetapi kesalahan itu terpakai kalau terbukti bahawa kekayaan itu terkumpul semasa memegang jabatan dan hanya dikenal pasti kemudiannya.

Saya ingat pasti bahawa oleh yang demikian, pada ketika itu kita fikirkan tidak perlu penjelasan seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. Akan tetapi memandangkan pengalaman kita sekian lama, peruntukan ini malah tidak pun menjadi satu perkara baru melainkan untuk memperjelas bahawa inilah maksud kita.

Gratification, faedah*, remuneration* yang berlebihan yang dipunggah tatkala seseorang itu berkuasa, yang tidak dikenal pasti pada ketika umpamanya. Kalau seorang penjawat jawatan awam kemudian menyimpan dananya di Switzerland dan diam selama beberapa tahun. Kemudian hanya dikenal pasti lima tahun kemudian dan dia boleh mengatakan wang itu hanya di kumpul setelah dia berhenti dari jabatan.

Akan tetapi badan penyiasatan suruhanjaya kalau mengenal pasti bahawa dana atau keuntungan itu diperoleh semasa dia memegang jabatan, dia masih boleh didakwa. Dia dianggap satu kesalahan. Pada fahaman saya, ini memang maksud undang-undang yang ada dalam Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan peruntukan yang sama memang diulang dalam suruhanjaya sekarang ini. Cuma saya mahu menyokong cadangan pindaan ini, kerana pindaan ini adalah membantu menjelaskan apa yang kita maksudkan sejak dulu lagi dan memang diterima pakai.

Tuan Yang di-Pertua, ini penting kerana penjenayah besar dari segi perasuah sekarang ini, seperti yang berlaku juga di mana-mana dalam dan luar negara ialah orang yang menggunakan kekayaan mengumpul dan menyimpan di akaun-akaun luar. Sebab itu dana terkumpul seperti mana bank di Switzerland, itu menjadi isu yang besar. Di negara Afrika, pemimpin Nigeria, Abacha, bila dia berhenti, terkumpul 20 bilion dolar di merata bank di Paris termasuk juga di Switzerland. Akan tetapi semasa berkuasa orang tidak dapat mengenal pasti.

Jadi oleh yang demikian, kita janganlah pandang remeh oleh kerana kebetulan yang mencadangkan itu ialah Yang Berhormat Ipoh Timur. Ini kerana semua kita bangun berucap menentang rasuah dan menyokong inisiatif ini diambil. Oleh yang demikian saya tidak fikir terlalu sukar kalau kita betul-betul hendak efektif. Orang tahu semasa suruhanjaya ini cukup perkasa dengan undang-undang, tatkala kita memegang jawatan, semua teliti.

Jadi oleh yang demikian, peraturan dan cara kaedah pelaksanaan juga lebih canggih dan lebih sofistikated dan menyimpan dana di luar; dan kita tahu dalam rekod bila dicabar dulu. Ada pemimpin-pemimpin negara kita yang tidak sanggup disiasat atau menafikan bahawa ada dana besar di luar negara. Oleh yang demikian, sangat penting...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saudara boleh bangun dan boleh ulang. Saya boleh jawab. Yang Berhormat Rompin. Saya minta Yang Berhormat Rompin bangun! Saudara sebut, saya cakap. Saya hendak beritahu kalau ada akaun di luar…

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Bukan saya sebut. Saya tengah membaca buku. Apa ini!

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tidak sebut, duduk. Okey, saya tarik. Saya minta siapa yang cakap bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya bangun, saya akan tanya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Sama-sama. Saya tidak ada masalah.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sebab soal ini Tuan Yang di-Pertua soal serius. Kita…, terima kasih, terima kasih. Sebab soal ini soal serius. Saya tidak kalau saudara cabar.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: IKD kata bukan saya. Terima kasih IKD.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kalau sudah gunakan ruang, Tuan Yang di-Pertua minta cabar suruh saya sebut, saya tuding nama, saya sedia. Jangan cabar saya seperti itu. Ini perkara serius. Perkara orang memunggah kekayaan berbilion kemudian bercakap soal anti rasuah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sebut perkara ini kerana seperti mana Yang Berhormat Menteri tahu, ini perkara maknanya satu kesalahan umum, satu jenayah besar yang dilakukan oleh orang yang berkuasa tetapi mengelak daripada disiasat. Maka menyimpan diam-diam di luar. Kemudian mengadakan satu rangkaian institusi kewangan seluruh dunia, boleh melabur di merata tempat, di seluruh dunia dan hanya memperkayakan anak-anak pinaknya menjadi *billionaire* belaka kemudian bicara soal anti rasuah dan menyerang kalangan lain. Sebab itu saya katakan harus diperjelaskan.

Saya tidak mahu nafikan ataupun menolak penjelasan Yang Berhormat Menteri bahawa sebenarnya peruntukkan itu membolehkan sekarang ini tetapi ia agak samar. Undang-undang ini harus jelas dan harus menakutkan penjenayah besar. Oleh sebab itu kalau dimasukkan peruntukan ini, memperjelaskan lagi sedikit, ia sendirinya menunjukkan bukan saja kepada kita di negara kita, tetapi juga seluruh dunia bahawa di Malaysia kita kenal pasti masalah ini dan kita tidak mahu masalah ini berulang.

Oleh sebab itu saya pohon dalam menyokong hampir semua peruntukan dalam suruhanjaya baru ini. Hampir semua kita sokong bahkan mengucapkan tahniah setingginya kepada Perdana Menteri. Saya minta hanya diperkemas dengan yang kita anggap peruntukan yang perlu menjelaskan satu peruntukan yang dianggap dan mungkin ditafsirkan selari dengan apa yang disebut dalam cadangan pindaan tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya cuma benarkan dua orang lagi. Selepas itu saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Ini kerana bagi saya penjelasan Yang Berhormat Ipoh Timur dan apa yang telah diperjelaskan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh sudah cukup jelas untuk kita membuat pendirian.

Sila Yang Berhormat Kuala Selangor.

6.57 ptg.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak mahu berhujah panjang Tuan Pengerusi. Atas semangat untuk membanteras rasuah di negara ini Tuan Pengerusi, kita mula dengan sikap *bipartisan* dengan menyokong usul pindaan ini dengan sama-sama kita berikan sokongan yang tidak berbelah bagi demi anak cucu masa depan negara dan seluruhnya... *[Tepuk]* Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Selepas Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, saya mahu Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.58 mlm.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya pindaan peruntukan ini adalah satu pindaan yang amat penting sebab Perdana Menteri sendiri pun pernah kata selepas pilihan raya yang lalu di mana tsunami politik telah berlaku. Perdana Menteri sendiri berkata bahawa *ministers,* mengikut laporan *The Star* dan *Bernama* pada 18 Mac, dengan izin, saya membaca sedikit petikan, *"Prime Minister, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi wants all Ministers in the new Cabinet and Deputy Ministers to declare their assets publicly. "I want their assets to be known to the public that is important". Bernama reported him as saying..*

Itu adalah satu langkah yang pertama tapi sampai hari ini belum dapat kita tahu apakah *declaration* yang telah dibuat oleh apa-apa *minister* ataupun *deputy minister* sehingga hari ini. Sudah berapa bulan? Sudah dekat sembilan bulan, *and state minister.* Sudah sampai hari ini masih tidak ada kesan. Akan tetapi itu adalah langkah pertama saja. Itu adalah langkah pertama saja selepas *declaration* dibuat. Kalau katakan saya mengemukakan bahawa saya ada RM3 bilion. Macam mana Menteri gaji setiap bulan RM15,000 atau RM20,000 boleh dapat RM3 bilion punya *wealth.* Apa akan jadi?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Bapa kaya!

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Kecuali bapa kaya. Namun, berapa ramai yang bapa kaya macam Yang Berhormat Rompin ini?... *[Ketawa]* Ramai tidak?

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Selamat Yang Berhormat Rompin, selamat. Akan tetapi kalau tidak ada satu peruntukan dalam undang-undang yang kita ada hari ini, MACC bill hari ini...

■1900

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Hendak berdiri tidak?

Tuan Pengerusi: Teruskan, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Okey, kalau kita tidak ada satu peruntukan dalam bil kita supaya Menteri-menteri, *deputy minister* dan juga siapa-siapa pegawai di kawasan negeri dan juga Persekutuan, tidak ada peruntukan seperti itu, kita tidak dapat caj sesiapa yang nampaknya *accumulated wealth in that illegal…*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya cuma hendak berkongsi rasa sakit kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat apa ini, berucap atau mencelah?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Mencelah, mencelah. Saya minta penjelasan mengenai fasal baru, 16(c).

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sekejap Yang Berhormat, sekejap.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sekejap ya, boleh? Saya teringat satu peraturan yang hampir yang sama kita pernah amalkan semasa kita hendak melihat justifikasi pengumpulan harta di kalangan orang-orang yang pernah dituduh di bawah kesalahan penyiasatan cukai. Kita kenakan kepada orang yang dituduh atau disyaki ini untuk mengisi *capital statement.* Apabila sahaja kita kenakan peraturan kita dapat lihat justifikasi harta terkumpul dengan keupayaannya mengumpul. Daripada situ kita boleh dapat beberapa justifikasi tentang kedudukan aset-aset ataupun keupayaan untuk mengumpul aset. Saya rasa perkara ini memang dibimbangkan oleh banyak orang tetapi kita ada pelbagai perkara seperti konsesi dalam *capital statement* dan sebagainya. Macam mana Yang Berhormat Petaling Jaya Utara? Terima kasih.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya setuju bahawa ini juga adalah pendapat Perdana Menteri sendiri sebab selepas pilihan raya dia telah membuat satu kenyataan sebegitu. Setiap Menteri dan *deputy minister* seperti yang diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, semua mesti membuat *declaration of assets* secara terbuka.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Oleh itu saya harap bagi pindaan peruntukan ini disokong oleh semua Ahli-ahli Dewan ini terutamanya kesemua Ahli-ahli Dewan Parlimen ini yang dil luar Dewan selalu menyerukan bahawa sekarang Malaysia memerlukan satu peruntukan untuk membanteras rasuah di negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya habiskan Yang Berhormat.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Jangan kata di luar satu tetapi buat dekat dalam yang lain. Senang sahaja kita hendak membanteras rasuah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masa habis Yang Berhormat, masa habis.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Oleh itu saya harap semua akan menyokong pindaan ini dan kita akan ada satu Malaysia yang lebih bersih untuk semua rakyat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

7.03 mlm.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu Yang Berhormat Ketua Pembangkang, kita tidak memperlekehkan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. Namun saya merasakan apakah Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan juga Yang Berhormat Ipoh Timur tidak baca secara keseluruhan akta ini. Malah apa yang disediakan oleh kita itu jauh lebih baik daripada cadangan pindaan 16(a) ini. Kalau Yang Berhormat tengok, 16 ada kaitan dengan soal kesalahan menerima suapan tetapi kalau Yang Berhormat tengok bawah muka surat 40, fasal 36, cadangan daripada kita empat muka lebih baik lagi daripada 16(a) kerana 16 ini bercakap tentang suapan.

Akan tetapi bawah 36, cuba saya baca. "Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis Pesuruhjaya boleh menghendaki: (a) orang itu supaya memberikan pernyataan bertulis, 6 dan (b) semua ini dan kalau gagal kita tidak perlu bukti suapan. Kalau dia gagal, tidak dapat memberikan penjelasan yang memuaskan bagi lebihan kekayaan itu. Dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai lebihan itu jika lebihan itu dapat dinilai atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Jadi Yang Berhormat janganlah tuduh saya tidak serius. Macam mana saya hendak serius Yang Berhormat kalau 16(a) banding dengan apa yang kami sediakan, itu jauh lebih lagi, punya padat empat muka. Jadi sebab itu saya rasa semua akan bersetuju supaya kita tolak 16(a) ini dan kita sokong yang ada dalam muka surat 40 iaitu fasal 36...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Ini peruntukan kita ada pun dalam undang-undang lama, 11 tahun dahulu sebab itu saya ada pertikaikan peruntukan ini oleh sebab ia perlu di *trigger off* bukan *per say.* Perlu di *trigger off* oleh satu keadaan di mana adalah *satisfaction,* ada satu *corruption* yang berlaku tetapi *the test of the putting is eating* Tuan Pengerusi. Dalam 11 tahun ini adakah ini di *trigger off* berapa orang di mana *unexplained wealth* ada dibawa ke mahkamah. Adakah, bolehkah kata berapa orang *unexplained wealth* dibawa ke mahkamah dan kalau begitu saya kata tentulah ramai Ahli-ahli Parlimen politik UMNO khasnya sudah dibawa ke mahkamah. Sebab itu kita perlu jelas, *very clear cut straight forward case.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kejap, kejap hendak jawab dia dulu. Saya tengok Yang Berhormat Ketua Pembangkang lebih rasional tadi, jangan jadi satu orang yang anti orang yang ada kekayaan. Kalau ada macam kita dalam yang tertulis ini kita kata iaitu bahawa "*Kalau sekiranya mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai".* Tidak dari kurnialah macam Yang Berhormat hendak cadangkan. Dia lebih baik lagi sebab itu dia Ketua Pembangkang pada hari ini.

Jadi oleh sebab itu dan kalau Yang Berhormat tanya kepada kita apakah tindakan yang telah diambil. Sebagai perbandingan Hong Kong sejak tahun 1974 hingga 2008 iaitu dalam tempoh 34 tahun hanya seramai tujuh sahaja yang telah dituduh kerana memiliki harta melebihi pendapatan. Di Malaysia semenjak tahun 1998 iaitu kira-kira 24 tahun kemudian hingga 2008 iaitu dalam tempoh 10 tahun, tiga orang telah dituduh di bawah ini kerana memiliki harta melebihi pendapatan dan 10 kes telah difailkan untuk dilucut hak. Jadi perbandingan ini menunjukkan undang-undang kita lebih baik efektif dan pihak BPR lebih berkesan.

Jadi okeylah Yang Berhormat tidak ada fakta saya bagilah tetapi janganlah kerana Yang Berhormat tidak suka kepada saya. Yang Berhormat Nazri ini kaya semacam ini, cek dia. Tidak bolehlah macam itu, itu holistik. Nanti kang saya pun boleh cek Yang Berhormat juga. Jadi saya ingat sebenarnya Yang Berhormat saya tidak memandang lekeh, kita sememangnya telah pun memikirkan iaitu bahawa perkara yang dibangkitkan ini adalah serius dan oleh sebab itulah kita menyediakan cadangan dalam rang undang-undang ini

yang jauh lebih baik dan lebih komprehensif daripada apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur, maka oleh sebab itu kita tidak bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat daripada Ipoh Timur.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Yang Berhormat mohon penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri sudah habis Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan.

Fasal 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal-fasal 17 hingga 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 27 (Pindaan) -

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

7.10 mlm.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, saya cadang pindaan kepada fasal 27(1) dan (2) yang menggantikan perkataan-perkataan didenda dengan tidak melebihi RM100 ribu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya dengan didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

■1910

Tuan Pengerusi, fasal 27 ialah mengenai menjadikan kesalahan bagi mana-mana orang membuat apa-apa pernyataan yang palsu atau bermaksud untuk mengelirukan Pegawai Pesuruhjaya atau pendakwa raya yang menjalankan kuasa di bawah akta yang dicadangkan. Dalam perbahasan pun ada Ahli-ahli Parlimen yang juga ada bangkitkan kekhuatiran mereka bahawa peruntukan ini akan menjadi halangan besar terhadap pendedahan maklumat-maklumat supaya mereka yang melakukan jenayah rasuah boleh dibawa ke muka pengadilan. Sebenarnya peruntukan ini pun ada dalam ACCA Hong Kong tetapi denda tidak seperti yang ada dicadangkan dan juga ada diperuntukkan akta yang lama iaitu RM100,000 denda atau 10 tahun dipenjarakan. Di Hong Kong satu tahun sahaja dipenjarakan.

Saya rasa kita tidak patut mengadakan peruntukan-peruntukan yang boleh menghalang suasana. Kita patut menggalakkan orang ramai tampil ke depan untuk memberi maklumat, beri kenyataan dan bukan sebaliknya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kepong.

7.12 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, memang pindaan seumpama ini adalah penting kerana kita hendak menggalakkan orang tampil ke hadapan untuk memberi maklumat dan sebagainya walaupun Yang Berhormat Padang Rengas tak bersetuju dengan kita. Siang berjalan di Dewan Rakyat, saban hari menjalankan tugas, bukan pengalaman dalam hikayat, jangan bersandar di Batang Rengas.

Yang Berhormat Ipoh Timur sudah mencadangkan supaya kita jangan denda dengan begitu berat supaya orang boleh tampil ke hadapan. Memang satu langkah yang perlu kerana setakat ini pun tak ramai hendak tampil ke hadapan. Satu contoh yang saya bagi terutama Yang Berhormat kota tinggi dan pihak polis. Saya tidak mengatakan semua polis tidak baik. Ada kebanyakannya yang baik tapi ada setengah-setengahnya saya menggalakkan pihak majikan supaya melaporkan kepada polis kerana di sesetengah

tempat tiap-tiap minggu, selang sehari atau dua hari sekali, tiga hari ada setengah polis yang datang di kilang-kilang untuk memungut wang daripada pekerja-pekerja asing sama ada pekerja asing ada permit atau tidak dia tak kisah.

RM40, RM50 seorang tiap kali dia datang ataupun satu bulan berapa ringgit ditetapkan dan saya menggalakkan pihak majikan melaporkan kepada polis tapi tak berani. Memang tak berani kerana dia kata polis ini bersubahat semua daripada atas ke bawah. Ini masalah. Dari atas ke bawah. Saya bagi dia tahulah kerana orang tak berani tampil ke hadapan. Ini masalah kita. Sebab itulah kita menggalakkan walaupun Yang Berhormat Padang Rengas tadi kata muka 40 itu lebih komprehensif tapi kalau orang tak berani tampil ke hadapan, kita mesti ambil langkah yang betul untuk memperbetulkan.

Saya berharaplah Yang Berhormat Kota Tinggi pun mengambil perhatian. Bukan semua, yang baik itu kita tidak mendosakan orang yang tidak berdosa. Itu memang baik dan saya berharap pindaan ini dapat diambil kira oleh Yang Berhormat oleh Padang Rengas supaya kita sama-sama boleh menggalakkan orang yang mempunyai masalah tampil ke hadapan untuk melaporkannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

7.15 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Pengerusi, cadangan mengurangkan hukuman ini tidak dirasakan wajar kerana peruntukan yang ada tidak menakutkan pemberi maklumat atau *whistleblower*. Ianya penting kerana kesan laporan palsu atau fitnah amat serius terhadap orang yang disyaki atau yang disiasat.

Jika laporan atau tohmahan itu jelas palsu dan telah disiasat, barulah dituduh manakala laporan atau tohmahan yang tidak cukup keterangan tidak digambarkan sebagai laporan palsu. Pemberi maklumat tidak akan dituduh kecuali jelas niat dan perbuatan membuat laporan palsu untuk menganiaya orang lain. Justeru adalah wajar peruntukan asal ini dikekalkan yang telah wujud di bawah seksyen 19(1) dan 19(2) Akta Pencegahan Rasuah dan kita tidak bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan. Masalah dikemukakan kepada Majlis bagi diputuskan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan.

Fasal 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 28 hingga 30 jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 31 (Pindaan) -

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

7.17 mlm.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pindaan yang dicadangkan untuk seksyen 31 ini adalah bahawa perkataan pendakwa raya atau dibaris pertama dibatalkan, perkataan pendakwa raya di baris ketiga digantikan oleh Ketua Pesuruhjaya. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat rujuk kepada, saya gunakan versi bahasa Melayu muka surat 30 di mana kita boleh lihat seksyen ini ada di bahagian lima yang bertajuk Penyiasatan, Pemeriksaan dan Penggeledahan, Penyitaan dan Penangkapan. *In English Investigation, Search, Seizure and Arrest*. Inilah bahagian di mana adalah kuasa-kuasa siasatan yang kita bagi kepada suruhanjaya.

Jadi seksyen 29 dia mula kuasa untuk menyiasat aduan dan maklumat, itu diberi kepada Pegawai Pesuruhjaya. Seksyen 30 kuasa untuk memeriksa orang itu diberi kepada seorang pegawai suruhanjaya, ini patut. Inilah kuasa mereka untuk panggil dan memeriksa orang.

Sekarang kita pergi pada 31. Inilah di mana saya melihat ada masalah yang saya berhasrat betulkan dengan pindaan ini. Dengan izin saya membaca Tuan Pengerusi, 31(1) itu, tajuk Kuasa untuk Memeriksa, Menggeledah dan Menyita. Ini *Search and Seizure Power* dengan izin, bilamana *"...ternyata pada pendakwa raya atau seorang pegawai suruhanjaya yang berpangkat Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya atau yang lebih tinggi yang diberi kuasa oleh pendakwa raya berdasarkan maklumat dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkan perlu bahawa ada sebab yang munasabah yang mengesyaki bahawa di mana-mana tempat ada keterangan" dan sekian-sekian. Selepas itu adalah kuasa untuk bermula tindakan memeriksa, menggeledah dan sebagainya."*

Fokus saya adalah pada perkataan yang dibaris pertama iaitu bila ternyata pada pendakwa raya. Jadi autoriti, kuasa untuk bermula tindakan itu satu puncanya ialah pendakwa raya. Punca yang kedua seorang pegawai suruhanjaya yang berpangkat Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya atau yang lebih tinggi yang diberi kuasa oleh pendakwa raya. Itu mesti dibuat. Jadi di sini kita ingin mengasingkan kuasa siasatan.

Tadi kita dengar hujah daripada Yang Berhormat Menteri. Bila kita minta kuasa pendakwaan diberi kepada suruhanjaya dia kata tidak boleh, kita jangan campurkan. Kuasa siasatan di sini, kuasa pendakwaan mesti akhirnya kata putusnya oleh AG pendakwa raya tapi di sini kita melihat langkah yang penting dalam siasatan ini dikawal daripada pendakwa raya.

■1920

Dia boleh bagi kuasa kepada pesuruhjaya disebut sini, tetapi kuasa itu pun datang daripada dia, ini jelas. Dan kalau kita *apply,* dengan izin, prinsip-prinsip tafsiran yang kita tahu undang-undang, yang beri kuasa itu bila-bila pun boleh tarik balik kuasa itu. *Who is authorized can also* berhentikan itu, jadi inilah masalah yang kita melihat dan bukan di seksyen ini sahaja yang lain semua.

Ahli-ahli Yang Berhormat boleh melihat ada beberapa seksyen yang lain di semua ini adalah kuasa siasatan bukan kuasa mendakwa tidak berkenaan dengan pendakwaan, tetapi di setiap kuasa ini pendakwa raya yang ada kuasa itu yang boleh mengawal. Dia ada peranan untuk mempermainkan dan saya melihat rang undang-undang ini ada masalah dan kita perlu betulkan kelemahan ini, dan kita kena pastikan badan suruhanjaya ini benar-benar ada kuasa yang bebas untuk buat siasatan yang perlu tanpa merujuk kepada mana-mana pihak.

Memang akhirnya selepas IP diselesaikan, bukti yang cukup dikutip keputusan untuk mendakwa, memang itu kita serah pada pendakwa raya. Itu kita ada peruntukan Perlembagaan dan juga dalam undang-undang ini, tetapi yang sekarang kita melihat dari segi permulaan, dari seksyen ini sampai ke beberapa seksyen lagi kuasa-kuasa yang perlu, yang penting dalam tugas menyiasat ini kita beri peranan yang tidak wajar kepada pendakwa raya dan ini kita harus membetulkan. Saya telah meneliti undang-undang yang kita cuba ikut di Hong Kong. Di Hong Kong mereka pun beri kuasa yang cukup menyeluruh kepada pegawai-pegawai ICAC di sana. Dan kita boleh melihat tidak ada satu perkataan pun menyebut pendakwa raya di setiap kuasa-kuasa itu. Dari *search and seizure* kepada ambil sampel *I mean,* semua kuasa yang kita ada juga di sini.

Tuan Pengerusi, ini bagi saya merupakan satu masalah yang cukup penting kita mesti mengasingkan kuasa-kuasa ini dengan jelas. Dan tidak ada apa-apa alasan pun kenapa apabila kita meletak Ketua Pesuruhjaya, timbalan dia dan sebagainya kenapa mereka perlu lagi rujuk balik pada pendakwa raya ataupun pegawai yang di *authorized,* yang diberi kuasa oleh pendakwa raya juga. *So,* bila mereka hendak memeriksa atau menggeledah kena rujuk, kena minta izin baru boleh jalan di setiap langkah siasatan. Jadi bolehkah badan macam ini memainkan peranan menyiasat dengan bebas seperti mana yang kita berhasrat, yang kita sudah berbahaslah dua hari ini.

Jadi memang kita kena faham, ini bukan tentang pendakwaan ini sekarang kita bincang tentang penyiasatan. *We must give* dengan izin, *we must give this body a free hand investigation clearly*. Hong Kong buat itu, tidak ada apa-apa rujuk pada badan lain. *So,* di sini yang saya melihat mungkin Yang Berhormat Menteri akan berhujah kuasa telah

diturunkan kepada Ketua Pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya, betul. Dan dia boleh menjalankan tanpa merujuk, tetapi perkataan yang digunakan di sini dari segi undang-undang memberi makna akhirnya punca kuasa itu daripada pendakwa raya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya cukuplah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ini jelas ya. Dan inilah yang kita kena faham dan bila-bila pun kuasa itu, *authority* yang diberi, waran yang diberi boleh diberhentikan. Dan inilah masalah yang kita harus betulkan di sini. Jadi kita boleh betulkan ini dengan gantikan perkataan "Pendakwa Raya" atau di baris pertama dibatalkan itu supaya ini akan baca bila mana ternyata seorang pegawai suruhanjaya kita pergi terus pada perkataan itu. Bila mana seorang pegawai suruhanjaya yang berpangkat Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya dan rujukan kepada pendakwa raya pada baris ketiga kita ganti dengan "Ketua Pesuruhjaya", "*the Chief Commissioner"* dengan izin, boleh memberi kuasa kepada pegawai-pegawai beliau untuk menjalankan tugas-tugas siasatan ini.

Jadi itulah Tuan Pengerusi alasan saya supaya kita betulkan kelemahan ini dan kita ikut amalan di semua institusi yang lain, khususnya kita ikut model Hong Kong biarlah kita ikut betul-betul. Di semua kuasa siasatan mereka tidak ada campur tangan oleh pihak pendakwa raya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, sebenarnya pindaan ini yang disebut untuk 31, 35, 38, 43, 44, 45 jadi jawapan saya nanti akan juga merupakan jawapan yang sama, kerana hendak digantikan perkataan "Pendakwa Raya" dengan "Ketua Pesuruhjaya". Peranan Pendakwa Raya melalui Timbalan Pendakwa Raya dalam peruntukan-peruntukan ini tidak menunjukkan penglibatan Timbalan Pendakwa Raya dalam siasatan. Ianya bertujuan untuk kita ada *check and balance* kerana kita semua tahu, iaitu saya setuju bahawa kita boleh ambil daripada ICAC Hong Kong yang kita fikirkan baik, tetapi kita juga harus melihat daripada segi acuan kita.

Jadi oleh kerana itu kita meletakkan timbalan, muka surat berapa tadi? Yang Berhormat minta supaya perkataan "Pendakwa Raya" ya di dalam seksyen-seksyen tersebut digantikan terus dengan perkataan "Pesuruhjaya". Jadi kita cadang ini kerana kita perlu kepada *check and balance,* kerana ini juga melibatkan mengeluarkan order dan perintah setelah menyemak hasil awal siasatan. Jadi jika Ketua Pesuruhjaya sahaja yang ada kuasa-kuasa tersebut secara amalannya amat sukar dilaksanakan dengan segera terutama di negeri-negeri atau tempat yang jauh dari Ketua Pesuruhjaya. Ini terdapat Timbalan-timbalan Pendakwa Raya di negeri-negeri yang akan meneliti alasan sebelum sesuatu perintah dikeluarkan. Sebab itu kita tidak bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Subang supaya ditukar kepada "Pesuruhjaya". Jadi kita tidak bersetuju.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan.

Fasal 31 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 32 hingga 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 35 (Pindaan) -

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi alasan untuk pindaan ini adalah sama seperti yang saya sudah perjelaskan pada fasal 31. Saya gunakan hujah itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi kita tidak bersetuju seperti alasan yang telah diberi sebentar tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas dan dijawab.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan.

Fasal 35 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 36 (Pindaan) -

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang ini kena sokong ya, setuju. Tuan Pengerusi seperti yang tertera dalam notis saya ingin memohon mencadangkan pindaan fasal 36 iaitu perenggan 36(1)(b) dengan menggantikan perkataan "Pendakwa Raya" dengan perkataan "Pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya dan yang lebih tinggi".

Tuan Pengerusi pindaan ini bertujuan untuk membetulkan sebutan mengenai "Pendakwa Raya" dalam perenggan 36(1)(b) dalam teks bahasa kebangsaan rang undang-undang yang tidak disengajakan.

■ 1930

Segala kuasa di bawah fasal 36 ini dicadangkan supaya dijalankan oleh seorang pegawai suruhanjaya yang berpangkat pesuruhjaya dan lebih tinggi dan bukan oleh Pendakwa Raya seperti yang boleh dilihat dalam subseksyen 36(1), (2), (3), (4), (5) dan (7) rang undang-undang. Jadi saya mohon untuk membuat pindaan dan minta supaya disetujukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Fasal 36 seperti yang dipinda jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 37 jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 38 (Pindaan) -

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi, alasan untuk pindaan ini adalah sama seperti yang dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Menggunakan alasan yang sama untuk tidak bersetuju dengan cadangan pindaan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan tidak disetujukan.

Fasal 38 jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 39 (Pindaan) -

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Alasan saya Tuan Pengerusi dan saya juga ingatkan sekali lagi untuk Yang Berhormat Menteri, ini semua adalah kuasa-kuasa dalam proses siasatan yang sekarang kita sudah bagi pada Pendakwa Raya tapi pada masa yang sama tadi kita kata kita mahu asingkan kuasa Pendakwa Raya. Jadi inilah satu kita kelirulah dengan pendirian ini dan itulah hasrat pindaan itu. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, pihak kita tidak berasa terkeliru kerana kita faham peranan yang harus dimainkan untuk *check and balance.* Oleh kerana itu dengan alasan yang sama, saya tidak bersetuju dengan cadangan pindaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan tidak disetujukan.

Fasal 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal-fasal 40 hingga 42 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 43 (Pindaan) -

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi, alasan saya untuk pindaan ini adalah seperti yang saya sudah hujah tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, dengan alasan yang sama, kita juga tidak bersetuju dengan cadangan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan.

Fasal 43 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 44 (Pindaan) -

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi, tadi di fasal 43 itu berkaitan dengan kuasa untuk meminta perhubungan. Fasal 44 ini adalah tentang penyerahan dokumen perjalanan. Semua berkaitan dengan siasatan. Alasan yang sama. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, kita juga memahami bahawa ini adalah penyiasatan tetapi oleh kerana kita mementingkan *check and balance,* sekali lagi dengan alasan yang sama kita menolak cadangan pindaan.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]: Penjelasan, dengan izin. Sekiranya dibenarkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri dah habis menjawab.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]: Kalau dibenarkan oleh Menteri untuk satu penjelasan, Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan.

Fasal 44 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 45 (Pindaan) -

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi, fasal 45 ini adalah berkaitan dengan kuasa lebih umum, kuasa untuk meminda atau membatalkan apa-apa perintah atau notis di bawah akta ini. Di sini pun kita melihat masalah yang sama. Kita letak kuasa itu bukan di dalam suruhanjaya, di dalam tangan Pendakwa Raya. Sekali lagi ini tidak dengan izin, *it doesn't make sense* apa yang kita mahu buat dan apa kita berhasrat buat dan apa kita melaksanakan daripada segi undang-undang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

7.36 mlm.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]: Terima kasih. Saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai asas kuasa Pendakwa Raya ini sebab secara perlembagaannya, asasnya daripada Artikel 1,4,5,3 dan dengan jelas mengatakan dengan izin, *the Attorney-General should have power, exercisable at his discretion to institute conduct or discontinue any proceedings for an offence.* Persoalan saya, mohon penjelasan di sini di mana asas Perlembagaan yang memberi ruang kepada Pendakwa Raya sehingga melangkaui ke tahap penyiasatan kerana secara aspirasi kalau dengan izin, *the intention of framer,* kalau secara perlembagaannya, sebab itu nama dia pendakwa. Pendakwa ya, bukan penyiasat.

Saya rasa daripada segi *the original intention* dengan izin, ataupun maksudnya aspirasi penggubal, hanya merujuk kepada aspek pendakwaan. Memang betul Perlembagaan mengatakan kita boleh membuat satu undang-undang *in accordance of law.* Itu peruntukan Perlembagaan Malaysia tetapi secara adakah kita ingin merubah secara hakikatnya ruang lingkup ataupun *statute* dengan izin, Pendakwa Raya itu sehingga memberi ruang ke tahap penyiasatan di mana asas perlembagaannya itu merupakan sumber kuasa yang merujuk kepada undang-undang ibu iaitu Perlembagaan dengan izin. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

7.37 mlm.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, sebenarnya kalau kita lihat iaitu bahawa macam kata 45, kuasa untuk meminda atau membatalkan apa-apa perintah atau notis di bawah akta ini, dia tidak ada kaitan dengan penyiasatan. Dia lebih merupakan perkara yang akan dibangkitkan sebagai bukti-bukti di dalam mekanisme di dalam mahkamah. Jadi dia tidak ada kena mengena dengan penyiasatan langsung. Begitu juga penyerahan dokumen perjalanan. Penahanan dokumen perjalanan banyak ada kaitan dengan Pendakwa Raya. Menahan orang itu daripada keluar negara. Tidak ada kena mengena dengan penyiasatan.

Jadi sebab itu apa Yang Berhormat bangkit itu sebenarnya tidak berbangkit kerana perkara ini tidak *perceive* dikatakan sebagai aktiviti penyiasatan. Jadi sebab itu kita oleh kerana dia *hybrid*, jadi kita bagi *check and balance* dalam perkara ini. Sebab itulah kita cadang seperti yang kita cadang dalam akta ini. Maka oleh kerana itu, sekali lagilah saya minta maaf. Saya terpaksa menolak cadangan pindaan daripada Yang Berhormat tapi Yang Berhormat, kalau kita nak *exercise, gym* ada dekat luar. Boleh duduk bangun, duduk bangun selepas ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan.

Fasal 45 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal-fasal 46 hingga 57 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

■ **1940**

Fasal 58 (Pindaan) -

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi saya bercadang pindaan fasal 58 - potongkan perkataan-perkataan Pendakwa Raya dan digantikan dengan Ketua Pesuruhjaya dan bukan serupa yang diberikan tetapi lebih kuat sebabnya oleh kerana tadi Dewan yang mulia ini adalah menolakkan cadangan pindaan kepada fasal 5 supaya *Chief Commissioner* ada diberi kuasa, Penolong DPP yang seperti di maktub dalam *Criminal Procedure Code* dan oleh kerana cadangan ini ada ditolakkan, pindaan ini adalah mustahak. Kalau kita mahu satu MACC yang *Chief Commissioner* yang ada kuasa yang bebas untuk menjalankan kuasa pendakwaan.

Sungguhpun kita ada diberi penjelasan bahawa kuasa pendakwaan sudah diturunkan oleh Peguam Negara, *Public Prosecutorr* kepada DPP yang ada diberi *secondment* kepada MACC tetapi kita mahu peruntukan ini dipindakan supaya sangat jelas bahawa di bawah akta ini apabila ia diluluskan di bawah MACC, pendakwaan kuasa terakhir patutlah ialah *Chief Commissioner.* Sungguhpun mengikut Perlembagaan *Article* 145 - kuasa mutlak akhirnya dalam tangan Peguam Negara tetapi ini tidak ada konflik atau kontradiksi oleh kerana mengikut MACC, *Chief Commissioner* adalah kuasa menjalankan selain daripada *overwrite* ikut Perlembagaan. Jikalau ini berlaku ini akan menjadi satu *constitutional crisis* yang sangat ketara dan kita tentu tidak mahu lihat ini berlaku. Akan tetapi untuk memperkuatkan, mengukuhkan kedudukan *Chief Commissioner* MACC, pindaan lebih mustahak. Oleh kerana pindaan semua telah ditolak itulah cadangan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang untuk meneruskan dengan pindaan ini sebab saya menyokong pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya tarik balik cadangan pindaan ini dan kepada Yang Berhormat Menteri, kita tidak membuat pindaan ini untuk *exercise* tetapi mungkin Yang Berhormat Menteri dan saya boleh pergi ke *gym together and we need to discuss this a bit more*. Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa pindaan yang di bawa oleh Yang Berhormat Ipoh Timur sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya berharap Yang Berhormat Padang Rengas itu, satu kali sudah menolak mengenai Pendakwa Raya dan dengan itu Ketua Pesuruhjaya dengan alasan bahawa tidak pernah dilakukan dalam negara ini dalam tempoh 51 tahun. Tetapi walaupun Yang Berhormat mengatakan tidak pernah berlaku kerana diserahkan kepada Pendakwa Raya itu cukup, tidak payah kita itu beri kuasa kepada Pesuruhjaya. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, insiden atau kes-kes rasuah itu bertambah. Semakin hari semakin bertambah. Ini bermakna mekanisme yang sedia ada itu tidak cukup untuk menangani masalah. Di Hong Kong, di Singapura, kita baru mencapai pengayuh, orang sudah tiba di seberang. Tidak merapulah. Kita bertandang di Padang Rengas…

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bidalan itu moleklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah habis Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tidak habis lagi. Saya hendak suasana yang tenang dan senyap.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, minta Ahli-ahli Yang Berhormat lain senyap.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, senyap sahaja. Kita hendak Yang Berhormat Padang Rengas sebab dia bekerja kuat untuk memahami apakah yang terkandung dalam rang undang-undang ini tetapi saya nampak dia faham sedikit cuma tidak cukup. Kita hendak rang undang-undang berkesan. Kalau hendak berkesan bukan sahaja kita hendak gantikan Pendakwa Raya dengan Ketua Pesuruhjaya bahkan juga kita mesti memindakan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 145 mesti dipinda. Kalau tidak dipinda rang undang-undang ini apabila dijadikan akta kelak tidak akan dikuatkuasakan dengan berkesan. Yang Berhormat Sepang pun tahu, Yang Berhormat Bagan Datok pun tahu.

Cuma tidak berani tampil ke hadapan untuk sokong cadangan kita supaya di dalam fasal 58 ini Pendakwa Raya diganti dengan Ketua Pesuruhjaya. Saya berharaplah semua yang hadir di sini, bukan saya hendak bising sahaja, kita fikir dengan masak-masak, dengan sedalam-dalamnya bagaimana kita bersama-sama boleh bersatu padu kerana jangan kita anggap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia hendak bersara pada bulan Mac, kita tidak kisah apa yang di cadang oleh beliau. Ada setengah-setengah dalam UMNO tidak mengesahkan. Dia kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak bersara sudah, kita tidak payah peduli sudah. Ini sikap yang tidak baik. Saya berharap bagi pihak Yang Berhormat Kepala Batas, hendak bersara orang tidak kisah sudah. Tidak mengambil perhatian, tidak peduli.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sangkaan buruklah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya berharaplah semua orang tidak kira parti di sini, kita bersatu padu, bersama-sama memperbaiki keadaan itu, memperbaiki rang undang-undang supaya kita bersama-sama boleh berjaya menguatkuasakan undang-undang yang mencegahkan rasuah di negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kepong saya ingat tidak payahlah sebab pantun dua kerat lagilah.

Makan jagung makan kerepek,

Wakil Kepong kuat merepek saja.

[Ketawa]… Tuan Pengerusi, saya telah memberi penjelasan dengan begitu lebar panjang dalam dasar tengah hari tadi berkenaan mengapa kita tidak bersetuju dengan cadangan yang dibawa sekali lagi dalam pindaan di bawah fasal 58 ini. Jadi cadangan menggantikan perkataan Pendakwa Raya, hendak digantikan dengan Ketua Pesuruhjaya adalah *ultra vires* dengan peruntukan Perkara 145, Perlembagaan Persekutuan. Maka dengan itu kita tidak bersetuju dengan cadangan pindaan Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan.

Fasal 58 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal-fasal 59 hingga 74 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

■1950

RANG UNDANG-UNDANG
SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN 2008

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2008 untuk:

(i) menubuhkan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman yang mencadangkan calon-calon untuk memenuhi jawatan Hakim-hakim Mahkamah Atasan;

(ii) menyatakan kuasa dan fungsi suruhanjaya tersebut di bawah rangka Perlembagaan Persekutuan;

(iii) mendukung kebebasan berterusan Badan Kehakiman; dan

(iv) mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan bagi kali kedua, sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sistem kehakiman merupakan salah satu tunjang kekuatan serta kesejahteraan negara. Sistem Badan Kehakiman yang arif, berwibawa, efisien dan dipercayai akan dapat menyampaikan keadilan kepada rakyat dan juga pelabur luar. Oleh itu Sistem Kehakiman bukan sahaja mempunyai pengaruh yang besar pada kesejahteraan rakyat, ia juga mempunyai impak yang besar kepada daya saing ekonomi dan tahap pembangunan negara. Rakyat serta pelabur menanggap mahkamah sebagai benteng keadilan yang harus bertindak secara adil, berpengetahuan, jujur dan cekap dalam menyelesaikan pertikaian.

Pihak kerajaan telah lama berusaha untuk membantu Badan Kehakiman mendengar serta menyelesaikan kes dengan lebih cepat dan lancar. Pencapaian usaha tersebut kerap dijawab di dalam Dewan yang mulia ini. Namun begitu pelbagai usaha lain harus dilaksanakan bagi mempertingkatkan kepercayaan rakyat terhadap kredibiliti Badan Kehakiman yang telah tergugat akibat rentetan beberapa peristiwa.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu usaha yang perlu diambil ialah untuk menambah baik proses pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan iaitu para hakim di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak termasuklah pelantikan Ketua Hakim Negara, Mahkamah Persekutuan, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak.

Pada masa ini, Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa kelayakan untuk menjadi seorang Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Rayuan atau Hakim Mahkamah Persekutuan adalah dia seorang warganegara dan sama ada dia telah menjadi seorang peguam bela bagi tempoh 10 tahun sebelum pelantikannya atau dia menjadi anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan persekutuan atau sesebuah negeri.

Selain peruntukan mengenai kelayakan pelantikan hakim yang dinyatakan dalam Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan, kriteria pelantikan hakim berasaskan kompetensi, pengalaman, kecendekiaan, ilmiah, perundangan, kualiti alasan penghakiman dan pembawaan kehakiman atau dengan izin, *judicial temperament* tidak diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang persekutuan lain.

Tatacara pemilihan nama-nama calon oleh pihak-pihak yang terlibat juga tidak diperuntukkan dengan jelas. Oleh sebab itu keadaan ini memberi ruang kepada persepsi yang negatif dan berisiko untuk disalahgunakan. Dengan adanya satu rang undang-undang

khusus berkenaan proses tersebut, cara-cara pemilihan calon-calon hakim akan dapat dilaksanakan dengan lebih telus mengikut prosedur serta kriteria yang lebih jelas dan sistematik.

Inilah tujuan utama Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman yang dibentangkan ini iaitu untuk menjelaskan serta menetapkan proses tersebut di bawah rangka kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini terbahagi kepada lima bahagian:

(i) Bahagian I, adalah perkara permulaan mengandungi tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa akta, pemakaian akta serta taksiran beberapa istilah yang digunakan. Bahagian ini juga mengandungi peruntukan khusus untuk Perdana Menteri, mendukung kebebasan berterusan Badan Kehakiman;

(ii) Bahagian II, mengandungi perkara-perkara berhubungan penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman termasuk keanggotaan, had tempoh jawatan, syarat mesyuarat dan lain-lain;

(iii) Bahagian III, mengandungi fungsi dan kuasa suruhanjaya;

(iv) Bahagian IV, mengandungi proses serta kriteria pemilihan calon-calon hakim mahkamah atasan termasuk untuk jawatan Ketua Hakim Negara, Mahkamah Persekutuan, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-hakim Besar Mahkamah Tinggi; dan

(v) Bahagian V, mengandungi perkara-perkara am perjalanan suruhanjaya seperti laporan tahunan, pencegahan kesulitan atau anomali dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah langkah pertama kerajaan ke arah mengembalikan kepercayaan kepada cara pemilihan hakim-hakim mahkamah atasan di bawah rangka kuasa diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan. Dalam menyediakan rang undang-undang ini, kerajaan telah berusaha untuk menstrukturkan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman yang berupaya untuk bekerja dengan bebas di bawah peraturan-peraturannya sendiri yang harus melaporkan aktiviti serta keputusannya kepada kerajaan serta Parlimen yang perlu memilih calon-calon hakim berdasarkan kriteria yang telus lagi menyeluruh dan yang perlu sama-sama mendukung prinsip kebebasan Badan Kehakiman.

Sejak bacaan pertama rang undang-undang ini, pelbagai reaksi serta pendapat daripada pelbagai pihak telah direncanakan dalam media massa, ada pendapat yang konstruktif dan membina ada juga yang bercorak tohmahan yang berbau politik. Kerajaan menerima reaksi tersebut dengan hati yang terbuka kerana kerajaan berniat murni dalam membentangkan rang undang-undang ini.

Kerajaan sedia menjawab segala pertanyaan dan kemusykilan, kerajaan juga sedia mendengar cadangan yang bernas dan adil. Dengan itu kerajaan berharap bahawa perbahasan rang undang-undang ini nanti akan membuktikan kematangan serta kemurnian Ahli-ahli Dewan yang mulia ini yang rata-ratanya inginkan kebaikan dan kesejahteraan untuk negara yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan sekarang, sekian terima kasih.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

■2000

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman berhubung

dengan pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan untuk menyatakan kuasa dan fungsi suruhanjaya itu untuk mendukung kebebasan berterusan badan kehakiman dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Mas.

8.00 mlm.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan dalam memulihkan kredibiliti badan kehakiman yang dikatakan sudah lama terhakis. Walaupun komen, kritikan-kritikan sesudah bacaan kali pertama sepertimana yang kita baca di dalam akhbar-akhbar.

Oleh hal demikian, pertamanya saya ingin mendapatkan reaksi daripada pihak kerajaan tentang komen-komen yang diajukan dalam akhbar-akhbar sehinggakan ada pihak yang memperkatakan bahawa rang undang-undang ini ada percanggahan dengan Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah di antara pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh peguam-peguam yang berpengalaman. Oleh itu saya harap perkara ini dapat diperjelaskan oleh pihak kerajaan. Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini pelantikan hakim-hakim dibuat melalui nama-nama yang diangkat oleh Ketua Hakim Negara kepada Perdana Menteri yang kemudiannya akan mengemukakan nama-nama ini kepada Yang di-Pertuan Agong yang mempunyai kuasa mutlak dalam pelantikan hakim-hakim.

Melalui suruhanjaya ini nanti, maka nama-nama akan diproses dan akan diangkat. Oleh itu saya ingin bertanya apakah pihak kerajaan dalam menggubal dan cadangan untuk membentuk Suruhanjaya Pelantikan Hakim ini sudah pun mendapat reaksi daripada Majlis Raja-raja Melayu. Apakah sudah mendapat reaksi, saya ulang daripada Majlis Raja-raja Melayu ataupun Yang di-Pertuan Agong. Ini kerana saya ingin bertanya pada pihak kerajaan sesudah nama-nama ini diangkat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada senarai yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman, apakah pihak Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, boleh menolak dan melantik mana-mana calon yang tidak tersenarai daripada senarai yang dikemukakan oleh suruhanjaya ini.

Ini penting saya bertanya dari segi teknikalnya kerana akan diberi gambaran nanti bahawasanya tidak ada nama-nama lain selain daripada nama yang diangkat oleh suruhanjaya kepada Perdana Menteri kepada Yang di-Pertuan Agong. Kalau ditolak dan dilantik nama-nama lain, calon-calon lain seolah-olah pihak Yang di-Pertuan Agong tidak menghormati pandangan-pandangan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman ini. Saya membangkitkan perkara ini Tuan Yang di-Pertua, supaya di ambil ingatan walaupun Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman yang dijangka nanti terdiri daripada orang-orang yang mempunyai kredibiliti, berpengalaman. Namun demikian harus diadakan juga *term of reference* yang jelas, iaitu ianya mesti mengambil kira dalam apa jua keadaan negara Malaysia ini, agama rasminya agama Islam.

Kedua, penduduk majoriti negara ini adalah penduduk majoritinya juga orang-orang Islam. Walaupun sesiapa sahaja boleh dilantik pada masa yang akan datang seperti sekarang ini menjadi Ketua Hakim Negara, tetapi sensitiviti dalam aspek keagamaan, Islam sebagai agama rasmi negara mesti diambil kira. Ini disebabkan walaupun sistem kehakiman negara kita ini berpandukan kepada undang-undang sivil tetapi ada juga kaitannya dengan kita sebagai orang-orang Islam. Oleh itu, pengetahuan dalam bidang keagamaan terutamanya Islam menjadi perkara yang asas dan yang utama untuk menentukan bahawa seseorang Ketua Hakim negara ini sensitif dengan keadaan ini. Kita tahu sesiapa sahaja boleh dilantik.

Akan tetapi akhirnya mesti mengambil kita prinsip ini, iaitu prinsip bahawa Islam sebagai agama rasmi negara, penduduknya majoriti umat Islam, maka seboleh-bolehnya

Ketua Hakim Negara mestikan, bercirikan kepada prinsip yang saya katakan tadi walaupun sesiapa sahaja boleh dilantik.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai dengan kefasihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Buat masa ini kita semua tahu banyak pihak rasa tidak senang hati bagaimana penggunaan bahasa Melayu dalam mahkamah-mahkamah sekarang ini. Ianya menjadi bahasa cacamerba. Dalam proses perbicaraan, digunakan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris secara campur aduk yang mendapat teguran banyak daripada tokoh-tokoh bahasa negara kita ini.

Kritikan-kritikan, sehingga ada pihak mendesak supaya Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 dipinda untuk memberi pentakrifan yang lebih jelas dan dari segi penguatkuasaannya dan bagi menentukan juga seperti perjalanan di mahkamah bahasa Melayu dapat digunakan sepenuhnya. Walaupun ada kes-kes rujukan daripada undang-undang negara luar, kes-kes tertentu yang menjadi bahan rujukan, masakan tidak boleh diterjemahkan oleh peguam-peguam untuk menggunakan kes-kes tersebut sebagai bahan rujukan. Ini kerana perbicaraan di mahkamah boleh ditakrifkan juga sebagai urusan rasmi negara. Di bawah fasal 152(1) segala urusan rasmi kerajaan mesti digunakan dan memakai bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu seseorang hakim yang bakal dilantik nanti baik Ketua Hakim Negara, hakim Mahkamah Rayuan dan hakim-hakim Mahkamah Tinggi dipastikan sama ada melalui satu ujian ataupun berlatar belakangkan dari segi kelulusan ialah memahami bahasa Malaysia dengan sepenuhnya. Ini adalah kriteria yang kedua selain daripada lain-lain kriteria yang sepatutnya diguna pakai dalam menentu dan memilih hakim-hakim pada masa yang akan datang melalui Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman ini. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga kita tahu sekarang ini banyak perkara Perlembagaan Persekutuan diganggu gugat, dicabar oleh pihak-pihak tertentu.

Saya berpendapat sudah sampai masanya supaya kerajaan juga menimbang untuk menubuhkan Mahkamah Perlembagaan. Sebab kita tahu bukan sahaja kedudukan Islam sebagai agam rasmi negara, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kedaulatan Raja-Raja Melayu, hak keistimewaan Melayu dan macam-macam dipersoalkan sebelum ini. Saya kira sudah ada kes-kes yang dibawa di mahkamah seperti cadangan kerajaan Pulau Pinang untuk menggunakan pelbagai bahasa bagi menamakan jalan-jalan yang akhirnya saya diberitahu dan saya mendapat maklumat daripada akhbar sudah ada pihak yang membuat laporan oleh kerana katanya ini bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Maka kes ini akan didengar dalam mahkamah biasa melalui satu orang hakim. Oleh itu, perkara-perkara yang membabitkan asas Perlembagaan Persekutuan sudah sampai masanya diwujudkan Mahkamah Perlembagaan yang saya cadangkan tadi.

■2010

Ini sudah pun dilaksanakan di Indonesia, Filipina dan negara-negara lain, kecuali yang belum ada Mahkamah Perlembagaan ialah Malaysia dan juga Singapura, kalau tidak silap saya. Bila ada Mahkamah Perlembagaan, bila ada kes-kes seumpama ini, ia didengar melalui Mahkamah Perlembagaan yang hakimnya mungkin terdiri daripada tujuh, lapan atau sepuluh orang yang keputusannya nanti, insya-Allah boleh membawa kredibiliti. Selain daripada seorang hakim yang mendengar kes ini dan kemudian mana-mana pihak tidak puas hati dibawa pula ke Mahkamah Rayuan, kemudiannya ke Mahkamah Persekutuan. Akan tetapi di peringkat mahkamah sehingga ke Mahkamah Persekutuan seorang hakim mendengar kes perlembagaan dan ini saya percaya tidak wajar dalam keadaan seperti yang kita lihat dengan apa yang berlaku sekarang ini. Maka amat wajar sekali, sudah sampai masanya pihak kerajaan menubuhkan Mahkamah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kerajaan sudah pun selama ini menubuhkan apa yang dikatakan Mahkamah Khas iaitu untuk tujuan mendengar kes-kes yang membabitkan kedudukan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu dan kerabat. Baru-baru ini ada satu kes yang membabitkan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Yang saya hendak bangkitkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Duli-duli Yang

Maha Mulia Raja-Raja Melayu ini adalah tonggak negara dan tonggak negeri, lambang kemuliaan negara dan lambang kemuliaan negeri, maka saya ingin mencadangkan sebarang perbicaraan yang membabitkan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu melalui Mahkamah Khas ini seharusnya tidak dilaporkan oleh pihak akhbar. Dengan cara yang demikian kita boleh menjaga kemuliaan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja ini.

Kita tahu Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja adalah manusia seperti kita, tetapi kita harus ingat juga oleh kerana ia menjadi tonggak negara, payung negara, maka tidak wajarlah kes-kes yang melibatkan kemuliaan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja ini dilaporkan begitu sekali dalam akhbar yang akhirnya memalukan juga negara dan rakyat negara kita. Akan tetapi apabila mereka menerima keputusan mahkamah, hukuman-hukuman, itu soal lain, yang mesti ditunaikan sebab undang-undang di negara kita ini melalui Mahkamah Khas ini meletakkan semua rakyat termasuk Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja sama di sisi undang-undang, tidak ada perbezaan di antara satu sama lain. Cuma dari segi laporan-laporan akhbar yang saya katakan tadi amat tidak baik. Kalau tidak ia tidak kena dengan kedudukan kemuliaan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal urusan Suruhanjaya Kehakiman ini, sebenarnya tidak ada sesiapa yang boleh mempertikaikan untuk melihat bahawa sistem kehakiman negara kita ini benar-benar bebas, berkewibawaan dan mempunyai kredibiliti. Selama ini pun sebenarnya sistem kehakiman dipersoal begitu rupa. Ia banyak membabitkan soal pertarungan politik oleh pihak-pihak tertentu. Maka pertarungan politik ini dalam kes-kes yang tertentu, yang spesifik yang kita dapati selama ini banyak urusan kehakiman mula dipersoalkan. Akan tetapi secara umumnya kalau kita lihat daripada begitu banyak kes yang dilalui melalui mahkamah, saya dapati ia tidak seburuk sebagaimana yang dilihat ataupun yang diperkatakan kecuali kes-kes tertentu yang melibatkan pihak politik, golongan ataupun tokoh-tokoh politik yang tidak puas hati itu dan ini, maka digunalah persoalan kebebasan kehakiman. Itu sahaja.

Akan tetapi memang tidak ada sesiapa menafikan pentingnya kebebasan kehakiman ini seperti yang dibentangkan sebab-sebab objektif oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Cuma tinggal lagi kita mesti jujur pada diri kita sendiri. Jujur bahawa sebenarnya apa pun yang kita lakukan, walaupun kita orang politik, tetapi natijah akhirnya ialah menunaikan tanggungjawab kita sebagai hamba Allah di muka bumi ini, iaitu menegakkan keadilan tanpa mengira soal kedudukan politik, warna dan kulit.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap dalam proses penubuhan Suruhanjaya Kehakiman ini ada juga peranan badan-badan tertentu yang mereka akan memainkan peranan yang akan dilantik dalam jawatankuasa. Di antaranya termasuklah peranan Majlis Peguam. Kita tidak dapat menafikan peranan dan pentingnya Majlis Peguam, tetapi kita lihat Majlis Peguam sebelum ini pun kadang-kadang banyak juga pihak mempersoalkan sehinggakan walaupun mereka bertanggungjawab dalam soal undang-undang negara ini, dalam proses bidang kehakiman, tetapi kadang-kadang kita lihat tindak-tanduk mereka banyak juga mencampuri urusan-urusan yang dapat melihat campur tangan dalam soal urusan politik.

Saya hendak bertanya kepada Tuan Yang di-Pertua mana lebih besar Dewan Rakyat ini ataupun Majlis Peguam? Kadang-kadang kita lihat Majlis Peguam ini lebih hebat dan lebih tinggi daripada Dewan Rakyat. Komen-komen, kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Ahli-ahli Majlis Peguam memang saya lihat kadang-kadang ada waktunya memang tidak profesional, walaupun mereka mengatakan mereka ini golongan profesional. Maka sebab itu kalau tanya saya, kalau disebut nama Majlis Peguam memang kita sokong sebab ia satu institusi yang penting. Akan tetapi melihat gelagat pemimpin-pemimpin dalam Majlis Peguam saya rasa berat hati hendak sokong. Ini kerana kebimbangan saya Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya tertarik Yang Berhormat mengatakan Majlis Peguam ini, walaupun dia kata dia profesional tetapi banyak bayangannya macam ada imbasan politik. Adakah Yang Berhormat hendak cadangkan ia berdaftar menjadi satu parti politik. Dari mula pun banyak tokoh ini sebagai ahli peguam kononnya profesional tetapi semacam ada agenda politik. Kalau mereka ini berani mengapa tidak daftar sebagai ahli politik. Kalau tidak nanti selepas ini, tahun depan dia

mula-mula bercakap sebagai peguam, selepas itu jadi calon PKR pada pilihan raya akan datang. Kenapa tidak terus jadikan parti politik? Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Itu terpulang kepada merekalah sebab kita mengamalkan kebebasan. Cuma tinggal lagi, tindak-tanduk mereka memang mencemar nama Majlis Peguam. Oleh itu kalau hendak jaga kredibiliti Majlis Peguam mereka mestilah ada pengasingan yang jelas. Individu yang terlibat dalam politik, yang juga duduk dalam Majlis Peguam ataupun menjadi Ahli Majlis Peguam yang aktif. Ini penting sebab untuk kebaikan Majlis Peguam itu sendiri supaya aktiviti-aktiviti yang mereka anjurkan seperti sebelum ini kalau saya diizinkan ulang balik, Tuan Yang di-Pertua, Forum Memeluk Islam dan macam-macam lagi aktiviti yang mereka buat yang sememangnya boleh menyentuh perasaan banyak pihak.

Ini bukan peranan Majlis Peguam. Mereka boleh mengemukakan pandangan-pandangan dengan cara yang lebih profesional, bukan kita hendak menghalang. Saya juga bersetuju mereka tidak dihalang untuk memberi pendapat tetapi apabila mereka menganjurkan majlis, dia lebih merupakan politik daripada sifat profesionalismenya itu. Maka dengan sebab itu saya berbelah bagi sama ada hendak menyokong atau tidak wakil Majlis Peguam dalam Suruhanjaya Kehakiman ini. Saya bimbang nanti, apakah boleh diberi jaminan seorang wakil Majlis Peguam duduk dalam Suruhanjaya Kehakiman ini sebab apabila seseorang hakim itu dilantik nanti mereka dulu yang bising tidak bersetuju. Mereka akan mengatakan pula, itu individu yang dalam Majlis Peguam yang mewakili bukan Majlis Peguam. Macam mana hendak tentukan bahawa mereka tidak bising lagi? Kalau ini berlaku lagilah berkecamuk, lagi hilang kredibiliti.

Oleh kerana sifat politik itu ada, saya bimbang juga nanti kerahsiaan apabila membicarakan, membincangkan soal calon-calon yang bakal dilantik menjadi hakim nanti ada pihak-pihak yang namanya mungkin pada awal-awal lagi tidak dipersetujui melalui pelbagai spekulasi. Maka nama ini sudah dihebahkan keluar dalam *internet, website* dan *bloggers* bahawa orang ini namanya diangkat dan keluar macam-macam laporan. Siapa boleh jamin ini tidak akan berlaku?

Oleh kerana mereka suka mengkritik maka lebih baiklah mereka duduk di luar. Bagi pihak-pihak lain, wakil NGO-NGO yang lain duduk dalam badan Suruhanjaya Kehakiman ini dan apabila dibuat pelantikan kalau Majlis Peguam hendak kritik biar mereka kritik.

■2020

Biar mereka jadi *watch dog*. Kalau tidak timbul konflik nanti yang saya tidak terkejut akan berlaku memahami sifat dan peranan Majlis Peguam sebelum ini. Saya cukup arif sebab saya amat meneliti perkembangan Majlis Peguam ini bukan baru. Ia kadang-kadang sama dengan beberapa penubuhan NGO yang begitu ekstrem dalam memberikan pandangan-pandangan mereka. Malangnya pula memang kita tahu ramai ahli Majlis Peguam, jumlahnya berbagai-bagai kaum.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: *[Bangun]*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Akan tetapi malangnya saya mengakui kaum saya orang Melayu ini yang banyak menjadi peguam-peguam ini, tidak begitu minat dan tidak begitu aktif melalui Majlis Peguam sehingga tidak menghadiri mesyuarat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Bangun]*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Akhirnya Majlis Peguam ini saya nampak dikuasai oleh satu kaum yang besar yang tidak menggambarkan berbagai-bagai kaum. Saya hendak mencadangkan juga kepada Majlis Peguam kalau boleh dipinda Perlembagaan Majlis Peguam itu supaya kuota-kuota dalam Majlis Peguam itu juga melambangkan berbagai-bagai kaum kalau mereka memperjuangkan sama rata antara kaum-kaum ini. Ya...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat. Macam Majlis Peguam ini tidak mewakili

semua kaum di negara kita. Macam DAP yang mengaku dia kata semua kaum, macam satu kaum sahaja. Adakah kalau benar-benar kerajaan mahu menimbangkan supaya Majlis Peguam diwakili, betul-betul Majlis Peguam itu mesti diubah dahulu supaya betul-betul diwakili oleh semua kaum.

Oleh sebab itu, wakil rakyat mana tadi? Yang Berhormat mana tadi yang tidak bersetuju hari itu tentang demonstrasi perbincangan tentang Islam. Yang Berhormat daripada mana hari itu? Yang Berhormat Zul, daripada mana? Minta maaflah sebut nama dia… *[Disampuk]* Ha, Kulim. Kulim sendiri tidak bersetuju cara itu, adakah Yang Berhormat bersetuju? Sebelum kalau kita bersetuju pun, melalui peguam mesti disusun kembali Majlis Peguam Malaysia untuk menggambarkan rakyat Malaysia. Kalau rakyat Malaysia, berapa peratus penduduknya. Kalau peguam, Majlis Peguam mewakili penduduk tentu kita setuju.

Sekarang Majlis Peguam tidak mewakili seluruh Malaysia. Hanya mewakili kumpulan-kumpulan tertentu sahaja. Ini kata orang. Saya di kampung orang bertanya begitu. Adakah Majlis Peguam ini betul menggambarkan warga negara Malaysia. Kalau benar-benar kita bersetuju. Sehingga dia mewakili semua rakyat Malaysia, mungkin kita tangguh dahulu. Kita letak Majlis Peguam, tetapi benar-benar Majlis Peguam yang mewakili rakyat Malaysia, betul atau tidak? Katalah kita salah gunakan, ada kelompok di negara kita menyalahgunakan peguam. Itu saya baca di dalam internet. Betul atau tidak pandangan ini? Ini saya ambil daripada internet. Apa pandangan Yang Berhormat tentang apa yang saya baca dalam internet ini?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya percaya Yang Berhormat, kita mengamalkan demokrasi. Maka penyertaan berbagai-bagai kaum ini akan lebih terserlah kalau peguam-peguam Melayu juga turut menghadiri Mesyuarat Agong Majlis Peguam. Jadi, untuk menentukan syarat-syarat ini, saya rasa timbul masalah lain pula. Cuma memanglah dari segi hasratnya kita hendak melihat supaya ia dipamerkan berbagai-bagai kaum. Ia juga baik untuk imej Majlis Peguam. Sebab bila orang sebut Majlis Peguam, dia tengok nama-nama yang bercakap itu, satu jenis sahaja. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya ada *reservation.* Ini disebabkan saya ada *reservation* menyatakan mengikut tingkah laku, tindak-tanduk mereka akhir-akhir ini.

Ini saya berharap mereka jangan menyalahtafsirkan pandangan-pandangan saya ini sebab bila saya bagi pandangan-pandangan sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, dalam satu forum anjuran Majlis Peguam. Nama-nama saya disebut yang seolah-olah saya ini dituduh macam *racist* lah padahal apabila saya bercakap, saya bercakap perkara-perkara yang termaktub dalam Perlembagaan. Bila kita bercakap soal bab kepentingan orang Melayu, hak istimewa orang Melayu, kita bukan *racist* sebab itu memang terkandung di dalam Perlembagaan. Jadi tidak salah. Akan tetapi mereka-mereka ini bila kita menegur, mereka mengatakan kira *racist*. Akan tetapi bila mereka menyoalkan akar umbi Perlembagaan negara kita, kita tidak mengata pun mereka ini *racist*. Cuma kita mengingatkan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Cuma kita mengingatkan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerlun bangun, Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya, sila.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat sebutkan tadi mengenai Majlis Peguam ini. Seperti yang kita sedia maklum, dalam kita hendak menubuhkan satu Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman ini, kita mestilah cuba hendak elak daripada berlakunya konflik kepentingan.

Dengan terlibatnya Majlis Peguam dan pegawai-pegawainya di dalam Suruhanjaya ini, tidakkah Yang Berhormat rasa bahawa mungkin akan muncul satu suasana di mana wujudnya konflik kepentingan ini apabila hakim sedang menjalankan tugasnya melalui satu kes tetapi peguam yang mewakili Majlis Peguam yang terlibat di

dalam pelantikan hakim tersebut mewakili anak guamnya di dalam kes tersebut. Adakah Yang Berhormat rasa bahawa ini mungkin akan menimbulkan konflik kepentingan itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh gulung, Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih. Memang benar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jerlun tadi dan saya bersetuju untuk dimasukkan sebagai sebahagian dari ucapan saya. Memang berlaku *conflict of interest* dengan jelas.

Maka sebab itu akhirnya Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak pengalaman-pengalaman, kepincangan-kepincangan berlaku yang saya harap tidak akan berlaku lagi. Contohnya seperti pembayaran *ex-gratia* kepada bekas Ketua Hakim Negara yang dipecat dan beberapa hakim yang lain. Ada pihak membela bersetuju tetapi saya, pendirian saya tanpa mana-mana apa-apa sentimen, oleh sebab mereka ini dipecat dahulu melalui tribunal. Pencen pun dapat, akhirnya mendapat pampasan melalui *ex-gratia* yang jumlahnya tidak sedikit. Jadi rakyat menjadi keliru. Rakyat jadi haru-biru. Tidak boleh hendak fikir.

Oleh sebab itu akhir sekali, sekarang ini rakyat sudah mula membuat perbandingan yang saya juga sebutkan di dalam Dewan Rakyat ini. Bila berlaku tragedi keruntuhan di Bukit Antarabangsa, mereka yang kehilangan rumah, kehilangan nyawa, apakah kerajaan sedia membayar ganti rugi? Sudah tentu, tidak. Akan tetapi ini kita bayar tidak sedikit. Ini yang buat lagi berkecamuk. Oleh sebab itu satu perkara yang harus diambil perhatian Tuan Yang di-Pertua, rakyat juga mesti diberi pendidikan. Bila kita bercakap soal undang-undang, kita di Dewan Rakyat ini pun Ahli Parlimen yang menggubal undang-undang walaupun kita tidak disebut peguam. Kita tidak belajar dalam bidang undang-undang dan jangan pula beranggapan bahawa pihak atau mana-mana individu yang ada ijazah undang-undang sahaja yang pandai dalam bab undang-undang ini. Tidak semestinya begitu, tidak semestinya begitu. Bukanlah yang disebutkan oleh mereka-mereka yang dikatakan pakar undang-undang, itulah muktamad ataupun yang mutlaknya. Tidak.

Semua pihak ada pandangannya masing-masing dan kadang-kadang kita dok tengok dan kita lihat pandangan-pandangan mereka ini amat berkecamuk sekali. Akan tetapi apa yang penting ialah pihak kerajaan sendiri. Sebelum membuat apa-apa keputusan, jangan terburu-buru, jangan tergesa-gesa. Ini pun saya boleh terima hakikat. Saya ingin mengatakan Tuan Yang di-Pertua, bahawasanya rang undang-undang ini pun begitu gopoh. Memang begitu gopoh.

Rang undang-undang yang sebegini penting sepatutnya diambil masa tetapi ia ada kena mengena dengan persaraan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Hendak tinggal satu legasi sebagai satu ingatan. Walaupun sebagai satu ingatan di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang tetapi janganlah melakukan dan membuat sesuatu yang ada kesan yang tidak baik kepada negara pada masa akan datang. Kita ada banyak masa, kita ada banyak ruang, banyak waktu yang tidak perlu kita gopoh. Buat sesuatu itu biarlah sempurna.

Akan tetapi amalan yang kita lihat selama ini, bila dibangkitkan, bila ditanya, bila disoal, semuanya tidak ada masalah. Semuanya akan ditangani. Ini sudah difikirkan, tetapi bila dilaksanakan, macam-macam timbul masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Bak kata Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas, jangan akhirnya banyak kita buat, orang kata "keris makan tuan". Sudah banyak pengalaman-pengalaman sebelum ini, ibarat kata, "keris makan tuan".

Berhati-hatilah dan kita menyokong apa sahaja tindakan untuk kebaikan negara kita lebih-lebih lagi dalam penubuhan suruhanjaya pelantikan hakim-hakim ini. Saya harap selepas ini isu dalam bidang kehakiman sudah selesai. Akan tetapi saya juga percaya Tuan Yang di-Pertua, esok-esok akan datang, terlibat mana-mana tokoh-tokoh politik yang

berpengaruh dan dihadapkan ke mahkamah, timbul lagi masalahnya nanti. Tidak akan habis. Inilah nafsu politik Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingatkan diri saya sendiri juga sebagai orang politik tetapi yang pahit walaupun bukan yang pahit mesti juga dikata pahit sebab ia satu perkara yang benar. Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

■2030

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada peringkat ini saya ingin bataskan perbahasan 20 minit seorang. Saya jemput Yang Berhormat Kuala Krau.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Ipoh Barat, ada peluang. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana membentangkan rang undang-undang bagi penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman.

Saya percaya dengan pembentangan rang undang-undang ini boleh mengembalikan integriti institusi kehakiman dan kredibiliti hakim-hakim di dalam negara kita. Kita percaya sejak 20 tahun yang lalu bahawa pelantikan hakim kita hanyalah berkisah atau berkitar kepada Ketua Hakim dan juga Perdana Menteri tanpa apa-apa syor atau perbincangan-perbincangan dengan pihak-pihak yang lain yang mempunyai autoriti dan yang mempunyai integriti yang tinggi.

Ini menyebabkan selalunya terdedah kepada dorongan, pandangan-pandangan yang tidak tepat, nasihat yang tidak betul dan akhirnya pelantikan seseorang hakim itu akan dianggap sebagai seorang pelantikan yang tidak telus dan juga pelantikan yang mungkin dianggap sebagai pilih kasih. Saya ingin merujuk kepada isu yang pertama iaitu isu keanggotaan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman iaitu fasal 5(1). Saya menyokong bahawa pelantikan suruhanjaya ini mestilah terdiri daripada anggota yang disebut yang telah dibentangkan di dalam rang undang-undang ini:

(a) Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan menjadi Pengerusi;

(b) Presiden Mahkamah Rayuan;

(c) Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya;

(d) Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak;

(e) Seorang Hakim Mahkamah Persekutuan yang dilantik oleh Perdana Menteri; dan

(f) Empat orang yang terkemuka yang bukan merupakan anggota eksekutif atau perkhidmatan awam yang lain.

Ingin saya menyokong bahawa empat orang yang terkemuka ini bukanlah seorang eksekutif atau penjawat awam yang masih dalam perkhidmatan kerana mungkin ada terlibat pilih kasih dan sebagainya. Saya juga menyokong supaya selain daripada bukan eksekutif atau perkhidmatan awam yang lain, saya tidak bersetuju sekiranya empat orang ini salah seorangnya terdiri wakil daripada Majlis Peguam. Yang Berhormat Ipoh Barat sudah keluar ya?

Ini kerana sekiranya ada di antara wakil daripada Majlis Peguam bahawa sesuatu mas nanti seseorang peguam akan berhadapan dengan hakim semasa mengendalikan kes. Ini akan menimbulkan *conflict of interest*. Namun cukuplah memadai dengan peruntukan bahawa Perdana Menteri bolehlah berbincang dengan Majlis Peguam untuk mencadangkan salah seorang daripada empat orang yang terkemuka selain daripada Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Presiden Mahkamah Rayuan dan sebagainya. Saya tidak

bersetuju wakil atau presiden daripada Majlis Peguam, saya tidak bersetuju. Oleh kerana kalau katalah Yang Berhormat Ipoh Barat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Kuala Krau...

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Ipoh Barat ini anggota Majlis Peguam, dia mencadangkan untuk melantik termasuk saya juga untuk melantik mana-mana hakim. Satu masa nanti Yang Berhormat Ipoh Barat anggota suruhanjaya juga Anggota Majlis Peguam pengendali pengamal undang-undang, mengendalikan kes di hadapan hakim tersebut mestilah wujud *conflict of interest*. Ini saya membantah dan cukuplah sekadar selepas berunding dengan Majlis Peguam juga berunding dengan Persatuan Undang-undang Sabah, Persatuan Peguam bela Sarawak, Peguam Negara, Peguam Besar Perkhidmatan Negeri atau mana-mana badan berkaitan yang lain.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Kuala Krai hendak tolong kah?

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Mohon penjelasan terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai secara objektif pandangan Yang Berhormat Kuala Krau bawah Ahli Majlis Peguam tidak boleh menduduki suruhanjaya sembilan orang ini kerana kemungkinan katanya peguam-peguam ini akan berhadapan dengan hakim-hakim yang dipilih oleh suruhanjaya ini. Ada sembilan orang ahli suruhanjaya ini Tuan Yang di-Pertua.

Empat orang ini maksud Yang Berhormat Kuala Krau bukan *lawyer*, bukan Ahli Majlis Peguam. Tiba-tiba dia ambil *law* selepas dia dilantik hakim-hakim ini dia ambil *law*. Dia jadi peguam, umur 60 boleh lagi. Dia jadi peguam bertemu dengan hakim yang dia telah lantik bersama dengan suruhanjaya. Bagaimana kedudukan? Empat orang termasuk Ketua Hakim Negara yang telah tamat tempoh khidmat Ketua Hakim Negara.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sudah faham.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kemudian dia jadi pengamal pula. Jadi macam mana, semua orang yang ada di dalam itu tidak boleh jadi peguam untuk bertemu dengan hakim yang mungkin akan dilantik oleh suruhanjaya ini.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sebab itulah saya katakan, jika seseorang itu menjadi anggota suruhanjaya pelantikan kehakiman dia dalam masa yang sama juga jadi peguam dan dia boleh dibantah oleh pihak yang lain untuk mengembalikan kes tersebut.

Untuk mengelakkan bantahan dan untuk mengelakkan *conflict of interest*. Termasuk juga Peguam Negara, daripada Jabatan Peguam Negara juga saya juga tidak bersetuju jika Peguam Negara dilantik sebagai anggota bagi panel sembilan orang ini. Salah seorang daripada empat orang terkemuka, bukan sahaja daripada Majlis Peguam, daripada Jabatan Peguam negara pun, Yang Berhormat Ipoh Barat bersetuju kalau disebut daripada AG ini memang dia setuju. Sebut daripada Majlis Peguam dia tidak setuju.

Jadi inilah saya katakan bahawa tidak boleh daripada Majlis Peguam, kita tidak bersetuju daripada Persatuan Peguam di Sabah, di Sarawak termasuk juga daripada Jabatan Peguam Negara. Saya juga tidak bersetuju kerana ada masanya Peguam Negara juga akan terlibat untuk mengendalikan kes di hadapan hakim-hakim. Apakah ketika itu dia membuat syor dan duduk di dalam mesyuarat untuk pelantikan hakim, satu masa akan berhadapan dengan hakim yang dicadangkan untuk menjadi hakim mengenai suruhanjaya ini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sila Yang Berhormat Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Krai dia mungkin bersara politik dan menjadi peguam, mungkin kalau nanti kita timbang sebagai anggota. Itu mungkin Yang Berhormat Pokok Sena tidak bersetuju sebab dia lain… *[Ketawa]*

Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat tentang bahawa isu Yang Berhormat bawa dari *conflict of interest*. Namun di sini dalam 5F ini, hendaklah dilantik sekurang-kurangnya ada kepakaran dalam sektor undang-undang. Apakah pandangan Yang Berhormat kalau juga mereka ambil, mereka-mereka yang tidak ada kepentingan, tetapi ada kepakaran. Contohnya dekan-dekan universiti yang mengajar tentang undang-undang. Mereka tahu dahulu mereka dengan izin, *practicing lawyer*, tetapi sekarang sudah tidak *practice* menjadi dekan atau pensyarah. Mereka ini ada kepakaran, tetapi tidak ada kepentingan. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Rompin. Akan tetapi kalau kita rujuk balik empat orang yang terkemuka yang bukan merupakan anggota eksekutif atau perkhidmatan awam yang lain. Pensyarah apa kategori dia, perkhidmatan awam yang lain. Kalau di bawah perkhidmatan awam yang lain, di bawah rang undang-undang ini tidak dibenarkan.

Saya percaya kalaulah pensyarah atau dekan yang mempunyai pengalaman, seorang profesor yang mempunyai pengalaman yang telah bersara dan sebagainya. Yang tidak berkhidmat dengan perkhidmatan awam mempunyai integriti yang tinggi mempunyai pengalaman dari segi undang-undang, tidak mengamalkan undang-undang, tidak berat sebelah macam Yang Berhormat Ipoh Barat; adil dan mempunyai peribadi moral yang baik yang tinggi. Saya percaya mereka ini boleh dilantik sebab sebagai anggota suruhanjaya bagi pelantikan kehakiman.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Telok Intan, okey sila.

■2040

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Adakah Yang Berhormat tahu perbezaan antara Majlis Peguam, *Bar Council* dan *The Malaysian Bar.* Ini dua adalah berasingan. Seumpamanya kalau kita wakil Dewan Rakyat, kita tidak boleh menyertai Majlis Peguam. Ada peruntukan undang-undang yang tidak membenarkan seorang yang aktif dalam politik menyertai Majlis Peguam. Akan tetapi semua *practicing lawyers* adalah *member of The Malaysian Bar. Malaysian Bar* itu lebih kurang 13,000 anggotanya tetapi Majlis Peguam itu *sorry Bar Council,* Majlis Peguam. Jadi mereka adalah *controlling body,* Majlis Peguam. Jadi saya rasa ini harus diperjelaskan. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya percaya, saya berpendapat kedua-dua ini tidak layak, tidak boleh dicalonkan untuk menjadi salah seorang daripada empat orang yang terkemuka kerana kedua-duanya mengamalkan undang-undang. Setuju Yang Berhormat Telok Intan? Setuju, terima kasih, tidak payah saya jelaskan lagi.

Point saya yang kedua iaitu fungsi dan kuasa suruhanjaya. Ini rujuk kepada fasal 21. Fasal 21, fungsi suruhanjaya adalah untuk memilih orang berkelayakan yang sesuai,

(a) wajar dilantik sebagai hakim mahkamah atasan untuk pertimbangan Perdana Menteri;

(b) untuk menerima permohonan daripada orang berkelayakan bagi pemilihan hakim-hakim ke mahkamah atasan;

(c) untuk merumuskan dan melaksanakan mekanisme bagi pemilihan dan pelantikan hakim mahkamah atasan;

(d) untuk mengkaji semula dan mengesyorkan program kepada Perdana Menteri bagi memperbaiki pentadbiran keadilan.

Bukan sahaja peranan, fungsi dan kuasa suruhanjaya untuk mengesyorkan nama-nama hakim sama ada Hakim Mahkamah Tinggi Malaya, Hakim Mahkamah Rayuan dan sebagainya tetapi saya sangat menyokong kerana membincangkan, mengkaji sedalam-dalamnya apakah peranan dan syor yang perlu diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi memperbaiki pentadbiran keadilan di dalam negara kita termasuk menaikkan integriti dan kredibiliti hakim dalam negara kita.

(e) untuk membuat syor lain berkenaan dengan badan kehakiman.

Cadangan mengenai badan kehakiman yang boleh dibuat oleh suruhanjaya ini sangat saya setuju.

Seterusnya tentang kriteria pemilihan fasal 23. Fasal 23(1) iaitu seseorang layak bagi pemilihan jika dia mempunyai kehendak di bawah Perkara 123, Perlembagaan Persekutuan, ini biasa. Dalam memilih calon, suruhanjaya hendaklah mengambil kira antara lain, yang pertamanya; integriti, kompetensi dan pengalaman objektif, tidak berat sebelah, adil, peribadi moral yang baik, ketegasan, kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang.

Ini kadang-kadang macam mana kita nak lantik hakim yang daripada Mahkamah Tinggi kepada hakim Mahkamah Rayuan dan hakim Mahkamah Persekutuan, ketua hakim. Kadang-kadang tidak ada *ground of appeal* yang ditulis iaitu alasan-alasan penghakiman yang ditulis. Isu yang terbaru di dalam negara kita menerusi suruhanjaya baru-baru ini video Lingam. Alasan penghakiman ini diupah, peguam yang menulis dan hanya baca. Ini telah dilantik, disyorkan untuk menjadi hakim. Ini yang kita mahu elakkan supaya paling tidaknya selepas perbicaraan tamat, sekurang-kurangnya dalam tempoh enam bulan atau tiga bulan *ground of appeal.*

Atau dia telah menyelesaikan alasan-alasan penghakiman secara penulisan sebelum diputuskan penghakiman tersebut. Bukan diupah atau dilakukan oleh penolong kanan pendaftar atau sekretari hakim tersebut. Kadang-kadang kerja-kerja tugasan penulisan, alasan penghakiman ini dibicarakan di hadapan hakim Mahkamah Tinggi A katanya tetapi alasan penghakiman diarahkan oleh penolong kanan pendaftar untuk menulis penghakiman, ini tidak betul. Jadi kita mahu, ini contoh sekiranya ada. Apatah lagi kita melantik hakim yang memberi upah kepada peguam terkemuka untuk membuat penulisan penghakiman dilantik sebagai hakim.

Saya juga menyokong; *"Seseorang yang merupakan hakim atau pesuruhjaya kehakiman yang sedang berkhidmat tidak boleh dilantik jika dia mempunyai tiga penghakiman atau lebih yang belum selesai atau alasan penghakiman yang belum ditulis yang terlewat 60 hari atau lebih dari tarikh penghakiman atau ada alasan penghakiman itu disifatkan cukup tempoh".* Ini yang saya jelaskan.

Seterusnya tentang isu yang keempat iaitu pemberian nasihat, fasal 28. Biasanya amalan sekarang ini, Ketua Hakim Negara mencadangkan nama, berbincang dengan Perdana Menteri, Perdana Menteri setuju atau tak setuju dibincangkan semula. Sekiranya bersetuju dibentangkan dan dibawa ke Majlis Raja-Raja, kalau Majlis Raja-Raja terus lantik. Kalau tidak setuju, bincang lagi terus kepada Agong jika sekiranya setuju. Sekarang ini melalui rang undang-undang ini, dilantik Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman, dibincangkan nama-nama hakim atau ketua hakim atau hakim Mahkamah Agung, dibincangkan dengan Ketua Hakim Negara. Selepas itu bincang dengan Perdana Menteri, dan sekiranya Perdana Menteri tidak setuju, balik semula bincang dengan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman. Iaitu kita tidak mengurangkan kuasa Perdana Menteri untuk mencadangkan kepada Majlis Raja-Raja bagi pelantikan hakim-hakim di dalam negara kita. Cuma satu isulah yang saya...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Laluan.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sekejap ya. Yang saya hendak timbulkan, adakah suruhanjaya ini mempunyai kuasa undang-undang atau penguatkuasaan? Contohnya suruhanjaya ini telah mencadangkan nama Yang Berhormat Ipoh Barat sebagai hakim, contoh, fasal Yang Berhormat Ipoh Barat ini berminat untuk menjadi hakim dalam negara kita…

Tuan Yang di-Pertua: Sangkaan baik.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sangkaan baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekejap ya, Yang Berhormat Putatan sekejap. Dalam masa yang sama juga mencadangkan nama Yang Berhormat Telok Intan untuk menjadi hakim. Ada dua, tiga nama, tiba-tiba Yang Berhormat Ipoh Barat ini tidak dipersetujui oleh Perdana Menteri. Perdana Menteri boleh tolak balik. Adakah Perdana Menteri mempunyai hak untuk menolak balik nama-nama yang telah disyorkan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman?

Apa kedudukan sebenarnya dari segi undang-undang kalau kita bentang, kita bahas, suruhanjaya membuat syor satu kali boleh tolak, yang kedua kali boleh tolak atau yang ketiga kali boleh tolak atau boleh tolak berapa kali pun atau ada had-hadnya sekiranya sekali boleh ditolak, balik semula bincang, cari hakim lain, syorkan nama yang lain. Lepas itu tolak lagi, balik lagi bincang kali kedua atau sampai kali ketiga mestilah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju dan mengesyorkan kepada Majlis Raja-Raja. Ini saya ingin tahu daripada pihak kerajaan kerana bahawa kalau kita tidak berhati-hati, Yang Berhormat Ipoh Barat akan menjadi jaguh dalam ceramah-ceramah politik di luar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Putatan masih berdiri Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya, Yang Berhormat Putatan sila.

■2050

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kuala Krau. Apabila Yang Berhormat menyentuh tentang syor-syor yang akan dikemukakan oleh pihak Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman di negara kita ini iaitu rang undang-undang yang akan kita bahas ini.

Saya minta sedikit penjelasan atau pendapat daripada Yang Berhormat tentang pelantikan hakim. Di Malaysia ini kita ada dua mahkamah iaitu mahkamah Semenanjung dan mahkamah di Sabah dan Sarawak yang apabila kita melihat Artikel 122(B) dan 161(E) bahagian 1(B) kalau saya tidak silap.

Ia memerlukan *concern* atau persetujuan sekiranya di Sabah dan Sarawak memerlukan *concern* daripada negeri Sabah iaitu melalui Ketua Menteri. Apa pendapat Yang Berhormat jika syor yang dikemukakan oleh pihak suruhanjaya ini mungkin apabila membuat syor kepada Perdana Menteri dan Perdana Menteri akan merujuk atau meminta persetujuan daripada kerajaan negeri misalnya di negeri Sabah dan ia mungkin tidak dapat dipersetujui oleh Ketua Menteri melalui dengan nasihat Kabinet kerajaan negeri.

Walaupun Perlembagaan ini *stand*, kita tidak perlu ubah Perlembagaan ini kerana Suruhanjaya Pelantikan Hakim ini adalah *independent*, dia sendirinya yang kita lihat. Apa yang menjadi kita khuatir peringkat mana rujukan itu dibuat, adakah dibuat di peringat awal sebelum suruhanjaya ini membuat atas syor kepada Perdana Menteri ataupun selepas dengan itu. Ini kita minta penjelasan daripada pihak Menteri melalui Yang Berhormat. Jadi sebelum itu minta pendapat daripada Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya bersetuju supaya amalan sekarang dikekalkan walaupun Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman ini kita wujudkan di mana bagi Sabah dan Sarawak ada ruang untuk Ketua Menteri bagi Sabah dan Sarawak memberikan nasihat, pandangan dan mengesyorkan nama-nama yang sepatutnya menjadi hakim di Sabah dan Sarawak. Saya percaya Menteri akan menjawab lebih *detail* mengenai pelantikan hakim di Sabah dan Sarawak selepas rang undang-undang atau selepas Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman ini diluluskan.

Terakhirnya Tuan Yang di-Pertua mengenai obligasi kerahsiaan, fasal 32. *"Tiada anggota suruhanjaya dan pegawai dan pekhidmat suruhanjaya sama ada semasa atau selepas tempoh jawatan atau pekerjaannya boleh mendedahkan apa-apa maklumat atau dokumen yang diperolehnya semasa menjalankan tugas"*. Saya mengesyorkan walaupun selepas dua tahun dia tidak dilantik semula atau dia berhenti dan sebagainya ada melakukan kesalahan yang menurut di bawah fasal 32 ini, saya mencadangkan supaya obligasi kerahsiaan ini sepanjang hayat anggota suruhanjaya.

Selepas dia tidak menjadi anggota suruhanjaya, dia juga mesti menjaga kerahsiaan, contohnya kenapakah 'A' ini disyorkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak bersetuju atas sebab-sebab apa sebab kita tengok banyak sangat penulisan-penulisan daripada akhbar dan sebagainya, bekas-bekas hakim di dalam negara kita berbagai-bagai-bagai pandangan, berbagai-bagai tohmahan dibuat selepas tidak menjadi hakim atau selepas bersara. Saya mencadangkan supaya kerahsiaan ini sepanjang hayat walaupun selepas anggota suruhanjaya ini tidak menjadi anggota Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman. Dengan itu saya menyokong.

8.55 mlm.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pertama perkara yang mustahak, rang undang-undang ini adalah satu rang undang-undang yang diperlukan tetapi saya ada beberapa perkara yang saya harap kerajaan dapat memikir sebelum apa-apa terjadi apabila rang undang-undang ini bertentangan dengan *Federal Constitution* dan sebagainya.

Nombor satu rang undang-undang ini hanya terlibat dengan pelantikan kehakiman tetapi realitinya, bukan sahaja pelantikan kehakiman yang mustahak tetapi kenaikan pangkat hakim-hakim juga lebih mustahak. Ini perkara yang saya rasa yang tidak dinyatakan dan tidak diambil kira langsung di rang undang-undang ini.

Kita sebagai Ahli Parlimen, kita sebenarnya walaupun kita ada bantahan, akan tetapi oleh kerana ini satu rang undang-undang yang baik, yang perlu kita kemungkinan besar akan memberi sokongan. Akan tetapi yang saya tidak faham dan ramai di antara peguam-peguam di negara ini yang terlibat dengan perkara sedemikian tidak faham kenapa tidak ada *judicial appointment and promotion commission* dinamakan *commission,* ini kerana pelantikan adalah satu di antara prosesnya tetapi kenaikan pangkat hakim-hakim adalah satu perkara yang selalu ditanya-tanya soalan-soalan yang dibangkitkan di negara ini.

Kita semua tahu ada hakim-hakim yang telah dilantik macam satu hakim adalah Sri Ram tahun 1992 dilantik di *Court of Appeal,* sehingga sekarang dia dinaikkan pangkat. Apa sebabnya, walaupun kita semua tahu yang terlibat dalam arena undang-undang, dia adalah salah satu di antara hakim yang sangat progresif dan telah menulis beberapa *judgment land mark judge* dalam negara ini dan saya hairan.

Ini bukan kali pertama saya bangkitkan perkara ini. Tahun dahulu itu pun beberapa kali saya telah bangkitkan perkara ini dan juga ada ramai di antara hakim-hakim yang lain yang tidak dinaikkan pangkat dan ini menjadi satu tanda tanya di negara ini.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya bersetuju dengan hujah-hujah Yang Berhormat Ipoh Barat. Cuma kalau kita tengok Yang Berhormat Ipoh Barat, amalannya muka surat 17, rang undang-undang ini, ada peruntukan Pesuruhjaya Kehakiman boleh memohon untuk menjadi hakim Mahkamah Tinggi.

Saya ingin bertanya untuk mendapatkan penjelasan daripada pengalaman Yang Berhormat Ipoh Barat, adakah ini satu peraturan atau satu peluang yang baru bagi Pesuruhjaya Kehakiman untuk menjadi hakim. Amalannya adakah dilantik atau kalau kita menjadi Pesuruhjaya Kehakiman kita boleh memohon untuk menjadi hakim. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Ipoh Baratlah mengenai muka surat 17, Pesuruhjaya Kehakiman boleh memohon untuk menjadi hakim Mahkamah Tinggi, apa pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan yang dikemukakan oleh kawan saya Yang Berhormat Kuala Krau. Sebenarnya mungkin Yang Berhormat tidak tahu. Pesuruhjaya Hakim selepas tempoh masa kontrak atau dalam tempoh masa kontrak dia boleh dilantik sebagai hakim, *full time High Court Judge*. Ini terpulang kepada Ketua Hakim Negara dan Perdana Menteri dan proses ini akan dijalankan. Saya rasa seksyen itu...

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya tanya sama ada sekarang amalannya dengan permohonan atau dilantik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dilantik.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sekarang ini boleh Pesuruhjaya Kehakiman boleh memohon, apa pandangan. Satu peluang yang baru pada Pesuruhjaya Kehakiman.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya rasa itu adalah untuk Menteri untuk menjawab tetapi saya tidak ingin masuk dalam itu. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua ini adalah menjadi satu persoalan, tanda tanya mengenai *promotion* dalam hakim-hakim, Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Persekutuan dan ini perkara yang perlu ada ketelusan.

Walaupun Menteri hari ini semasa membentangkan rang undang-undang ini telah mengatakan bahawa dengan pembentangan rang undang-undang ini dan kelulusannya, dia kata ia akan menjadi lebih telus dan menyeluruh tetapi adakah ini benar?

■2100

Kalau sedemikian, kenapa peningkatan *promotion* hakim-hakim tidak dinyatakan. Kenapa ia tidak diambil kira kerana itu adalah satu perkara yang mustahak, yang juga disuarakan oleh Majlis Peguam dan semua orang yang ada berkaitan, yang tahu mengenai hal ini, di mana kerap kali kita katakan ada pilih kasih di antara pihak-pihak yang berkenaan, yang perlukan tim 'A' untuk dinaikkan pangkat, tim 'B' tidak dibenarkan dinaikkan pangkat.

Saya ingat lagi *the poison letter* pada tahun 90-an di mana *33 page poison letter,* di mana kalau kita ingat lagi, peguam-peguam saya ingat lagi di mana Ketua Hakim Negara pada masa itu dikatakan telah menghantar anak buahnya yang disukai untuk *conferences* ke *Brussels* dan ke New York. Akan tetapi tim 'B' pula yang dia tidak suka dihantar ke Bangkok dan Singapura.

Alasannya ialah saya hantar mereka. Jadi apa dia hendak *complaint*, hakim-hakim ini. Jadi ini adalah pilih kasih. Ini adalah satu perkara yang tidak di *address* oleh rang undang-undang. Ini kesian, kerana ini adalah satu masa yang baik untuk perkara sedemikian diambil kira. Walaupun saya nampak dalam semua rang undang-undang ini, ada beberapa cadangan yang bagus. Akan tetapi yang saya khuatir Tuan Yang di-Pertua, adalah seperti yang telah dibangkitkan. *122B Federal Constitution* dan lagi satu adalah 161E. Dengan izin saya baca, Tuan Yang di-Pertua. *161E Federal Constitution. Safeguards for constitutional position of States of Sabah and Sarawak.*

> *"161E (2) No amendment shall be made to the Constitution without the concurrence of the Yang di-Pertua Negeri of the State of Sabah or Sarawak or each of the States of Sabah and Sarawak concerned, if the amendment is such as to affect the operation of the Constitution as regards any of the following matters:*
>
> *(b) the constitution and jurisdiction of the High Court in Sabah and Sarawak and the appointment, removal and suspension of judges of that court."*

Bermakna pelantikan *subject to, for the constitution* dan ini bermakna ini bertentangan. Kita mungkin akan luluskan esok rang undang-undang ini. Macam mana ia dapat mengatasi 161E ini. Ini adalah satu perkara macam mana, adakah pihak-pihak *Parliamentary draftsman* telah meneliti akibatnya dan *Federal Constitution* yang kena mengena dengan ini, di mana tidak mengikut dan bercanggah *very clear cut conflict* dan kenapa ini tidak diambil kira, walaupun saya difahamkan pada hari Sabtu surat khabar-surat khabar di negara ini telah membangkitkan perkara yang sama.

Kita juga ingin tahu, kami difahamkan bila *amendment* 121(1) juga tidak ada persetujuan dengan Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak yang berkaitan juga. Ada

seksyen-seksyen yang mengatakan bahawa ia bertentangan dengan undang-undang *Federal Constitution*. Tidak diambil kira langsung.

Kenapa Sabah dan Sarawak ini dianaktirikan, tidak diambil kira dan dipinggirkan dan perkara-perkara itu tidak diambil kira langsung oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Barisan Nasional. Saya rasa ini adalah perkara yang mustahak. Saya sebenarnya telah menerima *e-mail* pada hari Khamis dari seorang peguam di Sarawak yang mengatakan bahawa bila dia menghantar *e-mail* baru saya pun sedar kerana kita semua bila membaca undang-undang *lopsided* sedikit, kita hanya ingat *States of Malaya*. Akan tetapi berkaitan dengan *Sabah and Sarawak* adalah unik. Kerap kali Kerajaan Persekutuan lupa bahawa *Sabah and Sarawak is not a similar state like the other state in this country.*

Mereka adalah unik, luar biasa dan perlu diberikan perhatian yang lebih. Sebab itulah ada undang-undang *Federal Constitution* yang *entrench* proviso-proviso, yang tertentu untuk menguntungkan lagi dan memberi lebih kuasa kepada Sabah dan Sarawak. Ini perlu diambil kira oleh kerajaan dan...

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: *[Bangun]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya khuatir selepas rang undang-undang ini diluluskan oleh Parlimen, ia mungkin bukan saja *ultra virus Federal Constitution,* tetapi mungkin akan di *declare now and then*...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Kapit.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat Ipoh Barat telah menyentuh fasal dan perkara yang dikatakan, *"The interest of Sarawak and Sabah"* tidak diambil kira. Saya hendak pandangan daripada Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan bagaimanakah untuk mengambil kira kepentingan Sarawak dan Sabah dalam hal ini. Jelaskan.

Satu. Ada juga di dalam rang undang-undang ini dikatakan *consultation* akan dibuat. Adakah itu tidak memadai. Saya hendak penjelasanlah. Okey, terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Nombor satu, mengikut 161E, saya ingat *very clear. Consultation* tidak cukup. Ini adalah satu undang-undang yang bercanggah dengan 161E. Jadi macam mana *consultation* boleh mengatasinya? Pada pandangan saya, kalau kes ini dibawa kerana *constitution issue* terus ke Mahkamah Persekutuan, ini boleh di *declare now and then.* Kita perlu ingat bahawa *Sabah and Sarawak* ini, Tuan Yang di-Pertua saya rasa di negara ini kerap kali mereka tidak tahu, mereka berpendapat bahawa *Sabah and Sarawak is another state in this country*. Dia adalah unik bila mereka masuk. Dia ada *some of the* macam 21 proviso dan sebagainya. Dia berbeza sedikit.

Itulah sebab dalam *Federal Constitution* ada *entrenched provision* untuk mereka. *There is special protection.* Ini kita perlu ingat. Itu sebab bila kita pergi ke Sabah dan Sarawak sekarang kita perlukan lagi IC dan sebagainya. Ada ini keunikan mereka. Ramai di antara warganegara khususnya belia tidak tahu, tidak mahu tahu dan tidak faham. Saya pun hairan macam mana satu rang undang-undang ini yang saya rasa bertentangan, *very clear cut, crystal clear,* tidak diambil kira langsung dalam perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk berhujah mengenai had pelantikan hakim-hakim.

Baru-baru ini lebih kurang 20 orang hakim telah diarahkan pindah dari Ipoh ke Shah Alam, dari Shah Alam ke tempat-tempat lain. Saya difahamkan mereka hanya diberi lebih kurang lima atau sepuluh hari notis untuk melaporkan di satu tempat sebagai hakim, dipindahkan ke satu mahkamah yang baru. Akan tetapi perpindahan mereka itu adalah sesuatu yang biasa, bukan luar biasa. Akan tetapi tempoh masanya adalah mustahak kerana kerap kali Tuan Yang di-Pertua mesti tahu bahawa seorang hakim menjalankan kes. Ada *part half cases.* Macam mana ini semua pihak yang berkaitan akan menderita kerana hakim itu akan melaporkan di tempat yang lain, tidak ada hakim atau hakim yang lain tidak ingin mengambil kes-kes tersebut. Kerap kali bila saya buat kes di mahkamah-mahkamah, hakim yang baru kata, "Saya tidak ingin dengar kes ini kerana kes ini *part heard* oleh hakim yang lain. Tolong tulis kepada Ketua Hakim Negara".

Itu mengambil masa sekurang-kurangnya enam bulan ke satu tahun. Lagi ditangguhkan. Dalam satu proses *main created* semua ini. Baru-baru ini bila hakim macam hakim di Ipoh, V.T. Singam diarahkan melaporkan di Shah Alam. Tidak ada ganti langsung. Saya juga difahamkan hakim-hakim di merata-rata tempat yang telah dipindahkan ke tempat lain, tidak ada penggantian langsung dan *this* dengan serta-merta mengakibatkan *backlog of cases*. Kita sekarang difahamkan Tuan Yang di-Pertua ada lebih kurang lebih dari satu juga kes sivil yang tertunggak di Mahkamah Tinggi. Kalau itu betul. Kalau tidak mengambil kes-kes baru dan mahkamah bersidang pagi dan malam untuk dua tahun lagi kes-kes yang sedia ada pun tidak akan dapat diselesaikan. Apa lagi kita kekurangan hakim. Yang perlu inisiatif yang baru adalah kita perlu melantik hakim-hakim dan juga memberi gaji yang lumayan kepada mereka.

Saya ada beberapa kali mengatakan bahawa bila seorang peguam mengamalkan undang-undang, dia berpendapatan lumayan. Kita bersedia dan faham bahawa bila menjadi hakim, dia perlu, *they must be hacked up* mendapat pendapatan yang kurang, tetapi kerap kali mereka mendapat pendapatan yang sangat kurang sebagai hakim. Ini satu perkara yang perlu diambil kira supaya mengelakkan korupsi dan perkara-perkara berkaitan.

■2110

Saya cadangkan supaya semua pendapatan hakim-hakim dikecualikan cukai, *tax free* seperti Ahli-ahli Parlimen supaya mereka ada insentif dan mereka patut dibayar bayaran gaji dan elaun yang lumayan. Ini tidak diambil kira. Saya harap pihak-pihak yang berkaitan, *the authority* akan ambil kira bahawa *if we want the best judges, we must also be able to pay them* dan kita akan menarik lebih peguam-peguam. Dalam pelantikan kita perlu ketelusan walaupun Yang Berhormat Menteri telah mengatakan ada ketelusan dan sebagainya, saya telah mengamalkan undang-undang lebih dari 25 tahun.

Saya tidak faham kenapa ada kawan-kawan saya yang dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi, ada kawan-kawan saya yang lebih baik, lebih dalam jurusan undang-undang sehingga kini telah diketepikan walaupun saya hendak kata dengan *caveat,* mereka tidak terlibat dalam politik tetapi oleh sebab *they are not the blue eyed boy of the Chief Justice, they are not the blue eyed boy of the government*. Walhal peguam-peguam ini ada kebolehan yang luar biasa. Ini adalah proses yang perlu diambil kira di mana kenapa kita hairan kalau kita mengamalkan undang-undang kita akan faham bahawa kenapa Mr. A dilantik, Mr. B tidak dilantik. Mr. A, oh dia kenal Ketua Hakim Negara, oh Mr. A dia kenal Menteri, itu sebab.

Dalam peningkatan, *promotion* juga keadaan yang sama. Saya tahu beberapa Hakim-hakim Mahkamah Tinggi, dia ada di Ipoh enam bulan, selepas itu ke Johor Bahru lapan bulan, selepas satu tahun ke Sabah. Kita tidak boleh lupa apa terjadi kepada Mr. Dorai pada lebih kurang 10 tahun dulu serta-merta pada pukul 4.00 petang dikatakan diarahkan pindah ke Sabah dan pukul 4.30 kunci untuk kenderaan beliau, *water and electricity was cut off*, diarahkan keluar dan dia meletakkan jawatan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi. Ini semua ada diskriminasi dalam sistem tersebut. Itu saya kata Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu, kita tidak mahu mengiktiraf perkara dalaman hal kehakiman di mana ada tim 'A' dan tim 'B'. Saya rasa dalam pelantikan Ketua Hakim Negara juga bila seorang ahli politik dilantik.

Ini adalah satu di antara perkara yang tidak patut terjadi di negara ini. Hakisan harapan, hakisan *confidence* dalam sistem kehakiman negara ini. Ini menjadi hal-hal yang perkara yang perlu diambil perhatian. Adakah rang undang-undang ini akan mengambil dengan izin, *will this bill solve all these problems? Will this address the present issue?* Oleh sebab pada akhir sekali kita tengok penamaan empat *eminent person* sebagai yang terlibat dalam pelantikan hakim-hakim. Semua dilantik oleh seorang iaitu Perdana Menteri. Itu menjadi lagi soal-soal. Kalau kita tengok di England dan lain-lain di negara di mana para ahli politik langsung tidak terlibat.

Kenapa kerajaan tidak boleh beri kuasa, mempercayai sistem, bagi kepada satu yang bebas, yang boleh menjalankan tugas. Kenapa kita perlu khuatir, kenapa kita syak kepada semua hal ini? Kenapa hanya Perdana Menteri sahaja yang sangat lebih arif dalam perkara ini? Kenapa dia sahaja seorang yang sangat bebas yang betul-betul *above the*

law, above everything untuk membuat keputusan? Itu satu di antara perkara. Kita mungkin ada satu undang-undang yang bagus tetapi tidak guna kalau kita ada semua terletak kepada satu orang. Kita tahu dalam pemecatan Tun Salleh Abbas dan lain-lain, semua itu adalah berkaitan dengan politik, perbezaan pendapat.

Itu yang menyebabkan di mana mereka disingkirkan, dibuang kerja dan ini semua boleh dielak. Kalau kita ada seorang Perdana Menteri sedemikian, macam mana? Kita ada satu *crisis of confidence* dan ini perkara yang perlu juga dan bolehkah semua ini akan diselesaikan dengan kelulusan rang undang-undang ini? Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini kita ada dengar bahawa peranan Majlis Peguam dan sebagainya. Ada ramai orang yang besar saya ingat Yang Berhormat Menteri, masa itu Timbalan Menteri dalam jurusan undang-undang. Ada juga Ahli Parlimen di sini yang masa itu Timbalan Menteri undang-undang yang tidak faham undang-undang.

Saya ingat bercakap masa itu dia Timbalan Menteri undang-undang mengatakan bahawa peranan Majlis Peguam beza dari peranan majlis-majlis lain kerana dalam seksyen-seksyen yang tertentu di akta undang-undang peguam, ada *clause* yang mengatakan dengan izin, '*they must discharge their duty without fear of favor'*. Mereka perlu dari segi undang-undang. Jangan kita lupa sebelum tahun 1974, semua rang undang-undang di negara ini perlu mendapat pandangan dari Majlis Peguam tetapi lepas pemindaan undang-undang tersebut sekarang kita tidak perlu kerana masa dari tahun 1957 kita tidak ada peguam-peguam yang *very high quality* dalam AG Chambers. Jadi kita perlu pertolongan dari Majlis Peguam.

Sebab itu yang kita ada rang undang-undang dirujuk kepada Majlis Peguam. Jangan kita lupa peranan mereka. Jangan kita ingat mereka terlibat dalam arena politik bila menyuarakan, bila mereka bertentangan pandangan dengan Kerajaan Barisan Nasional atau Pakatan Rakyat. Kita perlu ingat bahawa mereka ada fungsi-fungsi yang tertentu, *statutorily speaking.* Ada yang tertentu kalau kita tengok undang-undang Bar Council. Jadi peranan yang mereka mainkan, jangan kita khuatir. Saya ingat pada tahun 1998 bila seorang Ahli Parlimen sekarang, dia seorang Ahli Parlimen pada masa itu, Timbalan Menteri *in charge of* undang-undang.

Dia telah cadang kepada Tun Mahathir, untuk apa, dia cadang supaya Pengerusi Majlis Peguam patut adalah seorang Attorney General. Kedua, dia kata, semua peguam-peguam yang telah dipilih sebagai wakil rakyat tidak lagi layak untuk mengamalkan undang-undang. Kedua-dua ini, mereka tidak berani untuk mengimplementasikannya kerana kita di Majlis Peguam mengajak AG untuk menjadi presiden kerana kalau dia menjadi presiden dia tahu berapa susah. Dia akan kena dengan betul-betul, dia akan kena marah, dengan maki di sana, bukan senang menjalankan tugas. Serupa juga kalau masa itu dia sangat pandai dan membuat macam-macam cadangan bahawa tidak membenarkan kami menjalankan dua tugas, *to wear two hats at the same time*, pengamal undang-undang dan menjadi Ahli Parlimen.

Jangan kita lupa pada hakikatnya *the benchmark* ini adalah undang-undang berkaitan dengan peguam-peguam. Kalau kita meneliti dengannya, *very clear* bahawa peranan mereka bukan sebagai organisasi untuk *protect*kan peguam-peguam tetapi juga ada objektif-objektifnya yang tertentu. Di antaranya adalah untuk menyuarakan perkara-perkara berkaitan dengan hal-hal undang-undang dengan tidak mengambil kira, tidak mana-mana *biased* dan menyuarakan. Ini mungkin tidak diterima oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional. Akan tetapi itu bukan mustahak tetapi kita perlu tahu bahawa kalau kita tidak setuju kepada peranan yang dimainkan oleh Majlis Peguam, lebih baik kita pergi membawa undang-undang tersebut dan *amend* undang-undang tersebut.

Selain dari itu Tuan Yang di-Pertua, pada hakikat saya, kita bukan sahaja dalam pelantikan dan sebagainya yang mustahak. Kita juga perlu *empower* hakim-hakim. *Empower* nya dengan sistem yang baru, sistem komunikasi, sistem komputer, *secretaries* dan sebagainya. Kerap kali hakim-hakim Mahkamah Tinggi...

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi Yang Berhormat, dua minit lagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kerap kali Tuan Yang di-Pertua Hakim-hakim Mahkamah Tinggi mengatakan bila mereka menjawat jawatan hakim-hakim, mereka *paralyze* kerana ada setiausaha-setiausaha yang dihantar kepada mereka tidak tahu Bahasa Inggeris. Hendak taip pun *not as fast as the judge* dan *command of the language* pun tidak ada. *They have to carry this*, mereka kata *carry, guide them through*. *This is no time* untuk *judge, he is a thinking man*. Kita perlu *harness this well* dengan izin. *These are mechanical factors* Tuan Yang di-Pertua, yang dapat diatasi.

▪ **2120**

Saya cadangkan bahawa dalam pelantikan setiap hakim, diberi elaun yang tertentu untuk melantik setiausahanya sendiri. Macam kitalah Tuan Yang di-Pertua. Bila kita hendak setiausaha, kita tidak ada satu setiausaha dari kerajaan. Kerajaan bagi sedikit elaun dan kita lantik orang yang kita suka. Demikian juga perlu dibuat kepada hakim-hakim supaya mereka boleh memainkan peranan yang lebih baik dalam sistem yang sedia ada.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, mengenai jurubahasa-jurubahasa. Kekurangan jurubahasa di mahkamah-mahkamah juga menjadi hal yang mustahak. Baru-baru ini kes di mana di seluruh Malaysia, saya difahamkan hanya ada satu jurubahasa Bangladeshi, satu jurubahasa Pakistani untuk seluruh negara. Macam mana kes-kes dapat dijalankan dan kes-kes yang dirayu dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan. Sekarang saya sendiri tahu ada kes-kes sudah tujuh tahun di Mahkamah Rayuan belum lagi ditetapkan untuk perbicaraan.

Saya difahamkan di Shah Alam, kes-kes baru tahun 2008, sekarang ditetapkan untuk perbicaraan pada tahun 2010. *Unimaginable* Tuan Yang di-Pertua. Telah di *postpone* satu kali pada tahun 2010 ke 2015. Bolehkah ini masuk akal? Saya tak faham. Ini satu perkara yang perlu kita atasi. Mungkin kita perlu *evening court*. Kita perlu *county judges* macam di England. Saya masih ingat pada tahun 1982, di mana ada peguam-peguam yang dilantik sebagai *judicial commissioner* sementara, enam bulan. Saya ingat lagi Raja Aziz Adruse dilantik untuk enam bulan di satu tempat di mana beliau bekerja dan selepas itu beliau dia tidak ingin terus berhenti dan terus masuk sebagai peguam. Ini adalah satu cara kita boleh meningkatkan lagi peranan yang boleh dimainkan oleh hakim-hakim dalam pelantikannya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wangsa Maju.

9.22 mlm.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan amanah rakyat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2008. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan pendapat saya bahawa pembentangan rang undang-undang ini oleh Parlimen oleh kerajaan sekarang secara tergesa-gesa seharusnya tidak diterima.

Rang undang-undang ini dan rang undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia adalah amat penting untuk masa hadapan dan pembangunan negara kita. Kerajaan hanya memberi Ahli-ahli Yang Berhormat empat hari sahaja untuk membuat kajian sebelum mengambil bahagian dalam perbahasan dua rang undang-undang yang amat penting ini. Saya rasa sikap pihak pentadbiran ini tidak boleh diterima dan tidak mengendahkan kepentingan rakyat yang kita semua wakili, Tuan Yang di-Pertua.

Saya sangat gembira apabila saya mendapati bahawa lebih kurang daripada 50 orang Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional telah berutus kepada Tuan Yang di-Pertua untuk merakamkan rasa kesal mereka, mengenai pembentangan dua rang undang-undang ini secara tergesa-gesa dan mereka telah meminta supaya perbahasan dua rang undang-undang ini ditangguhkan kepada sidang Parlimen yang akan datang supaya semua Ahli Yang Berhormat mempunyai masa yang cukup untuk buat kajian mengenainya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional sekalian, saya menggesa Yang Berhormat sekalian supaya jangan menurunkan taraf anda sebagai penyokong tanpa persoalan ataupun dengan, izin *rubber stamp* sahaja. Dalam perbahasan rang undang-undang yang begitu penting, Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan

Nasional harus menolak perintah tanpa persoalan oleh Kabinet dan menolak cadangan mereka atas sebab bahawa Parlimen tidak patut dijadikan dengan izin, *rubber stamp* oleh pihak eksekutif. Jika Ahli-ahli Parlimen yang juga merupakan wakil kepentingan dan amanah rakyat, tidak mempertahankan hak bersuara kita daripada penguasaan mutlak Kabinet, maka kita telah gagal dalam amanah dan tugas kita kepada negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu bahawa *the outgoing Prime Minister* perlu *steamroll to* kedua-dua rang undang-undang ini untuk *legacy* beliau tetapi kedua-dua rang undang-undang ini adalah *ill-thought-out* dan juga *minus point,* dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2008 adalah satu undang-undang yang perlu dan yang dinanti-nantikan oleh orang ramai bertujuan menegakkan sistem keadilan negara ini. Malangnya rang undang-undang yang digubal seperti ini adalah sungguh mengecewakan, *very disappointing*. Ia tidak dapat memenuhi hasrat rakyat dan lebih teruk lagi adalah ia *unconstitutional* seperti yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat daripada Ipoh Barat.

Kelemahan-kelemahan dalam rang undang-undang ini saya akan bahagikan kepada dua aspek Tuan Yang di-Pertua. Pertama berhubung dengan aspek gubalan dan yang kedua, berhubung dengan aspek isi kandungan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil aspek gubalan dahulu. Saya difahamkan rang undang-undang ini digubalkan oleh Penggubal Undang-undang Parlimen sendiri. Seorang pegawai kerajaan turus dua, *very high ranking officer* di Jabatan Peguam Negara. Apa yang amat mendukacitakan ialah terdapat kesilapan dari aspek gubalan yang amat serius dan ketara yang Penggubal Undang-undang Parlimen ataupun *Parliamentary draughtsman* ini sendiri. Malangnya Peguam Negara tidak dapat mengesan kesilapan itu jika beliau telah baca rang undang-undang ini. *It shows the standard our Parliamentary Draughtsman* Tuan Yang di-Pertua, *and the office of Attorney General,* dengan izin. Oleh itu saya rasa sudah sampai masa Bahagian Gubalan dikeluarkan daripada Jabatan Peguam Negara dan ditempatkan di bawah Parlimen kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dari rekod Parlimen, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Datuk Dr. Haji Wan Junaidi pernah sarankan perkara ini tetapi ia tidak dilaksanakan sehingga sekarang Tuan Yang di-Pertua. Di antara sebab pegawai gubalan dan penggubal undang-undang sendiri tidak kekal, sentiasa bertukar dari satu bahagian ke bahagian lain. Saya tidak hairan kalau penggubal undang-undang lepas ini dinaikkan pangkat jadi pesuruhjaya kehakiman atau Hakim Mahkamah Tinggi kerana telah *produced an excellent substandard piece of bill* Tuan Yang di-Pertua.

Kalau Bahagian Gubalan diletakkan di bawah Parlimen, pegawai tidak bertukar dan akan *specialize* di dalam gubalan. Tidak akan berlaku kesilapan yang besar seperti dalam rang undang-undang ini dan di *Westminster* juga ada *Parliamentary Draughtsman* di bawah Parlimen Tuan Yang di-Pertua. Kesilapan gubalan rang undang-undang ini adalah seperti berikut, versi bahasa Inggeris:

(a) sub fasal 13, lepas perkataan Malaya, tanda koma adalah salah. Ia mesti digantikan dengan perkataan, *"and",* bukannya koma Tuan Yang di-Pertua;

(b) Fasal 61(1), *"members of the commission appointed under paragraph five (e) and (f), shall hold office for a period of two years and is eligible for appointment." "Members is...*" Perkataan *"is"* ini hendaklah digantikan dengan *"are*." *Simple basic English* Tuan Yang di-Pertua. *You don't have to use is for plural. "members of the commission...*" Adalah amat mengecewakan *Parliamentary Draughtsman* melakukan kesilapan *basic English* seperti ini. Memalukan Parlimen. Dia ingat kita semua bodoh di sini;

(c) sub fasal 91, perkataan *"therefore"* hendaklah dipotong. Saya difahamkan Penggubal Undang-undang Parlimen sudah hadiri banyak kursus dan seminar di luar negara seperti di London dan Amerika Syarikat dan sudah semestinya belajar tentang *language drafting,* dengan izin. Perkataan *"therefore"* sudah tidak terpakai lagi dan adalah *redundant* dengan izin, *is used in old drafting not plain language drafting;*

(d) sub fasal 92(2). *"at anytime resign his office…",* adalah tidak betul dari segi bahasa. *What type of English,* dengan izin, *is this*?

■2130

(e) Perenggan 10(1)(a) tidak perlu menyatakan '*he dies'* kerana *you are stating the obvious* Tuan Yang di-Pertua. Dengan izin, *when one dies one cannot hold office*. Sudah tentu jika ahli ini meninggal dunia akan berlaku kekosongan jawatannya. *This type of drafting* tak ada *standard.* Ini pegawai yang kanan ini di Jabatan Peguam Negara ini Tuan Yang di-Pertua;

(f) Subfasal 10(3) perkataan '*reckoning'* adalah tidak betul. Mungkin perkataan '*computation'* adalah tepat dan mudah difahami;

(g) Subfasal 11(3) di bawah istilah '*connected'* -

(i) Perenggan (f)(iv) perkataan '*is employed in'* hendaklah digantikan dengan '*is an employee'* supaya dengan selaras dengan bahasa (f)(i), (ii) dan (iii); dan

(ii) Yang kedua perenggan (g)(ii) dengan masukkan perkataan '*of'* selepas perkataan '*charge'* dan potong 'noktah koma' selepas perkataan '*affairs'.*

(h) Subfasal 14(2) perkataan '*thereat'* adalah tidak sesuai digunakan dalam *plain language drafting,* Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Adalah jelas bahawa penggubalan rang undang-undang ini dibuat secara tidak profesional dan *attitude* "tidak apa" sahaja. *I'm shock that the* Penggubal Undang-undang Parlimen ini di Jabatan Peguam Negara boleh membuat kesilapan yang besar dan ketara seperti ini. Datuk Nor Bee binti Ariffin seorang pegawai kerajaan Turus II, seorang *high ranking officer*. Beliau menganggapkan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah buta huruf seperti beliau. Kalaulah rang undang-undang ini diluluskan tanpa pindaan malulah negara kita dengan izin. *She should be sacked for all the mistakes* di dalam rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua.

Oleh itu saya menyeru satu badan khas di adakan untuk menggubal undang-undang dan badan ini hendaklah bebas daripada Badan Eksekutif dan diletak di bawah *legislative* iaitu di bawah Parlimen. Adalah tidak sesuai Badan Penggubalan Undang-undang di letak di Jabatan Peguam Negara yang merupakan sebuah Badan Eksekutif. Di negara lain juga seperti di London, Amerika Syarikat dan India badan yang menggubalkan undang-undang adalah bebas dari eksekutif, Jabatan Peguam Negara dan berada di bawah Parlimen.

Jadi untuk mengelakkan taraf penggubalan undang-undang semakin merosot di negara ini lebih baik dibebaskan daripada Jabatan Peguam Negara dan diletak di bawah Parlimen.

Aspek isi kandungan Tuan Yang di-Pertua. Banyak telah diperkatakan tentang *constitutionality* rang undang-undang ini. Saya juga berpendapat rang undang-undang ini adalah *unconstitutional* dari sudut perkara artikel 122B dan artikel 161E Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara 122B dengan jelas menggariskan proses pencalonan, *nomination* dan pelantikan, *appointment* seorang hakim di peringkat Mahkamah Tinggi dan ke atas.

Secara ringkas pelantikan dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong manakala pencalonan dibuat oleh Perdana Menteri selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya, Hakim Besar Sabah dan Sarawak atau Ketua Menteri. Prosedur tambahan pencalonan yang dicadangkan oleh JAC ini melalui satu Akta Parlimen adalah bercanggah dengan perkara ataupun artikel 122B Perlembagaan Persekutuan.

Huraian rang undang-undang jelas menyatakan tujuan rang undang-undang iaitu rang undang-undang ini akan melengkapi peruntukan yang sedia ada dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah salah dari segi Perlembagaan. Cara yang betul ialah prosedur tambahan...

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya minta laluan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya tidak ada masa.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Minta penjelasan satu sahaja.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya tidak ada masa. *Sorry* nanti habis *sorry.* Tindakan membuat pindaan kepada Perlembagaan melalui Akta Parlimen dengan izin *"Tantamount to using the back door to make a law with total disregard of the constitution"* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua seharusnya rang undang-undang ini juga bercanggah dengan Perkara 161E Perlembagaan Persekutuan kita. Untuk membuat apa-apa pindaan pada Perlembagaan Persekutuan mengenai prosedur pencalonan bagi Hakim Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua Sabah dan Sarawak mesti diberi persetujuan terlebih dahulu dengan izin, *to amend the Federal Constitution you need to get the necessary approval from the Heads of* Sabah *and* Sarawak. *How can you then use the backdoor to pass an Act of Parliament which contradicts our constitution i.e. nomination procedure without the approval of the Heads of Sabah and Sarawak.*

Tuan Yang di-Pertua kita kena hormat dan menjaga kepentingan rakyat Sarawak dan Sabah walaupun mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional Sabah, Sarawak tidak mahu menjaga kepentingan negeri masing-masing. Janganlah sampai penamaan calon-calon hakim Sabah dan Sarawak pun Semenanjung Malaysia hendak ambil alih. Tidak hairanlah apabila rang undang-undang ini diluluskan dan dikuatkuasakan semua Hakim Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak yang dicalonkan oleh JAC adalah dari Semenanjung Malaysia kerana keahlian suruhanjaya di banjiri oleh orang Semenanjung Malaysia.

It is very likely to happen. Soon Sabah and Sarawak will be at the mercy of JAC members and we will have to beg each time to have Sabahan dan Sarawakians nominated as high court judges. That is the reason why kita ada ini artikel 161E ini untuk mengawal, untuk *safeguard the erosion of powers of* Sabah dan Sarawak. Artikel 161 ini adalah amat penting untuk Sabah dan Sarawak. Wakil rakyat Barisan Nasional dari Sabah dan Sarawak mungkin tidak faham lagi implikasi.

Seorang Ahli: Fahamlah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Faham tidak bantah itu masalah itu. Apa yang tersirat dalam rang undang-undang ini. Dalam hal ini ....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Bangun]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tidak ada fahamlah semua itu tidur. Rompin mana tahu Rompin bukan ....

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sebab itu Kuala Krau minta laluan Wangsa Maju. Sebab itu Kuala Krau minta laluan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Rompin bukan *lawyer* dia banyak tak faham.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Wangsa Maju *is arrogant.*

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Minta satu sahaja.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: *Very arrogant*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Wangsa Maju rujuk fasal 28 ini, Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Maaf tidak ada masa.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tolong, tolong rujuk fasal 28.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju tidak bagi jalan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dalam hal ini...

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak sebelum ini jauh ini rujuk fasal 28. Kuasa satu 122B Perdana Menteri.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dalam hal ini saya memuji Sabah *Justice of the Peace*...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Ini saya ini 36(6). Yang Berhormat 36(6) dahulu sekejap ini sangkaan jahat duduk sekejap. Mengapa saya kata sangkaan jahat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Mana ada sangkaan jahat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Betul yang mengatakan bagilah saya ulas habis dahulu. Mengatakan bahawa Ahli Parlimen Sabah tidak tahu hak mereka, betul tidak? Mereka tahu kena tarik balik. Saya takut Yang Berhormat ada agenda selepas Wangsa Maju hendak bertanding pula di Sabah, Sarawak itu saya hendak tanya. Ha ada agenda lain ini. Dahulu Yang Berhormat daripada DAP pergi PKR, takut esok pergi PKR Sarawak ke PKR Sabah hendak pindah sana pula sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat adakah Yang Berhormat bersangkaan jahat terhadap Ahli-ahli Parlimen Sabah dan Sarawak?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tidak kita tidak kata saya kata mungkin mereka tidak tahu implikasi itu. Itu yang kita kata.

Seorang Ahli: Tarik balik! Bukan tidak tahu Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dalam hal ini...

Seorang Ahli: Sangkaan jahat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua Wangsa Maju...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua dalam hal ini saya memuji dengan Sabah ...

Beberapa ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Buta huruf, tidak tahu, tidak faham tidak bolehlah.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Apa yang di dalam tidak ada bererti masih dalam Perlembagaan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tidak. Tidak kasi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat tidak bagi jalan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *The proposed Judicial Appointment Commission Bill as unconstitutional as it conflict with the Federal Constitution*.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Wangsa Maju boleh bagi laluan sedikit?

■2140

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Dari Sabah. Ini Ahli Parlimen dari Sabah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *Can you be cautious* lah Yang Berhormat Kubang Kerian? Yang Berhormat Kurang Kerian lebih baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, ya.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mungkin kawan saya Yang Berhormat Balik Pulau lagi pandai.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, mereka telah mengkaji dan memahami Perlembagaan Persekutuan secara mendalam dan telah sedar akan implikasinya. Inilah suara lantang sebahagian rakyat Sabah. Saya menyeru wakil rakyat Sabah dan Sarawak menghayati dan memahami implikasi rang undang-undang ini dengan perkara 161(e) dan jangan menyesal...

Seorang Ahli: Bacalah. Bacalah 28 itu, baca. Jangan...*[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: ...Ini sudah *season,* dari sekolah lagi.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *We knows.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Bagi laluan!

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat boleh berucap selepas ini Yang Berhormat. Dia tidak bagi laluan.

Seorang Ahli: Tak, dia sentuh Ahli Parlimen Sabah ini tak tahu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya rujuk kepada beberapa fasal rang undang-undang ini. Mula-mula fasal 2 - Perdana Menteri mestilah mendukung kebebasan berterusan badan kehakiman. Persoalan saya ialah apakah Perdana Menteri sahaja yang mendukung kebebasan berterusan badan kehakiman? Tambahan pula Perdana Menteri yang mengantuk. Betul tidak? Bagaimana dengan Timbalan Perdana Menteri? *[Dewan riuh]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Jangan *jack* lah itu. Ya, tak perlu. *Is he above the law?* Bagaimana dengan Jemaah Menteri, badan eksekutif atau kerajaan atau badan perundangan? Perdana Menteri seorang tidak boleh menjamin kebebasan kehakiman. Perdana Menteri membentang rang undang-undang ini untuk mewujudkan legasi beliau sahaja. Kita pun tahu. Tuan Yang di-Pertua, apakah tujuan sebenar fasal 2? Adakah fasal 2 ini diperlukan kerana sebelum ini tidak ada kebebasan kehakiman? Saya juga tidak faham dengan perkataan kebebasan berterusan atau *continue independence.* Adakah kebebasan berterusan bermaksud kebebasan kehakiman sama seperti yang terdapat semasa era Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir.

Saya amat bimbang dengan fasal 2 ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam fasal 2(b) diperuntukkan perlunya badan kehakiman mempunyai sokongan yang perlu untuk membolehkannya menjalankan fungsinya. Soalan saya adalah apa itu yang dimaksudkan dengan sokongan atau dalam bahasa Inggeris *support* dengan izin. Pada pandangan saya, kerajaan memang tidak ada beri *support* yang cukup kepada pegawai kehakiman berbanding dengan pegawai perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 21 Oktober 2008 dalam Dewan ini, saya telah menyoal tentang kedudukan hakim Mahkamah Sesyen berbanding dengan pegawai perundangan. Sampai hari ini saya tidak diberi apa-apa jawapan. Adakah kerajaan benar ingin beri *support* kepada hakim Mahkamah Sesyen atau ia merupakan satu lagi retorik kerajaan, sekarang dalam bentuk rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang saya telah kemukakan ialah apakah sebabnya terdapat jurang perbezaan penggredan yang amat ketara di antara pegawai kehakiman seperti hakim Mahkamah seksyen L54 dan pegawai perundangan seperti Timbalan Pendakwa Raya, Peguam Kanan Persekutuan dan Penasihat Undang-undang Negeri Gred Utama JUSA C walaupun hakim Mahkamah Sesyen telah berkhidmat tempoh lebih panjang daripada pegawai perundangan dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan.

Terdapat hakim Mahkamah Sesyen L54 yang telah berkhidmat lebih daripada 26 tahun manakala pegawai perundangan yang berkhidmat kurang daripada 18 tahun telah dinaikkan ke JUSA C dan ke atas. Daripada kajian saya mendapati hanya terdapat sembilan pegawai kehakiman gred JUSA C dan ke atas manakala terdapat lebih kurang 78 pegawai perundangan gred JUSA C dan ke atas. Tuan Yang di-Pertua, adakah Pejabat Peguam Negara dengan sengaja *neglect, ignore* dan *suppress* penggredan hakim Mahkamah Sesyen yang lebih tinggi supaya hakim Mahkamah Sesyen menjadi *beholden, intermediated, inferior* dan jadi hamba kepada pegawai perundangan yang hadir dan menjalankan kes bagi pihak Pejabat Peguam Negara ataupun pendakwa raya di hadapan hakim Mahkamah Sesyen. Adakah sebab Peguam Negara sebagai Ketua Pegawai Perundangan dan Kehakiman telah gagal dalam tugasnya untuk memastikan penghormatan, kepercayaan awam dan kebebasan terhadap hakim Mahkamah Sesyen.

Hakikat perbezaan ini telah menyebabkan pegawai perundangan pergi ke mahkamah menaiki kereta Proton Perdana yang dibekalkan oleh kerajaan manakala hakim Mahkamah Sesyen pergi ke mahkamah menaiki kereta kancil yang mereka hanya mampu beli. Cuba lihat keadaan yang berlaku di Mahkamah Jalan Duta. Inikah taraf hakim mahkamah Jalan Duta di negara ini dan inikah *support* yang diberi kepada *judiciary* dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Singapura, saya ingin memetikkan *District Court judges* yang sama taraf dengan Hakim Mahkamah Sesyen *is not inferior in term of salary, grade to a Senior Deputy Public Prosecutor or State Council who appear before them. In fact, their salary is much higher than the deputy public prosecutor who appear before them. Such a situation is in Brunei. As well as where the equivalent of the Sessions Court Judges beside in the Intermediate Court.* Di Singapura, di Brunei pun begitu juga tetapi negara kita, hakim Mahkamah Sesyen telah dianaktirikan mungkin dengan sengaja supaya mereka akan *beholden* kepada Jabatan Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ada dengar khabar angin baru-baru ini semasa saya ada di Mahkamah Jalan Duta bahawa kerajaan telah setuju menaikkan taraf hakim Mahkamah Sesyen kepada separa JUSA C. Saya tak dapat sahkan perkara ini tetapi kalau ia betul, *then I'm shocked.* Ini adalah kali pertama saya dengar ada separa JUSA C. Mana ada separa JUSA C. Padahalnya ada JUSA C sahaja, gred JUSA C sahaja. Saya pun tak tahu apa maksud separa JUSA C. Persoalan saya ialah dengan izin, *why discriminate against the* Hakim Mahkamah Sesyen *and give them* separa C *when the legal officer are given the full* gred JUSA C. *Is it because AG and the government want the* Hakim Mahkamah Sesyen *to be inferior or to be sub-ordinate to the DPP or Senior Federal Council, legal adviser* ataupun kroni AG. *Is this the support that we are talking about under* fasal 2 rang undang-undang ini?

It is high time Tuan Yang di-Pertua. Hakim Mahkamah Sesyen *are treated equally and with proper respect like any other judges* dalam negara kita Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya rasa kita mesti mengasingkan badan kehakiman dan perundangan supaya tidak ada *conflict of interest.* Perkara ini saya telah pun bangkitkan pada 21 Oktober 2008 tetapi malangnya sehingga hari ini saya tidak dapat apa-apa maklum balas tentang perkara ini dan juga tiada ada perubahan juga.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin kemukakan berhubung dengan hakim Mahkamah Sesyen dan majistret iaitu di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak hanya terdapat dua orang hakim Mahkamah Sesyen dan dua orang Majistret yang berbangsa Cina. Tidak ada seorang Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret bangsa Cina di Mahkamah Kuala Lumpur, Johor, Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan dan Sarawak. Apa dah terjadi? Terdapat seorang Hakim Mahkamah Sesyen bangsa Cina di Ipoh sahaja dan seorang lagi di Pulau Pinang.

■2150

Tuan Yang di-Pertua ini adalah sangat memeranjatkan. *Why it is so huge in the imbalance. Why is so few Chinese* Hakim Mahkamah Seksyen dan Majistret. Saya tahu ada ramai pegawai perundangan bangsa Cina yang mahu jadi Hakim Mahkamah Seksyen dan Majistret. Apakah sebab mereka tidak diberi peluang menjadi Hakim Mahkamah Seksyen atau Majistret. Apakah langkah-langkah yang di ambil oleh kerajaan untuk mengatasi ketidakseimbangan ini Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan fasal 2(c) perlunya kepentingan awam diwakili dengan sepatutnya berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan Badan Kehakiman. Adakah Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2008 merupakan contoh yang baik tentang komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung dengan kehendak fasal ini. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah *totally remove the court discretion. So how you talk about the need of public interest to be properly presented in regards to matters relating to the judiciary* dengan izin. Saya rujuk kepada temu ramah Dato' Sheikh Daud di *New Straits Times* bertarikh 13 November 2008, di mana beliau mengatakan:

> *"The Malaysian anti corruptions cause commissions has totally remove the court discretions under clause 53 subclause 6."*

Demikian juga di mana ditetapkan minimum *sentences* seperti peruntukan dihukum tidak kurang daripada dua tahun dan tidak lebihi sepuluh tahun. *You have removed the discretions of the court.* Tuan Yang di-Pertua,perkara ini semua hendaklah dihentikan kerana bercanggah dengan fasal 2(c). Tuan Yang di-Pertua perenggan 2(1)(f) adakah tentang pelantikan empat orang yang terkemuka ataupun *four eminent person* tidak

ada kriteria tentang empat orang *eminent* ini di dalam rang undang-undang ini. Datuk VK Linggam juga adalah seorang yang *eminent, in fact very eminent* Tuan Yang di-Pertua. Tambah pula beliau juga ada pengalaman dalam pelantikan hakim juga dalam pita video itu. Tan Sri Vincent Tan juga ada seorang *korporat* yang terkemuka juga dan juga ada pengalaman pelantikan hakim. Adakah orang *eminent* seperti ini boleh dipertimbangkan untuk dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di bawah fasal 51(f). Saya rasa kriteria *eminent person* hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam rang undang-undang ini. Jikalau tidak nanti tidak lama lagi Parlimen perlu meluluskan satu rang undang-undang pula baru untuk *Code of Ethics* untuk suruhanjaya pelantikan hakim. Saya rasa kita saya haraplah Menteri itu di sektor *government* itu buat satu kajian dengan baik, apa maksud *eminent* ini. Kalau tidak seperti yang saya kata tadi VK Linggam pun boleh jadi *eminent person*. Tan Sri Vincent Tan pun boleh jadi *eminent person* dalam itu *eminent person* ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada fasal 29 di mana Pesuruhanjaya Kehakiman boleh memohon menjadi hakim mahkamah tinggi. Ini sebenarnya menjatuhkan maruah dan kedudukan jawatan hakim Tuan Yang di-Pertua. Jawatan hakim bukanlah seperti jawatan kerani di mana orang berminat boleh buat permohonan jawatan itu. Tuan Yang di-Pertua saya tidak faham, jawatan hakim ini dengan izin is *dignified appointment* bukannya untuk *apply* jadi *clerk* ataupun hendak jadi *office boy* kah apa?

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Mohon penjelasan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Jangan sama dengan jawatan lain. Sebentar ya. Jangan disamakan dengan jawatan lain di mana orang minat boleh mohon. *Always selected person should be considered not based on job application* Tuan Yang di-Pertua. Sila sahabat saya dari Kuala Krai.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang dibangkitkan oleh Wangsa Maju mengenai pelantikan empat orang *eminent person* sebagai ahli suruhanjaya ini. Bukankah ini, untuk pandangan Wangsa maju, bukankah ini satu cara merasmikan memberikan pengesahan orang-orang tertentu yang dahulunya dibuat secara pasar gelap. Dahulu dibuat secara tidak rasmi. Jadi dengan pelantikan ini ia *formalize* lah. Jadi tidak bersetujukah Wangsa Maju?

9.56 mlm.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Memang saya setuju 100% dengan sahabat saya Yang Berhormat Kuala Krai. Ini dahulu mereka dalam boleh kata dalam kongsi gelaplah sekarang boleh secara terbuka jadi *eminent person* ini. Sebab itu kita tidak boleh ada satu akta yang begini yang memberi kuasa yang besar dan bebas kepada seorang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mahu. Boleh kata *blank cheque* lah seperti sahabat ini kata. Mana boleh jadikan satu *blank cheque* dan yang kedua ini rang undang-undang ini telah bercanggah dengan Perlembagaan negara. Mana boleh kita meluluskan ini. Sahabat-sahabat saya di sana pun termasuk Sri Gading memang setuju dengan saya sebab dia ketawa itu. Dia setuju, Rompin, Rompin dia sudah lari sudah. Tuan Yang di-Pertua memandangkan rang undang-undang ini *unconstitutional* saya berpendapat rang undang-undang ini hendaklah ditolak dan Perlembagaan Persekutuan dipinda sebelum rang undang-undang dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini. Sekarang ini kita *putting the cart before the horse.* Perlembagaan, *constitution* belum dipinda tetapi kita buat satu akta Parlimen untuk meminda Perlembagaan Negara. Mana boleh, tidak boleh. Akta Parlimen tidak boleh meminda Parlimen. Kita mesti ada satu pindaan kepada itu Perlembagaan Negara. Memang sekarang Barisan Nasional tidak ada peluanglah untuk buat pindaan kerana tidak ada 2/3, majoriti dalam Parlimen. *So*, mereka melalui pintu belakang sekarang. Hendak menjejaskan hal itu orang Sabah dan Sarawak. Saya ingin menegaskan di sini sahabat saya dari Sabah dan Sarawak, fahamlah implikasi rang undang-undang ini. Ini akan menjejaskan itu hak orang Sabah dan Sarawak dan juga *articles* perkara 161(e) di bawah Perlembagaan Persekutuan yang sedia ada. Kenapa itu diluluskan oleh Parlimen ini, kenapa? Oleh sebab untuk menjamin hak-hak orang Sabah dan Sarawak semasa Sabah dan Sarawak menjadi dengan Semenanjung Malaysia sama-sama kita. Saya harap Menteri dan kerajaan juga harus mengambil kira dan juga menimbangkan perkara ini dengan baik dan juga silalah buat pindaan, *Parliamentary Judgments* itu *plural is* dengan *are* pun tidak faham dan kalaulah rang undang-undang

diluluskan, dimasukkan di bawah *Statue Book* boleh katalah *a big joke* di dalam dunia. *Parliamentary Judgments* pun tidak faham *is* dengan *are*. Dengan itulah Tuan Yang di-Pertua saya harap Parlimen ini akan menolak rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ranau.

9.59 mlm.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dengan kesempatan ini membolehkan saya untuk turut sama mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2008.

■2200

Saya menyambut baik usaha dan tindakan kerajaan Barisan Nasional dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman yang bertujuan untuk menambah baik proses pelantikan hakim di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Rang undang-undang ini akan melengkapi peruntukan yang sedia ada dalam Perlembagaan Persekutuan dengan membolehkan proses itu lebih bersifat kolektif dan telus di samping memelihara peranan atau kuasa Perdana Menteri dalam pelantikan kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi proses pemilihan yang ditetapkan dengan jelas untuk digunakan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman bagi pelantikan orang ke jawatan Ketua Hakim Negara, Mahkamah Persekutuan, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak dan juga Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi atau Pesuruhjaya Kehakiman menurut masing-masing.

Perkara 122(b) dan Perkara 122(a)(b) dalam Perlembagaan Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dan hanya memetik perkara, satu perkara iaitu mengenai pemilihan dan pelantikan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak sahaja, seperti mana Yang Berhormat Wangsa Maju sentuhkan tadi. Walaupun penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman ini dengan izin, hanya *an act of Parliament* dan bukan penggubalan Perlembagaan dan merupakan hanya proses perundangan biasa jika dibandingkan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab akta ini disabitkan tentang hal ehwal ataupun cara pelantikan ataupun pemilihan jawatan Hakim Besar Tinggi di Sabah dan Sarawak juga dan daripada saya ada juga kebimbangan dan keraguan terhadap kedudukan, pertama sekali hak-hak yang terkandung dalam Perlembagaan iaitu hak Sabah dan Sarawak.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Dan saya takut. Nanti dulu, belum habis lagi, mohon maaf. Dan saya takut ataupun ada kebimbangan terhadap lama-kelamaan berubah, tergugat dan mungkin akan terhakis, pertama sekali apabila akta ini tidak ada membuat perhitungan Perkara 161(e), Perlembagaan Persekutuan, di mana seperti juga yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Ipoh Barat dan saya merujuk Perkara 161(e) Perlembagaan Persekutuan iaitu berbunyi seperti begini Tuan Yang di-Pertua, *No amendment shall be made to the Constitution without the concurrence of the* Yang di-Pertua Negeri *of the state of Sabah and Sarawak or each of the state of Sabah and Sarawak concerned. If the amendment is such as to effect the operation of the Constitution especially in regards to the Constitution in jurisdiction of the High Court in Sabah and Sarawak and the appointment, removal and suspension of judges of the court. I feel that the proposed legislation will be .. will directly in conflict with not only Article 122(b) but specifically Article 161(e) (2) (b) in so far as it is related to the appointment of judges to the High Court of Sabah and Sarawak.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dan merayu supaya perkara penting ini diperjelaskan dengan sejelas-jelasnya untuk mengikis keraguan dan kebimbangan terutama sekali rakyat Sabah, orang-orang Sabah kerana kalau tidak diperjelaskan dengan sepenuhnya, orang Sabah ini pandai marah, Sabah dan Sarawak akan marah, bukan hanya marah kepada Yang Berhormat dari Wangsa Maju tadi kerana Yang Berhormat menganggap dirinya adalah seorang paling pandai dan seakan-akan masuk bakul angkat sendiri. *[Tepuk]*

Iaitu menghina dan memperkecil-kecilkan Ahli-ahli Parlimen daripada Sabah dan Sarawak yang tidak pandai berfikir untuk hak-hak negeri Sabah dan Sarawak dan bagi saya, saya anggap itu sebagai *colonial attitude* yang di mana orang Sabah tidak suka. Itulah sebab semasa pilihan raya yang lepas PKR dapat kosong kerusi di Sabah dan tiada sebab-sebab kenapa PKR ataupun Pakatan Rakyat dapat kerusi kosong balik di Sabah akan datang kalau sekiranya *attitude* daripada Yang Berhormat dari Wangsa Maju akan berterusan. Setuju kan? Yang dari ahli-ahli yang dari Sabah bersetuju, Sarawak pun bersetuju juga tapi saya tidak tahulah daripada pihak Pakatan.

Saya sambung lagi Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya nyatakan perkara ini pada hari ini kerana pada masa yang lampau apabila ada penggubalan Perlembagaan dan diluluskan oleh Parlimen akibatnya parah kepada Sabah dan Sarawak dan ia akan berterusan seperti mana beberapa penggubalan yang tidak wajar kerana gagal merujuk Perkara 161(e) Perlembagaan Persekutuan iaitu hak istimewa Sabah dan Sarawak semasa pembentukan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman, tidak ada peruntukan yang dibuat di mana letaknya, bila dan di mana, sama ada di peringkat awal, peringkat pertengahan atau peringkat akhir iaitu dengan izin, *consultation* dengan negeri Sabah dan Sarawak

■2210

Terutama sekali pelantikan Hakim Besar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak. Perkara ini harus dibuat supaya akta ini mencerminkan jaminan kedudukan dan pelantikan Hakim Besar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak masih seperti biasa dan tidak ada perubahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian tentang perkara ini bukan hanya kita mendengar keluhan ataupun rayuan daripada penduduk-penduduk Sabah ini, kerana kita tidak mahu apa yang terkandung dalam ini hanya untuk kebaikan di peringkat nasional tadi ia akan memudaratkan kedudukan. Yang Berhormat Wangsa Maju sudah masuk? Jadi tiada apa-apa...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tidak akan lari. Sila ulanglah apa yang disebut tadi.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Tidak boleh lagi. Sudah lambat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Takut kah?

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Ini, saya takut dengan orang yang terlalu pandai.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *You* tidak fasih langsung, sebab *you* tidak tahu yang tersirat dalam rang undang-undang ini di Sabah dan Sarawak.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Itulah sebab PKR kosong di Sabah waktu pilihan raya yang lepas. *[Tepuk]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Bukan kosong. Tidak lama lagi habis juga di Sabah dan Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. tidak boleh macam itu Yang Berhormat.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Itu tidak jaminan dengan *attitude* dan sifat Yang Berhormat seperti itu, menghinakan orang Sabah itu, tidak mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sudah bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kita tidak menghina. Kita hendak menjaga kepentingan orang Sabah dan Sarawak.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Tuan Yang di-Pertua, Maka dengan kata-kata yang saya sentuh tadi saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

10.13 mlm.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi ruang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencalonan Kehakiman. Sebab saya tidak nampak suruhanjaya ini Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman kerana suruhanjaya ini tidak ada kuasa untuk melantik hakim. Akan tetapi sekadar suruhanjaya ini hanya macam mencalonkan nama-nama kepada Perdana Menteri untuk diangkat kepada Yang di-Pertuan Agong dari segi Perlembagaan untuk melantik para hakim.

Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, langkah menubuhkan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman ini adalah merupakan satu langkah ataupun usaha bagi memulihkan integriti dan wibawa Badan kehakiman Negara ini yang tercalar teruk selepas insiden krisis kehakiman 1988. Membawa kepada pemecatan Ketua Hakim Negara dan dua orang hakim Mahkamah Agong. Begitu juga dengan skandal rakaman video V.K. Lingam yang membawa kepada penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja yang mana peristiwa ini terus menjejaskan lagi reputasi badan kehakiman di negara ini.

Namun setelah saya teliti rang undang-undang ini meskipun terdapat roh reformasi terhadap badan kehakiman yang ingin ditonjolkan dengan membawa rang undang-undang ini ke Parlimen. Namun jelas kepada kita bahawa cabang eksekutif terutamanya Perdana Menteri masih mempunyai kuasa yang begitu luas dalam menentukan perjalanan suruhanjaya ini. Seterusnya berkaitan dengan pelantikan para hakim itu sendiri.

Hal ini jika dibiarkan akan menggugatkan prinsip kebebasan kehakiman yang menjadi teras utama kepada rang undang-undang ini sebagaimana yang diperuntukkan dalam fasal 2 rang undang-undang ini. Sebab itu kalau kita lihat dalam fasal 2 rang undang-undang ini mendukung kebebasan badan kehakiman. Asas yang paling penting untuk ditekan dalam kita membahaskan rang undang-undang ialah kesedaran untuk memastikan teori pengasingan kuasa, *separation of power* di antara cabang-cabang eksekutif perundangan dan kehakiman benar-benar dipraktikkan terutama dalam konteks hubungan antara eksekutif dan kehakiman itu sendiri.

Pertamanya amat menghairankan iaitu satu persoalan yang mana penubuhan suruhanjaya ini hanya diperkenalkan sepertimana yang disebut rakan saya tadi. Iaitu melalui Akta Parlimen tanpa dibuat pindaan ke atas Perkara 122 (b) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan tentang pelantikan Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya Sabah, Sarawak, hakim-hakim yang lain Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan serta Hakim-hakim Mahkamah Tinggi.

Berdasarkan kepada peruntukan sekarang, hakim-hakim secara umumnya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri setelah berunding dengan Majlis Raja-raja. Di dalam rang undang-undang ini, suruhanjaya ini akan memberikan laporan atau syornya kepada Perdana Menteri berkenaan dengan siapa yang layak dilantik sebagai hakim sebelum daripada Perdana Menteri memberikan nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong menurut Perkara 122(b) Perlembagaan Malaysia.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, saya masih melihat bahawa peruntukan ini iaitu pemberian dalam fasal 28 ini langsung tidak mengikat Perdana Menteri untuk mematuhi ataupun mengikuti nama-nama yang disyorkan oleh suruhanjaya ini. Ini sudah

tentu bahawa Perdana Menteri boleh mengangkat nama yang lain daripada apa yang disyorkan oleh suruhanjaya ini untuk dicadangkan dan dinasihatkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk dilantik menjadi hakim. Bagi menjamin suruhanjaya ini mempunyai satu kedudukan yang terhormat di sisi Perlembagaan Persekutuan dan juga untuk memberikan satu kuat kuasa Perlembagaan. Maka sepatutnya perkara 122(b) dipinda bagi memasukan fasal-fasal yang berkaitan dengan peranan suruhanjaya ini dalam soal pelantikan kehakiman.

Sebab itu bagi saya bahawa penting untuk pindaan kepada 122(b) ini supaya pelantikan ataupun cadangan ataupun peranan suruhanjaya ini mesti disebut di dalam Perlembagaan bersekali dengan apa yang telah pun sedia ada di dalam Perlembagaan dalam perkara 122(b). Kita tidak mahu nanti ada pertikaian, bagi saya bahawa kita hendak mengelak daripada nanti berlaku pertikaian terhadap fungsi suruhanjaya ini.

Oleh kerana mungkin ada yang akan menghujahkan peruntukan di dalam rang undang-undang ini bertentangan dengan Perlembagaan. Atau boleh jadi juga ada kalangan tertentu yang tidak mahu mengambil kira syor daripada suruhanjaya ini dengan menghujahkan bahawa Perkara 122(b) tidak menyatakan tentang keperluan untuk mengambil kira keputusan yang dibuat oleh suruhanjaya ini. Ini amatlah merbahaya kerana ada kemungkinan suruhanjaya ini dicabar kelak di mahkamah dan dianggap sebagai tidak begitu sah.

Sebab itu saya katakan bahawa rang undang-undang ini, jika tidak dipinda 122(b) ini dia memberikan satu ruang seperti mana yang telah saya sebutkan tadi, kuasa yang ada pada Perdana Menteri itu untuk tidak mematuhi ataupun mengikuti syor yang telah pun dicadangkan oleh suruhanjaya ini. Sebab itu saya berkehendakkan supaya pindaan kepada 122(b) itu sangat penting untuk meletakkan supaya syor yang dibuat oleh suruhanjaya itu merupakan syor yang mesti diterima pakai sebagai satu cadangan yang sah diangkat kepada Yang di-Pertuan Agong.

Dalam skema pelantikan hakim yang ada sekarang ini, berdasarkan kepada perkara 122(b) - Perdana Menteri perlu untuk meminta fikiran Hakim Besar sebelum mencadangkan mana-mana nama-nama kepada Yang di-Pertuan Agong untuk dilantik sebagai hakim Mahkamah Tinggi. Justeru akan timbul persoalan nanti atas kuat kuasa apa pelantikan hakim perlu dicadangkan oleh Suruhanjaya Kehakiman yang mana peruntukan berkenaan suruhanjaya ini tidak terdapat dalam Perlembagaan.

■2220

Ini amalan yang ada sekarang sedangkan yang kita hendak buat ini tidak terkandung dalam Perlembagaan. Oleh itu akan berlakulah percanggahan antara suruhanjaya ini dengan Perlembagaan. Jika menurut Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan mana-mana undang-undang yang berlawanan dengan Perlembagaan boleh dianggap batal dan tidak sah.

Berhubung dengan soal pindaan terhadap perkara 122B dan kaitannya dengan teori *separation of power*, sudah sampai masanya untuk kita meminda perkara tersebut. Masalah besar dengan peruntukan ini ialah betapa meskipun hakim dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong namun ia adalah berdasarkan kepada nasihat Perdana Menteri.

Dalam konteks Perlembagaan Raja Berperlembagaan Yang di-Pertuan Agong adalah terikat dengan nasihat Perdana Menteri. Ini menjadikan kuasa penentu dalam pelantikan seorang hakim itu berada di tangan Perdana Menteri dan juga cabang eksekutif. Senario inilah yang menimbulkan persepsi bahawa hakim-hakim yang dilantik hanya daripada kalangan mereka yang pro kepada kerajaan yang memerintah. Dialog-dialog yang terbongkar dalam skandal *Lingam Tape* membuktikan persepsi ini banyak kebenarannya.

Oleh sebab itu kita mencadangkan supaya proses pelantikan hakim yang sedia ada ini sebagaimana dalam perkara 122B ini perlu dipinda iaitu hakim-hakim tetap dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong tetapi bukan lagi di atas nasihat Perdana Menteri tetapi atas syor dan rekomendasi yang dibuat oleh Suruhanjaya Pelantikan Hakim ini.

Hal ini saya tegaskan di peringkat awal oleh kerana setelah meneliti rang undang-undang ini tidak ada langsung peruntukan yang menyatakan seperti yang saya sebutkan tadi, Perdana Menteri adalah terikat, *binding* dengan sebarang syor ataupun keputusan yang dibuat oleh suruhanjaya. Ia bermakna Perdana Menteri boleh menolak nama-nama yang dicadangkan oleh suruhanjaya bagi dilantik sebagai seorang hakim.

Ini bermakna bahawa suruhanjaya tidak mempunyai peranan fungsi yang besar dan akhirnya seperti yang saya katakan tadi bahawa kita menghabiskan wang pembayar cukai untuk membayar pengurusan perjalanan suruhanjaya ini dan akhirnya segala usaha dan cadangan yang dibuat oleh mereka tidak pun mengikat Perdana Menteri untuk menerima nama tersebut untuk diangkat dan di nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong.

Ini amat berbahaya dan pelik kerana Perdana Menteri menjadi orang yang kekal paling berkuasa dalam soal melantik hakim. Perdana Menteri bukan sahaja tidak wajib untuk tertakluk kepada Suruhanjaya Pelantikan Hakim malahan Perdana Menteri boleh untuk mencadang atau menasihati nama lain kepada Yang di-Pertuan Agong dan Yang di-Pertuan Agong terikat dengan nasihat Perdana Menteri tersebut.

Dalam hal ini Perdana Menteri bukan sahaja berkuasa mutlak bahkan kita semakin menyimpang jauh daripada prinsip *separation of powers*. Oleh itu amat perlu kuasa Perdana Menteri dalam pelantikan hakim ini diketepikan. Cadangan ini bukanlah satu perkara yang asing disebabkan jika diteliti kepada sejarah Perlembagaan kita, draf asal Perlembagaan Persekutuan ini dirangka oleh Suruhanjaya Reid menjelang kemerdekaan negara kita memperuntukkan di dalam Artikel 114(2) bahawa Ketua Hakim Negara dan Hakim Mahkamah Persekutuan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Manakala di dalam Artikel 130 draf tersebut Hakim Mahkamah Tinggi pula dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat satu suruhanjaya yang dipanggil *Judicial of Legal Service Commission (JLSC)* selepas berunding dengan ketua hakim pada waktu itu.

Oleh sebab itu bagi saya bahawa pindaan 122B ini sangat penting kepada kita untuk memastikan supaya suruhanjaya yang kita bentuk, yang kita bahaskan pada hari ini jika diterima ia merupakan satu suruhanjaya yang betul-betul mempunyai kekuatan dari segi kredibiliti dan juga mempunyai kekuatan dari sudut Perlembagaan yang terdapat di dalam negara kita.

Kemudian saya juga ingin membangkitkan beberapa persoalan daripada isi-isi kandungan yang terdapat dalam rang undang-undang ini. Dari sudut keanggotaan suruhanjaya, saya melihat bahawa adalah tidak wajar begitu besar jumlah ataupun terlalu ramai - lima orang, mereka yang terdiri daripada yang terlibat dalam institusi kehakiman itu sendiri sebagai anggota suruhanjaya sedangkan suruhanjaya ini adalah suruhanjaya untuk bertanggungjawab membuat cadangan syor pelantikan yang berkaitan dengan jawatan-jawatan hakim itu sendiri termasuklah cadangan-cadangan untuk mengangkat nama sebagai Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Tinggi Malaya dan sebagainya.

Oleh sebab itu bagi saya bahawa adalah sewajarnya satu nama yang lain selain daripada Ketua Hakim Negara yang boleh dipertimbangkan biarlah terdiri daripada bekas hakim-hakim Mahkamah Persekutuan yang mempunyai kelayakan yang tinggi, mempunyai kredibiliti, integriti yang sangat tinggi untuk dipertimbangkan supaya mereka ini adalah merupakan orang yang dilantik. Adapun empat orang yang disebut selepas daripada itu yang sepatutnya tidak lagi di bawah kuasa Perdana Menteri. Akan tetapi empat orang itu bolehlah dilantik daripada kalangan mereka yang terdiri daripada *academician* dalam bidang undang-undang dan juga mereka yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat serta pengalaman yang begitu besar dalam negara kita ini. Ini adalah supaya tidak timbul nanti ada *conflict of interest* dalam pelantikan hakim-hakim itu sendiri.

Saya melihat bahawa ada berkaitan dengan soal...

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Pokok Sena, boleh tanya?

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Boleh!

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tadi tidak bersetuju dengan nasihat atau pandangan daripada Perdana Menteri mengenai empat orang yang hendak dicadangkan bagi suruhanjaya itu. Jadi, siapakah yang hendak mencadangkan empat orang itu selain daripada Perdana Menteri, pandangan daripada Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, saya kira bahawa boleh kita berikan kepada beberapa orang. Kita perlu ada kepada satu pengubahsuaian kepada fasal ini untuk menyebut secara khusus jenis orang dan hakim-hakim yang terdiri daripada bekas-bekas hakim yang mempunyai pengalaman tertentu. Kita boleh membentuk satu jawatankuasa khusus terdiri daripada beberapa orang untuk mencadangkan nama-nama suruhanjaya ini bagi dicadangkan supaya dibentuk satu suruhanjaya yang menamakan nama-nama yang saya maksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kuasa yang diberikan kepada Perdana Menteri itu umpamanya, sebab itu saya katakan bahawa adalah tidak wajar sebab Perdana Menteri mempunyai kuasa untuk memecat empat orang itu tanpa memberikan apa-apa alasan. Bagi saya ini adalah satu perkara yang tidak wajar apabila Perdana Menteri mempunyai kuasa yang begitu luas untuk memecat empat orang itu tanpa memberikan apa-apa alasan yang munasabah.

Kemudian berkaitan dengan fasal 29, Pesuruhjaya Kehakiman boleh memohon untuk menjadi hakim Mahkamah-mahkamah Tinggi. Saya mempersoalkan di sini bahawa kenapa hanya Pesuruhjaya Kehakiman sahaja yang boleh memohon untuk menjadi hakim Mahkamah Tinggi. Kenapa? Adakah orang lain yang mempunyai kelayakan, umpamanya seperti mana yang kalau tidak silap saya diperuntukkan dalam Perlembagaan negara kita ini, mana-mana peguam yang mempunyai pengalaman terlibat secara aktif selama 10 tahun, mereka ini layak untuk dipertimbangkan menjadi hakim-hakim Mahkamah Tinggi.

Oleh sebab itu bagi saya bahawa adalah sewajarnya fasal ini seharusnya menyebut bersekali bahawa peguam-peguam yang mempunyai pengalaman terlibat secara aktif selama 10 tahun juga mempunyai hak untuk membuat permohonan bagi dipertimbangkan bagi dilantik sebagai hakim-hakim Mahkamah Tinggi. Kalau tidak nanti mungkin orang-orang suruhanjaya ini dia tidak tahu siapa di kalangan peguam-peguam itu yang mempunyai kebolehan dan integriti yang tinggi kalau kita hanya menyebut bahawa hanya Pesuruhjaya Kehakiman. Oleh sebab itu saya mencadangkan perkara ini untuk dipertimbangkan.

Adapun Pesuruhjaya Kehakiman ini bagi saya bahawa adalah lebih wajar untuk suruhanjaya ataupun kerajaan sendiri boleh membuat pelantikan yang lebih besar jumlahnya kepada Pesuruhjaya Kehakiman untuk menyelesaikan masalah kes-kes yang tertunggak seperti mana yang terdapat dalam negara kita yang telah disebut oleh rakan-rakan tadi bahawa banyak kes yang tertunggak yang sepatutnya kita melantik Pesuruhjaya Kehakiman untuk memberikan tumpuan kepada penyelesaian kes-kes yang tertunggak ini.

■ 2230

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada soal objektif tadi bahawa kita hendak melihat badan kehakiman yang bebas dan mempunyai integriti dan ketelusan yang sangat tinggi. Oleh sebab itu bagi saya bahawa, dari segi Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman ini hanya merupakan sebahagian daripada untuk memastikan kebebasan kepada badan kehakiman itu sendiri. Akan tetapi kita harus juga melihat kepada persoalan yang lebih menyeluruh untuk melihat bahawa peranan hakim itu, peranan badan kehakiman itu mempunyai satu kebebasan yang benar-benar dapat dilihat. Mereka mempunyai kebebasan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Mereka tidak seharusnya diikat dengan perundangan-perundangan yang mengikat mereka untuk tidak boleh mempertimbangkan kerana satu peruntukan mandatori yang telah pun disebut di dalam perundangan yang terdapat di dalam negara kita. Begitu juga saya kira bahawa ada undang-undang yang terdapat dalam negara kita ini yang saya sifatkan merampas kuasa kehakiman, iaitu ISA umpamanya. ISA bagi saya bahawa kita menafikan

hak badan kehakiman boleh mempertimbangkan seseorang itu bersalah ataupun tidak. Akan tetapi sekarang, kuasa kehakiman itu telah pun diambil kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk menjadi hakim dan menentukan orang itu bersalah dan sebagainya.

Jadi oleh sebab itu bagi saya bahawa adalah sewajarnya undang-undang ini harus dilihat. Begitu juga dengan undang-undang yang menyebut tentang bentuk hukuman yang mandatori umpamanya yang tidak ada pilihan kepada hakim untuk membuat satu pertimbangan yang munasabah dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh mereka. Jadi ini bagi saya, saya menyifatkan bahawa tidak diberikan kebebasan kepada kehakiman untuk membuat pertimbangan-pertimbangan dari sudut bentuk-bentuk hukuman.

Terakhir sekali ialah, saya mengharapkan juga bahawa pelantikan hakim ini walaupun belum lagi disebut secara khusus mekanisme ini tetapi akan dibuat peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta ini, akan dibuat oleh Suruhanjaya, bagaimana cara untuk memilihnya. Saya berharap bahawa ia juga boleh dibuat dalam bentuk pengiklanan bagi hakim Mahkamah Tinggi. Ia diiklankan dan dipanggil untuk temu duga supaya betul-betul satu proses *screen test*, maknanya satu tapisan yang telus, yang jujur, yang berintegriti, yang dapat mengenal pasti dari sudut pengalaman, dari sudut *knowledge* nya, dari sudut kebolehan dia dan kejujuran dia itu, dapat memastikan supaya hakim yang dilantik bukanlah hakim yang boleh dibeli ataupun yang akhirnya seperti mana yang disebut selalu dikenali oleh mereka menjadi pengamal undang-undang iaitu *judge shopping*, beli-belah hakim. Hakim-hakim yang boleh dibeli dibeli-belah seperti mana institusi kehakiman menjadi seperti mana pasar raya-pasar raya ataupun *hypermarket* yang terdapat dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Ledang.

10.33 mlm.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman ini. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ingin menyebut satu perkara iaitu saya meminta pihak mahkamah, eh *sorry*, minta maaf, pihak Parlimen memikirkan tentang pemandu-pemandu kenderaan di luar sana yang tunggu sedia daripada pagi tadi sampailah ke malam ini setiap hari. Sekurang-kurangnya mereka diberikan tempat untuk berehat... *[Tepuk]*

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah pun membentangkan rang undang-undang baru ini dan saya perhatikan 99.9% edisi bahasa Malaysia benar-benar bahasa Malaysia. Cuma yang bahasa Inggeris, saya tidak semak. Kalau ada pembetulan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju tadi mungkin perlu dibuat pembetulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin rang undang-undang ini mampu memulihkan integriti dan kredibiliti hakim-hakim di seluruh negara kita. Pada masa yang sama, dari sudut pandangan masyarakat juga dapat dibaiki kerana sekian lama, lebih-lebih lagi seperti yang dibangkitkan oleh rakan-rakan lain tadi, hakim-hakim dikaitkan dengan kroni tertentu, hakim-hakim terlibat dengan kes tertentu dan sebagainya. Pada masa yang sama juga dapat memulihkan kebanyakan hakim-hakim yang tergores hatinya, seolah-olah mereka tidak layak mengisi jawatan tersebut yang kononnya dipilih berasaskan kepada sikap pilih kasih.

Ertinya Tuan Yang di-Pertua, hakim-hakim dilantik kerana mereka memang benar-benar layak. Rang undang-undang ini sekali gus akan memulihkan semangat mereka kerana mereka yakin bahawa mereka benar-benar layak duduk di jawatan masing-masing. Ini dapat membersihkan tanggapan negatif masyarakat kononnya ada sesuatu yang tidak kena berhubung dengan tatacara pelantikan hakim. Tadi disebutkan tentang peranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam proses pelantikan hakim ini juga pelantikan-pelantikan lain. Akan tetapi kepada saya Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meletakkan risiko yang amat tinggi kepada dirinya juga kepada

kerajaan sekiranya peranannya ataupun fungsi serta tugas dilakukan dengan cara yang salah. Saya percaya, sekiranya perkara tersebut berlaku, akhirnya kuasa rakyatlah yang akan menentukan masa hadapan sama ada Perdana Menteri juga kerajaan yang memerintah pada satu-satu masa. Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tegaskan di sini iaitu kuasa akhir pelantikan hakim-hakim ialah Majlis Raja-Raja dan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.

Ertinya saya percaya bahawa Allah SWT memberikan taufik dan hidayahNya dalam membuat sesuatu keputusan. Memberikan taufik dan hidayah kepada Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, kepada Seri Paduka Yang Dipertuan Agong, di dalam membuat sesuatu keputusan termasuklah di dalam membuat keputusan pelantikan hakim-hakim. Saya percaya Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Seri Paduka Baginda Agong amat bijaksana di dalam membuat sesuatu keputusan termasuklah keputusan pelantikan hakim-hakim. Walaupun tadi disebutkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena, pelantikan ataupun cadangan daripada Perdana Menteri telah mendapat cadangan daripada suruhanjaya berkenaan, berkaitan langsung kepada Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, juga Yang Dipertuan Agong tetapi saya membaca dari sudut tidak semestinya semua, pandangan yang dibawa itu mesti diterima bulat-bulat ataupun seratus peratus oleh Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.

Sebab itulah saya percaya bahawa akhirnya dan sebenarnya keputusan yang dilakukan oleh, ataupun berasaskan kepada kebijaksanaan mereka yang telah pun diberi amanah dalam negara kita iaitu Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Cuma sekadarkan Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu persoalan besar iaitu fungsi, fungsi Suruhanjaya Pelantikan Hakim ini salah satunya ialah....

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Minta penjelasan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ya, sila.

■2240

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sahabat saya Yang Berhormat Ledang tadi menyebut tentang kebijaksanaan. Akhirnya terpulang kepada kebijaksanaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui Majlis Raja-raja Melayu. Saya rasa ada yang tidak kena di situ. Konsepnya *[Bercakap dalam Bahasa Arab]* kalau kita hendak ambil konsep begitu. Ini saya rasa kontra dengan semangat Raja Berperlembagaan. Maknanya Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong akan mendengar nasihat Perdana Menteri. Sebab itulah di atas ke simpang-siurnya sistem yang ada, isu V.K. Lingam dan seumpamanya, maka rang undang-undang ini dibawa ke Parlimen untuk memudah carakan kuasa terakhir iaitu Majlis Raja-raja Melayu untuk memutuskan hakim-hakim ini.

Jadi oleh itu saya berasakan bahawa di sini pandangan, saya bacakan. Bekas Ketua Hakim Negara yang mempunyai integriti, Tun Suffian dalam bukunya 'Tun Suffian's Legacy' menyatakan Perlembagaan yang paling baik yang dirangka oleh peguam yang paling cerdik di dunia pun tidak mungkin dapat menjamin kebebasan kehakiman sekiranya pihak-pihak yang mendominasi Parlimen dan kerajaan tidak mahukan kehakiman yang benar-benar bebas, campur tangan eksekutif yang melampau dan kuasa-kuasa yang boleh menghakis sistem kehakiman itu sendiri. Jadi saya merasakan di sini, semangatnya ialah rang undang-undang ini dibawa supaya suruhanjaya ini dapat berfungsi dengan setelus mungkin, dapat memilih, *select the best* di kalangan para hakim yang bakal dilantik ini dan barulah maknanya Perdana Menteri menerima pandangan daripada suruhanjaya ini dan mempersembahkan kepada Raja ataupun Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Bukannya kita meletakkan *burden* itu, atau beban akhir itu kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui Majlis Raja-raja Melayu. Apa pandangan Yang Berhormat Ledang?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kubang Kerian yang juga orang Johor. Dan juga orang Johor bukan? Saya setujulah dengan pandangan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian tetapi naluri saya kuat mengatakan bahawa mesti wujud interaksi antara kedua-dua belah. Tidak mungkinlah Duli Yang Maha Mulia Raja-raja ataupun Seri Paduka Baginda Yang di-

Pertuan Agong menjadi *rubber stamp*. Naluri saya kuat menolak ke arah itu. Tidak mungkin dan tidak berlaku interaksi dua hala. Saya yakin. Ini lebih kepada persepsi masing-masing. Ya, sila Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Ledang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Ledang. Apa yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Ledang tadi memang cukup bertepatan. Kalau dulu, pelantikan hakim dibuat oleh Ketua Hakim Negara yang akan mencadangkan nama-nama kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Akan tetapi secara bersendirian. Dengan adanya suruhanjaya ini, suruhanjaya ini adalah satu-satu jawatankuasa akan memilih daripada beberapa nama yang layak untuk dicadangkan kepada Perdana Menteri.

Selepas itu barulah Perdana Menteri tengok. Kalau nama ini sesuai, baru dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Maknanya suruhanjaya atau mengikut kepada rang undang-undang suruhanjaya ini, adalah lebih elok dan lebih baik daripada apa yang kita buat dulu. Dulu kita beri semua kepada Ketua Hakim Negara pilih dan terus persembahkan kepada Perdana Menteri. Perdana Menteri terus membuat pelantikan. Sekarang lebih baik lagi. Macam mana pendapat Yang Berhormat Ledang?

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Ledang, boleh tambah sikit?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh, sudah tentulah.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan soalan Yang Berhormat Jasin tadi, nama di cadang oleh suruhanjaya. Tidak diterima, patah balik. Tidak diterima patah balik. Apa pandangan Yang Berhormat Ledang. Mahu berapa kali tidak terima barulah terpaksa Perdana Menteri ini terima. Hendak dipatah balik. Ada cadangan sekalikah, dua kalikah atau tiga kali. Atau memang hak mutlak Perdana Menteri untuk menolak selagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri puas hati.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Hendak tumpangkah?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tumpang sikit.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Bagi *chance*lah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ledang, dia hendak belajar jadi Menteri itu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak mahu cakap sangat fasal suara sudah tidak berapa sihat. Sudah hendak kena...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jaga-jagakan suara, Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hendak jimatkan untuk Kuala Terengganu. Jadi tidak hendak cakap panjang. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Ledang, sistem kita ini kita ikut undang-undangkah kita ikut naluri? Kalau ikut naluri, ikut firasat, ikut perasaan dan ikut kecenderungan, bolehlah kita kata seperti Yang Berhormat Ledang cakap. Akan tetapi sekarang ini hakikatnya undang-undang itu jelas menyatakan bahawa nama itu akan diangkat oleh Perdana Menteri kepada Agong. Lalu maknanya akhirnya datang daripada Perdana Menteri. Tidak bolehlah kita kata kita yakin macam ini, yakin macam itu, yakin begini dan yakin begitu. Ini bukan soal naluri atau firasat. Ini ikut undang-undang atau peraturan.

Lalu saya hendak mintalah di mana ada di dalam undang-undang ini yang mana menyokong naluri Yang Berhormat Ledang itu? Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Dia tumpang lepas itu dia pukul balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Itulah belajar jadi Menteri seorang-seorang, Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, menjawab pandangan daripada Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Kuala Krau, saya yakin selepas rang undang-undang ini diwartakan, Perdana Menteri lebih lega ataupun lebih-lebih lega berdepan dengan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja, berdepan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam mengemukakan dan di dalam memajukan cadangan daripada suruhanjaya berbanding dengan dulu dan saya yakin Perdana Menteri lebih yakin, lebih-lebih *release*lah orang kata dengan izin kerana nama yang di bawa itu cadangan daripada suruhanjaya.

Menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Shah Alam ini...

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya berapa kali boleh dimajukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, lepas itu patah balik, lepas itu. Cadangan dan pandangan daripada Yang Berhormat Ledang?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Minta maaf, yang itu tertinggal tadi.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Perdana Menteri ada masuk ini.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Oleh kerana. Selamat datang Perdana Menteri. Oleh kerana ada suruhanjaya, oleh kerana telah wujudnya suruhanjaya, saya yakin tidak timbul soal berapa kali untuk mengemukakan nama calon berkenaan. Akan tetapi kalau tidak ada suruhanjaya, kemungkinan sekali, dua kali, tiga kali dan seterusnya dan sampai bila pun mungkin berlaku kelewatan pelantikan hakim yang tertentu dan boleh menjejaskan. Inilah masalah kes tertunggak dan sebagainya.

Saya hendak jawab ulasan ataupun komen daripada Yang Berhormat Shah Alam tadi tentang naluri. Kita bercakap di sini pun sebenarnya daripada naluri kita, dan daripada buah fikiran kita. Saya percaya kepada pakar motivasi mengatakan bahawa jika kita yakin yang datangnya daripada naluri kita, sebenarnya di situ telah ada satu keputusan yang tepat melebihi 50%. Itu yang saya fahamlah. Terpulang kepada Yang Berhormat Shah Alamlah hendak mentafsir macam mana.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ikut naluri Shah Alamlah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tentang fungsi suruhanjaya, Tuan Yang di-Pertua iaitu menerima permohonan daripada orang berkelayakan bagi pemilihan hakim-hakim mahkamah atasan. Saya hendak tanya kepada pihak kerajaan ialah bagaimana proses permohonan itu dibuat. Adakah isi borang? Adakah diiklankan dan sebagainya kerana ini adalah jawatan yang tinggi tarafnya ataupun dari segi protokolnya sangat tinggi. Tidak mungkin calon-calon hakim-hakim yang layak ini mengisi borang tertentu dan sebagainya. Sebab itu saya ingin bertanya adakah prosesnya mengisi borang dan sebagainya.

■2250

Saya yakin mesti ada satu kaedah yang tertentu tetapi saya lebih suka mencadangkan supaya hanya mereka yang sesuai sahaja dipertimbangkan daripada ramai calon-calon yang ada dalam negara kita. Mungkin Hakim-hakim Mahkamah Tinggi yang boleh dinaikkan pangkat ke pangkat yang lebih kanan. Kepada saya takkanlah bagi jawatan Ketua Hakim Negara perlu membuat permohonan untuk menjadi Ketua Hakim Negara dan sebagainya. Ini persoalan yang ada dalam fikiran saya yang pada saya mungkin juga menjadi persoalan pada masa akan datang sekiranya proses berkenaan telah pun berlaku.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua saya mengharapkan supaya walaupun kita lebih fokus kepada pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan ini, kita juga harus melihat tentang hakim-hakim di Mahkamah Sesyen, di Mahkamah Rendah kerana di situ juga banyak berlaku dengan izin, *bottleneck*, banyak kes-kes tertunggak yang akhirnya boleh menjejaskan sistem penyampaian kerajaan dan saya juga meminta pihak kerajaan melihat tentang banyak cadangan-cadangan daripada hakim-hakim mahkamah di semua peringkat tentang banyak kekurangan yang melibatkan mereka terutamanya dari segi peruntukan, dari segi kakitangan kumpulan sokongan, peralatan komputer yang uzur dan sebagainya.

Juga saya yakin banyak cadangan-cadangan pendekatan-pendekatan baru yang mereka telah pun majukan yang perlu mendapat pertimbangan serius daripada pihak kerajaan terutamanya termasuklah pihak JPA yang selama ini yang menjadi masalah besar kepada jabatan-jabatan lain yang berurusan dengan JPA. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Telok Intan.

10.52 mlm.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas mengenai *bill* ini. Tuan Yang di-Pertua, saya membaca huraian oleh Yang Berhormat Menteri kepada rang undang-undang ini dan saya percaya rang undang-undang ini adalah untuk membawa satu perubahan dalam cara pelantikan hakim-hakim kita dari Hakim-hakim Mahkamah Tinggi dan ke atas. Saya dengan izin baca petikan,

'Rang undang-undang ini akan melengkapi peruntukan yang sedia ada dalam Perlembagaan Persekutuan dengan menjadikan proses itu lebih bersifat kolektif dan telus di samping memelihara prerogatif Perdana Menteri dalam pelantikan kehakiman.'

Jadi di mana kita ada kebebasan dalam pelantikan hakim-hakim di mana tujuan rang undang-undang ini adalah untuk memelihara prerogatif Perdana Menteri dalam pelantikan kehakiman.

So there is no independence. Rang undang-undang ini adalah berbentuk untuk memberi satu gambaran kepada orang awam bahawa ada ketelusan dalam pelantikan hakim-hakim di negara kita tetapi tujuannya sebenarnya adalah untuk memelihara prerogatif Perdana Menteri dalam pelantikan hakim-hakim. Sebab itu dalam 37 Fasal Seksyen yang berada di dalam rang undang-undang ini, terdapat 21 kali yang disebut Perdana Menteri, dengan izin, *out of the 37 section, 21 sections mentioned the words Prime Minister.* Jadi kalau kita ikut kiraan Matematik, *about every one and half section, the Prime Minister is involved*. Jadi macam mana kita ada kebebasan dengan izin, terima kasih Yang Berhormat Rompin.

Yang Berhormat Rompin ini masuk catat kehadiran keluar. Dia batu api. *Every time he comes in, say something not substantive and goes out, just to mark his attendance,* dengan izin. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: 36(6) ini Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya ingin membantu Yang Berhormat Telok Intan berbicara secara yang tertib di Dewan. Kalau tidak saya buat *point of order* nanti pula keluar Dewan. *[Ketawa]*

Tuan M. Manogaran [Teluk Intan]: Tuan Yang di-Pertua, masa hampir pukul 11.00 malam. *Don't tell me we can't have some light moments. [Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: *I give for you to continue your light moments. [Ketawa]*

Tuan M. Manogaran [Teluk Intan]: *Thank you.* Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Jadi itu betul...

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Telok Intan, beri laluan? Terima kasih Yang Berhormat Telok Intan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Wangsa Maju tadi telah bercakap, berucap bahawa rang undang-undang in bertentangan dengan Perlembagaan kerana disebut perkara 122(b), 161(e), tetapi boleh tidak Yang Berhormat Telok Intan rujuk fasal 28, rang undang-undang. Apa pandangan Yang Berhormat Telok Intan terhadap ucapan daripada Yang Berhormat Wang Maju?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat. *I will come back*. Jadi prihatin saya terhadap rang undang-undang ini adalah pada pihak sebelah kita katakan ia adalah untuk mengukuhkan pelantikan hakim-hakim itu bebas. Akan tetapi kita tengok rang undang-undang ini banyak fasal-fasal, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih kukuh dalam menguasai dan boleh dikatakan mempengaruhi pelantikan hakim-hakim. Misalnya saya dengan izin merujuk kepada seksyen 5(1)(f), empat orang yang terkemuka yang bukan merupakan anggota Eksekutif atau perkhidmatan awam lain yang dilantik oleh Perdana Menteri.

Bukan hendak memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong tetapi yang dilantik secara terus oleh Perdana Menteri selepas berunding dengan badan-badan yang berkenaan. Kita tidak tahu apabila misalnya jika Majlis Peguam tolak pelantikan itu adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh mengikut itu atau terus lantik juga. Lagi teruk sekali seksyen 9(i), pelantikan mana-mana anggota yang dilantik di bawah perenggan 5(i)(f) iaitu keempat-empat orang *eminent* itu boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Perdana Menteri tanpa memberi apa-apa sebab bagi pembatalan itu. Jadi di sini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada kuasa untuk lantik empat orang yang *eminent* itu, selepas itu beliau boleh singkir mereka, membatalkan oleh Perdana Menteri tanpa memberi apa-apa sebab.

Saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hanya boleh buat sedemikian kepada para Ahli-ahli Kabinet beliau. Selain daripada itu seperti hakim setelah dilantik dan juga Ahli-ahli Suruhanjaya yang telah dilantik selepas konsultasi tidak boleh dipecat begitu sahaja. Seterusnya saya ingin mengatakan bahawa saya mengalu-alukan bahawa kerajaan ingin membuat satu perubahan yang besar kepada badan kehakiman kita. Lebih-lebih lagi apabila kita tengok dari tahun 1988, badan kehakiman kita telah banyak mengalami masalah sebab setelah krisis 1988 di mana Tun Salleh Abbas dipecat dan disingkir dan selepas itu kita dapati bahawa beberapa hakim telah secara terbuka mengatakan ada unsur-unsur penglibatan Eksekutif seperti Yang Arif *Justice* Kamil dari Sabah satu masa ketika dulu apabila beliau mendengar *petition election*.

Beliau telah mengatakan ada campur tangan oleh orang-orang atasan. Dalam penghakiman beliau, beliau mengatakan ada campur tangan. Begitu juga dengan *Justice* Syed Aidid pada tahun 1996 di mana sebanyak 112 *allegation* serius telah dibuat terhadap 12 hakim.

■2300

Tidak ada apa-apa penyiasatan dibuat oleh Perdana Menteri pada masa itu dan juga pelantikan Yang Arif Tan Sri Haidar. Yang mana Tan Sri Haidar memainkan peranan yang penting pada krisis 1988 sampai beliau menutup, *he locked up the Supreme Court, seal in the cupboard at 4.30 pm to derail the process of justice in our country* dengan izin.

Jadi kita pada satu tangan mengatakan kebebasan badan kehakiman tetapi peranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menunjukkan sebaliknya. Saya dengan segala hormatnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya ingin mengatakan di sini tidak begitu yakin dalam pelantikan lain-lain macam menteri kita yang ada dalam Jemaah Menteri kita sekarang yang dilantik oleh Perdana Menteri. Beliau seorang yang pernah disabit di luar negara di Australia masuk juga dalam Jemaah Menteri. Itu pelantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pada pilihan raya 2004 Perdana Menteri juga telah melantik seorang yang bertanding di Kota Raja bagi calon untuk Barisan Nasional pada masa itu banyak repot polis telah pun dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat pada tahun 2004 tapi tidak diendahkan. *A person with so many police reports still can be a candidate chosen by a Prime Minister* dengan izin.

Jadi bolehkah kita yakin kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa yang keempat-empat orang ini boleh dilantik oleh Yang Amat Berhormat yang mereka mempunyai satu latar belakang yang *impeachable character*. Saya tidak yakin. Saya kurang yakin.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya cadang bahawa sembilan orang ini ditambah sebab saya nampak *Attorney General* kita, Peguam Negara tidak termasuk di sini sedangkan fasal 145 di Perlembagaan Persekutuan - *Attorney General* kita memainkan peranan yang penting yang melibatkan undang-undang iaitu saya dengan izin membaca 145(2) dengan izin saya membaca.

> "*It shall be the duty of the Attorney General to advise the Yang di-Pertuan Agong or the Cabinet or any Minister upon such legal matters, and to perform such other duties of a legal character as may from time to time be referred or assigned to him by Yang di-Pertuan Agong or the Cabinet.*"

Jadi peranan Peguam Negara, *Attorney General* itu adalah sangat penting. Walaupun *Attorney General* kita pada masa ini saya kurang yakin juga tetapi sebagai satu institusi di negara kita yang penting AG *office* yang memainkan peranan yang begitu penting, yang memberi nasihat kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong itu mesti dimasukkan sebagai seorang anggota dalam suruhanjaya ini. Seterusnya saya juga memohon bahawa orang awam...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Rompin. Hendak bagi Yang Berhormat Rompin?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Yang Berhormat Rompin, kalau *something make sense or substantive* okeylah, *but* kalau hendak batu api celah-celah tak boleh.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Sebelum saya bercakap sudah ada batu api.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Sebab *your history speaks for itself*.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya hendak mula dengan 36(6) dahulu tindakan yang jahat ini. Saya tertarik dengan perbahasan Yang Berhormat Telok Intan. Dua isu mempersoalkan mengapa kuasa diberi kepada Perdana Menteri. Kita mesti lihat penggubal Perlembagaan kita mengatakan kuasa pelantikan yang mencadangkan kepada Majlis Raja-raja ialah Perdana Menteri kerana Perdana Menteri itu mendapat mandat rakyat. Itu sebenarnya. Siapa lagi kuasa mandat rakyat hendak diberikan kalau tidak Perdana Menteri? Yang pertama.

Kedua, adakah perkara Yang Berhormat nyatakan tadi yang kata satu contoh. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar tentang perkara ini mungkin iaitu idea buah fikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengadakan suruhanjaya ini supaya perkara-perkara Yang Berhormat katakan itu tidak timbul di masa akan datang. Ini syabas kepada Perdana Menteri kita.

Ini macam Yang Berhormat tak nampak. Tak tahulah hendak kata buta hati tak tahulah. Kalau saya tuduh nanti Yang Berhormat kata 36(6) kepada saya pula. Yang baik ini Yang Berhormat kena terimalah. Dahulu Yang Berhormat sebelum masuk DAP amat profesional saya tahu juga, tapi masuk DAP ini lain sudah.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Teluk Intan, sambung ya. Apa pandangan sebenarnya Yang Berhormat Telok Intan, cara lama Ketua Hakim Negara seorang diri bagi nasihat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan rang undang-undang ini sembilan orang bagi nasihat mana lebih baik.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Lapan.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sembilanlah, lima campur empat. Lima campur empatlah Yang Berhormat Kuala Krai.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: PAS dia lapan, dia ambil satu.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Jadi mana lebih baik? Pemikiran yang ramai dengan nasihat seorang yang ada dorongan dituduh tidak telus, ada dorongan-dorongan tertentu. Kalau sembilan orang ini satu pemikiran sepakat yang elok, muafakat yang elok, bagi pandangan yang elok kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mana lebih baik? Cara lama atau cara yang baru menerusi rang undang-undang ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan jawab kawan daripada Yang Berhormat. Ini kita kena faham secara personaliti kita tak ada masalah dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *with highest and greatest of respect* tetapi institusi itu. Kita sekarang menumpukan kepada rang undang-undang. Misalnya fasal 7 rang undang-undang ini anggota suruhanjaya hendaklah dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Perdana Menteri.

Jadi apabila Perdana Menteri tentukan elaun anggota-anggota itu *beholden to the Prime Minister. Beholden to the Prime Minister*. Tidak, ini khususnya *the Prime Minister decides the allowance*. *Something is not right here* dan mengenai Perdana Menteri yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rompin Perdana Menteri kita sebelum Perdana Menteri sekarang Tun Dr. Mahathir *single handedly* Tuan Yang di-Pertua *demolished all democratic institutions in the country*.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bermakna yang ini lebih baik.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tidak, tidak lebih baik.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bermakna yang ini lebih baik.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tidak.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tapi Yang Berhormat Teluk Intan tak hendak mengakui. Ucapan-ucapannya mengatakan dahulu tak berapa bagus.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Saya mengalu-alukan.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sekarang ini lebih baik.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tidak.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bersetuju atau tidak setuju dengan saya...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tidak setuju.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: ...rang undang-undang sekarang ini lebih baik?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tidak setuju. Saya nyatakan saya mengalu-alukan rang undang-undang ini tetapi kita kena buat pindaan. *The three democratic pillars must be maintained* tapi di sini 21 daripada 37 fasal ini ada perkataan Perdana Menteri di mana Perdana Menteri terus menguasai pelantikan hakim-hakim. Macam dahulu bekas Perdana Menteri kita...

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Krau jangan buat dialog Yang Berhormat. Duduk dan dengar dahulu.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Jadi saya mengatakan institusi Perdana Menteri itu penting sebagai CEO Eksekutif tapi beliau tidak boleh campur tangan macam setakat ini dengan *judiciary*, tidak boleh. Kalau seseorang pelabur asing datang ke negara ini apa yang penting untuk mereka ialah satu suasana yang aman, satu institusi kehakiman yang bebas. Saya tak yakin.

Kalau saya pelabur asing saya tidak akan yakin semua pun Perdana Menteri, sampai elaun pun Perdana Menteri tentukan. Mana boleh. *Doesn't make sense*. Saya hormati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi kalau kebebasan itu mestilah bebas. Jangan hendak gopoh-gopoh *maybe leave a legacy* kah apa. Tidak perlu. *We have time with the highest of respect.*

Jadi kita tak perlu. Kalau kita tengok Perdana Menteri Malaysia pertama, kedua dan ketiga mereka adalah peguam mereka tahu dan penglibatan Perdana Menteri pertama, kedua dan ketiga dalam badan kehakiman kita adalah amat kurang. Akan tetapi Perdana Menteri yang keempat, *I think the only institution he didn't touch or could not touch is the Bar Council* dengan izin. Semua demokratik *institution dismantled with the sacking of* Tun Salleh Abas.

■2310

Kita tahu apa telah berlaku semasa itu dengan izin saya baca bagaimana peranan Tan Sri Haidar di buku 'May Day for Justice' oleh K. Das. "*That Saturday's event will not be those one associated with courts of law in a democratic country. Locking the doors of a court and concealing the court seal is something too wild to contemplate outside the dictatorship of the soap opera".* Seterusnya Datuk George Seah yang terlibat dalam episod itu mengatakan*, "Immediately after the removal of lord President* Tun Salleh Abas *and senior Supreme Court Judges* Tan Sri Sulaiman *and* Datuk George Seah *in 1998, Tan Sri Haidar was appointed a judge of the High Court in Borneo. He returned to the High Court in Malaysia and was elevated to the Court of Appeal and subsequently to the Federal Court before his appointment as Chief Judge of the High Court in Malaysia". Express, why?* Campur tangan Perdana Menteri.

Bagaimana Peguam Negara kita yang kita ada sekarang ini boleh ekspres? Campur tangan Perdana Menteri. Bagaimana Allahyarham Mokhtar Abdullah dari menjadi AG terus boleh jadi *Federal Court Judge* campur tangan Perdana Menteri pada masa itu. Jadi saya khuatir...

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: Minta laluan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: ... saya khuatir Perdana Menteri kita telah diberi kuasa yang terluas *on a point of law or to defend. Which ever is this* lah.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: *If you are gentlemen enough*. Saya sebenarnya kecewa dengan kenyataan Yang Berhormat tadi kerana memberi gambaran seolah-olah sejak tahun 1988, setiap hakim yang dilantik memegang sebarang jawatan dalam institusi kehakiman kita ini semuanya tidak mempunyai integriti yang tinggi dan tidak adil di dalam membicarakan sebarang kes. Seolah-olah juga gambarannya seperti semua kes yang dibicarakan sejak 1988 sehingga sekarang semuanya salah. Adakah ini bermaksud bahawa kita kena bicarakan semula setiap satu kes kerana saya lihat dengan izin *over exageration*. Yang Berhormat kerana seolah-olah semuanya melibatkan Perdana Menteri. Jadi saya ingat ini tidak adil dan sepatutnya janganlah di *exagerate* sebegitu rupa.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Sila dengar baik-baik perbahasan saya. Saya tidak mengatakan semua hakim itu sebegitu. Kita telah ada hakim-hakim yang paling tinggi taraf mereka kredibiliti mereka...

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: Yang Berhormat tadi menggunakan istilah *dismantle.*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *Dismantle yes.*

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir [Jerlun]: *Dismantle* maksudnya sudah tiada satu institusi kehakiman langsung yang berfungsi dengan baik dengan integriti, dengan adil.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Dengan izin *when you touch the lord president of the country you are touching the judiciary*. *It's as simple as that*. Kita ada hakim Datuk Abu Mansor *an excellent judge*. Kadir Sulaiman tidak pernah naik pangkat, apa sebabnya? Gopal Sri Ram *is still sitting in the Court of Appeal. Presumably one of the best judges in the country the best legal brains* Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kita ada

hakim-hakim yang menggunakan peguam menulis alasan penghakiman di naik pangkat pula. Siapa bagi nasihat kepada Duli Yang Maha Mulia jika tidak Perdana Menteri. Siapa yang bagi nasihat mengikut Perlembagaan kita? Perdana Menteri.

Jadi kita sebagai orang awam sebagai Majlis Peguam kita saksikan semua ini yang berlaku. Hakim-hakim yang menentukan kes Air Molek, Metramac, apa telah terjadi? *Shameful* sampai saya telah pergi ke satu persidangan di Hanoi mereka ada satu kontrak melibatkan parti-parti pihak-pihak Malaysia tetapi *arbitration centre* di London. Saya tanya kenapa Kuala Lumpur *Regional Centre* tidak boleh jadi pusat *arbitration?* Dia kata tidak yakin tetapi pihak-pihak Malaysia. Apa sebab mereka kena belanjakan begitu banyak *arbitration* di London? Sebab kurang yakin kepada institusi kita sendiri. Sungguh memalukan saya sebagai wakil dari Malaysia.

Jadi ini perkara serius bukan hendak berpolitik di sini. Jadi kalau kita betul-betul hendak kebebasan pelantikan kehakiman kita betul-betul bebas dan telus. Sedangkan huraian Yang Berhormat Menteri sendiri kata untuk memelihara pegangan Perdana Menteri atas Badan Kehakiman. *He wants to continue the legacy so there is no* kebebasan *no continuation*. Saya terkagum kepada akta ini. Saya mengalu-alukan, saya fikir ini perlu untuk kita tetapi bawalah pindaan seperti *enlarge the number of members of the commission*. Bawa lebih *layman* seperti di England dari 15 lebih kurang enam atau tujuh adalah *layman, lay persons*.

Saya juga harap yang empat-empat orang ini bukan dipilih daripada perkhidmatan awam, *not from the civil service*. Mereka benar-benar mesti dari luar *civil service* dari di luar *fraternity* perguaman.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Teluk Intan, Tuan Yang di-Pertua. Saya perlukan penjelasan berdasarkan apa yang disebutkan yang terakhir ini saya jadi keliru sedikitlah. Saya rasa jumlah ahli dalam suruhanjaya ini bukan isu yang hendak dipertikaikan tetapi hakikat bahawa walaupun ada sembilan orang ke ada 20 orang ke 30 orang ke tetapi akhirnya keputusan itu keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri. Apa yang disyorkan oleh suruhanjaya itu tidak semestinya diterima oleh Perdana Menteri lalu apa yang disyorkan oleh suruhanjaya itu tidak semestinya diterima oleh Perdana Menteri.

Lalu apa yang dilakukan melalui rang undang-undang ini dengan izin *it's a lot of window dressing*. Ianya memberikan satu gambaran bahawa telah diwujudkan satu suruhanjaya yang hebat dan sebagainya tetapi akhirnya isu yang menjejas kebebasan institusi kehakiman itu isu ini dan masalah ini tidak di *address* oleh pindaan ini. Adakah betul fahaman saya?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat. Ini mungkin bukan *window dressing*lah tetapi mungkin *rebranding*lah. *Rebranding* seperti MIC dia buat *rebranding* tetapi masalah yang begitu besar di *rebranding exercise* itu tidak dikeluarkan. *He remains there and then call it rebranding*.

Jadi saya ingin tahu juga bagaimana rang undang-undang ini akan mengenai kenaikan pangkat, *promotion. Actually the right word is elevation of judges not promotion.* Jadi apakah peruntukan-peruntukan untuk *elevation of judges* di sini? Bolehkah keempat-empat posisi iaitu CJ, *court of the appeal president*, CJ Sabah Sarawak dan CJ Malaya apabila satu jawatan itu kosong bagaimana pilihan akan dibuat? Itu semua kita kena kajikan.

Satu lagi saya ingin cadang juga iaitu Pesuruhjaya Kehakiman. Ini adalah satu jawatan yang harus kita mansuhkan. Seseorang hakim begitu besar dan tinggi tempatnya dan kita ada satu Pesuruhjaya Kehakiman, *Judicial Commissioner*. Seolah-olah mereka adalah seorang pekerja biasa bagi dia tempoh *probation.* Dalam seksyen 39(b) apabila seorang JC dengar kes dia menjatuhkan hukuman mati terhadap seseorang OKT. Lepas itu dia ditamatkan perkhidmatannya sebelum dua tahun, *prerogative* Perdana Menteri.

Jadi apakah orang awam akan mengambil pandangan terhadap situasi ini. Seorang yang tidak dapat layak di *confirm* mungkin menjatuhkan hukuman mati terhadap seorang OKT. Tidak wajarnya, *let us not treat our judges as ordinary staff or workers.* Jadi itu isu *probation* selagi seorang hakim itu dilantik ia mesti ada *security of tenure.* Itu penting

jangan ada ini *judicial commissioners appointment* untuk memperkecilkan. Saya juga tidak setuju jika hakim-hakim kita di *control* mengenai dengan etika dan sebegitunya.

Sebab kita kena meningkatkan taraf hakim-hakim kita kepada satu taraf di mana mereka dikagumi, dihormati macam dahulu. Sufian, *the whole world admire him* Sufian Hashim. Sekarang kita tidak ada macam itu.

■2320

Kita tidak ada hakim-hakim yang kita boleh pandang tinggi. Ada, memang ada. Sekarang pun ada tetapi mereka tidak diberi peluang untuk dinaikkan pangkat. Semua yang kita tengok pada 12 tahun, 15 tahun kebelakangan ini amat menyedihkan, mengecewakan. Kita tidak ada hakim-hakim sekarang yang berkaliber seperti Tan Sri Yusofi Abdul Kadir. Yusufi Abdul Kadir *was probably the most eminent. Judge we had. We were proud to having* Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya pohonlah, ini adalah peluang keemasan kita untuk membawa satu perubahan yang besar. *The democratic institutions of legislative, executive and judiciary must be separated and seem to be separated. The perception must be there.*

Barulah pelabur akan datang ke negara kita, pelabur akan berani datang dan yakin kalau saya ada apa-apa masalah kontrak, saya boleh cabar termasuk kontrak-kontrak yang melibatkan kerajaan, saya boleh cabar di mahkamah kita. Satu lagi persepsi yang kita sering kali tengok, salah faham adalah orang awam percaya CJ *Court of Appeal President* itu lebih besar daripada Hakim Mahkamah Tinggi. Mereka lebih besar hanya untuk urusan pentadbiran. Kuasa Mahkamah Tinggi itu tidak boleh dipengaruhi oleh sesiapa pun sebab dalam konteks pelantikan itu, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang melantik Hakim Mahkamah Tinggi dan Hakim Mahkamah Tinggi, untuk keputusan kes-kes di mahkamahnya hanya adalah *answerable to the king.*

Bukan yang lain-lain seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini adalah berjurusan dengan sejarah di United Kingdom *since the time of William I* tahun *1066* di mana sejarah *common law* di England bermula dan kita amalkan dengan pengubahsuaian untuk negara kita. Jadi saya fikir institusi kehakiman, badan kehakiman ini adalah sangat-sangat penting di mana saya ingin memberi pengesyoran kepada Yang Berhormat Jerlun. Saya tidak ada niat untuk mengatakan apa-apa untuk menyakitkan hati dia tetapi *it's a fact.* Ini adalah satu fakta di mana sejak 1988, badan kehakiman kita telah teruk diserang oleh pihak eksekutif. Sekarang ini kita tengok seperti badan kehakiman kita itu cacat. Hakim-hakim kita itu tidak berani untuk memberi keputusan berjurus kepada undang-undang yang sedia ada.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Persekutuan Perlembagaan kita adalah undang-undang yang terunggul di negara kita. *Supremacy of the Federal constitution must be up held.* Sebarang... Ha, sikit lagi peguam, saya bagi.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Teluk Intan mengatakan tentang betapa satu gambaran yang begitu teruk tentang negara kita, tentang pelabur tidak datang, tidak mempunyai keyakinan terhadap negara kita dan sebagainya. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Telok Intan, betul atau tidak seperti gambaran yang diberikan oleh Yang Berhormat Telok Intan tadi bahawa kononnya sewaktu mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri, kehakiman begitu teruk sekali dan memberi gambaran seolah-olah negara kita berada dalam keadaan yang begitu teruk. Akan tetapi saya ingin meminta penjelasan, tidakkah betul sewaktu Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri, waktu itulah pelaburan kita paling banyak, pembangunan negara kita banyak, pelaburan daripada luar datang yang membawa kilang dan sebagainya menyebabkan ekonomi kita begitu maju sekali. Apakah itu bukan satu *contradictory* dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Teluk Intan?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, tetapi dengan PM sekarang semua jatuh ya.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Tafsiran saya mengenai pembangunan itu lain lah daripada Yang Berhormat Kota Belud. *My assessment of development is different.* Untuk saya, *development* pembangunan itu macam mana kita ada sekolah-sekolah tak ada pun bangku yang sempurna. Itu pembangunan? Cakar langit saja tak cukup.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *I talk about* pelabur.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Kita ada *Twin Towers,* itu tak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, walaupun jauh malam Yang Berhormat, *decorum* itu kena jaga juga Yang Berhormat. Peradaban kita dalam Dewan, Yang Berhormat. Ini bukan pasar malam Yang Berhormat.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Yang Berhormat Kota Belud, ha dengar. Maaf, maaf Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Krai, samalah semua.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini, saya juga tengok kurang fahaman tentang isu *law and politics.* Ada rakan-rakan kita *especially* dari sebelah sana mengatakan ini *law and politics* tidak boleh dicampurkan. Sedangkan kita ada buku yang mengatakan *law and politics cannot be separated. Politics is law and law is politics* tetapi apa yang dikatakan oleh rakan saya tadi apabila saya masuk arena politik, saya lain sekarang, dulu lain, saya NGO tetapi saya pun mengakulah, selepas masuk politik bukan saja DAP. Selepas masuk bidang politik, saya pun kadang-kadang cuba bohong sikitlah *[Dewan riuh]*

Saya cakap benar di kawasan saya *[Dewan riuh]* bukan, bukan. Saya cakap benar di kawasan saya pun, orang tak faham. Jadi ini *politic is a special species.* Saya kena belajar lebih *[Dewan riuh] Just some light moment*lah.

Jadi saya rasa, saya rasa *on the serious note with highest respect to the Prime Minister,* rang undang-undang, *this bill is riddled with defects* dengan mengatakan bahawa betul-betul kebebasan mesti di tunjukkan di rang undang-undang ini. *Perception* pun penting, realiti pun penting. Jadi saya pohon rang undang-undang ini dikaji balik. Buatlah apa-apa pindaan yang perlu dan kita akan sokong dengan pindaan-pindaan yang dikatakan oleh saya dan rakan-rakan saya dan juga rakan-rakan daripada Barisan Nasional sebab kita semua ada di sini untuk kepentingan negara. Saya fikir institusi kehakiman harus diberi a *gift, the judicial institution is special. Give back its respect and it will shine. Then only we can walk as proud Malaysians.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pohon disokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Selayang.

11.27 mlm.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya untuk memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2008. Tuan Yang di-Pertua, sebagai pendahuluan, saya hendak merakamkan bahawa saya sungguh kecewa dengan rang undang-undang ini kerana kita dan rakyat telah tunggu selama 20 tahun untuk memilih badan kehakiman kita tetapi dengan peluang keemasan ini, kita ada satu rang undang-undang dengan fasal 37 yang pada pandangan saya bukan ubat untuk penyakit yang dialami oleh badan kehakiman kita.

Kehakiman ialah bahagian yang ketiga dalam kerajaan. Pertama ialah Eksekutif dan kedua ialah Parlimen. Tun Mohd Suffian, bekas Ketua Hakim berkata buku teks *An Introduction to The Constitution Of Malaysia* bahawa badan kehakiman adalah berkuasa dan adalah sama taraf dengan kedua-dua bahagian kerajaan iaitu Eksekutif dan Parlimen atau *Legislative* dengan izinnya pada Hari Merdeka 31 Ogos 1957 tetapi 30 tahun selepas merdeka, Perkara 121 Perlembagaan dipinda dan taraf badan kehakiman disingkirkan. Dalam tempoh 50 tahun selepas merdeka, pada 30 tahun yang pertama, orang awam penuh keyakinan dengan badan kehakiman kita. Keputusan-keputusan hakim-hakim kita diikuti dan dipuji oleh mahkamah-mahkamah *Common Law* tetapi pada hari ini orang awam kurang keyakinan kepada badan kehakiman kita. Masalah bermula pada tahun 1987 dengan pindaan Perlembagaan dan juga krisis dengan pemecatan Tun Salleh Abas. Bersama dengan Tun Salleh Abas, ada tiga hakim yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, dah habis dah? Ada lagi?

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Saya baru mukadimah saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baru mukadimah ya? Sambung esok Yang Berhormat.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Saya akan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Nak berucap seorang saja Yang Berhormat?

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Boleh saya sambung esok?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ha sambung esok. Saya dah cakap tadi dah. Kadang-kadang Yang Berhormat, kita kena dengar orang lain juga. Masa saya bercakap, Yang Berhormat nak dengar. Kadang-kadang dengar orang lain. Saya baru baca buku yang saya sendiri tulis, *Business Communication.* Kadang-kadang kita dengar kita sendiri punya cakap *but never listen to others. There are lot of training for public speaking but never training for listening from others.* Ha jadi itu yang saya tulis, baca muka yang ke-54. Terima kasih.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Bagi satu *copy.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih, terima kasih. Duduk Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang dah pukul 1130 malam. Jadi, mesyuarat ditangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula pada hari esok. Berapa hari bulan esok Yang Berhormat?

Seorang Ahli: 17 hari bulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: 17 Hari bulan, hari Rabu.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.31 malam.